FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBAYARAN ZAKAT DI SYARIKAT TERSENARAI AWAM DI MALAYSIA

ADIBAH BINTI AB WAHAB

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

University of Malaya

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBAYARAN ZAKAT DI SYARIKAT TERSENARAI AWAM DI MALAYSIA

ADIBAH BINTI AB WAHAB

TESIS DISERAHKAN SEBAGAI MEMENUHI KEPERLUAN BAGI IJAZAH DOKTOR FALSAFAH

AKADEMI PENGAJIAN ISLAM
UNIVERSITI MALAYA
KUALA LUMPUR

2016

University of Malaya

UNIVERSITI MALAYA

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Nama: ADIBAH BINTI AB. WAHAB [redacted]

No. Pendaftaran/Matrik: IHA 100056

Nama Ijazah: DOKTOR FALSAFAH

Tajuk Kertas Projek/Laporan Penyelidikan/Disertasi/Tesis ("Hasil Kerja ini"):

FAKTOR YANG MEMPENGARUHI PEMBAYARAN ZAKAT DI SYARIKAT TERSENARAI AWAM DI MALAYSIA

Bidang Penyelidikan: EKONOMI ISLAM

Saya dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengaku bahawa:

(1) Saya adalah satu-satunya pengarang/penulis Hasil Kerja ini;
(2) Hasil Kerja ini adalah asli;
(3) Apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hakcipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya dan satu pengiktirafan tajuk hasil kerja tersebut dan pengarang/penulisnya telah dilakukan di dalam Hasil Kerja ini;
(4) Saya tidak mempunyai apa-apa pengetahuan sebenar atau patut semunasabahnya tahu bahawa penghasilan Hasil Kerja ini melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain;
(5) Saya dengan ini menyerahkan kesemua dan tiap-tiap hak yang terkandung di dalam hakcipta Hasil Kerja ini kepada Universiti Malaya ("UM") yang seterusnya mula dari sekarang adalah tuan punya kepada hakcipta di dalam Hasil Kerja ini dan apa-apa pengeluaran semula atau penggunaan dalam apa jua bentuk atau dengan apa juga cara sekalipun adalah dilarang tanpa terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis dari UM;
(6) Saya sedar sepenuhnya sekiranya dalam masa penghasilan Hasil Kerja ini saya telah melanggar suatu hakcipta hasil kerja yang lain sama ada dengan niat atau sebaliknya, saya boleh dikenakan tindakan undang-undang atau apa-apa tindakan lain sebagaimana yang diputuskan oleh UM.

Tandatangan [redacted] Tarikh : 22 OGOS 2016

Diperbuat dan sesungguhnya diakui di hadapan,

Tandatangan Saksi [redacted] Tarikh : 22 OGOS 2016

Nama: PROF. DR. JONI TAMKIN BIN BORHAN
Jawatan: Professor
Dept. of Syariah and Economics
Academy of Islamic Studies
Universiti Malaya
50603 Kuala Lumpur

University of Malaya

ABSTRAK

Islam sebagai *ad-dīn* mensyariatkan ibadah zakat sebagai tuntutan yang bukan sahaja berperanan menyucikan dan menyuburkan harta para *muzakki* tetapi juga sebagai mekanisma ampuh bagi membangun sosio ekonomi ummah. Menurut Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan, entiti perniagaan yang ditubuhkan atas prinsip *syakhsiyyah i'tibāriyyah* (entiti perundangan) wajib membayar zakat. Kewajipan ini adalah diasaskan kepada prinsip *khulṭah* iaitu harta yang disatukan. Permasalahan yang timbul adalah gelagat pembayaran zakat entiti perniagaan ini masih kabur dan kajian mengenai gelagat entiti perniagaan adalah masih sangat minimum. Oleh itu, kajian ini dibuat bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dengan mengambil syarikat tersenarai awam (PLC) sebagai subjek kajian dan para pembuat keputusan di dalam PLC sebagai objek kajian. Melalui kaedah gabungan, kajian ini memanfaatkan data sekunder, temu bual dan soal selidik bagi mendapatkan data kajian. Daripada 817 PLC yang sahamnya patuh syariah sebanyak 118 buah syarikat mempunyai pemilikan muslim melebihi 30%. Bilangan syarikat yang membayar zakat adalah sebanyak 17 buah syarikat, potensi kutipan zakat keseluruhan zakat adalah RM291.5 juta setahun dan jurang kutipan zakat adalah sebanyak RM215 juta setahun (74%). Daripada 17 syarikat yang membayar zakat 14 syarikat bersetuju untuk sesi temu bual dan 13 syarikat bersetuju mengedarkan borang soal selidik. Sebanyak 113 borang soal selidik didapati lengkap dan boleh diguna pakai. Kajian ini memanfaatkan teknik statistik *Partial Least Squares-Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) yang dianalisis menggunakan perisian Smart-PLS. Hasil kajian mendapati terdapat tiga faktor utama yang mempengaruhi entiti perniagaan dalam membuat keputusan untuk membayar iaitu gerak kerja oleh institusi zakat (Peranan Institusi Zakat), tindakan yang diambil oleh kerajaan (Tindakan Kerajaan) dan inisiatif syarikat itu sendiri (Dorongan Dalaman). Ketiga-tiga variabel ini diuji melalui kesan

University of Malaya

langsung dan tidak langsung terhadap kecenderungan pembayaran zakat. Faktor Peranan Institusi didapati mempunyai tiga komponen iaitu perkhidmatan yang diberikan, pelaksanaan pengagihan zakat yang cekap dan urus tadbir yang baik. Manakala bagi faktor Tindakan Kerajaan, kajian ini mendapati ia didokongi oleh tiga komponen iaitu keputusan fatwa mengenai isu yang berkaitan, insentif cukai sama ada dalam bentuk rebat atau tolakan dan penguatkuasaan undang-undang. Manakala bagi faktor Dorongan Dalaman ia didokongi oleh kefahaman Ahli Lembaga Pengarah, bilangan komposisi Muslim di dalam syarikat dan prestasi kewangan syarikat. Dorongan Dalaman memainkan peranan utama dalam menentukan pembayaran zakat kerana faktor ini bukan sahaja mempunyai impak yang lebih signifikan berbanding faktor lain, tetapi ia juga merupakan faktor mediator di antara faktor Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat. Hubungan di antara variabel-variabel dizahirkan dalam satu rajah laluan berskema dalam bentuk model berhierarki yang dinamakan Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan yang telah melepasi ujian pengukuran model, ujian model berstruktur dan analisis mediator. Sebagai kesimpulan, kajian ini mendapati potensi kutipan zakat dari segmen PLC masih luas dan tiga faktor utama iaitu Dorongan Dalaman, Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan merupakan faktor utama yang mempengaruhi pembayaran zakat oleh entiti perniagaan. Kajian ini memberikan sumbangan kepada teori, literatur dan cadangan aplikasi berkaitan faktor yang mendorong entiti perniagaan dalam membuat pembayaran zakat dan memberikan input kepada industri tentang senario dan potensi kutipan zakat bagi segmen PLC di Malaysia.

University of Malaya

ABSTRACT

Zakat is one of the main religious dues in Islam. *Zakat* does not only purify one's wealth but also a mechanism to uplift the socio-economy of the *ummah*. According to National Fatwa Committee, business entities which formed under principle of *syakhsiyyah i'tibāriyyah* (legal entity) are obliged to pay zakat under the the principle of *khultah* (group ownership). However, factors which influence business entity's zakat payment are still not properly defined and very limited researches done on this. The aim of this research is to identify zakat payment influencing factors in business entities and take Public Listed Companies (PLCs) as research subject and decision makers in PLCs as research object. Through mixed-method research design, this study uses secondary data, interviews and questionnaires. Secondary data from PLC annual reports are used to understand the scenarios, estimates potential zakat collection and identify the collection gap for this market segment. From 817 shariah-compliant listed companies, 118 companies have more than 30% muslim ownership and 17 companies pay zakat. From the analysis, total zakat potential is RM291.5 million and the collection gap is RM215 million a year (74%). Based on qualitative data from interviews with 14 companies and quantitative data from 113 questionnaires (13 companies), the study reveals three main factors that influence zakat payment by business entity, i.e. effort done by zakat institution (Zakat Institutional Role), action taken by government (Government Action) and companies' own initiative (Internal Motivation). The result indicates that Zakat Institutional Role has three sub factors i.e. services provided by the institution, zakat disbursement program and good governance. As for Government Action there are three underlying sub factors i.e. fatwa ruling, tax incentives either in the form of rebate or deduction and legal enforcement. Internal Motivating factor also has three sub factors i.e. board directors understanding, muslim board director composition in the company and

University of Malaya

financial performance. Internal Motivation is the most influential factor with the highest significance value. It plays important role as the mediating factor between Zakat Institutional Role and Government Action with zakat payment. All variables and their relationships are explained in a schematic path diagram called Zakat Payment Model for Business Entity. This hierarchical model is evaluated and assessed following Partial Least Squares - Structural Equation Modelling (PLS-SEM) procedures, i.e. measurement model, structural model and mediator analysis. In conclusion, this study successfully provides empirical evidence on potential zakat collection in PLC segment and the influencing factors for business entity zakat payment. This study contributes to the theory, literature and insight on factors affecting zakat payment by business entity particularly for PLCs and provides better understanding of current scenarios on potential zakat collection in PLC market segment in Malaysia.

University of Malaya

PENGHARGAAN

Segala puji bagi Allah SWT kerana memberikan impian dan peluang menyambung pengajian hingga ke peringkat tertinggi iaitu ijazah kedoktoran. Juga segala puji bagi Allah SWT atas kekuatan dan pertolongan yang diberikan hingga berjaya menamatkan pengajian ini. Sesungguhnya tesis ini dihasilkan atas sokongan pelbagai pihak yang jasanya sentiasa dikenang dan semoga Allah memberikan ganjaran terbaik atas sumbangan yang diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan buat suami Tn. Hj Abdul Halim bin Omar yang menjadi tunggak penyokong dan pendokong penuh kepada kepada kajian ini. Terima kasih atas segala doa, dorongan, bantuan, pemantauan, pandangan, teguran, nasihat, dan menjadi sumber kekuatan buat isterinya ini dalam melanjut sehingga menamatkan pengajian.

Setinggi-tinggi penghargaan juga buat bonda Pn. Hjh. Normah Ali dan ayahanda almarhum Tn. Hj. Abdul Wahab bin Abdul Ghani yang sentiasa mengajar anaknya tentang erti kesabaran, kesungguhan, ketabahan, kegigihan dan membekalkan pelbagai azimat berharga sebagai bekalan menghadapi pelbagai rintangan dalam kehidupan.

Jutaan terima kasih kepada Prof. Dr. Joni Tamkin Borhan selaku penyelia yang memberikan banyak panduan dalam menyiapkan kajian dan juga terima kasih kepada bekas penyelia Prof. Madya Dr. Patmawati Ibrahim terutama atas dorongan sebelum berhijrah dari Universiti Malaya.

Jutaan terima kasih kepada Ahli Lembaga Pemegang Amanah Lembaga Zakat Selangor khususnya YAM Tan Sri Dato' Seri Syed Anwar Ibni Almarhum Tuanku Syed Putra Jamalullail selaku Pengerusi atas sokongan dan nasihat; Datuk Siti Maslamah Osman, Dato' Dr. Aziuddin Ahmad dan Dato' Norazharuddin Abu selaku panel penemuduga bagi kelulusan cuti belajar; Jawatankuasa Dermasiswa Zakat terutama Sahibus

University of Malaya

Samahah Dato' Setia Hj. Mohd. Tamyes bin Hj. Abd. Wahid selaku Pengerusi yang sentiasa mengambil berat atas perkembangan pembelajaran; dan pengurusan tertinggi Lembaga Zakat Selangor terutama Tn. Hj Mohamed Izam Mohamed Yusuf selaku mantan Ketua Pegawai Eksekutif yang memberi laluan untuk melanjutkan pengajian sepenuh masa dan memberi komen membina di setiap peringkat kajian.

Jutaan terima kasih kepada pakar-pakar dalam pelbagai bidang yang menjadi rujukan saya iaitu Prof. Madya Dr. Ariffin Salleh (UiTM) kerana membantu terutama semasa membina kerangka keseluruhan kajian di peringkat awal; Prof. Madya Dr. Sanep Ahmad (UKM), Dato' Mokhtar Shafie (Ahli Jawatan Kuasa Fatwa Negeri Selangor), Dr. Shamsiah Mohamad (Ahli Majlis Penasihat Syariah SC), Dato' Mohamed Dahan Abdul Latif (Mantan Ketua Pegawai Eksekutif PPZ-MAWIP) dan Tn Hj Ismail Saad (Mantan Pengurus Besar Pusat Urus Zakat Pulau Pinang) atas pandangan semasa membina konseptual kajian; Prof. Madya Dr. Ilhamie Abdul Ghani Azmie (UM) dan Dr. Asmak Abdul Rahman (UM) semasa membina instrumen penyelidikan; Prof. Zainudin Awang (UnisZA) dan Prof. Madya Halilah Haron (UiTM) semasa membuat analisis penyelidikan; En. Mohd. Sabirin Sarbini (LZS) dan Tn. Hj Khairulazhar Samsudin (PPZ-MAIWP) selaku tempat rujukan bagi amalan zakat di institusi zakat dan Prof. Madya Dr. Muhammad Nubli Abdul Wahab (UMP) dan Prof. Dato' Dr. Redzuan Othman (UNISEL) semasa membuat semakan akhir keseluruhan kajian.

Seterusnya, jutaan terima kasih kepada 20 orang responden di 14 buah syarikat tersenarai awam yang bersedia melapangkan masa, memberikan pandangan dan menjadi orang tengah bagi mengedar dan mendapatkan semula dokumen penting kajian ini iaitu borang soal selidik.

Jutaan terima kasih juga buat anakanda Wafiq, Anis Syamila, Anis Husna, Imran, Zaid, (Yasin) dan Mukhlis yang sentiasa memahami komitmen bonda mereka dan sedia membantu

University of Malaya

dari pelbagai aspek bila diperlukan. Juga terima kasih kepada kekanda Suraiya, adinda Nubli, Nasri dan Najihah atas sokongan dan doa kalian. Juga terima kasih kepada bonda mertua Siti Apsah Sulaiman dan seluruh ipar-duai dan anakanda masing-masing kerana memahami dan menyokong usaha ini. Terima kasih semua atas doa kalian.

Jutaan terima kasih juga kepada kakitangan Lembaga Zakat Selangor dan sahabat-sahabat lain lagi yang terlibat secra langsung dan tidak langsung namun tidak dapat semuanya dinukilkan. Semoga setiap kebaikan daripada kajian ini Allah SWT memberikan sebaik-baik ganjaran kepada setiap yang terlibat dan dikira amal sebagai amal soleh oleh Allah SWT.

University of Malaya

JADUAL KANDUNGAN

ABSTRAK iii
ABSTRACT v
PENGHARGAAN vii
JADUAL KANDUNGAN x
SENARAI RAJAH xvi
SENARAI JADUAL xviii
SENARAI SINGKATAN xxiii
PANDUAN TRANSLITERASI xxvi
SENARAI LAMPIRAN xxvii

BAB SATU : PENGENALAN 1
1.1 Pendahuluan 1
1.2 Latar Belakang Kajian 2
1.2.1 Peluang Kutipan Zakat di Malaysia 7
1.2.2 Zakat Perniagaan Sumber Kutipan Zakat 9
1.2.3 Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia 10
1.3 Permasalahan Kajian 12
1.3.1 Kutipan Zakat Perniagaan Belum Optimum 13
1.3.2 Gelagat Pembayaran Zakat Oleh Entiti Perniagaan Masih Kabur ... 14
1.4 Objektif Kajian 17
1.5 Persoalan Kajian 17
1.6 Definisi Operasi Kajian 18
1.6.1 Faktor Yang Mempengaruhi 18
1.6.2 Pembayaran Zakat Perniagaan 18
1.6.3 Syarikat Tersenarai Awam 19
1.7 Skop Dan Batasan Kajian 20
1.8 Reka Bentuk Kajian 23
1.9 Kepentingan Kajian 25
1.10 Susunan Penulisan 26

University of Malaya

BAB DUA : ZAKAT DAN ZAKAT PERNIAGAAN 29
2.1 Pendahuluan 29
2.2 Pensyariatan Ibadah Zakat Dan Zakat Perniagaan 29
2.2.1 Kewajipan Zakat 30
2.2.2 Kewajipan Zakat Perniagaan..... 32
2.2.3 Kewajipan Berzakat Oleh Entiti Perniagaan..... 34
2.3 Hikmah Pensyariatan Ibadah Zakat..... 38
2.3.1 Zakat dan *Taa'bbudi*..... 38
2.3.2 Kesan Zakat Terhadap Sosio Ekonomi..... 45
2.4 Pentadbiran Institusi Zakat..... 50
2.4.1 Prinsip Dan Tuntutan Membayar Kepada Amil 50
2.4.2 Pentadbiran Zakat Di Malaysia 56
2.4.3 Perundangan Zakat Di Malaysia..... 59
2.4.4 Layanan Cukai ke Atas Pembayaran Zakat Korporat..... 62
2.5 Pengiraan Zakat Perniagaan 63
2.5.1 Asas Pengiraan Zakat Perniagaan..... 63
2.5.2 Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan 66
2.5.3 Pengiraan Zakat Syarikat Tersenarai Awam 73
2.6 Prestasi Kutipan Dan Pembayar Zakat Di Malaysia 76
2.6.1 Prestasi Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia..... 76
2.6.2 Prestasi Keseluruhan Zakat Perniagaan..... 79
2.6.3 Prestasi Zakat Perniagaan Mengikut Negeri dan Sumbangan..... 79
2.6.4 Prestasi Bilangan Pembayar Zakat 80
2.6.5 Purata Pembayaran Zakat 85
2.7 Prestasi Agihan Zakat di Malaysia..... 86
2.8 Potensi Kutipan Zakat Perniagaan..... 90
2.9 Jurang Kutipan Zakat 94
2.10 Peranan Syarikat Tersenarai Awam Terhadap Masyarakat..... 98
2.11 Rumusan..... 102

University of Malaya

BAB TIGA : KAJIAN LITERATUR 103
3.1 Pendahuluan 103
3.2 Teori Gelagat 104
3.2.1 Teori Gelagat Individu 105
3.2.2 Teori Gelagat Organisasi 109
3.2.3 Aplikasi Teori Gelagat Membuat Keputusan 115
3.3 Teori Gelagat Dan Faktor Kepatuhan Zakat 119
3.3.1 Kerangka Teori Kepatuhan Zakat 119
3.3.2 Faktor Peranan Institusi Zakat 128
3.3.3 Faktor Peranan Kerajaan Zakat 134
3.3.4 Faktor Dorongan Dalaman 140
3.3.5 Faktor Dorongan Dalaman Sebagai Penengah (Mediator) Kepada Pembayaran Zakat 144
3.3.6 Kecenderungan Pembayaran Zakat 145
3.3.7 Rumusan Faktor Pembayaran Zakat 145
3.4 Jurang Penyelidikan 148
3.5 Rumusan 150

BAB EMPAT : METODOLOGI PENYELIDIKAN 152
4.1 Pendahuluan 152
4.2 Paradigma Kajian 152
4.3 Reka Bentuk Kajian 153
4.3.1 Kajian Kaedah Gabungan (*Mixed Method Research*) 153
4.3.2 Kelebihan Kaedah Gabungan Bagi Kajian Ini 156
4.3.3 Pelaksanaan Kaedah Gabungan 157
4.3.4 Aplikasi *Partial Least Squares-Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) 160
4.3.5 Konstruk Kajian 162
4.4 Kajian Kuantitatif Fasa 1 163
4.4.1 Kerangka Kajian Dan Pengumpulan Data 163
4.4.2 Mengenal Pasti Pemilikan Muslim 164

University of Malaya

4.4.3 Mengenal Pasti Potensi Kutipan Zakat PLC 165
4.4.4 Mengenal Pasti Pembayaran Zakat Oleh PLC 167
4.4.5 Mengenal Pasti Jurang Kutipan Zakat 168
4.4.6 Rumusan 168
4.5 Kajian Kuantitatif Fasa 2 170
4.5.1 Kerangka Konseptual Dan Hipotesis Kajian 170
4.5.2 Hipotesis Kajian 173
4.5.3 Populasi Kajian 174
4.5.4 Reka Bentuk Pensampelan 177
4.5.5 Penentuan Saiz Sampel 178
4.5.6 Reka bentuk Soal Selidik 181
4.5.7 Pembangunan Soal Selidik 186
4.5.8 Pengesahan Instrumen 194
4.5.9 Kajian Rintis 196
4.5.11 Pengurusan data 199
4.5.12 Analisis Data 200
4.5.12 Analisis Deskriptif 201
4.5.13 Analisis Penerokaan Faktor (EFA) 201
4.5.14 Analisis Taburan Data 205
4.5.15 Analisis *Partial Least Squares - Structural Equation Modeling* (PLS-SEM) 206
4.6 Kajian Kualitatif 215
4.6.1 Kerangka Konseptual 215
4.6.2 Populasi Kajian Dan Pensampelan 216
4.6.3 Reka Bentuk Dan Pembangunan Soalan 217
4.6.4 Kajian Rintis 219
4.6.5 Proses Temu bual 220
4.6.6 Analisis Data 220
4.7 Rumusan 221

University of Malaya

BAB LIMA : ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN 223
5.1 Pendahuluan 223
5.2 Kajian Kuantitatif Fasa 1 223
5.2.1 Analisis Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC 223
5.2.2 Analisis Kelayakan Membayar Zakat 225
5.2.3 Analisis Taksiran Zakat 226
5.2.4 Analisis Potensi Kutipan Zakat 227
5.2.5 Analisis Pembayaran Zakat 228
5.2.6 Analisis Kepatuhan Zakat 229
5.2.7 Jurang Kutipan Zakat 229
5.2.8 Rumusan Analisis Kuantitatif Fasa 1 230
5.3 Analisis Kuantitatif Fasa 2 231
5.3.1 Profil Responden 232
5.3.2 Analisis Penerokaan Faktor (EFA) 234
5.3.3 Penilaian Taburan Kenormalan Data 254
5.3.4 Ujian Partial Least Squares-Structural Equation Modeling (PLS-SEM) 256
5.3.5 Penilaian Pengukuran Model 257
5.3.6 Penilaian Model Berstruktur 272
5.3.7 Model Sebenar 280
5.3.8 Keputusan Pengujian Hipotesis 281
5.3.9 Rumusan Kajian Kuantitatif Fasa 2 286
5.4 Analisis Kualitatif 291
5.4.1 Maklumat Syarikat Yang Terlibat 292
5.4.2 Analisis Tema Penerimaan Kewajipan Syarikat Menunaikan Zakat Ke Atas Syarikat 296
5.4.3 Faktor Utama Mendorong Pembayaran Zakat 299
5.4.4 Faktor Peranan Institusi Zakat 302
5.4.5 Faktor Tindakan Kerajaan 308
5.4.6 Faktor Dorongan Dalaman 310
5.4.7 Kesediaan Membuat Keputusan Membayar Zakat 315
5.4.8 Rumusan Kajian Kualitatif 317
5.5 Perbandingan Hasil Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif 322

University of Malaya

5.5.1 Perbandingan Kaedah Pencapaian Objektif 322
5.5.2 Perbandingan Penemuan Faktor 322
5.5.3 Perbandingan Penemuan Komponen Faktor 323
5.6 Rumusan 324

BAB ENAM : RUMUSAN DAN PENUTUP 325
6.1 Pendahuluan 325
6.2 Rumusan Pencapaian Objektif 325
6.2.1 Mengenal Pasti Senario Pembayaran Zakat Perniagaan Oleh Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia. 326
6.2.2 Menganggar Potensi Dan Jurang Kutipan Zakat Daripada Segmen PLC di Malaysia. 327
6.2.3 Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Membayar Zakat Oleh Syarikat 328
6.2.4 Menilai Faktor Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan Dan Dorongan Dalaman Terhadap Keputusan Membayar Zakat 330
6.2.5 Membangunkan Model Pembayaran Zakat Perniagaan Entiti Perniagaan 337
6.3 Implikasi Kajian 342
6.3.1 Sumbangan Kepada Teori 342
6.3.2 Sumbangan Kepada Metodologi Kajian 343
6.3.3 Sumbangan Kepada aplikasi 347
6.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan 353
6.4.1 Subjek Kajian 353
6.4.2 Kesinambungan Kajian 353
6.5 Rumusan 354

RUJUKAN 356

LAMPIRAN 382

University of Malaya

SENARAI RAJAH

Rajah 1.1 Sumbangan Zakat Perniagaan Dalam Kutipan Zakat Malaysia 9

Rajah 1.2 Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC 12

Rajah 1.3 Skop Penyelidikan 21

Rajah 2.1 Persamaan Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan 67

Rajah 2.2 Contoh Pengiraan Zakat Perniagaan PLC 75

Rajah 2.3 Sumbangan Kutipan Zakat Malaysia Mengikut Negeri 2012 78

Rajah 2.4 Jumlah Pembayar Zakat Harta dan Zakat Perniagaan 2006-2012 84

Rajah 2.5 Agihan Zakat Malaysia 2011 Mengikut Asnaf 90

Rajah 3.1 Teori Gelagat Terancang oleh Icek Ajzen 107

Rajah 3.2 Peranan Faktor Latarbelakang Dalam Teori Gelagat Terancang..... 116

Rajah 3.3 Ilustrasi Proses Kognitif Membuat Keputusan Organisasi Oleh Simon..... 117

Rajah 3.4 Model Kepatuhan Zakat Gaji Oleh Kamil Md Idris 123

Rajah 3.5 Model Gelagat Kepatuhan Zakat Oleh Zulkifli dan Sanep..... 124

Rajah 3.6 Model Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Oleh Mohd Rahim Kamis et al. . 125

Rajah 4.1 Jenis Reka Bentuk Kaedah Gabungan 157

Rajah 4.2 Pelaksanaan Kaedah Gabungan Dalam Reka Bentuk Kajian 159

Rajah 4.3 Ringkasan Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan 166

Rajah 4.4 Cadangan Awal Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan 172

Rajah 4.5 Prosedur Membangunkan Borang Soal Selidik 182

Rajah 4.6 Proses Pengesahan Instrumen 195

Rajah 4.7 Prosedur Sistematik Aplikasi PLS-SEM 206

Rajah 4.8 Ilustrasi Model Luaran vs Model Berstruktur (Model Dalaman) dan Model Reflektif vs Model Formatif..... 208

University of Malaya

Rajah 4.9 Aplikasi Model Dalaman dan Model Luaran 209

Rajah 4.10 Prosedur Penilaian Model Berstruktur..... 213

Rajah 5.1 Carta Scree 239

Rajah 5.2 Cadangan Model Faktor Pembayaran Zakat oleh Entiti Perniagaan 254

Rajah 5.3 Penilaian Pengukuran Model Peringkat Pertama..... 258

Rajah 5.4 Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan (Model Sebenar) 280

University of Malaya

SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Indikator Ekonomi Utama Malaysia 8

Jadual 1.2 Jumlah Syarikat Berdaftar 2011 - 2013 10

Jadual 1.3 Jumlah Pembayar Zakat Mengikut Kategori di Wilayah Persekutuan 10

Jadual 1.4 Senarai Kajian Mengenai Kepatuhan Zakat Mengikut Fokus Kajian 14

Jadual 2.1 Pelarasan Bagi Aset Semasa Dalam Pengiraan Zakat Perniagaan..... 67

Jadual 2.2 Pelarasan Bagi Liabiliti Semasa Dalam Pengiraan Zakat Perniagaan 69

Jadual 2.3 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia 2003 – 2012 76

Jadual 2.4 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia Mengikut Negeri 2009 – 2012 77

Jadual 2.5 Perbandingan Kutipan Zakat Malaysia 2011 Dan 2012 78

Jadual 2.6 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia 2003 – 2012 79

Jadual 2.7 Prestasi Kutipan Zakat Perniagaan di Malayia 2011 – 2012 80

Jadual 2.8 Prestasi Bilangan Pembayar Zakat Malaysia 2006 – 2012 81

Jadual 2.9 Sumbangan Pembayar Zakat Perniagaan Mengikut Negeri 2012 81

Jadual 2.10 Prestasi Pembayar Zakat Harta Mengikut Negeri 2006 – 2012..... 82

Jadual 2.11 Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan Seluruh Malaysia 2006 – 2012 83

Jadual 2.12 Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan Mengikut Negeri 2006 – 2012..... 84

Jadual 2.13 Purata Pembayaran Zakat 2006-2012 85

Jadual 2.14 Statistik Agihan Mengikut Negeri 2008-2012 86

Jadual 2.15 Jumlah Agihan Mengikut Negeri: Perbandingan 2011 dan 2012 87

Jadual 2.16 Perbandingan Agihan 2012 Dengan Kutipan 2012 dan 2011..... 88

Jadual 2.17 Statistik Agihan Mengikut Asnaf..... 89

Jadual 2.18 Indikator Kerangka Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia..... 100

Jadual 3.1 Perbezaan Zakat dan Cukai..... 122

University of Malaya

Jadual 3.2 Jenis Kajian Mengenai Zakat Dan Kategori Faktor Pembayaran Zakat..... 127

Jadual 3.3 Ringkasan Faktor Dan Indikator..... 147

Jadual 4.1 Ringkasan Gerak Kerja Kajian Kuantitatif Fasa 1..... 169

Jadual 4.2 Senarai PLC Yang Menjadi Subjek Kajian 175

Jadual 4.3 Keperluan Minimum Sampel Mengikut Keperluan SEM 179

Jadual 4.4 Perincian Pembangunan Borang Soal Selidik Bahagian A 187

Jadual 4.5 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian B..... 189

Jadual 4.6 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian C..... 191

Jadual 4.7 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian D..... 193

Jadual 4.8 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen..... 197

Jadual 4.9 Rekod Pengedaran dan Pemulangan Borang Soal Selidik..... 198

Jadual 4.10 Pelaksanaan Analisis Penerokaan Faktor (EFA) 203

Jadual 4.11 Pelaksanaan Penilaian Model 211

Jadual 4.12 Soalan Temu Bual Bagi Kajian Kualitatif 217

Jadual 4.13 Ringkasan Rumusan Metodologi Kajian 222

Jadual 5.1 Kedudukan Pemilian Muslim Dalam PLC 224

Jadual 5.2 Bilangan PLC Milik Muslim Mengikut Pemilikan dan Negeri 225

Jadual 5.3 Jumlah Syarikat Yang Layak Membayar Zakat Mengikut Sektor..... 226

Jadual 5.4 Potensi Kutipan Zakat Mengikut Sektor..... 227

Jadual 5.5 Senarai PLC Yang Membayar Zakat 228

Jadual 5.6 Analisis Jurang Kutipan Zakat..... 230

Jadual 5.7 Ringkasan Dapatan Hasil Analisis Kajian Kuantitatif Fasa 1 231

Jadual 5.8. Profil Responden..... 233

Jadual 5.9 Keputusan Ujian Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) 234

Jadual 5.10 Keputusan Ujian Bartlett..... 236

University of Malaya

Jadual 5.11 Kriteria Mengekstrak Faktor 237

Jadual 5.12 Ringkasan Pelaksanaan Proses EFA 241

Jadual 5.13 Item Yang Dikeluarkan Kerana Mempunyai Loading Yang Rendah 241

Jadual 5.14 Ringkasan keputuan analisis EFA – Konstruk Peranan Institusi Zakat 242

Jadual 5.15 Ringkasan Keputusan Analisis EFA – Tindakan Kerajaan 244

Jadual 5.16 Ringkasan Keputusan Analisis EFA – Dorongan Dalaman 245

Jadual 5.17 Ringkasan Keputusan Analisis EFA – Pembayaran Zakat 247

Jadual 5.18 Ringkasan Keputusan Analisis Deskriptif (Peranan Institusi Zakat) 249

Jadual 5.19 Ringkasan Keputusan Analisis Deskriptif (Tindakan Kerajaan) 250

Jadual 5.20 Ringkasan Keputusan Analisis Deskriptif (Dorongan Dalaman) 251

Jadual 5.21 Ringkasan Keputusan Analisis Deskriptif (Pembayaran Zakat) 252

Jadual 5.22 Ringkasan Keputusan Ujian Kernormalan Setiap Item 255

Jadual 5.23 Ringkasan Keputusan Muatan Indikator (Permulaan) 259

Jadual 5.24 Ringkasan Keputusan Muatan Indikator (Selepas Gugur D6) 261

Jadual 5.25 Ringkasan Keputusan Muatan Indikator (Selepas Gugur A19) 261

Jadual 5.26 Ringkasan Keputusan Muatan Indikator Pusingan 4 (Selepas Gugur B3) 262

Jadual 5.27 Ringkasan Keputusan Muatan Indikator Sebenar 262

Jadual 5.28 Ringkasan Keputusan Nilai CR dan ICR 264

Jadual 5.29 Ringkasan Keputusan Nilai AVE 265

Jadual 5.30 Ringkasan Keputusan Muatan Silang 265

Jadual 5.31 Ringkasan Keputusan Ujian Fornell-Larker 267

Jadual 5.32 Ringkasan Keputusan Muatan Faktor 269

Jadual 5.33 Ringkasan Keputusan nilai CR dan ICR 270

Jadual 5.34 Ringkasan Keputusan nilai AVE 270

Jadual 5.35 Ringkasan Keputusan Muatan Silang 271

University of Malaya

Jadual 5.36. Ringkasan Keputusan Ujian Fornell-Larker 272

Jadual 5.37 Ringkasan Keputusan Ujian Kekolinearan 273

Jadual 5.38 Ringkasan Keputusan Penentuan Koefisien R^2..... 274

Jadual 5.39 Ringkasan Keputusan Kesesuaian Ramalan (Q^2) 275

Jadual 5.40 Ringkasan Keputusan Koefisien Laluan 276

Jadual 5.41 Ringkasan Analisis Kesan Saiz (f^2)..... 277

Jadual 5.42 Keputusan Ujian Analisis Mediator..... 278

Jadual 5.43 Keputusan Jenis Mediasi dan Kesan Tidak Langsung..... 279

Jadual 5.44 Keputusan Pengujian Hipotesis 282

Jadual 5.45 Ringkasan Keseluruhan Ujian Kajian Kuantitatif Fasa 2 290

Jadual 5.46 Pensampelan Kajian Kualitatif 293

Jadual 5.47 Syarikat Yang Terlibat Dalam Kajian Kualitatif 294

Jadual 5.48 Senarai Syarikat Yang Mengambil Bahagian Dalam Sesi Temu Bual..... 295

Jadual 5.49 Penerimaan Kewajipan Berzakat Ke Atas Syarikat..... 297

Jadual 5.50 Maklum Balas Mengenai Kewajipan Zakat Ke Atas Syarikat 298

Jadual 5.51 Maklum Balas Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Dalaman) 300

Jadual 5.52 Maklum Balas Mengenai Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Peranan Institusi Zakat) 301

Jadual 5.53 Maklum Balas Mengenai Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Tindakan Kerajaan) 302

Jadual 5.54 Status Dorongan Oleh Institusi Zakat Terhadap Pembayaran Zakat Syarikat 302

Jadual 5.55 Maklum Balas Mengenai Elemen Perkhidmatan Institusi Zakat Yang Mendorong Pembayaran Zakat 304

Jadual 5.56 Maklum Balas Mengenai Elemen Perkhidmatan Institusi Zakat (Tiada dorongan dari institusi zakat) 305

University of Malaya

Jadual 5.57 Pandangan Responden Terhadap Faktor Ketelusan Agihan dan Urus Tadbir 306

Jadual 5.58 Status Dorongan Tindakan Kerajaan Terhadap Pembayaran Zakat Syarikat. 308

Jadual 5.59 Maklum Balas Responden Terhadap Penguatkuasaan Undang-undang..... 310

Jadual 5.60 Maklum Balas Responden: Kefahaman ALP 311

Jadual 5.61 Maklum Balas Responden: Komposisi Muslim 312

Jadual 5.62 Maklum Balas Responden: Prestasi Kewangan..... 313

Jadual 5.63 Maklum Balas Responden: Kewujudan Polisi Membayar Zakat 314

Jadual 5.64 Kesediaan Membuat Keputusan Membayar Zakat 316

Jadual 5.65 Faktor Utama Pembayaran Zakat (Ujian 1) – Kajian Kualitatif 318

Jadual 5.66 Faktor Utama Pembayaran Zakat (Ujian 2) – Kajian Kualitatif 320

Jadual 5.67 Ringkasan Keputusan Ujian 1 dan Ujian 2 Faktor pembayaran zakat..... 320

Jadual 5.68 Penilaian Kesan Komponen Setiap Faktor Dalam Mendorong Pembayaran Zakat 321

Jadual 5.69 Perbandingan Hasil Kajian Kualitatif dan Kuantitatif Mengenai Faktor Pembayaran Zakat 323

Jadual 5.70 Perbandingan Hasil Kajian Kuantitatif dan Kualitatif Mengenai Komponen Faktor Pembayaran Zakat 323

Jadual 6.1 Faktor Pembayaran: Penghasilan Konseptual, Kuantitatif dan Kualitatif 330

University of Malaya

SENARAI SINGKATAN

AAOFII	:	*Accounting and Auditing Organization for Financial Islamic Institutions*
AMOS	:	*Analysis of Moments Structures*
AVE	:	Kadar Purata Varian (*Average Variance Extracted*)
ALP	:	Ahli Lembaga Pengarah
BSKL	:	Bursa Saham Kuala Lumpur
Bil	:	Bilangan
CB	:	*Covariance Base*
CFA	:	*Confirmatory Factor Analysis*
CR	:	*Composite Reliability*
CSR	:	*Corporate Social Responsibility*
DD	:	Dorongan Dalaman
DEB	:	Dasar Ekonomi Baru
DYMM	:	Duli Yang Maha Mulia
EFA	:	*Exploratory Factor Analysis*/Analisis Penerokaan Faktor
ed.	:	Diedit oleh
FAS	:	*Financial Accounting Standard*
FRS	:	*Financial Reporting Standard*
GLC	:	Syarikat Pemilikan Kerajaan
GLIC	:	*Government Link Investment Company*
HLIBB	:	Hong Leong Islamic Bank Berhad
Ibid.	:	*Ibdem*, Singkatan bagi rujukan yang tidak diselangi oleh buku lain.
ICR	:	*Internal Consistancy Reliability*
IKAZ	:	Institut Kajian Zakat Malaysia
IRS	:	Internal Revenue Service
JAWHAR	:	Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji
JAKIM	:	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia
JPM	:	Jabatan Perdana Menteri
KDNK	:	Keluaran Dalam Negara Kasar
KMO	:	Keiser-Meyer-Olkin
KNK	:	Keluaran Negara Kasar
KWSP	:	Kumpulan Wang Simpanan Pekerja

University of Malaya

LHDN	:	Lembaga Hasil Dalam Negeri
LTH	:	Lembaga Tabung Haji
LZS	:	Lembaga Zakat Selangor
MAIN	:	Majlis Agama Islam Negeri
MAIS	:	Majlis Agama Islam Selangor
MAIWP	:	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
MASB	:	*Malaysia Accounting Standard Board*
MPS	:	Majls Pengawasan Syariah
MAIWP	:	Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan
N	:	Neutral
N.Sembilan	:	Negeri Sembilan
OB	:	*Organizational Behavior*
OIC	:	*Organization of Islamic Conference*
OLS	:	*Ordinary Least Square*
Pembyr	:	Pembayar
PIBB	:	Public Islamic Bank Berhad
PIZ	:	Peranan Institusi Zakat
PKZ	:	Pusat Kutipan Zakat Pahang
PLC	:	Syarikat Tersenarai Awam
PLS	:	*Partial Least Squares*
PPZ	:	Pusat Pungutan Zakat
PUZ	:	Pusat Urus Zakat Pulau Pinang
PZ	:	Pembayaran Zakat
PZM	:	Pusat Zakat Melaka
PZNS	:	Pusat Zakat Negeri Sembilan
PZS	:	Pusat Zakat Selangor
r.a	:	*Raḍiallahu a'nhu*
RM	:	Ringgit Malaysia
S	:	Setuju
SAW	:	*Ṣallāhu A'laihi Wasallam.*
SC	:	Suruhanjaya Sekuriti Malaysia
SEM	:	*Structural Equation Modeling*
SP	:	Sisihan Piawai (*Standard Deviation*)
SPSS	:	*Statistical Package for the Social Sciences*

University of Malaya

SS	:	Sangat Setuju
SSM	:	Suruhanjaya Syarikat Malaysia
STS	:	Sangat Tidak Setuju
SWT	:	*Subhānahu Wa ta'āla*
TB	:	Tidak Berkenaan
TBR	:	*Theory Bounded Rationality*
Terj.	:	Terjemahan
TK	:	Tindakan Kerajaan
TPB	:	*Theory Planned Behaviour*
TS	:	Tidak Setuju
TSg	:	Tidak Signifikan
TR*i*1	:	1st Islamic Technical Release
UiTM	:	Universiti Teknologi MARA
UK	:	United Kingdom
UKM	:	Universiti Kebangsaan Malaysia
UM	:	Universiti Malaya
UMP	:	Universiti Malaysia Pahang
UNISEL	:	Universiti Selangor
UnisZA	:	Universiti Sultan Zainal Abidin
USD	:	US Dollar
VAF	:	*Variance Accounted For*
VIF	:	*Variance Inflation Factor*
W.Persekutuan	:	Wilayah Persekutuan

University of Malaya

PANDUAN TRANSLITERASI

Senarai pedoman transliterasi adalah seperti berikut[1] :

i. Huruf Konsonan

Huruf Arab	Nama	Huruf Latin	Huruf Arab	Nama	Huruf Latin
ا	*alif*	a / ’	ط	*ṭā’*	ṭ
ب	*bā’*	b	ظ	*ẓā’*	ẓ
ت	*tā’*	t	ع	*‘ayn*	‘
ث	*thā’*	th	غ	*ghayn*	gh
ج	*jīm*	j	ف	*fā’*	f
ح	*ḥā’*	ḥ	ق	*qāf*	q
خ	*khā’*	kh	ك	*kāf*	k
د	*dāl*	d	ل	*lām*	l
ذ	*dhāl*	dh	م	*mīm*	m
ر	*rā’*	r	ن	*nūn*	n
ز	*zay*	z	و	*waw*	w
س	*sīn*	s	ه	*hā’*	h
ش	*syīn*	sy	ي	*yā’*	y
ص	*ṣād*	ṣ	ة	*tā’ marbūṭah*	h
ض	*ḍād*	ḍ			

ii. Huruf Vokal

Vokal	Huruf Arab	Huruf Latin
Pendek	*(fatḥah)*	a
	(ḍammah)	u
	(kasrah)	i
Panjang	آ	ā
	اُوْ	ū
	اِيْ	ī
Diftong	اَوْ	aw
	اَيْ	ay
	يّ	iy/ī
	وّ	uww

[1] Jawatan kuasa Tetap Bahasa Melayu, *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Huruf Rumi* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka,1992) dan *Buku Panduan Penulisan Tesis/Disertasi Ijazah Tinggi Akademi Pengajian Islam* (Kuala Lumpur: Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2001).

University of Malaya

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A	:	SENARAI TEMU BUAL PAKAR
LAMPIRAN B	:	SENARAI TEMU BUAL PRAUJIAN DAN RESPONDEN
LAMPIRAN C	:	POTENSI KUTIPAN ZAKAT SYARIKAT TERSENARAI AWAM
LAMPIRAN D		KOD ITEM SOALAN SOAL SELIDIK
LAMPIRAN E	:	BORANG SOAL SELIDIK
LAMPIRAN F	:	STATISTIK KUTIPAN ZAKAT MALAYSIA 2003-2012
LAMPIRAN G	:	REKOD PEMBAYARAN ZAKAT SYARIKAT TERSENARAI AWAM DI MALAYSIA 2009-2014
LAMPIRAN H	:	RINGKASAN KAJIAN GELAGAT KEPATUHAN PEMBAYARAN ZAKAT

University of Malaya

BAB SATU : PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Zakat adalah satu rukun yang bercorak sosio ekonomi dari lima rukun Islam. Dengan menunaikan zakat, seseorang yang mengucap dua kalimah syahadah dan menunaikan solat, maka dia layak dan diperakui keIslamannya dan dikategorikan sebagai umat Islam yang sebenar[1] sebagaimana firman Allah SWT:

فَإِن تَابُوا۟ وَأَقَامُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتَوُا۟ ٱلزَّكَوٰةَ فَإِخْوَٰنُكُمْ فِى ٱلدِّينِ ۗ
وَنُفَصِّلُ ٱلْءَايَٰتِ لِقَوْمٍ يَعْلَمُونَ ﴿١١﴾

At-Taubah 9:11

> Terjemahan: Oleh itu, jika mereka bertaubat (dari kekufuran) dan mendirikan solat serta menunaikan zakat maka mereka itu adalah saudara kamu yang seagama dan kami menjelaskan ayat-ayat keterangan kami satu persatu bagi kaum yang mahu mengetahui.[2]

Zakat sekalipun dibincangkan dalam konteks ibadah tetapi sebenarnya ia merupakan satu sistem ekonomi dan sistem sosial yang digariskan oleh Islam. Justeru itu bidang zakat dibincangkan dalam bidang ilmu yang berkaitan dengan *siāsah syari'yyah* dan bidang ekonomi. Malah bidang zakat ini mendapat perhatian ulama dan dikupas oleh mereka dalam pelbagai bidang mengikut bidang masing-masing.[3] Bagi menyahut saranan Yūsuf al-Qaraḍawī ini maka kajian ini dibuat supaya dapat membantu memberi meningkatkan perkembangan institusi zakat di Malaysia.

---

[1] Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh az-Zakāh* Jilid 1 (Beīrūt: Muassasāt Ar-Risālah, 1977), 7.

[2] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, (Shah Alam: Yayasan Restu, 2006), 190.

[3] Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh az-Zakāh*, 7.

University of Malaya

Secara lebih spesifik kajian ini berhasrat untuk mengenal pasti faktor yang mendorong kepada kepatuhan pembayaran zakat khususnya dalam konteks zakat perniagaan. Kumpulan sasar kajian ini adalah syarikat yang tersenarai awam (PLC) di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Selain itu, kajian ini akan membuat anggaran potensi sebenar kutipan zakat dari segmen ini.

1.2 Latar Belakang Kajian

Islam adalah berasal daripada perkataan di dalam Bahasa Arab yang memberi beberapa maksud dari segi bahasa iaitu selamat, aman, damai, patuh, taat, suci dan menyerah diri. Oleh itu, apabila seseorang yang percaya dan menjadikan Islam sebagai *ad-Dīn* hendaklah mereka mempunyai dan mempraktikkan nilai tersebut di dalam dirinya. Islam menyediakan satu sistem yang lengkap dan syumul bagi kehidupan manusia dan alam. *Ad-Dīn* membawa pengertian yang lebih luas daripada pengertian agama (*relegion*) yang difahami oleh orang ramai.[4]

Islam dan keadilan sosial adalah sesuatu yang tidak dapat dipisahkan. Islam sebagai *ad-dīn* yang disandarkan kepada al-Quran dan as-sunnah mengatur kehidupan manusia bagi melahirkan masyarakat yang adil dan mempunyai sistem kehidupan sosial yang terjamin sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah al-Hadid ayat 25 yang bermaksud "Dan sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti dan mu'jizat yang nyata, dan telah Kami menurunkan bersama mereka Kitab Suci dan keterangan yang menjadi dan neraca keadilan, supaya manusia dapat melaksanakan keadilan."[5]

---

[4] Shofian Ahmad, *Zakat Membangun Ummah* (Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd., 2002), 1.

[5] **Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, *554.***

University of Malaya

Islam telah menggariskan bahawa hak asasi manusia yang dijamin oleh Islam berdasarkan kepada prinsip "kemaslahatan umum" atau *maslahah ā'mmah.* Islam menggariskan enam perkara yang perlu dipastikan iaitu:-

a. Hak untuk hidup. Kehidupan manusia itu mulia dan tak boleh dizalimi dan mereka berhak mempertahankannya.

b. Kebebasan untuk mempunyai kerjaya. Peluang perlu diberikan untuk sesiapa mendapatkan mana-mana pekerjaan yang dibenarkan oleh Islam.

c. Semua orang adalah sama di sisi undang-undang dan berhak untuk tampil menyatakan ketidaksetujuan jika ada yang bercanggah dengan syarak.

d. Setiap individu layak untuk memiliki harta sama ada secara persendirian atau bersama orang lain. Pemilikan kerajaan ke atas sumber ekonomi untuk tujuan kemaslahatan umum adalah dibenarkan.

e. Orang miskin ada hak atas kekayaan orang kaya sehingga keperluan asas setiap ahli masyarakat dipenuhi.

f. Sebarang bentuk eksploitasi sumber manusia adalah bercanggah dengan Islam mesti dihapuskan.[6]

Bagi memastikan kelestarian kehidupan manusia maka Islam telah memperkenalkan mekanisme pengagihan kekayaan iaitu melalui zakat, wakaf dan *infāq*. Melalui mekanisme ini Islam telah menetapkan hak golongan miskin ada di dalam harta orang kaya sebagaimana firman Allah SWT di dalam Surah al-Maā'rij (70) ayat 24 dan 25 yang bermaksud "Dan mereka yang dalam harta-harta mereka tersedia bahagian yang tertentu. Bagi orang miskin yang meminta dan orang miskin yang tidak meminta."[7]

---

[6] Ziauddin Ahmad, *Islam, Poverty and Income Distribution* (United Kingdom: The Islamic Foundation, 1991), 15-16.

[7] Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan, 586.

University of Malaya

Islam menggalakkan amalan sunat seperti *infāq* dan wakaf sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah āli-I'mrān (3) ayat 92 yang bermaksud "Kamu tidak sekali-kali akan dapat mencapai (hakikat) kebajikan dan kebaktian (yang sempurna), sebelum kamu menafkahkan (mendermakan) sebahagian yang kamu sayangi. Sesuatu apa jua yang kamu nafkah, maka sesungguhnya Allah SWT mengetahuinya".[8] Islam juga menetapkan amalan wajib iaitu zakat sebagaimana firman Allah SWT di dalam surah Al-Baqarah (2) ayat 43 yang bermaksud "Dan dirikanlah solat, keluarkanlah zakat, serta ruku'lah (solat berjemaah) bersama orang-orang yang ruku'".[9] Malah zakat ini dijadikan sebagai rukun Islam yang ketiga yang menjadi asas kepada kesempurnaan ibadah seorang Muslim.

Zakat mempunyai peranan yang sangat besar dalam memperkasa kecemerlangan ekonomi dan sosial ummah. Zakat adalah mekanisme ampuh bagi menyelamatkan manusia dari kelaparan, menjamin keadilan sosio ekonomi dalam masyarakat dan menyediakan satu suasana yang membolehkan manusia memelihara kehormatan serta melaksanakan tanggungjawab terhadap Allah SWT[10].

Dana zakat yang dikumpulkan hasil dari kesedaran dan ketakwaan para *muzakki* dapat diolah menjadi satu dana yang kuat bagi menyelesaikan pelbagai keperluan ummah. Islam telah menetapkan golongan yang layak menerima zakat sebagaimana firman Allah SWT dalam surah At-Taubah (9) ayat 60 yang bermaksud "Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir dan miskin, dan amil-amil yang mengurusnya, dan orang yang muallaf yang dijinakkan hatinya (dengan Islam), dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang yang berhutang, dan (untuk dibelanjakan), dan orang musafir (yang terputus bekalan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu)

---

[8] *Ibid.*, 62.

[9] *Ibid.,* 7.

[10] Patmawati Ibrahim, "Pembangunan Ekonomi Melalui Agihan Zakat: Tinjauan Empirikal", *Jurnal Syariah* 16, no. 1 (2008), 223-244.

University of Malaya

adalah sebagai satu ketetapan yang datangnya daripada Allah. (Ingatlah) Allah itu Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana)".[11]

Menurut Yūsuf al-Qaraḍāwī kejayaan mengelola harta zakat adalah diwajibkan ke atas seluruh umat Islam. Zakat merupakan salah satu cara untuk realisasikan sistem jaminan sosial, mengukuhkan nilai keadilan dalam masyarakat dan mencari jalan keluar terhadap masalah kemiskinan yang dihadapi oleh masyarakat.[12] Menyedari tentang kepentingan ibadah zakat ini diuruskan dengan baik, maka memperkasa pengurusan institusi zakat juga merupakan satu kewajipan sama ada dalam konteks memaksimumkan potensi kutipan zakat dan memastikan agihan dilaksanakan secara menyeluruh dan berkesan.

Lima syarat telah digariskan oleh Yūsuf al-Qaraḍāwī untuk memperkasa pengurusan zakat iaitu:-

a. Memperluas ruang kewajipan berzakat;
b. Memungut zakat harta sama ada bersifat zahir atau batin;
c. Melaksanakan pentadbiran yang baik;
d. Melaksanakan pengagihan zakat yang baik; dan
e. Memastikan keseluruhan pelaksanaan adalah berpandukan kepada ajaran Islam yang sempurna.[13]

Dua pra syarat pertama kejayaan institusi zakat yang digariskan di atas adalah mengenai pengurusan kutipan zakat. Oleh itu, usaha yang gigih dan berterusan oleh umat Islam perlu dilakukan supaya pengurusan zakat dapat benar-benar berperanan sebagaimana yang sepatutnya.

---

[11] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 198.

[12] Yūsuf al-Qaraḍāwī, *Dauruzzakāh Fī I'lāj: Al-Musykilāt Al-iqtisadiyah* (Kaherah: Dar as-Syuruq, 2001), 57.

[13] *Ibid.*, 59-97.

University of Malaya

Bagi memastikan institusi zakat berjaya merealisasikan matlamat dan pengaruhnya kepada masyarakat, Yūsuf Qaraḍawi menyarankan supaya umat Islam menerima pandangan ulama untuk memperluaskan ruang kewajipan berzakat. Ia bermaksud setiap harta yang berkembang boleh dikenakan zakat meski pun tidak dilaksanakan di zaman nabi Muhammad SAW[14]. Saranan ini selaras dengan prinsip Maqāṣid Syari'yyah sebagaimana yang dihuraikan oleh Imam Ghazali iaitu untuk memastikan kesejahteraan umat manusia. Maqāṣid Syari'yyah menggariskan lima tujuan iaitu pemeliharaan iman (*ad-dīn*), pemeliharaan keselamatan (*an-nafs*), pemeliharaan akal (*al-'aql*), pemeliharaan keturunan (*an-nasl*) dan penjagaan harta (*al-māl).* Semua perkara yang mempertahankan kelima perkara ini adalah tuntutan awam dan dituntut untuk dilaksanakan.[15] Zakat adalah salah satu mekanisme yang menyokong prinsip Maqāsid Syari'yyah ini.

Dalam konteks pemeliharaab iman *(ad-dīn)* dana zakat pastinya akan menyempurnakan keimanan seseorang kerana wang zakat dapat menguatkan iman para penerima zakat terutama di kalangan para fakir, miskin, muallaf dan bagi membiayai program dakwah meningkatkan kefahaman Islam orang ramai. Dalam konteks penjagaan keselamatan *(an-nafs)* pula dana zakat digunakan untuk membina rumah-rumah perlindungan, bantuan rumah kepada golongan fakir, miskin dan muallaf, mendekatkan jurang di antara si fakir dan si kaya dan ini dapat menurunkan kadar gejala sosial dan jenayah di dalam masyarakat. Dalam konteks pemeliharaan akal *(al-'aql*) dana zakat dapat digunakan bagi memakmurkan bidang keilmuan, meluaskan peluang pendidikan dan rapat meningkatkan tahap intelektual masyarakat. Dalam konteks penjagaan keturunan *(an-nasl)* zakat sentiasa berkait dengan membina generasi ummah yang kukuh dan makmur dan bagi

---

[14] Yusuf al-Qarḍawi, *Dauruzzakāh Fī I'lāj: Al-Musykilāt Al-iqtisadiyah* (Kaherah: Dar as-Syuruq, 2001), 59.

[15] Asyraf Wajdi Dusuki, "Maqasid al-Shariah: Maslahah and Corporate Social Responsibility", *The American Journal of Islamic Social Sciences* 24 no.1 Muhammad Firdaus, Irfan Syauqi Beik, Tonny Irawan dan Bambang Juanda "Economic Estimation and Determinations of Zakat Potential in Indonesia" (IRTI Working Paper Series, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, 2012), 26-31.

University of Malaya

penjagaan harta *(al-māl)* zakat amat berkaitan dengan pemeliharaan harta si kaya dan peningkatan taraf hidup.[16]

1.2.1 Peluang Kutipan Zakat di Malaysia

Peluang utama yang perlu direbut bagi memperkasa kutipan zakat adalah kestabilan dan kekukuhan ekonomi Malaysia. Ekonomi Malaysia terus berkembang ke arah untuk menjadi sebuah negara industri menjelang 2020 melalui wawasan negara yang dilancarkan pada 1991.[17] Ekonomi Malaysia melalui proses transformasi yang pesat dari sebuah negara yang dulu ekonominya bergantung kepada sektor pertanian kepada sebuah negara yang berteraskan sektor industri yang berkembang maju. Kemakmuran ekonomi memberikan suasana yang baik untuk meningkatkan kutipan zakat.

Perbincangan mengenai peluang yang perlu digarap bagi memperkasa kutipan zakat di Malaysia adalah merangkumi empat perkara iaitu kadar pertumbuhan ekonomi, pendapatan per kapita dan pertambahan penduduk dan bilangan tenaga buruh. Perincian perbincangan adalah sebagai mana di bawah.

1.2.1 (a) Kadar Pertumbuhan Ekonomi

Pertumbuhan ekonomi ditakrifkan sebagai peningkatan kapasiti pengeluaran dalam sesebuah negara dan diukur melalui peningkatan pendapatan sesebuah negara bagi sesuatu tempoh. Terdapat tiga faktor penentu utama kadar pertumbuhan ekonomi iaitu pertumbuhan tenaga buruh, pertumbuhan dan kemajuan teknikal.[18]Pertumbuhan ekonomi Malaysia terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi setiap tahun dan sehingga sukuan ketiga 2015

---

[16] Adibah Abdul Wahab, "Kajian Mengenai Zakat" (makalah, Bengkel IKaZ Bersama Industri Siri 6/2010, anjuran Institut Kajian Zakat Malaysia bertempat di Kuala Lumpur pada 5 Mac 2010).

[17] Kementerian Kewangan Malaysia, "Pengurusan dan Prospek Ekonomi", dalam *Laporan Ekonomi 2013/2014*, laman sesawang *Kementerian Kewangan Malaysia*, dicapai 12 Februari 2014, http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/le/1314/bab1.pdf

[18] Hardwick, P., Khan, B. dan Langmead, J., *An Introduction to Modern Economics* (England: English Language Book Society dan Longman Group Limited, 1982), 386.

University of Malaya

pertumbuhan ekonomi Malaysia adalah pada kadar 4.7%.[19] Kadar ini adalah memuaskan sebagaimana bagi tahun 2014 iaitu 6.0% dan 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan ini memberi petanda yang baik kepada kutipan zakat kerana ini menunjukkan prestasi sektor-sektor kegiatan ekonomi juga meningkat.

1.2.1 (b) Pendapatan Per Kapita

Kepesatan pertumbuhan ekonomi akan mendorong kepada peningkatan pendapatan per kapita. Peningkatan per kapita ini menunjukkan para pekerja mempunyai lebih kuasa membeli dan membuatkan peningkatan permintaan domestik. Ini akan merancakkan lagi kitaran ekonomi dengan bertambahnya permintaan untuk barangan dan perkhidmatan dan natijahnya adalah memberi lebih keuntungan kepada para peniaga. Berdasarkan kepada Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia 2012, pendapatan per kapita bagi negara Malaysia terus meningkat daripada RM 26,882 pada tahun 2010 kepada RM33,015 pada tahun 2013 sebagaimana yang dintakan di dalam Jadual 1.1.

Jadual 1.1 Indikator Ekonomi Utama Malaysia

Indikator Ekonomi Utama Malaysia	**2012**	**2013**	**2014***	**2015****
Pendapatan Per Kapita (RM)	30,698	31,844	34,123	35,572
Jumlah Penduduk (bilangan, juta)	29.5	29.9	30.3	30.6
Jumlah Tenaga Buruh (bilangan, juta)	13.1	13.6	14.0	14.4
Jumlah Bekerja (bilangan, juta)	12.7	13.2	13.6	14.0
Kadar Pengangguran (peratusan daripada jumlah tenaga buruh)	3.0	3.1	2.9	3.0

Sumber: Bank Negara Malaysia[20] Nota: * Anggaran ;**Unjuran

[19] Kementerian Kewangan Malaysia. "Quarterly Update on the Malaysian Economy – 3rd Quarter 2015" laman sesawang *Kementerian Kewangan Malaysia*, dicapai 12 Februari 2016, http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/suku_tahunan/sukutahun3_2015.pdf

[20] Bank Negara Malaysia, *Annual Report 2014*, 12.

University of Malaya

1.2.1 (c) Pertambahan penduduk dan bilangan tenaga buruh

Jadual 1.1 di atas juga menunjukkan populasi Malaysia juga terus meningkat kepada 29.7juta pada tahun 2013 dan bilangan tenaga buruh juga meningkat kepada 13.5 juta orang pada tahun 2013. Semua peningkatan ini menyediakan peluang kepada peningkatan kutipan zakat. Peluang-peluang ini membuka ruang kepada peningkatan kutipan zakat yang perlu digarap oleh institusi zakat agar kutipan zakat dapat lebih dioptimumkan.

1.2.2 Zakat Perniagaan Sumber Kutipan Zakat

Zakat perniagaan adalah salah satu sumber utama kutipan zakat di Malaysia. Pada tahun 2013 zakat perniagaan menyumbang sebanyak RM457.4 juta dengan sumbangan sebanyak 25%. Jumlah kutipan zakat pendapatan adalah sebanyak RM1,015.7juta dengan sumbangan sebanyak 56% dan Zakat Wang Simpanan menyumbang sebanyak RM 192.9 juta (11%). Manakala zakat harta yang lain iaitu zakat saham, pertanian, ternakan, zakat KWSP dan qada zakat menyumbang sebanyak RM144.77 juta iaitu 8% (Rujuk Rajah 1.1)

Rajah 1.1 Sumbangan Zakat Perniagaan Dalam Kutipan Zakat Malaysia



Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2013

University of Malaya

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bilangan syarikat yang berdaftar juga terus meningkat daripada 972,500 pada tahun 2011 kepada 1,054,262 pada tahun 2013. Begitu juga dengan bilangan perniagaan iaitu sebanyak lebih 5 juta pendaftaran bagi tahun 2013. Semua peningkatan ini membuka ruang kepada peningkatan kutipan zakat. (Rujuk Jadual 1.2)

Jadual 1.2 Jumlah Syarikat Berdaftar 2011 - 2013

Tahun	**Syarikat**			**Perniagaan**		
	Jumlah	**Pertambahan**	**%**	**Jumlah**	**Pertambahan**	%
2013	1,054,262	36,321	3.57	5,301,378	329,895	6.64
2012	1,017,941	45,441	4.67	4,971,483	324,761	6.99
2011	972,500			4,646,722		

Sumber: Suruhanjaya Syarikat Malaysia[21]

Berdasarkan kepada statistik pembayar zakat di Wilayah Persekutuan bilangan entiti yang membayar zakat masih minimum iaitu 8.13% - 12.07%[22] daripada keseluruhan pembayar. Ini adalah satu peluang agar institusi zakat memberi penekanan kepada pembayar zakat oleh entiti perniagaan sebagai fokus utama.

Jadual 1.3 Jumlah Pembayar Zakat Mengikut Kategori di Wilayah Persekutuan

Kategori Pembayar	**2013**	**Sumbangan (%)**	**2012**	**Sumbangan (%)**	**2011**	**Sumbangan (%)**
Individu	112,598	87.92	102,065	89.18	92,322	91.87
Entiti	15,463	12.07	12,377	10.82	8,175	8.13
Jumlah	128,061	100.00	114,442	100.00	100,497	100.00

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011- 2013

1.2.3 Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia

Berdasarkan kepada statistik yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC), pasaran modal di Malaysia terus memacu dan mewarnai ekonomi Malaysia. Jumlah saham

[21] Suruhanjaya Syarikat Malaysia, "Company and Business Statistics for Year 2014: Number of Registered Companies and Businesses", laman sesawang *Suruhanjaya Syarikat Malaysia*, dikemaskini 11 Februari 2014, dicapai 12 Februari 2014, http://www.ssm.com.my/en/statistic-total-business-companies?field_date_year_value%5Bvalue%5D%5 Byear %5D=2013.

[22] *Laporan Zakat PPZ-MAIWP* tahun 2011, 2012 dan 2013.

University of Malaya

patuh syariah adalah sebanyak 817 syarikat daripada keseluruhan pasaran sebanyak 923 syarikat. Syarikat patuh syariah ini menyumbang kepada jumlah pasaran modal yang Islamik adalah sebanyak RM942 trilion iaitu 64% daripada keseluruhan jumlah pasaran modal iaitu RM1.466 trilion.[23] Ini menjadikan segmen syarikat tersenarai awam (PLC) adalah satu segmen yang menyediakan pulangan yang lumayan kepada institusi zakat.

Tidak dinafikan syarikat-syarikat ini tidak dimiliki sepenuhnya oleh individu Muslim tetapi pemilikan yang tertakluk kepada pembayaran zakat adalah termasuk saham pemilikan kerajaan iaitu sebagaimana takrifan zakat perniagaan ditakrifkan oleh Fatwa Negeri Selangor iaitu "zakat yang diwajibkan ke atas aset perniagaan sama ada berasaskan pembuatan, cari gali, peruncitan, pertanian, perkhidmatan, perbankan, kewangan dan sebagainya. Perniagaan yang dikenakan zakat adalah sama ada dalam bentuk perniagaan persendirian, perniagaan perkongsian sesama Islam atau bukan Islam, perniagaan pelbagai bentuk syarikat, koperasi dan sebagainya. Perniagaan tersebut merangkumi pemilikan swasta dan kerajaan."[24] Pemilikan kerajaan di dalam PLC adalah tertakluk kepada zakat sama ada pemilikan pegangan penuh oleh kerajaan seperti Kementerian Kewangan Malaysia, syarikat pemilikan kerajaan seperti Khazanah Nasional Berhad,[25] badan berkanun pemilikan kerajaan seperti Amanah Raya, Lembaga Tabung Haji, Permodalan Nasional Berhad dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja KWSP) dan anak-anak syarikat pemilikan kerajaan. Analisis awal pemilikan muslim di PLC. Daripada 811 syarikat yang maklumat pemilikannya diperolehi sebanyak 69 syarikat (8.51%) mempunyai pemilikan muslim 50% dan keatas, 49 syarikat

---

[23] Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, "Statistik Pasaran Modal Islamik" *Suruhanjaya Sekuriti Malaysia*, dikemaskini 12 Februari 2014, dicapai 13 Februari 2014, http://www.sc.com.my/data-statistics/islamic-capital-market-statistics/.

[24] *Fatwa Sistem Pengurusan Kutipan Negeri Selangor* yang diluluskan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Fatwa Negeri Selangor pada 9 September 2013.

[25] Contoh pemilikan Khazanah Nasional Berhad dalam PLC adalah Axiata (38.9%), Telekom (28.73%), Tenaga Nasional (32.42%), Malaysia Airport (40.48%) dan Malaysia Airlines (69.37%) sebagaimana yang dinyatakan di dalam laman sesawang rasmi Khazanah Nasional Berhad: http://www.khazanah.com.my/docs/31Jan2014_investment_structure.pdf).

University of Malaya

(6.04%) majoriti Muslim, 515 syarikat (63.50%) mempunyai pemilikan muslim 1-29% dan 178 syarikat (21.95%) tiada langsung pemilikan Muslim sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 1.2.

Rajah 1.2 Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC[26]



Sumber: Analisis Penyelidik

1.3 Permasalahan Kajian

Entiti perniagaan adalah salah satu kumpulan sasar yang boleh menyumbang kepada kutipan zakat yang tinggi melalui zakat perniagaan. Namun permasalahan yang dihadapi oleh industri zakat di Malaysia adalah untuk memahami gelagat pembuat keputusan di dalam entiti perniagaan dalam menunaikan zakat perniagaan supaya potensi kutipan zakat dapat dioptimumkan.

Bagi menghuraikan permasalahan ini perbincangan dibahagikan kepada dua perkara iaitu kutipan zakat masih belum optimum dan faktor pembayaran zakat perniagaan oleh entiti perniagaan masih kabur. Bagi mengukur pencapaian sebenar kutipan zakat memerlukan satu

[26] Info mengenai pemilikan muslim ini diperolehi hasil daripada analisis data kajian ini sebagaimana yang diperincikan di dalam bab yang seterusnya.

University of Malaya

tanda aras terhadap anggaran potensi kutipan sebenar yang boleh dikutip. Oleh itu, satu kajian diperlukan untuk melihat potensi sebenar kutipan zakat seluruh negara untuk dijadikan penanda aras pencapaian sebenar kutipan zakat.

Sudut permasalahan kedua adalah faktor pembayaran zakat perniagaan oleh entiti perniagaan masih kabur. Tiada kajian mendalam dalam konteks entiti dan kajian berkaitan perkara ini amat diperlukan. Huraian kepada kedua sudut permasalahan kajian adalah sebagaimana yang akan diperincikan.

1.3.1 Kutipan Zakat Perniagaan Belum Optimum

Isu kutipan zakat perniagaan sering dibincangkan dalam pelbagai forum kerana kutipan zakat perniagaan memberi sumbangan yang signifikan kepada peningkatan kutipan zakat. Menyedari impak dan kepentingan zakat perniagaan, pelbagai pihak terus berusaha bagi memaksimumkan potensi kutipan zakat dan zakat perniagaan agar dapat dipertingkatkan[27] kerana potensi kutipan zakat masih luas dan perlu digarap lagi.[28]

Ramai yang menyedari bahawa kepatuhan membayar zakat perniagaan masih sangat rendah jika dibandingkan dengan potensi sebenar.[29] Hal ini juga menunjukkan kutipan zakat perniagaan masih rendah walaupun terdapat peningkatan saban tahun.[30] Dalam satu kenyataan di akhbar menyatakan bahawa hanya 20% syarikat perniagaan Muslim yang membayar zakat perniagaan.[31]

---

[27] Konvensyen Zakat Kebangsaan 2009 diadakan pada 18-19 September 2001 di Putrajaya dan dirasmikan oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri menggunakan tema "Menjana Potensi Zakat Perniagaan dalam Era Ekonomi Baru".

[28] Mohd. Rais Alias, "Kepatuhan Perlaksanaan Zakat Perniagaan di Malaysia: Satu Tinjauan Oleh Pusat Pungutan Zakat di Wilayah Persekutan" (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan Ke 5, Melaka: 14 – 16 Julai 2011).

[29] Abdul Hakim Amir Osman, "Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007 Kuala Lumpur, 22-24 Mei 2007), 14-16.

[30] Abdul Rahim Abdul Rahman, "Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat", dalam *Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*, ed. Abdul Halim Mohd. Nor et al. (Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia, 2005), 122.

[31] Mohd. Helmi Foad, "Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat", laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 31 November 2013, http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2002&dt

University of Malaya

1.3.2 Gelagat Pembayaran Zakat Oleh Entiti Perniagaan Masih Kabur

Gelagat dan faktor sebenar yang mendorong pembayaran zakat perniagaan perlu diketahui dalam usaha memaksimumkan potensi kutipan. Literatur mengenai zakat dan zakat perniagaan adalah pelbagai. Hasil daripada kajian terhadap literatur daripada 27 penyelidikan yang memberi fokus berkaitan faktor pembayaran zakat hanya 2 sahaja kajian yang mengkaji gelagat entiti perniagaan sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 1.4. Namun begitu, kedua kajian ini memfokuskan kepada faktor dalaman syarikat iaitu peratusan pengarah Muslim, jenis industri, keuntungan syarikat dan saiz syarikat. Sehubungan itu kajian mengenai gelagat entiti perniagaan terhadap kepatuhan zakat perniagaan amat diperlukan dalam konteks yang lebih menyeluruh.

Jadual 1.4 Senarai Kajian Mengenai Kepatuhan Zakat Mengikut Fokus Kajian

Bil	Tajuk Kajian	Objek Kajian	
		Individu	Entiti
1	Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Gaji Di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di Negeri Kedah[32]	•	
2	Faktor Mempengaruhi Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia[33]	•	
3	Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal.[34]	•	
4	Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results[35]	•	
5	Kajian Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Perniagaan dalam kalangan Usahawan: Kes Kajian Terengganu	•	
6	Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya	•	
7	Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia[36]	•	

=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm. Berita ini memetik kenyataan oleh Dato Abdul Hamid Othman selaku Menteri Di Jabatan Perdana Menteri.

[32] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah" (Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002).

[33]Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia", *Islāmiyyāt 26, no.*2 (2004), 62.

[34] Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal", *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39 (2005), 53-69.

[35] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki and Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 2, no. 1 (2005), 77-92.

[36] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd. Ali Mohd. Noor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia", *Islāmiyyāt* 2 (2007), 68.

University of Malaya

Bil	Tajuk Kajian	Objek Kajian	
		Individu	Entiti
8	The Role of Attitide and Subjective Norm on Intention to comply Zakat on Employment Income[37]	•	
9	Kesan Tahap Keagamaan Dan Akauntabiliti Peribadi Terhadap Niat Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang[38]		
10	Predicting Complience Intention on Zakah on Employment Income in Malaysia: An Application of Reasones Action Theory[39]	•	
11	Peranan sikap, undang-undang dan penguatkuasaan zakat terhadap kepatuhan zakat perniagaan Peniaga di negeri Kedah[40]	•	
12	Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan[41]	•	
13	Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori[42]	•	
14	Mengkaji Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Para Peniaga Di Negeri Kedah Darul Aman[43]	•	
15	Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan[44]	•	
16	Tax-Based Modeling of Zakat Compliance [45]	•	
17	Factors Influencing Company Towards Zakat Payment : An Explanatory Studies[46]		•
18	Mengkaji Kepatuhan Terhadap Zakat Perniagaan Dalam Kalangan Peniaga Pengusaha Stesen Minyak Di Pulau Pinang	•	
19	Determinant Factors of Paying Zakat on Employment Income by Government Servants In Malaysia[47]	•	

[37] Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, "The Role of Attitude And Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income", *IKaZ International Journal of Zakat* 1, no. 1. (2008) 113-134

[38] Ahmad Radzuan Bin Ghazali, "Kesan Tahap Keagamaan Dan Akauntabiliti Peribadi Terhadap Niat Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang" (Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, 2009).

[39] Zainol Bidin, Kamil Md. Idris dan Faridahwati Mohd. Shamsudin., "Predicting Compliance Intention on Zakah on Employment Income in Malaysia: An Application of Reasoned Action Theory" *Jurnal Pengurusan*, no. 28 (2009), 85-102.

[40] Ram Al Jaffri Saad, Kamil Md. Idris dan Zainol Bidin, "Peranan Sikap, Moral, Undang-Undang Dan Penguatkuasaan Zakat Terhadap Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan" (makalah, International Conference on Corporate Law (ICCL) 2009, 1-3 Jun 2009).

[41] Ram Al-Jaffri, Kamil Idris dan Zainal Bidin, "Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan", *Jurnal Syariah* 17, no. 3 (2009), 607-630.

[42] Sanep Ahmad dan Zulkifli, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (Prosiding Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010), 501-516.

[43] Ram Al Jaffri, Mengkaji Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Para Peniaga Di Negeri Kedah Darul Aman (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2010).

[44] Ram Al Jaffri Saad et al."Faktor Yang Mempengaruhi Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan", *Jurnal Pengurusan*, no. 30 (2010), 49-61.

[45] Senep Ahmad, Nor Ghani Md Nor dan Zulkifli Daud, "Tax-Based Modeling of Zakat Compliance", *Jurnal Ekonomi Malaysia*, no. 45 (2011), 101-108.

[46] Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi dan Agoos Munalis Tahir., "Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies" (makalah, 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER) Langkawi: 13-14 Mac 2011).

[47] Shahiszan Ismail, Jumaelya Jogeran dan Abd. Halim Mohd. Noor "Determinant Factors of Paying Zakat On Employment Income By Government Servants In Malaysia" (makalah, International Conference on Islamic Economy and Business, 29 Jun – 1 Julai 2012).

University of Malaya

Bil	Tajuk Kajian	Objek Kajian	
		Individu	Entiti
20	Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian terhadap Masyarakat Islam di Selangor[48]	•	
21	The Analysis of Attitude, Subjective Norms and Behavioral Control on Muzakki's Intention to Pay Zakah[49]	•	
22	Tinjauan Teori Model Kepatuhan Zakat Perniagaan Economic Exposition[50]	•	
23	Antecedents of Zakat Payers'trust In An Emerging Zakat Sektor: An Exploratory Study[51]	•	
24	Factors Influencing A Business Towards Zakat Payment In Malaysia[52]		•
25	An Analysis of the Factors Determining Compliance Behavior on Business Zakat Among Owners of SME's in Selangor[53]	•	

Sumber: Analisis Penyelidik

Walaupun majoriti kajian adalah fokus kepada mengkaji kepatuhan zakat dalam konteks individu tetapi semua dapatan ini merupakan input bernilai untuk menjadi asas kepada kajian ini untuk memahami topik mengenai kepatuhan zakat dengan mendalam dan ia menjadi asas kepada pembangunan kerangka konseptual kajian ini. Semua kajian lalu ini adalah sangat relevan untuk mengenal pasti faktor pembayaran zakat oleh entiti perniagaan kerana skopnya adalah sangat berkaitan dengan skop kajian.

[48] Sanep Ahmad et al., "Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian terhadap Masyarakat Islam di Selangor"(makalah, The World Universities 1st Zakat Conference 2011 anjuran IKAZ, 22-24 November 2011).

[49] Nurul Huda, Nova Rini, Yosi Mardoni dan Purnama Putra, "The Analysis of Attitude, Subjective Norms and Behavioral Control on Muzakki's Intention to Pay Zakah", *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 22 (2012), 271-279.

[50] Rahim Kamis et al, "Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (Kertas Seminar 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha Qatar, 19 – 21 Disember 2011).

[51] Murtala Oladimeji Abioye Mustafa, Muslim Har Sani Mohamad dan Muhammad Akhyar Adnan, "Antecedents of Zakat Payers' Trust In An Emerging Zakat Sektor: An Exploratory Study", *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 4, no. 1 (2013), 4-25.

[52] Mohd. Rizuan Abdul Kadir et al., "Factors Influencing a Business Towards Zakat Payment in Malaysia" *International Journal of Science Commerce and Humanities* 2, no. 3 (2014), 147-156.

[53] Mohd. Rahim Kamis, "An Analysis of the Factors Determining Compliance Behavior on Business Zakat Among Owners of SME's in Selangor" (tesis kedoktoran, Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM), 2014).

University of Malaya

1.4 Objektif Kajian

Bagi menjawab permasalahan yang dinyatakan, kajian ini menggariskan lima objektif sebagaimana berikut:

a. Mengenal pasti senario pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam di Malaysia.

b. Menganggar potensi dan jurang kutipan zakat daripada segmen syarikat tersenarai awam di Malaysia.

c. Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat.

d. Menilai faktor peranan instiusi zakat, tindakan kerajaan dan dorongan dalaman syarikat terhadap keputusan membayar zakat.

e. Membangunkan model pembayaran zakat perniagaan oleh entiti perniagaan.

1.5 Persoalan Kajian

Bagi mencapai objektif kajian sebagaimana yang dinyatakan, kajian ini mengenal pasti beberapa persoalan kajian berhubung dengan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat di sektor korporat khususnya syarikat tersenarai awam agar satu model pembayaran zakat di sektor korporat dapat dihasilkan. Persoalan kajian adalah sebagaimana berikut:-

a. Bagaimanakah gelagat kepatuhan membayar zakat oleh syarikat tersenarai awam?

b. Berapakah potensi sebenar kutipan zakat dan sejauh manakah jurang di antara potensi dengan jumlah kutipan zakat sebenar?

c. Apakah faktor yang boleh memberikan impak terhadap gelagat kepatuhan membayar zakat?

d. Bagaimanakah model pembayaran zakat entiti perniagaan dapat dibangunkan?

University of Malaya

e. Apakah tindakan penambahbaikan yang boleh dilaksanakan oleh pihak berwajib dalam mengoptimumkan lagi kutipan zakat perniagaan di Malaysia?

1.6 Definisi Operasi Kajian

Kajian ini melibatkan tiga kata kunci operasi utama iaitu Faktor Yang Mempengaruhi, Pembayaran Zakat Perniagaan dan Syarikat Tersenarai Awam. Definisi kepada kunci utama ini dapat menjelaskan tentang penggunaan istilah yang dinyatakan dalam konteks kajian.

1.6.1 Faktor Yang Mempengaruhi

Istilah faktor yang mempengaruhi di dalam kajian ini adalah bermaksud unsur atau perkara yang boleh mendorong kepada sesuatu keputusan dibuat. Unsur-unsur tersebut diperoleh daripada kajian yang lalu yang dijangka boleh memberi kesan kepada pertimbangan yang dibuat bagi melaksanakan pembayaran zakat. Istilah lain yang memberi maksud yang sama adalah faktor yang mempengaruhi. Faktor ini adalah lebih daripada satu faktor yang mana penilaian secara komprehensif melalui kaedah empirikal bagi mengetahui unsur atau penyebab diperlukan dalam kajian ini. Faktor ini menjadi perkara asas dalam kajian ini kerana model yang akan dibangunkan akan menggunakan faktor ini sebagai indikator model kajian.

1.6.2 Pembayaran Zakat Perniagaan

Istilah pembayaran zakat di dalam kajian ini dibicarakan di dalam tiga keadaan sebagaimana berikut:-

a. Pembayaran zakat perniagaan secara umum yang difahami umum iaitu pembayaran zakat perniagaan yang sebenar yang dilakukan oleh syarikat yang melibatkan aktiviti pengeluaran wang syarikat sama ada pembayaran dibuat kepada institusi zakat atau pemberian secara langsung. Pembayaran ini menggunakan wang syarikat dan

University of Malaya

dilaporkan di dalam penyata kewangan syarikat menggunakan terminologi zakat atau membawa maksud yang sama.

b. Istilah Pembayaran Zakat yang digunakan di dalam membangunkan model kajian. Model ini dibangunkan melalui teknik soal selidik yang mengukur kecenderungan responden. Oleh itu, kajian ini akan mengukur tahap kecenderungan responden untuk membuat pembayaran zakat dan bukannya mengukur tindakan sebenar responden sehingga responden membuat pembayaran zakat.

c. Istilah pembayaran zakat yang digunakan semasa membuat analisis statistik adalah pembayaran yang dibuat kepada institusi sahaja dan tidak mengambil kira jumlah yang dibayar terus kepada penerima.

1.6.3 Syarikat Tersenarai Awam

Istilah Syarikat Tersenarai Awam digunakan adalah istilah yang digunakan secara meluas dan penggunaannya dalam kajian ini adalah sama dengan istilah sebenar iaitu merujuk kepada syarikat yang sahamnya disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL). Istilah yang digunakan dalam Bahasa Inggeris adalah Public Listed Company atau singkatannya PLC dan penggunaan akronim PLC juga telah diterima pakai di Malaysia walau untuk penulisan bukan berbahasa Inggeris. Contoh penggunaan PLC di dalam bahan Bahasa Malaysia adalah di dalam buku Rancangan Malaysia Kesepuluh yang diterbitkan oleh Jabatan Perdana Menteri (JPM)[54] dan penulisan kajian ini menggunakan akronim ini di seluruh peringkat penulisan kajian.

[54] *Rancangan Malaysia Kesepuluh* (Putrajaya: Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 2010), 171.

University of Malaya

1.7 Skop Dan Batasan Kajian

Kajian ini mengkaji tentang zakat dalam konteks pembayaran zakat. Skop pembayaran zakat dalam kajian ini adalah pembayaran zakat yang dibuat kepada institusi zakat dan bukannya zakat yang diagihkan terus kepada penerima. Ini kerana zakat adalah urusan negara dan diuruskan oleh pemerintah sebagaimana ketika nabi Muhammad SAW mengutus Saidina Muaz bin Jabal r.a ke Yaman. Baginda mengarahkan Saidina Muaz memungut zakat daripada orang kaya dan mengagihkannya kepada golongan yang memerlukan.[55] Kewajipan membayar zakat kepada institusi amil juga telah diputuskan oleh Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan[56].

Jenis zakat yang dikaji dalam kajian ini adalah khusus kepada zakat perniagaan yang menjadi salah satu jenis zakat harta. Pemilihan zakat perniagaan ini adalah selaras dengan permasalahan dan objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor pembayaran zakat perniagaan oleh PLC. Hasil kajian literatur sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 2.13, potensi kutipan zakat perniagaan masih rendah berdasarkan kepada bilangan pembayar zakat perniagaan yang begitu kecil iaitu seramai 25,959 pembayar berbanding bilangan pembayar zakat keseluruhan 886,510 pembayar dengan sumbangan bilangan pembayar sebanyak 2.93%.[57] Bagi memberikan gambaran yang lebih jelas, Rajah 1.3 di bawah menunjukkan aliran skop penyelidikan sebagaimana yang dihuraikan di atas.

---

[55] Mohamad Uda Kasim, *Zakat: Teori Kutipan dan Agihan* (Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distribution Sdn Bhd, 2005), 204-207.

[56] JAKIM, Keputusan *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan (Kuala Lumpur: JAKIM,* 2009), 27. Mesyuarat Jawatankuasa fatwa yang memutuskan perkara ini telah diadakan pada 21-23 November 2006.

[57] Data Laporan Zakat 2011, PPZ (MAIWP) dan dianalisa oleh penyelidik.

University of Malaya

Rajah 1.3 Skop Penyelidikan



Sumber: Analisis Penyelidik

Berdasarkan kepada Rajah 1.3, pembayar zakat terbahagi kepada dua iaitu pembayar zakat harta dan pembayar zakat fitrah. Manakala pembayar zakat harta pula terdiri daripada pelbagai jenis zakat harta iaitu zakat pendapatan, wang simpanan, perniagaan, saham, KWSP, emas, perak dan pertanian. Oleh itu, kajian ini memilih skop pembayaran zakat perniagaan sebagai skop kajian.

Seterusnya, pembayar zakat perniagaan adalah terdiri daripada pelbagai latar belakang dan kajian ini memilih syarikat dalam kategori syarikat Berhad dengan mengambil PLC sebagai subjek kajian. Bagi mengetahui faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat oleh PLC maka gelagat pembuat keputusan yang terlibat di dalam proses membuat pembayaran zakat dikaji dan ia menjadi populasi kajian ini. PLC yang telah membayar

University of Malaya

membayar zakat menjadi subjek bagi kajian ini kerana mereka telah terlibat dengan keputusan untuk membuat pembayaran zakat dan faktor yang mendorong PLC membayar zakat dapat dikenal pasti.

Seterusnya, kajian ini memilih amalan yang digunakan oleh sektor perniagaan negeri Selangor iaitu Lembaga Zakat Selangor (LZS) dan Wilayah Persekutuan iaitu Pusat Pungutan Zakat - MAWIP dipilih sebagai institusi zakat bagi mewakili institusi zakat di Malaysia yang lain kerana kedua institusi ini mempunyai rekod kutipan zakat tertinggi sejak tahun 1991 hingga kini. LZS meraih kutipan zakat tertinggi, kutipan zakat perniagaan tertinggi, bilangan pembayar zakat tertinggi dan bilangan pembayar zakat perniagaan tertinggi di Malaysia. PPZ-MAWIP pula merupakan pelopor kepada pengkorporatan institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, amalan LZS dan PPZ-MAIWP diambil sebagai analisa kajian bagi mewakili institusi zakat di Malaysia.

Bagi tujuan menganggarkan potensi kutipan zakat bagi segmen PLC kajian ini membataskan kepada perkara berikut:-

a. Syarikat PLC yang terlibat dalam kajian ini adalah PLC yang tersenarai di papan utama.

b. Syarikat adalah dimiliki oleh sekurang-kurangnya 30% Muslim. Walaupun pembayaran zakat perniagaan juga dikenakan kepada peratusan pemilikan yang lebih rendah tetapi berdasarkan kepada amalan institusi zakat mendapati pemegang saham yang mempunyai saham minoriti mempunyai hak yang kecil untuk bersuara bagi mempengaruhi pemilik saham yang lain.

c. Maklumat syarikat adalah hanya bersumberkan Laporan Tahunan syarikat terkini yang di muat naik di laman sesawang syarikat atau laman sesawang Bursa Malaysia.

University of Malaya

d. Lokasi syarikat yang dipilih dalam kajian ini adalah mengikut alamat ibu pejabat syarikat. Ketetapan ini perlu dibuat kerana terdapat banyak syarikat yang beroperasi di lebih dari satu buah negeri.

e. Maklumat pemilikan syarikat bagi menentukan pemilikan Muslim dan sebaliknya diperoleh daripada senarai pemegang saham 30% tertinggi sebagaimana yang dilaporkan kepada orang ramai.

f. Bagi status pemilikan yang kurang jelas tentang peratusan pemilikan Muslim dan sebaliknya, anggaran perlu dilakukan dan kaedah anggaran adalah menggunakan kaedah yang diguna pakai oleh institusi zakat.

g. Pengiraan zakat dibuat hanya semata-mata bersandarkan kepada maklumat yang dinyatakan di dalam Laporan Tahunan dan tidak mengambil sumber-sumber lain.

h. Maklumat pembayaran zakat yang dibayar oleh PLC juga diambil daripada Laporan Tahunan syarikat yang berkenaan dan tidak melalui lain-lain sumber. Jika syarikat berkenaan tidak memasukkan item zakat di dalam Laporan Tahunan maka kajian ini merekodkan tiada pembayaran zakat dibuat.

1.8 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian adalah prosedur yang digunakan bagi tujuan pengumpulan, analisis, interpritasi dan pelaporan data kajian. Pemilihan reka bentuk kajian amat penting di dalam sesebuah kajian kerana ia memberikan petunjuk dalam kaedah menghasilkan dapatan dan rumusan bagi mencapai objektif kajian. Selain itu, ia menyediakan asas kukuh dan pembinaan logik sesuatu kesimpulan atas dapatan kajian[58].

[58] Creswell, John W., *Designing And Conducting Mixed Methods Research*, Thousang Oak, CA SAGE Publication, Inc. 2011, 58

University of Malaya

Kajian ini juga dibuat secara kajian penerokaan iaitu di dalam situasi di mana sebahagian fakta telah ditemui tetapi maklumat yang lebih terperinci diperlukan untuk membangunkan satu kerangka teori yang boleh diterima pakai[59] sebagaimana dalam konteks kajian ini. Walaupun terdapat banyak kajian yang berkaitan sebagai mana dinyatakan kajian mengenai gelagat organisasi dalam membayar zakat adalah masih samar dan tiada pengesahan teori berkaitan perkara ini pernah dijalankan.

Kajian ini memilih gelagat pembuat keputusan di dalam organisasi sebagai unit untuk dianalisis. Kerangka teori, asas pengumpulan maklumat dan analisis maklumat dirangka mengikut keperluan ini. Walaupun kajian ini mengambil pandangan individu sebagai responden di dalam borang soal selidik dan temu bual tetapi maklumat tersebut disandarkan kepada syarikat yang diwakili. Data yang diperoleh bagi kajian ini adalah berbentuk keratan rentas (*cross-sectional studies*) dan bukan kajian bertempoh (*longitudinal studies*). Walaupun tempoh pengumpulan data adalah dalam satu tempoh julat masa tetapi data yang diperoleh dikira sebagai satu tempoh. Kelebihannya adalah ia dapat menjimatkan masa kajian. Kajian ini turut memanfaatkan kaedah deskriptif dalam mengenal pasti populasi kajian, memahami senario pembayaran zakat perniagaan oleh PLC di Malaysia, menghasilkan anggaran potensi kutipan zakat, menganalisis kepatuhan pembayaran zakat oleh PLC dan mengenal pasti jurang kutipan zakat daripada segmen PLC di Malaysia.

Bagi mencapai objektif kajian dan menjawab persoalan kajian, kajian ini menggunakan pendekatan kaedah gabungan (*mixed method approach*) yang menggabungkan kajian kuantitatif dan kajian kualitatif bagi tujuan pengumpulan dan analisis data. Kajian ini memilih gabungan berbentuk Penyetigaan (*Trangulation Design*)[60] di mana kajian ini melaksanakan kajian kualitatif dan kuantitatif secara serentak. Hasil dapatan dari keduanya

---

[59] Sekaran, Uma dan Bougie, Roger, *Research Method for Business*, 104.
[60] John W. Creswell dan Vicki L.Plano Clark, Designing and Conducting Mixed Method Research, 62.

University of Malaya

dibuat perbandingan secara serentak dan disesuaikan dengan skop masing-masing. Kedua bentuk dapatan kajian ini dilihat dalam keadaan saling lengkap melengkapi. Bagi kajian kuantitatif, kajian ini menggunakan *Structural Equation Modeling* (SEM) sebagai teknik analisis statistik. Oleh kerana objektif kajian ini adalah untuk membangunkan sebuah model maka *Partial Least Squares*-SEM (PLS-SEM)[61] digunakan untuk kajian ini.

1.9 Kepentingan Kajian

Kajian ini akan memberikan input penting kepada pelbagai pihak terutama kepada institusi zakat, ejen kutipan zakat, para penyelidik dalam bidang zakat dan orang ramai sebagaimana berikut:-

a. Hasil kajian ini akan memberikan sumbangan ilmu dan membanyakkan lagi khazanah literatur dalam bidang zakat khususnya dalam konteks zakat perniagaan oleh entiti perniagaan di Malaysia. Sumbangan baru yang disumbangkan kepada khazanah ilmu adalah amalan berzakat oleh entiti perniagaan dan syarikat tersenarai awam.

b. Dapatan kajian ini akan dapat memantapkan dapatan kajian yang terdahulu dalam aspek menguji teori yang dibuat untuk disesuaikan dengan kumpulan sasar iaitu syarikat tersenarai awam. Kajian ini akan dapat memberikan cadangan penambahbaikan terhadap teori kepatuhan pembayaran zakat sebelum ini agar ianya lebih praktikal untuk diaplikasikan.

c. Kajian ini dibuat secara mendalam, menggunakan metodologi kajian yang diyakini, disokong oleh data sebenar dari kajian lapangan dan dianalisis menggunakan teori yang boleh disandari. Oleh itu, dapatan daripada kajian ini boleh dijadikan asas untuk

[61] Lowry, Paul Benjamin dan Gaskin, James, "Partial Least Squares (PLS) Structural Equation Modeling (SEM) for Building and Testing Behavioral Causal Theory: When To Choose It And How To Use It", *Ieee Transactions On Professional Communication* 57, no. 2 (2014), 123.

University of Malaya

membantu strategi pemasaran zakat perniagaan dan ini akan dapat meningkatkan keberkesanan kos dan operasi memungut zakat.

d. Zakat perlu diuruskan secara dinamik supaya dapat disesuaikan dengan evolusi perubahan dan kemajuan tamadun manusia. Dapatan kajian ini adalah input dari lapangan yang terkini yang boleh memberikan idea dan penyelesaian alternatif kepada pihak kerajaan dan penggubal polisi dalam menilai semula insentif yang kepada syarikat Muslim bagi meringankan beban mereka yang menunaikan zakat.

e. Selain mengenal pasti faktor pembayaran zakat, kajian ini juga turut menghasilkan jumlah potensi sebenar kutipan zakat oleh PLC. Potensi ini diperoleh dengan melaksanakan taksiran zakat berdasarkan kepada maklumat yang bersumberkan laporan tahunan setiap PLC. Jumlah ini boleh dijadikan penanda aras kepada pencapaian tahap penetrasi pasaran oleh institusi zakat. Angka ini juga boleh dijadikan sandaran kepada kutipan zakat perniagaan di dalam segmen yang lain bagi mengukur potensi keseluruhan zakat perniagaan di Malaysia. Kajian ini juga akan membuat analisis jurang di antara potensi sebenar kutipan dengan jumlah kutipan zakat semasa yang dinamakan Jurang Kutipan Zakat.

1.10 Susunan Penulisan

Kajian disusun dalam bentuk penulisan yang mengandungi enam bab. Bab pertama memberikan pengenalan terhadap kajian. Ia mengandungi pendahuluan, latar belakang kajian, permasalahan kajian, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasi kajian, skop dan batasan kajian, reka bentuk kajian, kepentingan kajian, dan susunan penulisan.

Bab kedua membicarakan tentang kajian lepas yang dikategorikan mengikut subtajuk iaitu kajian mengenai zakat, peranan zakat dalam membangun sosioekonomi, pengurusan zakat di Malaysia, prestasi kutipan zakat dan zakat perniagaan di Malaysia,

University of Malaya

pelaksanaan zakat perniagaan di Malaysia dan isu-isu yang berkaitan dengan zakat perniagaan. Bab ini juga akan menerangkan prestasi dan potensi zakat dalam segmen syarikat tersenarai awam di Malaysia. Bab ini turut membicarakan bagaimana zakat berperanan dalam kehidupan manusia termasuk peranan zakat untuk penyucian jiwa, peranan zakat sebagai ejen pengagihan kekayaan dan peranan zakat di dalam meningkatkan syiar Islam dan sosio ekonomi ummah.

Bab ketiga menghuraikan tentang teori gelagat dan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dan zakat perniagaan. Penulisan di dalam bab ini akan menganalisis teori yang digunakan bagi memahami gelagat individu dan gelagat entiti. Seterusnya faktor yang dijangka mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan dalam bagi segmen syarikat tersenarai awam iaitu sama ada faktor tersebut adalah faktor luaran iaitu institusi zakat dan tindakan kerajaan dan penguasa akan diperincikan. Jurang kajian akan diperoleh di akhir penulisan bab ini.

Bab keempat menerangkan tentang metodologi kajian yang digunakan termasuk kaedah paradigma kajian, reka bentuk kajian yang meliputi kajian kaedah gabungan, kelebihan menggunakan kaedah gabungan, pelaksanaan kaedah gabungan, aplikasi PLS-SEM dan konstruk kajian. Kajian ini dimulakan dengan kajian kuantitatif fasa 1 iaitu pengumpulan data sekunder. Pengumpulan data ini bertujuan bagi mengenal pasti pemilikan muslim dalam PLC, potensi kutipan, pembayaran zakat dan mengenal pasti jurang kutipan zakat dalam PLC. Seterusnya bab ini juga membincangkan metodologi pelaksanaan kajian kuantitaitf fasa 2 iaitu soal selidik. Perbincangan adalah mengenai kerangka konseptual kajian dan hipotesis, populasi dan pensampelan, pembangunan soal selidik, kajian rintis, pengumpulan dan pengurusan data, analsis data, analisis deskriptif, Analisis Penerokaan Faktor dan analisis *Partial Least Squares – Structural Equation Modeling* (PLS-SEM). Perbincangan seterusnya adalah mengenai kajian kualitatif. Perbincangan adalah

University of Malaya

merangkumi kerangka konseptual, populasi dan pensampelan, reka bentuk dan pembangunan soalan, kajian rintis, proses temu bual dan analisis data dam bab ini berakhir dengan rumusan.

Bab kelima menerangkan hasil dapatan kajian lapangan yang mengandungi analisis data yang bertujuan untuk menentukan faktor yang signifikan dengan mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan. Melalui proses analisis data faktor signifikan yang mempengaruhi pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam dan model ramalan pembayaran zakat perniagaan dalam oleh syarikat tersenarai awam dibangunkan.

Bab keenam adalah rumusan kepada keseluruhan kajian di mana bab ini merumuskan hasil pencapaian kajian mengikut setiap objektif kajian. Seterusnya bab ini membincangkan implikasi kajian dalam bentuk sumbangan terhadap teori terutama mengenai teori gelagat pembayaran zakat oleh entiti perniagaan; metodologi terutama dari aspek pembangunan model pembayaran zakat entiti perniagaan dan aplikasi yang merangkumi cadangan penambahbaikan terhadap pelaksanaan operasi kutipan zakat dan diakhiri dengan cadangan kajian masa hadapan dari aspek kajian dan kesinambungan kajian.

University of Malaya

BAB DUA : ZAKAT DAN ZAKAT PERNIAGAAN

2.1 Pendahuluan

Kajian ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis faktor pembayaran zakat perniagaan oleh PLC. Matlamat akhir kajian ini adalah bagi mengetahui faktor dominan yang mendorong pembayaran zakat perniagaan oleh PLC supaya inisiatif yang lebih objektif dapat dilaksanakan bagi membantu memantapkan usaha meningkatkan kutipan zakat perniagaan. Oleh itu, bab kedua ini akan membincangkan perkara asas yang berkaitan dengan skop kajian bagi memahami senario dan latar belakang kajian. Sebahagian besar input kajian adalah dari jurnal, buku, laporan dan kertas seminar. Perkara asas yang akan diperincikan dalam bab ini dibahagikan kepada lima kategori iaitu pengenalan kepada pensyariatan ibadah zakat dan zakat perniagaan, pentadbiran institusi zakat, kaedah pengiraan zakat perniagaan dan prestasi semasa kutipan zakat dan zakat perniagaan..

2.2 Pensyariatan Ibadah Zakat Dan Zakat Perniagaan

Pensyariatan ibadah zakat merupakan perkara asas kepada keseluruhan penyelidikan ini kerana zakat merupakan rukun Islam disyariatkan melalui melalui konsep aqidah mentauhidkan Allah SWT. Ini adalah kerana Islam adalah agama *samawi* yang diturunkan Allah SWT dan ianya sesuai dengan fitrah manusia dengan menyeimbangkan jasmani dan rohani, dunia dan akhirat. Islam tidak hanya menyuruh umatnya beramal untuk akhirat semata-mata tetapi berusaha untuk mendapat kecemerlangan dunia.[1] Justeru ibadah zakat adalah manifestasi dari keimanan kepada Allah SWT sebagai *Rabb* dan Pencipta Agung.

[1] Said Ibrahim, *Aqidah Ahli Sunnah Wal Jamaah* (Kuala Lumpur: Darul Maarifah: 1996), 3.

University of Malaya

Penunaian ibadah zakat juga adalah bagi memenuhi perintah Allah SWT yang menuntut hambaNya untuk beribadah kepada penciptanya sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud, "Dan (ingatlah) Aku tidak menciptakan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadat kepada Ku".[2]

Iman yang berlandaskan aqidah adalah menjadi asas sesuatu ibadah di mana amalan yang dilakukan oleh orang-orang yang beriman hendaklah berlandaskan aqidah iaitu mentauhidkan Allah SWT. Ini bermaksud ibadah zakat yang ditunaikan hendaklah disertakan dengan niat yang ikhlas demi mendapat keredaan Allah SWT[3] dan bukan untuk tujuan selain daripada itu sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud, "Mereka tidak disuruh kecuali menyembah Allah dengan ikhlas bagi memurnikan agama".[4] Berpaksikan kepada niat yang ikhlas maka zakat yang ditunaikan dikira sebagai amal yang diterima oleh Allah SWT sebagai tanda *ta'abbudi* daripada seorang hamba kepada Penciptanya.[5]

2.2.1 Kewajipan Zakat

Zakat adalah salah satu rukun yang mesti ditunaikan oleh orang yang meyakini dan melafazkan Allah SWT sebagai satu-satunya Tuhan yang berhak disembah dan tiada sebarang perselisihan pendapat di kalangan ulama tentang pensyariatan ibadah zakat. Zakat dwajibkan dalam bulan Syawal tahun kedua hijrah iaitu selepas kewajipan puasa dan zakat fitrah.[6]

---

[2] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan* (Selangor: Yayasan Restu, 2006), 535, terjemahan; Surah adh-Dhariāt (51) ayat 56.

[3] Al-Ghazzali, *The Mysteries of Alms Giving*: Asrār Az-Zakāh dalam *Ihyā U'lūmuddīn*, terj. Nabih Amin (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf, 1980), 17.

[4] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 621, Surah al-Bayyinah (98) ayat 5.

[5] Muhammad Jamal-Din al-Qasimi, *Bimbingan Mukmin*: *Mauiẓatul Mukminīn min Ihya Ulumuddīn*, terj. Said Ahmad Samit (Singapura, Pustaka Nasional: 1989), 106.

[6] Wahbah Zuhaili, *Fiqh dan Perundangan Islam: Al-Fiqh Al-Islami wa adillatuh, terj*. Mohd. Akhir Hj. Yaacob et al. (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 1999).733.

University of Malaya

Perkataan zakat berasal daripada perkataan di dalam Bahasa Arab iaitu *zakā (زكي)* yang bermaksud "bertambah" dan "tumbuh". Dari segi istilah fikah "zakat" bermaksud "sejumlah harta tertentu yang diwajibkan oleh Allah untuk diserahkan kepada orang-orang yang berhak."[7] Zakat begitu ditekankan dalam Islam sehingga di dalam al-Quran terdapat begitu banyak ayat yang membicarakan tentang ibadah zakat sama ada menggunakan perkataan zakat atau perkataan yang seumpamanya seperti sedekah, nafkah dan memberi makan fakir dan lain-lain yang memberi mafhum yang seakan sama.

Zakat disebut 30 kali di dalam Al-Quran dan 27 kali daripadanya disebut bersekali dengan ibadah solat. 8 daripada 30 ayat ini adalah ayat *makiyyah* dan bakinya 22 lagi ayat *madaniyyah*.[8] Antara dalil kewajipan berzakat di dalam Al-Quran:

وَأَقِيمُوا۟ ٱلصَّلَوٰةَ وَءَاتُوا۟ ٱلزَّكَوٰةَ وَٱرْكَعُوا۟ مَعَ ٱلرَّٰكِعِينَ ﴿٤٣﴾

Surah Al-Baqarah 2: 43

Terjemahan: Dan dirikanlah solat, keluarkanlah zakat serta rukuklah (solat berjemaah) bersama-sama orang-orang yang rukuk.[9]

Ulama menggariskan lima harta yang diwajibkan zakat iaitu *an-Nuqūd* (emas, perak dan mata wang), galian dan harta tertanam, barang perniagaan, tanaman dan buah-buahan dan binatang ternakan. Kewajipan membayar zakat perniagaan adalah sesuatu yang tidak diragukan kerana jumhur ulama telah menyepakati bahawa zakat harta perdagangan adalah wajib.[10] Keengganan menunaikan kewajipan zakat yang disertakan dengan niat untuk ingkar dengan tuntutan ini boleh menjejaskan keimanan.[11] Orang yang enggan melunaskan zakat

---

[7] Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh az-Zakāh* Jilid 1 (Beīrūt: Muassasāt Ar-Risālah, 1977), 38.

[8] *Ibid.*, 39.

[9] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 76.

[10] Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islāmī wa-Adillatuh* (Damascus Syria: Dar al Fikr,1984), 740.

[11] Aznan Hasan, "Zakat on Syakhṣiyyah i'itibāriah (Legal Entity)" (makalah, Bengkel Zakat Institusi Kewangan Islam, Bank Negara Malaysia, 3 Mei 2011), 1.

University of Malaya

dianggap kafir kerana dia mengingkari kewajipannya dan dia mendustakan Allah SWT. Khalifah Saidina Abu Bakar (r.a.) memerangi orang yang tidak berzakat katanya "Demi Allah aku tetap memerangi orang yang memisahkan antara solat dan zakat. Sesungguhnya zakat adalah hak pada harta. Demi Allah jika mereka enggan mengeluarkan zakat anak kambing betina kepada aku sebagaimana yang pernah mereka keluarkan kepada Rasulullah SAW nescaya aku memerangi mereka kerana enggan mengeluarkannya."[12] Berdasarkan ini ulama bersepakat mengatakan jika seseorang atau sekumpulan enggan menunaikan zakat maka imam wajib memerangi mereka.[13] Pendekatan Khalifah Saidina Abu Bakar ini boleh dijadikan panduan bahawa enakmen atau akta zakat yang telah ada kini perlu dikuatkuasakan.

2.2.2 Kewajipan Zakat Perniagaan

Kewajipan membayar zakat perniagaan adalah sesuatu yang disepakati sejak daripada zaman Rasulullah SAW[14] berdasarkan kepada dalil ayat suci al-Quran, hadis dan ijmak ulama. Nas yang menjadi asas kepada kewajipan membayar zakat perniagaan adalah sebagaimana firman Allah SWT bermaksud "Wahai orang yang beriman, nafkahkanlah (pada jalan Allah) sebahagian daripada hasil usaha kamu yang baik-baik, dan sebahagian daripada apa yang Kami keluarkan dari bumi untuk kamu. Janganlah kamu sengaja memilih yang buruk daripadanya, padahal kamu sendiri tidak sekali-kali akan mengambil yang buruk itu kecuali dengan memejamkan mata padanya. Ketahuilah, sesungguhnya Allah Maha Kaya lagi Maha Terpuji."[15] Imam Ṭabari, Imam Jasyāsy, Imam Abū Bakr A'rabī, Hasan dan Mujāhid mentafsirkan istilah "hasil usaha yang baik-baik" di atas adalah merujuk kepada kekayaan diperoleh melalui hasil perdagangan.[16]

---

[12] Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islāmi wa-Adillatuh*, 734.

[13] *Ibid.*

[14] Sayyid Jamīlī, *Fiqh az-zakāh was Ṣiyām lil Imām Ibn Taimiyyah* (Beirut: Darul Fikr Arabiy, 1996), 18;

[15] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 45, Surah al-Baqarah (2) ayat 267.

[16] Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh az-Zakāh* Jilid 1, 341.

University of Malaya

Nas dalam bentuk hadis adalah sebagaimana maksud hadis yang diriwayatkan oleh Abu Daūd iaitu dari Samrah bin Jundub berkata, "Rasulullah SAW menyuruh kami untuk mengeluarkan zakat dari segala sesuatu yang kami persiapkan untuk dijual."[17] Selain itu, Saidina Umar bin Khattāb (r.a) mengambil zakat dari harta perniagaan, dan tidak seorang pun sahabat yang menolaknya. Pandangan seperti ini turut diriwayatkan oleh Ibnu Abbās, Ibnu Umar, Umar bin Abdul Azīz dan para ulama tabiin juga telah bersepakat dalam hal ini.[18]

Zakat perniagaan atau dagangan berasal daripada kalimah *al-a'rūḍ* (ا لعروض) iaitu istilah jamak kepada *ā'raḍun* (عارض). Ia bermaksud "barang dalam dunia" selain emas dan perak sama ada ianya barang perhiasan, harta tidak alih, binatang, tanaman, pakaian dan sebagainya yang disediakan untuk perniagaan. Harta tidak alih yang disediakan oleh tuannya untuk berjual beli hukumnya sama seperti barang perniagaan. Ia wajib dikeluarkan zakat sebagai barang perniagaan. Manakala harta tidak alih yang didiami sendiri oleh tuannya atau dijadikan tempat kerjanya seperti tempat berniaga dan perusahaannya maka ia tidak dikenakan zakat[19].

Imam Shafie meletakkan enam syarat ke atas harta yang dikenakan zakat perniagaan sebagaimana berikut:-

a. Hendaklah barang perniagaan itu dimiliki dengan cara tukaran seperti jual beli dan bukan dengan cara lain.
b. Hendaklah diniatkan yang barang itu untuk perniagaan semasa dilakukan kontrak jual beli.
c. Jangan harta tersebut untuk kegunaan sendiri

---

[17] Abu Da'ud Sulaymān ibn al-Ash`ath al-Sijistan dan Abd al-Hamīd Muhammad Muhyi al-Din, *Sunan Abu Daud* (Beirut: Darul Fikr,tt) 2: 95. Hadis no. 1562.

[18] Yūsuf al-Qaraḍawī, *Fiqh az-Zakāh* Jilid 1., 344-345.

[19] Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa-Adillatuh*, 787.

University of Malaya

d. Cukup haul dari tarikh beli

e. Jangan seluruh harta itu menjadi wang sedangkan harta tersebut tidak cukup nisab.

f. Hendaklah nilai barangan mencapai nisab pada akhir haul.[20]

2.2.3 Kewajipan Berzakat Oleh Entiti Perniagaan

Isu kewajipan pembayaran zakat dari kaca mata Syariah adalah jelas jika melibatkan kewajipan individu atau entiti perseorangan (*individual entity/ syakhṣiyyah ʻādiyah*). Walau bagaimana dalam konteks syarikat perkara ini menjadi lebih rumit kerana syarikat dikategorikan sebagai *syakhṣiyyah iʻitibāriah* atau *legal entity* kerana institusi korporat (termasuk PLC) tidak mempunyai ciri-ciri individu secara total.[21]

Oleh itu, terdapat banyak perbincangan mengenai kewajipan zakat oleh PLC kerana hukum yang jelas adalah zakat hanya dikenakan atas individu sedangkan syarikat tersenarai awam bukan individu tetapi adalah satu entiti perundangan (*legal entity*) atau boleh juga dikenali dengan *syakhṣiyyah iʻitibāriyyah*. Dalam erti kata lain, ibadah zakat dikenakan ke atas orang Islam sedangkan PLC adalah entiti yang tidak mempunyai status agama.[22]

Walau bagaimanapun Jawatankuasa Fatwa melalui Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-31 yang bersidang pada 9 Disember 1992 telah membincangkan Zakat Ke Atas Syarikat. Muzakarah telah memutuskan bahawa syarikat perniagaan adalah diwajibkan zakat apabila mencukupi syarat-syarat seperti berikut[23]:

---

[20] *Ibid.*, 788.

[21] Aznan Hasan, "Zakat on Shakhṣiyyah iʻitibāriah (Legal Entity)", 1.

[22] The New Straits Times, "Zakat Not for Companies, Says Tun Abdul Hamid" laman sesawang The New Straits Times, dicapai 21 Disember 2013. http://www.nst.com.my/latest/zakat-not-for-companies-says-tun-abdul-hamid-1.313162#ixzz2o91lAnhr.

[23] e-fatwa, "Zakat ke Atas Syarikat" laman sesawang *e-fatwa* dikemaskini 20 Disember 2013, dicapai 21 Disember 2013, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat.

University of Malaya

a. Perniagaan yang dimiliki oleh orang Islam.

b. Perniagaan dimiliki oleh orang Islam yang merdeka.

c. Sempurna milik.

d. Cukup nisab.

e. Cukup haul (genap setahun qamariah/ 354.3hari)

f. Kadar zakat ke atas syarikat tersebut adalah 2.5%.

"Syarikat yang dimiliki bersama antara orang Islam dan bukan Islam, maka wajib ke atas jumlah saham yang dimiliki oleh orang Islam sahaja…."[24]. Asas kepada pengenaan zakat ini adalah bersandarkan kepada sebuah hadis Rasulullah SAW iaitu:

ولا يجمع بين متفرق لا يفرق بين مجتمع مخافة الصدقة

Terjemahan: " Dan tidak terhimpun antara yang terpisah dan tidak terpisah antara yang terhimpun kerana takut bersedekah (zakat)"[25]

Berdasarkan hadis ini dapat disimpulkan bahawa beberapa individu yang berada dalam satu syarikat atau perkumpulan maka dianggap satu tanpa dipisah-pisahkan antara satu sama lain. Apabila sebuah syarikat ditubuhkan dengan niat untuk menjalankan perniagaan sama ada syarikat perkhidmatan, syarikat guaman, perhotelan, runding cara, perubatan, rekreasi, cari gali dan sebagainya, maka syarikat tersebut dianggap syarikat perniagaan yang dikenakan zakat perniagaan.

Menurut perbahasan fikah khulṭah terbahagi kepada dua iaitu:-

---

[24] *Ibid.*

[25] Abu Da'ud Sulaymān ibn al-Ash`ath al-Sijistan dan Abd al-Hamīd Muhammad Muhyi al-Din, *Sunan Abu Daud* (Beirut: Darul Fikr,tt) 2: 99. Hadis no. 1571 ; Hadis riwayat al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jilid 4. no. hadis 1382, Terj Syed Ahmad Semait (Kuala Lumpur: Pustaka Nasional, 2006), 1812.

University of Malaya

a. *Khulṭah asy-syyū'* iaitu berlaku percampuran yang menyebabkan tidak dapat dibezakan milikan masing-masing

b. *Khulṭah al-jiwār* iaitu berlaku percampuran pemilikan yang masih dapat dibezakan pemilikan masing-masing.[26]

Menurut Muhammad Taqi Usmani (1998) pengiraan zakat oleh syarikat menggunakan prinsip *khulṭah asy-syyū*' di mana percampuran pemilikan adalah tidak dapat dibezakan. Dalam konteks ini kewajipan berzakat tidak dikenakan atas individu perseorangan tetapi individu perundangan (*judicial person*). Individu perseorangan tidak dipertanggungjawabkan secara langsung di dalam hal ini tetapi perkongsian pegangan *(joint stock*). Ini bermakna perkongsian pegangan dikira sebagai entiti terpisah dan tanggung jawab menunaikan zakat dipindahkan kepada entiti yang mempunyai ciri yang hampir sama dengan individu perundangan walaupun tidak sama sepenuhnya.[27]

Walaupun pemilikan salah seorang tidak mencukupi nisab, nilai yang diambil adalah nilai terkumpul kerana kewajipan zakat dikenakan bukan atas tanggungjawab seseorang individu tetapi atas perkongsian harta yang kini dikira sebagai satu entiti.[28] Adalah menjadi kewajipan syarikat perniagaan mengeluarkan zakat bagi pihak pemiliknya dan sekiranya syarikat tersebut tidak mengeluarkan zakat, maka pemiliknya hendaklah mengeluarkan zakat secara persendirian. Syarikat perkongsian antara orang Islam dan bukan Islam, maka zakat hanya dikeluarkan berdasarkan saham milik orang Islam sahaja.[29]

Malik M. Hafeez membuat kesimpulan di dalam kajiannya bahawa maksud perkataan "seseorang" (*person*) adalah digunakan kebiasaannya untuk individu manusia tetapi di dalam

---

[26] Panduan Zakat Perniagaan (Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor, 2008), 29.

[27] Muhammad Taqi Usmani, *An Introduction to Islamic Finance* (Karachi: Idaratul Ma'arif, 1998), 157.

[28] *Ibid.*, 156-157.

[29] e-fatwa, "Zakat ke Atas Syarikat" laman sesawang *e-fatwa* dikemaskini 20 Disember 2013, dicapai 21 Disember 2013, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat.

University of Malaya

konteks perundangan ia mempunyai istilah teknikal yang membawa maksud hak dan kewajipan. Undang-undang mengiktiraf status "individu perundangan" (legal person) sebagai entititi yang sah seperti sesebuah syarikat. Walaupun individu perundangan ini mungkin merupakan individu perundangan yang bukan asli (*artificial juristic person*), tetapi ia boleh menerima pertanggungjawaban seperti memiliki harta dan menjalankan perniagaan sama seperti individu perseorangan yang sebenar. Institusi Baitulmal, wakaf dan masjid merupakan contoh pengiktirafan Islam terhadap entiti perundangan ini.[30]

Namun begitu, Abdul Hamid Mohamad[31] berpandangan bahawa fatwa yang mewajibkan syarikat membayar zakat adalah bercanggah dengan undang-undang kerana perlembagaan mengatakan bahawa agama hanya berkait dengan individu dan tidak sama sekali kepada syarikat. Untuk mengenakan tanggungjawab perundangan (*legal obligation*) terhadap syarikat untuk membayar zakat bagi pihak pemilik atau pemegang saham bermakna ia meletakkan kewajipan membayar zakat adalah lebih tinggi kepada syarikat berbanding orang perorangan. Selain itu, menurut Hamid syarikat adalah di luar bidang kuasa negeri (Dewang Undangan Negeri) dan ia juga di luar skop Mahkamah Syariah. Oleh itu, menurut beliau walaupun sesuatu fatwa itu telah digazetkan tetapi ia tidak boleh dikuatkuasakan ke atas syarikat.[32]

Namun begitu, dari segi syarak kewajipan membayar zakat adalah jelas[33] tetapi berdasarkan kepada undang-undang manusia ianya sukar untuk dikuatkuasakan sebagaimana pandangan Abdul Hamid Mohamad.

---

[30] Malik M. Hafeez, "An Analysis of Corporate Entity and Limited Liability in Islamic and Western Perspectives of Corporate Governance", *International Journal of Business, Economics and Law* 2, no. 3 (2013), 104-107.

[31] Abdul Hamid Mohamad juga dikenali Tun Hamid merupakan mantan Ketua Hakim Negara.

[32] Abdul Hamid Mohamad dan Adnan Trakic, "Critical Appraisal of the Companies' Obligations To Pay Zakat in the Malaysian Context", *International Company And Commercial Law Review* 10 (2013), 491.

[33] Berita Harian, "Pemilik Saham Islam Wajib Bayar Zakat" Laman sesawang *Berita Harian* dicapai 26 Disember 2013 http://www.bharian.com.my/bharian/articles/PemiliksahamIslamwajibbayarzakat/Article/index_html. Berita

University of Malaya

2.3 Hikmah Pensyariatan Ibadah Zakat

Islam adalah sistem kehidupan dan setiap yang disyariatkan oleh Islam pasti penuh dengan kebaikan begitu juga dengan pensyariatan ibadah zakat sebagaimana firman Allah SWT:

ٱلَّذِينَ يَذْكُرُونَ ٱللَّهَ قِيَـٰمًا وَقُعُودًا وَعَلَىٰ جُنُوبِهِمْ وَيَتَفَكَّرُونَ فِى خَلْقِ
ٱلسَّمَـٰوَٰتِ وَٱلْأَرْضِ رَبَّنَا مَا خَلَقْتَ هَـٰذَا بَـٰطِلًا سُبْحَـٰنَكَ فَقِنَا عَذَابَ ٱلنَّارِ ﴿١٩١﴾

Surah *Āli Imrān 3 : 191*

> Terjemahan: "Iaitu orang yang menyebut dan mengingati Allah semasa mereka berdiri, duduk dan semasa mereka berbaring mengiring dan mereka pula memikirkan tentang kejadian langit dan bumi (sambil berkata), "Wahai Tuhan kami! Tidaklah Engkau menjadikan semua ini sia-sia. Maha Suci Engkau, maka peliharalah kami dari azab api neraka."[34]

Perbincangan mengenai hikmah pensyariatan ibadah zakat dibuat dalam dua konteks iaitu kesan kepada individu sebagai *taa'buddi* dan juga kesan kepada masyarakat.

2.3.1 Zakat dan *Taa'bbudi*

Perbincangan mengenai hikmah zakat terhadap individu muslim boleh dikupas dalam empat sudut sebagaimana perbincangan seterusnya.

2.3.1(a) Memenuhi tuntutan ibadah sebagai seorang Muslim

Tujuan manusia dijadikan oleh Allah SWT adalah untuk beribadah kepada Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT:

وَمَا خَلَقْتُ ٱلْجِنَّ وَٱلْإِنسَ إِلَّا لِيَعْبُدُونِ ﴿٥٦﴾

Surah adh-dhāriyāt 51: 56

---

bertarikh 6 Julai 2013. Kenyataan ini dikeluarkan oleh Mohamed Izam Mohamed Yusof, Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Zakat Selangor.

[34] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 76.

University of Malaya

Terjemahan: “Aku tidak menjadikan jin dan manusia melainkan untuk mereka menyembah dan beribadah kepada Ku.” [35]

Firman ini menjadi asas kepada kajian ini kerana asas kepada setiap pembayaran zakat adalah merupakan tanda *ta’abbudi* hamba kepada Penciptanya. Apabila seseorang itu menunaikan ibadah zakat dengan ikhlas kerana Allah SWT maka tertunailah kewajipannya. Apabila seseorang itu telah menunaikan sesuatu kewajipannya maka Allah SWT menjanjikan ganjaran syurga sebagaimana dinyatakan di dalam banyak ayat Al-Quran di antaranya adalah sebagaimana berikut:

إِنَّ ٱلْمُتَّقِينَ فِى جَنَّٰتٍ وَعُيُونٍ ﴿١٥﴾ ءَاخِذِينَ مَآ ءَاتَىٰهُمْ رَبُّهُمْ ۚ إِنَّهُمْ كَانُوا۟ قَبْلَ ذَٰلِكَ مُحْسِنِينَ ﴿١٦﴾
كَانُوا۟ قَلِيلًا مِّنَ ٱلَّيْلِ مَا يَهْجَعُونَ ﴿١٧﴾ وَبِٱلْأَسْحَارِ هُمْ يَسْتَغْفِرُونَ ﴿١٨﴾ وَفِىٓ أَمْوَٰلِهِمْ حَقٌّ لِّلسَّآئِلِ
وَٱلْمَحْرُومِ ﴿١٩﴾

Surah adh-dhāriyāt 51: 15 – 19

Terjemahan: “Sesungguhnya orang yang bertakwa itu berada di dalam beberapa taman syurga dengan mata-mata air yang terpancar padanya. Sambil menerima segala pemberian Tuhan mereka. Sesungguhnya mereka di dunia dahulu adalah orang yang berbuat kebaikan. Di dunia mereka tidur sedikit sahaja pada waktu malam. Dan mereka beristighfar kepada Allah (memohon ampun) pada waktu pagi sebelum fajar. Dan pada harta-harta mereka (ada pula bahagian yang mereka tentukan menjadi) hak untuk orang miskin yang meminta dan orang yang miskin yang tidak meminta-meminta”[36]

Allah SWT menyatakan zakat merupakan salah satu amal kebaikan yang layak mendapat ganjaran syurga sebagaimana firmanNya:

[35] *Ibid.*, 535.
[36] *Ibid.*, 533.

University of Malaya

قُلْ أَؤُنَبِّئُكُم بِخَيْرٍ مِّن ذَٰلِكُمْ ۚ لِلَّذِينَ اتَّقَوْا عِندَ رَبِّهِمْ جَنَّاتٌ تَجْرِي مِن تَحْتِهَا الْأَنْهَارُ
خَالِدِينَ فِيهَا وَأَزْوَاجٌ مُّطَهَّرَةٌ وَرِضْوَانٌ مِّنَ اللَّهِ ۗ وَاللَّهُ بَصِيرٌ بِالْعِبَادِ ﴿١٥﴾
الَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا إِنَّنَا آمَنَّا فَاغْفِرْ لَنَا ذُنُوبَنَا وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿١٦﴾ الصَّابِرِينَ
وَالصَّادِقِينَ وَالْقَانِتِينَ وَالْمُنفِقِينَ وَالْمُسْتَغْفِرِينَ بِالْأَسْحَارِ ﴿١٧﴾

Surah Āli Imrān 3: 15 – 17

Terjemahan: "Katakanlah (wahai Muhammad), Mahukah Aku sampaikan kepada kamu akan sesuatu yang lebih baik daripada semuanya itu? Bagi orang yang bertakwa di sisi Tuhan mereka beberapa syurga, yang mengalir di bawahnya sungai-sungai, mereka kekal di dalamnya dan mereka disediakan juga isteri-isteri (pasangan) yang disucikan serta (beroleh pula) keredaannya daripada Allah SWT. Ingatlah) Allah sentiasa melihat akan hamba-hambaNya. Iaitu orang yang berdoa dengan berkata. "Wahai Tuhan kami! Sesungguhnya kami telah beriman. Oleh itu, ampunkanlah dosa-dosa kami dan peliharalah kami daripada azab api neraka." (Mereka juga) orang yang sabar (dalam menjunjung perintah Allah), orang yang benar (dalam keimanan), orang yang sentiasa taat (akan perintah Allah), orang yang membelanjakan hartanya (pada jalan Allah) dan orang yang beristighfar (memohon ampun) pada waktu sahur"[37]

Firman Allah SWT yang lain yang menyatakan tentang ganjaran syurga dan kebaikan bagi orang yang membayar zakat atau bersedekah adalah : Āli Imran 3: 133-134, Asy-Syūra 42: 36- 38, dan Al-Baqarah 2: 1-2.

2.3.1(b) Menjauhkan dari azab Allah SWT

Ibadah zakat hukumnya adalah wajib. Oleh itu, bagi sesiapa yang mengingkarinya maka Allah menjanjikan azab yang pedih kepada sesiapa yang ingkar untuk menunaikannya. Seseorang yang menunaikan ibadah zakat maka dia akan terlepas dari ancaman azab Allah SWT sebagaimana firman Allah SWT berikut:-

[37] *Ibid.*, 51-52.

University of Malaya

كُلُّ نَفْسٍۭ بِمَا كَسَبَتْ رَهِينَةٌ ﴿٣٨﴾ إِلَّآ أَصْحَٰبَ ٱلْيَمِينِ ﴿٣٩﴾ فِى جَنَّٰتٍ يَتَسَآءَلُونَ ﴿٤٠﴾ عَنِ ٱلْمُجْرِمِينَ ﴿٤١﴾
مَا سَلَكَكُمْ فِى سَقَرَ ﴿٤٢﴾ قَالُوا۟ لَمْ نَكُ مِنَ ٱلْمُصَلِّينَ ﴿٤٣﴾ وَلَمْ نَكُ نُطْعِمُ ٱلْمِسْكِينَ ﴿٤٤﴾

Surah al-Muddaththir 74:38-46

Terjemahan: "Setiap diri terikat (bertanggungjawab) dengan apa yang telah dikerjakan. Kecuali golongan kanan. (Mereka ditempatkan di dalam syurga (yang penuh dengan nikmat) mereka tertanya-tanya tentang orang yang berdosa). Setelah melihat orang yang berdosa itu, mereka berkata "Apakah yang menyebabkan kamu masuk ke (neraka) saqar? Mereka menjawab "Kami dulu tidak termasuk di dalam golongan orang menunaikan solat dan tidak kami termasuk di dalam golongan orang yang memberi makan orang miskin."[38]

Selain itu, orang yang membayar zakat Allah SWT turut melindunginya dari rasa dukacita sebagaimana firmanNya:

ٱلَّذِينَ يُنفِقُونَ أَمْوَٰلَهُم بِٱلَّيْلِ وَٱلنَّهَارِ سِرًّا وَعَلَانِيَةً فَلَهُمْ أَجْرُهُمْ
عِندَ رَبِّهِمْ وَلَا خَوْفٌ عَلَيْهِمْ وَلَا هُمْ يَحْزَنُونَ ﴿٢٧٤﴾

Surah al-Baqarah 2:274

Terjemahan: "Orang-orang yang menafkahkan harta mereka malam dan siang, dengan cara sulit atau terang-terangan, maka mereka beroleh pahala daripada Tuhan mereka dan tidak ada kebimbangan (daripada berlakunya kejadian yang tidak baik) kepada mereka serta mereka tidak berdukacita."[39]

[38] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 595.
[39] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 46.

University of Malaya

2.3.1(c) Mengikis Sikap Bakhil

Sifat mazmumah tidak dapat lari di dalam diri seseorang manusia dan antara sifat mazmumah yang boleh dikikis melalui ibadah zakat adalah cintakan dunia dan bakhil.[40] Sifat bakhil atau kedekut ini boleh dihapuskan melalui mengeluarkan sebahagian hartanya untuk diberikan kepada orang lain sebagaimana firman Allah SWT:

هَٰٓأَنتُمۡ هَٰٓؤُلَآءِ تُدۡعَوۡنَ لِتُنفِقُواْ فِي سَبِيلِ ٱللَّهِ فَمِنكُم مَّن يَبۡخَلُۖ
وَمَن يَبۡخَلۡ فَإِنَّمَا يَبۡخَلُ عَن نَّفۡسِهِۦۚ وَٱللَّهُ ٱلۡغَنِيُّ وَأَنتُمُ ٱلۡفُقَرَآءُۚ
وَإِن تَتَوَلَّوۡاْ يَسۡتَبۡدِلۡ قَوۡمًا غَيۡرَكُمۡ ثُمَّ لَا يَكُونُوٓاْ أَمۡثَٰلَكُم ٣٨

Surah Muhammad 47: 38

> Terjemahan: "Ingatlah kamu ini orang yang diseru supaya menafkahkan sedikit daripada harta benda kamu pada jalan Allah, maka ada antara kamu yang bersikap bakhil. Sesiapa yang bersikap bakhil sesungguhnya dia berlaku bakhil kepada dirinya sendiri. (Ingatlah) Allah Maha Kaya (tidak berhajat kepada sesuatu apa pun), sedangkan kamu semua fakir (yang sentiasa berhajat kepadaNya pada segala hal). Jika kamu berpaling daripada beriman, bertakwa dan menafkahkan), Dia akan menggantikan kamu dengan kaum yang lain. Setelah itu mereka tidak akan berkeadaan seperti kamu.[41]

2.3.1(d) Menyucikan harta

Manusia tidak dapat lari dari salah dan silap dan dengan membayar zakat ia dapat membersihkan diri seseorang itu dari dosa yang pernah dilakukannya di mana di zaman Rasulullah Abu Lubabah dan rakan-rakannya tidak pergi berperang dan Allah SWT memerintahkan supaya nabi mengambil sebahagian harta mereka bagi menebus kesalahan tersebut [42] sebagaimana firman Allah SWT berikut:-

---

[40] Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003) 39.

[41] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 521

[42] Ahmad Mustafa Al-Marāghy, *Tafsīr Al-Marāghi* Jilid 6, terj Muhammad Thalib, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001), 6: 2887.tra

University of Malaya

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ إِنَّ صَلَوٰتَكَ
سَكَنٌ لَّهُمْ وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ ﴿١٠٣﴾

Surah at-Taubah 9:103

Terjemahan: "Ambillah sebahagian daripada harta mereka (sebagai zakat) supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka (daripada dosa dan akhlak buruk), serta doakanlah untuk mereka. (Ini kerana) sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. Ingatlah Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui."[43]

Bagi sesiapa yang terlibat dengan dunia perniagaan mereka memerlukan lebih kepada penyucian diri dan harta kerana aktiviti perniagaan mendedahkan diri peniaga kepada risiko penipuan dan mengambil hak orang lain semasa bermuamalah sama ada dengan sengaja atau sebaliknya sebagaimana maksud hadis "Pedagang-pedagang nanti pada hari kiamat dibangkitkan dari kubur sebagai orang-orang durjana, terkecuali orang yang bertakwa, baik dan jujur".[44] Zakat yang ditunai kelak dapat mengikis kekotoran yang wujud di dalam harta perniagaan menjadikan harta perniagaan suci dan berkat.

Selaras dengan penunaian zakat sebagai satu ibadah Imam Ghazali[45] juga telah menggariskan enam etika yang sepatutnya dipegang oleh pembayar zakat sebagaimana berikut:-

---

[43] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 205.

[44] Maksud hadis riwayat Tarmizi. Muhammad Akram Khan, *Economic Teaching of Prophet Mohamad* (Karachi: Darul Ishaat, t.t.). 244

[45] Imam Ghazali atau nama sebenarnya iaitu Abu Hamid Muhammad ibn Muhammad al-Ghazali (1058 – 1111) merupakan seorang tokoh ilmuan Islam yang ulung. Beliau menguasai bidang fikah, sufi, akidah dan seorang pemikir. Beliau mempelajari pelbagai bidang ilmu di kampunya di Iran dan telah terlibat dengan amalan persufian sejak di usia muda. Beliau menghasilkan banyak kitab dan antara yang paling terkenal adalah Ihya Ulumuddin yang siap pada tahun 1097. Buku ini telah diterbitkan semula sama ada keseluruhan atau mengikut bahagian dalam pelbagai bahasa dan menjadi penduan umat Islam seluruh dunia.

University of Malaya

a. Pembayar zakat hendaklah menyegerakan pembayaran zakat sebelum waktu kewajipannya. Ini adalah sebagai tanda kesediaan diri menjunjung perintah Allah SWT dan bagi melihat kegembiraan kepada para penerima. Tindakan bersegera ini boleh mengelakkan dari gangguan masa. Apabila tergerak sahaja hati untuk membayar zakat jangan menangguhkannya kerana penangguhan pembayaran zakat boleh mengundang bencana dan ia adalah berdosa.[46]

b. Pembayar zakat hendaklah mengeluarkan zakat secara rahsia, tidak diwar-warkan kepada orang ramai dan juga kepada para penerima zakat. Ini adalah bagi mengelakkan rasa riak, bangga diri dan meminta dipuji. Ini adalah bagi menjamin kesucian niat pembayaran zakat adalah kerana Allah SWT semata-mata.

c. Pembayar zakat hendaklah mewar-warkan pembayaran zakat jika pembayar zakat tersebut yakin bahawa pengisytiharan tersebut dapat menggalakkan orang lain untuk mengikuti jejak langkahnya.[47] Dalam konteks pembayaran zakat oleh PLC sepatutnya mereka mewar-warkan pembayaran zakat bagi menarik minat syarikat PLC lain untuk turut membayar.

d. Pembayar zakat dilarang daripada mengungkit pembayaran zakat dengan menyebutnya di merata-rata tempat terutama kepada pra penerima zakat. Ini dikhuatiri boleh mengecilkan hati para penerima zakat yang susah dan daif.[48] Allah SWT melarang perbuatan ini melalui firmanNya di dalam surah al-Baqarah (2) ayat 264 yang bermaksud "... Jangan rosakkan (pahala amal) sedekah kamu dengan perkataan mengungkit-ungkit dan (kelakuan yang) menyakiti (penerima)...".[49]

---

[46] Imam Ghazali, *Bimbingan Mukminin*, 109.
[47] *Ibid.*,110.
[48] *Ibid.*,111-112.
[49] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 44.

University of Malaya

e. Pembayar zakat hendaklah memandang pemberian zakat sebagai sesuatu yang kecil kerana jika sebaliknya akan mendatangkan perasaan *u'jub* iaitu bermegah-megah. Sifat *u'jub* adalah salah satu sifat mazmumah yang akan membinasakan amalan yang dibuat[50].

f. Pembayar zakat hendaklah memilih harta benda yang paling bagus dan terbaik untuk dipersembahkan kepada Allah SWT sebagai zakat dan untuk diberikan kepada penerima. Sekiranya pembayar mengeluarkan zakat dari harta yang buruk, rosak, cacat dan sebagainya maka ia dilihat sebagai mempersendakan Allah SWT dan ibadah zakat.[51] Allah SWT melarang perbuatan sebegini di dalam firmanNya yang bermaksud "... Janganlah kamu memilih yang buruk untuk kamu nafkahkan (zakatkan) sedangkan kamu sendiri tidak ingin mengambilnya walau kamu mejamkan mata."[52]

2.3.2 Kesan Zakat Terhadap Sosio Ekonomi

Islam sebagai *ad-dīn* yang disandarkan kepada al-Quran dan as-sunnah mengatur kehidupan manusia bagi melahirkan masyarakat yang adil dan mempunyai sistem kehidupan sosial yang terjamin sebagaimana firman Allah SWT*:*

لَقَدْ أَرْسَلْنَا رُسُلَنَا بِٱلْبَيِّنَٰتِ وَأَنزَلْنَا مَعَهُمُ ٱلْكِتَٰبَ
وَٱلْمِيزَانَ لِيَقُومَ ٱلنَّاسُ بِٱلْقِسْطِ

Surah al-Hadīd 57:25

Terjemahan: "Sesungguhnya Kami telah mengutus rasul-rasul Kami dengan membawa bukti-bukti yang nyata dan telah Kami turunkan

[50] Imam Ghazali, *Bimbingan Mukmin.*,113.
[51] *Ibid.*, 114.
[52] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 45, Surah al-Baqarah 2:267.

University of Malaya

bersama mereka Al-Kitab dan neraca (keadilan) supaya manusia dapat melaksanakan keadilan."[53]

Ibadah zakat adalah rukun Islam yang disyariatkan oleh Allah SWT kepada umatnya untuk menjamin keadilan sosial[54] dan membangun ummah. Zakat mempunyai impak kepada individu pembayar dan masyarakat dan umat sebagai penerima manfaatnya. Menurut Abu Ubayd's di dalam kitabnya Al-Amwal[55] zakat berperanan sebagai institusi istimewa dalam sistem pengurusan kewangan negara.[56] Zakat merupakan sumber hasil negara yang dipungut dari golongan muslim dan diagihkan kepada muslim. Abu Ubayd juga menjelaskan bahawa penerima zakat adalah terhad kepada golongan yang dinyatakan di dalam al-Quran manakala keperluan selain itu, hendaklah menggunakan dana lain seperti *kḥārāj* dan *fay*'. Zakat juga dilihat dari perspektif siasah dan ibadah pada masa yang sama.[57]

Menurut M.A.Manan[58] zakat boleh berperanan dalam mengatasi masalah ketidakseimbangan agihan kekayaan, memangkinkan aktiviti pengagihan semula kekayaan secara berperingkat dan membantu membendung kecenderungan inflasi. Zakat juga dapat

---

[53] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 554.

[54] Pranam Dhar, "Zakat as a Measure of Social Justice in Islamic Finance: An Accountant's Overview", *Journal of Emerging Economies and Islamic Research* 1, no. 1 (2013), 1-11.

[55] Al-Amwal dihasilkan 1200 tahun lalu adalah buku karangan Abu Ubayd Al-Qasim bin Salam yang dilahirkan pada tahun 157 H. Abu Ubayd merupakan tokoh ilmuan awal Islam yang banyak menghasilkan banyak karya penulisan dengan menulis lebih 27 buah kitab dalam pelbagai bidang seperti hadis, fiqh, qiraat, tafsir, dan usul fiqh. Kitab Al-Amwal ini merupakan satu khazanah Islam yang boleh dikategorikan sebagai *Great Book In Islamic Economics*. Kitab Al-Amwal ditulis semula pertama kali pada tahun 1934 oleh Muhammad Hamid al-Fiqi dan usaha ini turut dibuat oleh beberapa orang lain selepasnya. Empat puluh peratus daripada kitab Al-Amwal ini mengupas isu tentang zakat.

[56] Ugi Suharto, *Kitab Al-Amwal: Abu Ubayd's Concept of Public Finance* (Kuala Lumpur: International Institute of Islamic Thought And Civilization (ISTAC), 2005).

[57] *Ibid.*, 169.

[58] M.A. Mannan atau nama sebenarnya Muhammad Abdul Mannan dilahirkan di Bangladesh tahun 1918. Beliau memperolehi Sarjana Ekonomi dari Rajshahi Universiti pada tahun 1960 dan berkhidmat di Pakistan. Pada tahun 1970 beliau berpindah ke Amerika Syarikat dan memperolehi Sarjana Economy buat kali yang kedua dan seterusnya PhD pada tahun 1973. Beliau menjadi ahli akademik sebelum berkhidmat di di Islamic Development Bank yang beribu pejabat di Jeddah mulai tahun 1984. Pada tahun 1970 dia menerbitkan bukunya yang pertama Islamic Economics - Theory and Practice. Buku ini dijadikan buku teks pertama untuk bidang ekonomi Islam dan menjadi rujukan utama di pelbagai universiti seluruh dunia hingga diterbitkan sebanyak lebih 12 kali dan telah diterjemahkan dalam berbagai bahasa. M.A.Mannan menerima penghargaan atas sumbangannnya dari Pakistan sebagai *Highest Academic Award of Pakistan* pada tahun 1974.

University of Malaya

membantu ekonomi bagi menyeimbangkan masalah peningkatan nilai wang, ketidakseimbangan harga barangan, ketinggian kadar kitaran mata wang, peningkatan inflasi dan ketidakseimbangan agihan kekayaan.[59]

Kerana itulah Islam meletakkan zakat sebagai pusat tumpu dalam polisi fiskal Islam dan operasi pelaksanaannya.[60] Pengurusan zakat perlu ditadbir seiring dengan kemajuan teknologi untuk meningkatkan kutipan dan mengagihkannya dengan berkesan. Islam menuntut zakat dipungut daripada orang yang layak walaupun tiada golongan layak menerima. Zakat hendaklah diagihkan berlandaskan prinsip Islam yang telah ditetapkan.[61]

Zakat dibuktikan berjaya menjadi alat untuk mengurangkan pengumpulan harta, meningkatkan pengagihan semula pendapatan dan meningkatkan pendapatan golongan miskin.[62] Dalam kajian yang lain oleh Samiul Hasan mendapati zakat adalah alat utama untuk memastikan pengagihan keadilan dalam Islam. Namun begitu, realiti masa kini peranan zakat sebagai alat untuk menjamin kesejahteraan sosial dilihat sebagai kecil di dalam kebanyakan negara Islam.[63]

Zakat juga boleh dijadikan satu penanda aras untuk menilai perkembangan ekonomi kerana peningkatan kemampuan orang ramai membayar zakat menunjukkan ekonomi keseluruhan juga adalah meningkat dan begitu juga sebaliknya.[64] Zakat juga merupakan satu sistem kewangan kerana melalui zakat ekonomi umat Islam secara langsung dapat

---

[59] M.A.Manan, *Islamic Economics: Theory and Practice* (Lahore: Sh. Muhammad Ashraf Publications, 1983), 275.

[60] Mohammad b. Yusof, "Fiscal Policy in an Islamic Economy and the Role of Zakat", *IIUM Journal of Economics* 14, no. 2 (2006), 117-145.

[61] Nik Mustapha Nik Hassan, "Zakat in Malaysia: Present and Future Status", *Journal of Islamic Economics* 1, no. 1 (1987), 48-58.

[62] Norulazidah Omar Ali dan Myles, G, "The Consequences of Zakat for Capital Accumulation" *Journal of Public Economic Theory* 12, no. 4 (2010), 837-856.

[63] Samiul Hasan, "Islamic Concept of Social Justice: Its Possible Contribution to Ensuring Harmony and Paceful Coexistance In A Globalised World", *Macqurie Law Journal* 7 (2007), 167-183.

[64] Adel Sarea, "Zakat as Benchmark to Evaluate Economic Growth: An Alternative Approach", *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 18 (2012), 242-245.

University of Malaya

dikembangkan dan ditingkatkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Rif'at di dalam bukunya *az-Zakāh al-Asās al-Syar'iy wa al-Tanmiy wa al-Tauzī'y* menjelaskan peranan zakat terhadap ekonomi sama ada dalam konteks ekonomi mikro iaitu kesan ke atas individu isi rumah atau juga dalam konteks makro iaitu kesan gandaan *(multiflier effect*). Dalam konteks ekonomi mikro ia dapat meningkatkan pendapatan isi rumah, memberi ruang penambahan modal, memberikan peluang pekerjaan dan memperkembangkan perusahaan. Manakala dalam konteks ekonomi makro pula kesan daripada pengagihan semula kekayaan secara keseluruhannya semua ahli di dalam kitaran ekonomi akan menerima impak positifnya. Impak langsung adalah ia meningkatkan kuasa beli pengguna, meningkatkan kualiti pembeli, merancakkan pasaran dan natijahnya ialah kitaran ekonomi yang lebih berkembang dan seterusnya membawa kepada kemakmuran kepada umat secara keseluruhannya.[65]

Melalui kajian lain mendapati zakat memberikan kesan dalam meningkatkan tawaran wang (*money supply*) dan meningkatkan permintaan barangan dan perkhidmatan. Zakat juga menyediakan jalan keluar dari bebanan hutang dan menjamin kestabilan harga barangan.[66] Dalam konteks mengurangkan kemiskinan, dana zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan ekonomi dan sosial para asnaf zakat khususnya fakir dan miskin. Impak agihan zakat dibuktikan melalui kajian empirikal menunjukkan agihan zakat adalah berkesan dalam menangani masalah kemiskinan dan meningkatkan kualiti hidup. Kajian oleh Hairunnizam Wahid et al.[67] mendapati bahawa bantuan zakat memberi kesan signifikan dari sudut kualiti hidup, kualiti pendidikan dan penyertaan sosial golongan miskin. Dalam satu kajian di

---

[65] Rif'at Abdul Latif, *Zakat Penjana Ekonomi Islam: az-Zakāh al-Asās al-Syar'iy wa al-Tanmiy wa al-Tauzī'y* terj. Abu Mazaya Al-Hafiz (Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publishers, 2002) 123-292.

[66]Marghoob A. Quraishi, "The Institution of Zakat and Its Economic Impact on Society" (prosiding, Second Harvard University Forum on Islamic Finance: Islamic Finance into the 21st Century, anjuran Center for Middle Eastern Studies, Harvard University Cambridge, Massachusetts, 1999), 7.

[67] Hairunnizam Wahid et al., "Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir Miskin", *The Journal of Muamalat & Islamic Finance Research* 1, bil 1 (2004), 151-166.

University of Malaya

Melaka oleh Fuadah Johari[68] turut menunjukkan keberkesanan zakat dalam mengurangkan jurang ketidakseimbangan agihan pendapatan dan seterusnya berjaya mengatasi masalah kemiskinan di negeri kajian. Kajian oleh Patmawati Ibrahim[69] mengemukakan bukti-bukti empirikal menggunakan indeks-indeks kemiskinan berkaitan yang menunjukkan kesan positif agihan zakat dalam mengurangkan kemiskinan. Kajian oleh Adibah Abdul Wahab[70] juga membuktikan bahawa zakat berkesan bagi membantu menangani masalah kemiskinan bandar dengan meningkatkan tahap pendapatan dan mengurangkan tahap kemiskinan.[71]

Usaha yang dijalankan oleh institusi zakat adalah melalui pelbagai program seperti program pembangunan modal insan, program pembangunan sosial dan program pembangunan ekonomi. Program pembangunan modal insan dengan mengambil langkah pertama memberi kesedaran kepentingan amalan spiritual, meningkatkan minda serta memberi kekuatan emosi di samping bijak membina rangkaian sosial dengan masyarakat lain. Program bantuan pembangunan sosial adalah seperti bantuan bantuan bina/baik pulih/sewa rumah, makanan dan kewangan bulanan, bantuan Ramadan dan Hari Raya, perubatan, rawatan dan rawatan sakit kekal. Manakala program ekonomi pula adalah projek ekonomi, kerjaya dan keusahawanan.[72] Dalam satu kajian mendapati anjakan paradigma yang dibuat oleh institusi zakat telah memberikan impak yang besar dalam membebaskan

---

[68] Fuadah Johari, "Keberkesanan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan di Negeri Melaka" (disertasi Sarjana Syariah Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2004), ii.

[69] Patmawati Ibrahim, "The Economic Role of Zakat in Reducing Income Inequality and Poverty in Selangor" (tesis kedoktoran, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Putra Malaysia, 2006).

[70] Adibah Abdul Wahab, "Peranan Agihan Zakat Dalam Mengatasi Masalah Kemiskinan Bandar: Kajian Kes di Lembaga Zakat Selangor" (disertasi Sarjana Syariah, Jabatan Syariah Ekonomi, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2009)

[71] Rahisam Ramli dan Patmawati, "Kesan Agihan Zakat Dalam Membasmi Kemiskinan dan Ketidakseimbangan Agihan Pendapatan di Negeri Sembilan" (makalah, Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia Ke V 2010 (PERKEM V), anjuran Pusat Pengajian Ekonomi Fakulti Ekonomi dan Pengurusan Universiti Kebangsaan Malaysia, Port Dickson, 15-17 Oktober 2010)

[72] Mohamed Izam b. Mohamed Yusof, "Dana Zakat: Instrumen Pembasmi Kemiskinan Asnaf" Makalah, Persidangan Zakat Serantau", Kuala Lumpur, 28 Mac 2011.

University of Malaya

golongan asnaf daripada terus menerus berada di dalam kemiskinan.[73] Selain itu, zakat juga turut membantu kecemerlangan umat Islam dalam konteks pendidikan khususnya pendidikan Islam. Zakat telah berjaya membangunkan modal insan di Sarawak dengan menambah kuantiti dan kualiti pelajar yang ditaja dan dengan dana zakat institusi pengajian tinggi di Sarawak.[74]

2.4 Pentadbiran Institusi Zakat

Perbincangan mengenai pentadbiran institusi zakat di Malaysia ini dibahagikan kepada empat perkara iaitu prinsip dan tuntutan membayar kepada institusi amil, pentadbiran zakat di Malaysia, perundangan zakat di Malaysia dan layanan cukai ke atas pembayaran zakat korporat.

2.4.1 Prinsip Dan Tuntutan Membayar Kepada Amil

Zakat pada asasnya merupakan satu ibadah tetapi hakikatnya ia bukan urusan peribadi bagi seseorang Muslim semata-mata tetapi ia merupakan satu sistem sosial yang perlu diuruskan oleh pihak pemerintah melalui badan penguasa dan pentadbiran tertentu.[75] Dalil asas yang menuntut perkara ini adalah sebagaimana firman Allah SWT sebagaimana berikut:-

إِنَّمَا ٱلصَّدَقَٰتُ لِلۡفُقَرَآءِ وَٱلۡمَسَٰكِينِ وَٱلۡعَٰمِلِينَ عَلَيۡهَا وَٱلۡمُؤَلَّفَةِ قُلُوبُهُمۡ وَفِي ٱلرِّقَابِ
وَٱلۡغَٰرِمِينَ وَفِي سَبِيلِ ٱللَّهِ وَٱبۡنِ ٱلسَّبِيلِۖ فَرِيضَةٗ مِّنَ ٱللَّهِۗ وَٱللَّهُ عَلِيمٌ حَكِيمٞ

Surah at-Taubah 9: 60

> Terjemahan: Sesungguhnya sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang fakir, dan orang miskin, dan para amil yang mengurusnya, dan para mualaf yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekakan

---

[73] Azman A.Rahman, M.Yasis A.Basah, M.Noorizuddin Nooh dan Mahdir Abdullah, "Pengurusan Institusi Zakat Dalam Perlaksanaan Program Usahawan Asnaf di Malaysia" (makalah, International Convention on Islamic Management, Universiti Malaya, 27-28 November 2013).

[74] Abdul Razak Abdul Kadir, "Sejarah dan Perkembangan Majlis Islam Sarawak Dalam Pendidikan dan Zakat (1955-1990)", (tesis kedoktoran, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2011), iv.

[75] Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003),491

University of Malaya

dirinya dan orang yang berhutang dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah dan orang musafir (yang keputusan) dalam perjalanan. (Ketetapan hukum yang demikian itu ialah) sebagai ketetapan (yang datangnya) daripada Allah. Dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui lagi Maha Bijaksana.[76]

Berdasarkan kepada ayat di atas golongan ketiga yang mempunyai hak ke atas wang zakat adalah golongan amil yang mana tujuannya adalah supaya mereka boleh menumpukan tenaga kepada urusan yang berkenaan dan tidak perlu mencari sumber rezeki yang lain.[77] Di dalam ayat lain turut dinyatakan tuntutan ibadah zakat ini hendaklah dilaksanakan di peringkat pemerintah iaitu:

خُذْ مِنْ أَمْوَٰلِهِمْ صَدَقَةً تُطَهِّرُهُمْ وَتُزَكِّيهِم بِهَا وَصَلِّ عَلَيْهِمْ ۖ إِنَّ صَلَوٰتَكَ سَكَنٌ لَّهُمْ ۗ
وَٱللَّهُ سَمِيعٌ عَلِيمٌ

Surah at-Taubah 9: 103

Terjemahan: Ambillah (sebahagian) daripada harta mereka sebagai zakat, supaya dengannya engkau membersihkan dan menyucikan mereka (daripada dosa dan akhlak yang buruk); serta doakanlah untuk mereka. (Ini kerana) sesungguhnya doa mu itu menjadi ketenteraman jiwa bagi mereka. (Ingatlah) Allah Maha Mendengar lagi Maha Mengetahui.[78]

Di dalam ayat di atas Rasulullah SAW diarah untuk mengambil zakat daripada harta orang Islam dan walaupun ayat ini adalah ditujukan kepada Rasulullah SAW selaku pemerintah pada masa itu tetapi pada hakikatnya ia ditujukan kepada khalifah-khalifah Islam selepas baginda.[79] Jika diaplikasikan dalam konteks semasa, "pemerintah" yang dimaksudkan adalah membayar zakat kepada amil-amil yang dilantik oleh pemerintah iaitu membayar kepada

---

[76] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*,198.
[77] Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat*, 492.
[78] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*, 205.
[79] *Ibid.*

University of Malaya

amil individu atau juga kepada institusi zakat yang dilantik oleh Majlis Agama Islam Negeri-negeri. [80]

Firman Allah SWT ini disokong oleh satu hadis yang dilafazkan oleh baginda Rasulullah SAW ketika mengutus Sadina Muaz r.a ke Yaman:

إنك ستأتي قوما أهل كتاب, فإذا جئتهم فادعهم إلى أن يشهدوا أن لا إله إلا الله وأن محمدا رسول الله, فإن هم أطاعوا لك بذالك فأخبرهم أن الله قد فرض عليهم خمس صلوات في كل يوم وليلة, فإن هم أطاعوا لك بذالك فأخبرهم أن الله قد فرض عليهم صدقة تؤخذ من أغنيائهم فترد على فقرائهم, فإن هم أطاعوا لك بذالك فإياك وكرائم أموالهم, واتق دعوة المظلوم فإنه ليس بينها وبين الله حجاب.

Terjemahan: Sesungguhnya engkau akan mendatangi sesuatu kaum dari ahli kitab, maka jika tiba kepada mereka, serulah mereka kepada mengucap bahawasanya "Tiada Tuhan melainkan Allah, dan bahawasanya Muhammad itu adalah Rasulullah SAW, dan jika mereka mentaati mu dalam hal ini, barulah engkau memberitahu mereka bahawasanya Allah telah memfardukan ke atas mereka lima solat pada tiap siang dan malam, dan jika mereka mentaati mu dalam hal ini, barulah engkau memberitahu mereka bahawasanya Allah memfardukan ke atas mereka sedekah (zakat) yang akan diambil dari pada orang kaya mereka lalu diberikan kepada yang fakir mereka dan jika mereka semua mentaati mu dalam hal ini juga, maka awaslah engkau dari mengambil ternakan mereka yang bagus-bagus, dan takutilah Allah dari doa orang yang teraniaya kerana tiada dinding di antaranya dengan Allah. [81]

Di dalam hadis di atas Rasulullah SAW mengarahkan Muaz supaya memungut zakat daripada golongan yang kaya untuk diagihkan kepada golongan fakir. Ia tidak diserahkan kepada pembayar zakat untuk mengagih-agihkannya sendiri. Menurut Ibn Hajar pemerintah

---

[80] *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (2007), 8.

[81] Hadis riwayat al-Bukhari, *Sahih Bukhari*, Jilid 4. no. hadis 1490, Terj Syed Ahmad Semait (Kuala Lumpur: Pustaka Nasional, 2006), 1802.

University of Malaya

yang akan menguruskan pungutan dan pengagihan zakat dan mana-mana yang engkar zakat boleh dipungut secara paksa.[82] Ketika zakat difardukan pada tahun kedua hijrah iaitu selepas 18 bulan nabi Muhammad SAW berhijrah ke Madinah, baginda telah menghantar amil untuk memungut dan mengagih zakat.[83]

Berdasarkan kepada perbincangan di atas adalah jelas bahawa pentadbiran zakat hendaklah dibuat di peringkat pemerintah dan orang awam dikehendaki membayar kepada amil sama ada untuk tujuan kutipan dan pengagihan zakat. Asnaf amil yang merupakan asnaf penerima zakat ketiga yang dinyatakan dalam al-Quran merupakan asnaf yang terpenting dalam sistem agihan zakat kerana sesungguhnya asnaf amil inilah yang menguruskan dua tanggungjawab asas iaitu kutipan dan agihan dana zakat. Asnaf amil dianggap sebagai terpenting kerana mereka yang terlibat ini adalah terdiri daripada pegawai yang dilantik dan berkhidmat untuk mengumpul dan mengagih dana zakat berbanding asnaf-asnaf lain yang semata-mata menerima agihan sahaja. Amil zakat boleh terdiri daripada sebuah institusi, yayasan, individu atau pembayar zakat itu sendiri yang mendapat keizinan Sultan atau pemerintah yang membantu untuk mengurus serta mentadbir kutipan dan agihan zakat kepada asnaf untuk pembangunan sosio ekonomi ummah.[84]

Gerak kerja bagi memastikan amil atau kakitangan institusi zakat perlu diuruskan dengan sebaiknya kerana peranan mereka dilihat semakin berat kerana mereka memainkan peranan yang penting bagi memperkasakan pengurusan zakat khususnya dari aspek kutipan

---

[82] Mahmood Zuhdi, *Pengurusan Zakat.*, 493.

[83] Yusuf Qaraḍawi, *Fiqh az-Zakāh* Jilid 2 (Beirut: Muassasāt Ar-Risālah, 1977), 633-634.

[84] Mohd. Tamyes Abd. Wahid (Dato' Setia Hj / Dato' Seri Utama Diraja Mufti Selangor)", Tanggungjawab Amil Dalam Pengurusan Zakat Negeri Selangor" Makalah, Seminar Pemantapan Integriti dan Akauntabiliti Dalam Pengurusan Zakat Negeri Selangor, Shah Alam, 27 Ogos 2008.

University of Malaya

dan agihan. Bagi mencapai matlamat tersebut pemilihan amil adalah amat penting supaya bertepatan dengan syarak dan keperluan sebenar tugasan yang diberikan.[85]

Yūsuf al-Qaraḍāwī mengemukakan pelbagai pandangan fuqaha di dalam bukunya *Fiqh az-Zakāh* dan beliau telah merumuskan bahawa sungguhpun ulama pelbagai mazhab berselisih pendapat dalam perkara ini tetapi mereka sependapat dalam dua perkara asas iaitu:

a. Pemerintah mempunyai hak untuk meminta rakyatnya mengeluarkan zakat sama ada kepada harta zahir (harta yang bersifat fizikal seperti ternakan dan hasil pertanian) atau harta batin (harta-harta yang dalam bentuk emas, perak dan perniagaan dianggap sebagai harta-harta batin dan terpulang kepada kesedaran seseorang muslim menunaikan zakatnya), terutama apabila diketahui keadaan rakyat yang tidak mengambil berat dan mempermudahkan tuntutan pembayaran zakat.

b. Apabila urusan zakat tidak diambil berat oleh pemerintah seperti tidak menyediakan mekanisme kutipan zakat maka perintah berzakat tidak gugur atas pemilik-pemilik harta, mereka tetap wajib mengeluarkannya tetapi dilaksanakan sendiri kepada penerima yang layak.

Seterusnya beliau membuat kesimpulan bahawa pemerintah atau kerajaan Islam tidak perlu membezakan antara harta zahir dan batin dan pemerintah wajib menguruskan zakat dari semua segi sama ada kutipan atau agihan.[86] Namun begitu, beliau menyarankan supaya sebahagian daripada zakat diuruskan sendiri oleh pembayar dengan mengagihkan sebahagiannya kepada golongan yang terhampir yang memerlukan.[87]

---

[85] Azman Ab. Rahman dan Siti Martiah Anwar, "Pengurusan Institusi Zakat Dalam Konteks Presedur Pemilihan dan Perlantikan Amil Zakat di Malaysia" (makalah, International Convention on Islamic Management, Universiti Malaya, 27-28 November 2013).

[86] Yusuf Qaraḍawi, *Fiqh az-Zakāh*, 633-634.

[87] *Ibid.*, 762.

University of Malaya

Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke 56 yang bersidang pada 18-20 September 2006 telah membincangkan perkara ini dan mengambil keputusan agihan sebahagian jumlah zakat yang ditunaikan oleh individu atau syarikat secara persendirian adalah sah. Walau bagaimanapun, sebahagian besar jumlah zakat adalah digalakkan untuk dibayar kepada pihak pemerintah[88].

Perkara ini turut dibincangkan di peringkat Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan Ke-76 yang bersidang pada 21 - 23 November 2006 telah membuat keputusan berikut:

> Dari segi siasah dan maslahat, zakat merupakan pemangkin kepada ekonomi umat Islam. Peraturan dan undang-undang yang telah ditetapkan oleh pemerintah atau Ulil Amri adalah demi menjaga hak dan kepentingan zakat tersebut. Walaupun dari segi syarak, mengagihkan zakat secara persendirian tanpa melalui pemerintah adalah sah sekiranya diagihkan kepada asnaf yang layak, tetapi perbuatan melanggar peraturan dan undang-undang pemerintah dalam perkara kebaikan adalah berdosa, kerana di dalam Islam patuh dan taat kepada pemerintah atau Ulil Amri dalam perkara kebaikan adalah wajib.[89]

Berdasarkan kepada perbincangan di atas adalah jelas bahawa PLC dituntut untuk membuat pembayaran zakat melalui institusi zakat yang ada di Malaysia yang disediakan oleh pemerintah. Institusi zakat di Malaysia telah memberikan pelbagai kemudahan kepada para pembayar zakat selain pengagihan zakat yang dibuat dengan baik dan memuaskan[90]. Peranan amil di Malaysia dalam memperkasa pengurusan kutipan dan agihan terbukti berkesan kerana dalam banyak kajian mendapati institusi zakat berjaya memainkan peranan mereka

---

[88] Minit Mesyuarat Panel Kajian Syariah, JAKIM kali ke 56 yang bersidang pada 18-20 September 2006.

[89] e-fatwa, "Hukum Mengagihkan Zakat Secara Persendirian Dan Qada Zakat" laman sesawang *e-fatwa*, dicapai11 Disember 2013, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-mengagihkan-zakat-secara-persendirian-dan-qada-zakat.

[90] Abdul Halim Mohamad Nor et al., "Prestasi Pengagihan Dana Zakat di Malaysia" di dalam *Isu Kontemporari Zakat di Malaysia* Jilid 1 (Melaka, Institusi Kajian Zakat Malaysia, 2005), 237.

University of Malaya

dengan baik.[91] Institusi zakat juga sentiasa memperkemaskan pengurusan mereka dengan memastikan mereka menepati piawaian antarabangsa seperti MS ISO 9002.[92]

Institusi zakat juga didapati berjaya memainkan peranan sebagaimana yang dituntut oleh syarak sama ada dalam konteks kutipan dan agihan zakat. Ia juga dilihat memenuhi fungsi amil yang sebenar sebagaimana yang pernah dilaksanakan di zaman Rasulullah. Perkembangan institusi zakat terus pesat dengan penambahan operasi dan kemudahan yang ditawarkan kepada orang ramai selain institusi zakat turut mengadaptasi pengurusan moden tanpa mengesampingkan keperluan syarak dan ini bertepatan dengan *Maqāṣid Syari'yyah* dalam memelihara *ḍarūriyyat, hājiyāt* dan *tahsīniyyāt* umat Islam.[93]

2.4.2 Pentadbiran Zakat di Malaysia

Pengurusan zakat di Malaysia telah bermula sejak era pra kolonial lagi. Pengurusan zakat ketika itu tidak ditadbir secara formal dan pada ketika itu pembayar zakat akan membayar zakat kepada ustaz atau guru agama (bertindak sebagai amil) dan mereka akan mengagihkannya kepada asnaf yang layak. [94]

Ketika zaman kolonial, pengurusan ugama termasuk urusan zakat diletakkan di bawah kuasa Majlis Agama dan Adat Istiadat Melayu setiap negeri. Majlis ini bertindak menguruskan hal ehwal agama dan adat istiadat negeri masing-masing dan ini menjadikan urusan zakat dan hal ehwal zakat diuruskan oleh negeri masing-masing.[95] Ini secara langsung

---

[91] Ahmad Zikri Ahmad Rafai, "Peranan Institusi Zakat Sebagai Asnaf Amil: Kajian Terhadap Lembaga Zakat Selangor" (disertasi Sarjana Ekonomi, Universiti Malaya, 2007), 42-44.

[92] Azlina Ali, "Peranan dan Pentadbiran Pusat Zakat Selangor 1994-2004" (disertasi sarjana Jabatan Sejarah, Universiti Malaya, 2009), i.

[93] Hairullfazli Mohammad Som, "Amil Dalam Institusi Zakat Kontemporari: Kajian di Lembaga Zakat Selangor (LZS)" (Disertasi Sarjana, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya (2009), 97-103.

[94] Mohamed Abdul Wahab et al., "Malaysia" (A Case study of Zakah Management), in: el-Ashker and Sirajul Haq (eds.), *Institutional Framework of Zakah: Dimensions and Implications* (Jeddah, IRTI/ IDB, 1995), 297-378.

[95] *Ibid.*

University of Malaya

menjadikan majlis agama Islam setiap negeri sebagai institusi yang diamanahkan menguruskan zakat bagi negeri masing-masing.

Sebelum tahun 1990an prestasi kutipan dan agihan zakat adalah rendah dan sumber utama zakat adalah daripada kutipan zakat fitrah dan zakat padi manakala sektor perniagaan dan perkhidmatan tidak diberi penekanan. Pada masa yang sama kutipan zakat adalah bermusim iaitu hanya fokus kepada bulan Ramadhan dan semasa musim menuai. Pengurusan zakat yang ada adalah mengikut amalan tradisi yang bergantung kepada amil individu yang akan melaksanakan kutipan dan pengagihan mengikut kariah. Manakala bagi kakitangan Bahagian Baitulmal pada masa tersebut tidak memberikan fokus kepada tugasan mengendalikan zakat di mana mereka turut melaksanakan tugasan lain termasuk wakaf.[96]

Dengan tertubuhnya Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan mulai tahun 1991, pengurusan institusi zakat mula mengalami perubahan di mana sebahagian negeri mewujudkan entiti berbeza (penswastaan) bagi menguruskan kutipan dan/atau agihan bagi pihak Majlis Agama Islam.[97] Penubuhan institusi zakat yang lain adalah Lembaga Zakat Selangor (MAIS) dahulunya dikenali Pusat Zakat Selangor (PZS) yang ditubuhkan mulai tahun 1994, Pusat Urus Zakat (PUZ) di Pulau Pinang mulai tahun 1994, Pusat Kutipan Zakat (PKZ) Pahang mulai tahun 1995, Pusat Zakat Melaka (PZM) mulai tahun 1996 dan Pusat Zakat Negeri Sembilan (PZNS) mulai tahun 1998.[98]

Polisi penswastaan ini mengambil beberapa langkah iaitu memberi tugasan khusus kepada kakitangan, penggunaan teknologi terkini, mengurangkan birokrasi dan memperkasa

---

[96] Azman Ab Rahman Mohamad H. Alias dan S. Mohd. Najib S.Omar, "Zakat Institution in Malaysia: Problems and Issues", *Global Journal Al-Thaqafah* (GJAT) 2, no. 1 (2012), 35

[97] Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad, "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", *International Journal of Management Studies* 13, no. 2 (2006), 179.

[98] Fadzila Azni Ahmad, "Kaedah Pengurusan Institusi-institusi Pembangunan Berteraskan Islam di Malaysia" (tesis kedoktoran, Universiti Sains Malaysia, 2009), 13.

University of Malaya

kakitangan. Mereka juga mempunyai skim perkhidmatan yang kompetitif bagi menarik kakitangan mahir. Tindakan ini telah dapat meningkatkan kreativiti dan inovasi dalam penghasilan mutu kerja.[99] Pengurusan zakat di Malaysia tidak lagi bersifat tradisional kerana berdasarkan kepada pengalaman Lembaga Zakat Selangor (MAIS) mereka telah mengorak langkah jauh dengan mengamalkan ciri-ciri urus tadbir korporat sebagaimana institusi korporat sebenar[100].

Pengurusan zakat adalah terletak di bawah bidang kuasa dan tanggungjawab negeri-negeri. Kebanyakan negeri, pengurusan zakat terletak di bawah Majlis Agama Islam Negeri-negeri dan terdapat juga di setengah negeri diwujudkan institusi khas yang agak tersendiri dari Majlis Agama Islam Negeri. Perlaksanaan segala dasar dan kegiatan Majlis Agama Islam di sesebuah negeri berkenaan dilaksanakan melalui enakmen pentadbiran agama Islam negeri dan dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Agama Islam mahupun Majlis Agama Islam sendiri di setiap negeri. Jabatan Agama Islam ini adalah terletak di bawah kerajaan negeri yang mana ia bertanggungjawab ke atas segala urusan berkaitan dengan kegiatan Islam di negeri berkenaan termasuklah di dalam pengendalian urusan zakat di sebahagian negeri.[101]

Walaupun kuasa mentadbir hal ehwal zakat adalah tertakluk kepada kuasa negeri-negeri tetapi pihak Kerajaan Persekutuan telah mengambil inisiatif untuk menyelaraskan dan menambah baik pengurusan zakat di Malaysia dengan menubuhkan Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). Penubuhan jabatan ini merupakan titik permulaan dalam usaha Kerajaan Persekutuan membantu memajukan harta umat Islam sebagai sumber kekayaan dan

---

[99] Ahmad Shahir Makhtar dan Shofian Ahmad, "Transformasi Pengurusan Zakat di Malaysia" (makalah, International Islamic Development Management Conference (IDMAC) anjuran Universiti Sains Malaysia, 21-22 Disember 2010).

[100] Mohamed Izam Mohamed Yusof, "Pengurusan Zakat Di Negeri Selangor: Mengorak Langkah Meneraju Perubahan" (makalah, International Islamic Development Management Conference (IDMAC 2010): Zakat Transformation: From Subsistence to Productive, Disember 22, 2010).

[101] Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran" (makalah, Konvensyen Kebangsaan Perancangan dan Pengurusan Harta Dalam Islam anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 14 Julai 2010).

University of Malaya

kekuatan ummah pada masa hadapan dan ia diterjemahkan kepada misi jabatan iaitu untuk "Menjadi sebuah jabatan kerajaan terunggul dalam memacu kemajuan ummah menerusi pengukuhan institusi Wakaf, Zakat, Mal dan Haj/Umrah bertaraf dunia".[102] Antara sumbangan JAWHAR dalam meningkatkan kualiti pengurusan zakat adalah dengan menghasilkan pelbagai manual sebagai garis panduan negeri-negeri dan 4 daripada 18 manual yang dibangunkan adalah mengenai zakat iaitu Manual Pengurusan Zakat Perbankan, Manual Pengurusan Pengiraan Zakat, Manual Pengurusan Model Perundangan Zakat dan Manual Pengurusan Agihan Zakat.[103]

2.4.3 Perundangan Zakat di Malaysia

Undang-undang dan penguatkuasaan zakat amat perlu dalam meningkatkan kepatuhan membayar zakat. Dengan adanya penguatkuasaan undang-undang masyarakat akan menyedari bahawa zakat merupakan suatu kewajipan serta tanggungjawab terhadap agama dan sosial yang harus ditunaikan oleh warganegara. Berkaitan dengan penguatkuasaan undang-undang, terdapat hubungan langsung di antara tanggapan individu kepada undang-undang zakat dan kebarangkalian pembayaran zakat[104].

Perlembagaan Persekutuan atau Perlembagaan Malaysia telah memperuntukkan bahawa Islam adalah agama rasmi dan DYMM Yang Di Pertuan Agung dan DYMM sultan setiap negeri adalah ketua yang mentadbir hal ehwal Islam di Malaysia sebagaimana dinyatakan di dalam Perlembagaan Malaysia, Bahagian 1 Perkara 3: Agama Bagi Persekutuan:

> 3. (1) Islam ialah agama bagi Persekutuan; tetapi agama-agama lain boleh diamalkan dengan aman dan damai di mana-mana Bahagian Persekutuan.

---

[102] Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), "Misi", laman sesawang Jabatan Waqaf Zakat dan Haji, dicapai 31 Disember 2013, http://www.jawhar.gov.my.

[103] Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), "Manual", laman sesawang Jabatan Waqaf Zakat dan Haji, dicapai 31 Disember 2013, http://www.jawhar.gov.my/sharing/p_item.php?item=Manual.

[104] Sanep Ahmad dan Zulkifli, " Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakkan Zakat: Satu Tinjauan Teori".

University of Malaya

> (2) Di dalam tiap-tiap Negeri selain Negeri-Negeri yang tidak mempunyai Raja, kedudukan Raja sebagai Ketua agama Islam di Negerinya mengikut cara dan setakat yang diakui dan ditetapkan oleh Perlembagaan Negeri itu, dan, tertakluk kepada Perlembagaan itu, segala hak, keistimewaan, prerogatif dan kuasa yang dinikmati olehnya sebagai Ketua agama Islam, tidaklah tersentuh dan tercacat; tetapi dalam apa-apa perbuatan, amalan atau upacara yang berkenaan dengannya Majlis Raja-Raja telah bersetuju bahawa perbuatan, amalan atau upacara itu patut diperluas ke seluruh Persekutuan, setiap Raja lain hendaklah atas sifatnya sebagai Ketua agama Islam membenarkan Yang di-Pertuan Agong mewakilinya.[105]

Oleh itu, zakat adalah di bawah bidang kuasa negeri di mana semua negeri di Malaysia telah memperuntukkan perkara berkaitan urusan zakat adalah di bawah peruntukan akta/enakmen di negeri masing-masing atau diletakkan di bawah enakmen khusus mengenai zakat. Sebagai contoh, Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Selangor) No. 1 Tahun 2003 Seksyen 86 di bawah sub klausa Zakat dan Fitrah menetapkan bahawa Majlis Agama Islam Negeri (MAIN) adalah pihak yang berkuasa memungut zakat dan fitrah dalam negeri Selangor mengikut hukum syarak,[106] sementara Seksyen 87 pula memberi kuasa kepada MAIN untuk menetapkan peraturan-peraturan bagi mengawal selia semua perkara yang berhubungan dengan pungutan, pentadbiran dan pengagihan zakat dan fitrah.[107]

Akta/Enakmen juga ada memperuntukkan kuasa kepada MAIN atau syarikat yang dilantik olehnya memungut zakat daripada pemilik harta dan mana-mana orang yang melanggar enakmen tersebut boleh dikenakan hukuman. Sebagai contohnya, dalam Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995 Bahagian 3 Seksyen 21 menyatakan seperti berikut:

> Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi:
>
> a. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau
>
> b. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana pihak lain yang diberi kuasa, oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah

---

[105] Undang-Undang Malaysia Perlembagaan Persekutuan, Bahagian 1, 19.

[106] Enakmen Pentadbiran Islam (Negeri Selangor) 2003, Bahagian VI.

[107] *Ibid.,*

University of Malaya

adalah melakukan suatu kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi lima ribu ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi tiga tahun atau kedua-duanya.[108]

Manakala contoh yang lain adalah Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997[109] (Akta 559), Seksyen 16 menyatakan peruntukan yang sama kecuali hukuman yang dikenakan adalah berbeza sebagaimana berikut :

Mana-mana orang yang wajib membayar zakat atau fitrah tetapi:

a. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu; atau

b. enggan membayar atau dengan sengaja tidak membayar zakat atau fitrah itu melalui amil yang dilantik, atau mana-mana orang lain yang diberi kuasa oleh Majlis untuk memungut zakat atau fitrah,

adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu ribu ringgit atau dipenjarakan tidak melebihi enam bulan atau kedua-duanya.

Walaupun telah ada peruntukan seumpama ini di Malaysia tetapi persoalannya adakah akta/enakmen ini terpakai ke atas PLC kerana Enakmen / Akta Pentadbiran Islam hanya dikenakan ke atas orang Islam. Tafsiran yang diberikan oleh Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Selangor) terhadap istilah orang Islam adalah sebagaimana berikut:

"Orang Islam" ertinya -

(a) Seorang yang menganut agama Islam
(b) Seorang yang salah seorang atau kedua-dua ibu bapanya, pada masa kelahiran orang itu, ialah orang Islam
(c) Seseorang yang lazimnya dikenali sebagai orang Islam
(d) Seorang yang telah memeluk agama Islam mengikut seksyen 108; dan
(e) Seseorang yang ditunjukkan telah menyatakan dalam hal keadaan apabila dia terikat di sisi undang-undang untuk menyatakan yang benar, bahawa dia ialah orang Islam, sama ada pernyataan itu secara lisan atau bertulis.

Berdasarkan kepada peruntukan yang ada penguatkuasaan pembayaran zakat terhadap PLC adalah sesuatu yang masih kurang jelas. Oleh yang demikian satu penyelesaian yang kongkrit dan praktikal adalah kritikal bagi memastikan kesamaran ini boleh di atasi.

---

[108] Enakmen Jenayah Syariah (Selangor) 1995, Bahagian III .

[109] Akta Kesalahan Jenayah Syariah (Wilayah-wilayah Persekutuan) 1997.

University of Malaya

2.4.4 Layanan Cukai ke Atas Pembayaran Zakat Korporat

Seseorang individu yang beragama Islam perlu menunaikan pembayaran cukai pendapatan bagi perolehan harta di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 (Akta 53) dan mereka juga dituntut untuk menunaikan zakat. Pembayaran zakat ini layak untuk mendapat rebat sebagaimana yang telah diperuntukkan di bawah Seksyen 6A(3) akta yang sama. Peruntukan rebat dapat mengurangkan beban individu menunaikan kedua-dua kewajipan. Dalam masa yang sama juga, rebat tersebut membantu meningkatkan lagi dana Baitulmal di negara ini dengan meningkatnya jumlah pembayar zakat ekoran daripada peruntukan rebet ini.[110]

Pembayaran zakat oleh syarikat perniagaan dan korporat pula diberikan layanan cukai dalam bentuk perbelanjaan yang dibenarkan iaitu tolakan daripada pendapatan agregat sehingga 2.5%. Tolakan ini diberikan mulai tahun 2005 dan telah dapat melegakan sedikit bebanan cukai yang ditanggung oleh syarikat perniagaan serta korporat yang membayar zakat.[111] Peruntukan tolakan ini diberikan di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 44 (15) sebagaimana berikut:

> "(11A) There shall be deducted pursuant to this subsection from the aggregate income of a person other than an offshore company and individual for the relevant year reduced by any deduction for that year in accordance with subsection (1) an amount equal to the payment of *zakat perniagaan* which is paid in the basis period for that relevant year to an appropriate religious authority established under any written law provided that the amount to be deducted pursuant to this subsection shall not exceed one-fortieth of the aggregate income of that person in the relevant year."[112]

Peruntukan ini dilihat masih amat minima kerana terhad kepada 2.5% sahaja berbanding pembayaran derma yang layak mendapat tolakan sehingga 10% dan zakat

---

[110] Siti Mashitoh Mahamood, "Sistem Perundangan Zakat Di Malaysia: Antara Realiti Dan Harapan" (Kertas Persidangan Zakat & Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, pada 22 Mei 2007).

[111] *Ibid.*,

[112] Akta Cukai Pendapatan 1967, Seksyen 44 (15).

University of Malaya

pendapatan individu yang mendapat rebat cukai. Bebanan yang dapat diringankan melalui peruntukan sedia adalah masih tidak memuaskan hati ramai pihak dan kurang menarik minat sektor korporat. [113]

2.5 Pengiraan Zakat Perniagaan

Urusan zakat adalah urusan yang berkaitan dengan harta kekayaan atau māl. Al-Māl dari segi bahasa[114] ditakrifkan sebagai setiap barang yang benar-benar dimiliki dan dikawal (ḥiyāzah) oleh seseorang sama ada barang itu *a'in* ataupun manfaat.[115] Zakat perniagaan merupakan satu daripada amanah terhadap harta yang diberikan oleh Allah SWT dan zakat perniagaan adalah salah satu cabang zakat harta yang diwajibkan oleh Islam. Zakat perniagaan lebih dikenali sebagai zakat harta dagangan dalam kitab fikah. Harta dagangan di sini bermaksud apa sahaja barangan yang diperniagakan bagi tujuan mencari untung. Namun begitu, zakat perniagaan ke atas harta seperti ini bukan sahaja dikenakan atas keuntungan tetapi ke atas modal sekali.[116] Perbincangan mengenai pengiraan zakat perniagaan adalah merangkumi asas pengiraan zakat secara umum dan aplikasinya terhadap PLC.

2.5.1 Asas Pengiraan Zakat Perniagaan

Ulama fikah telah menyediakan dasar umum dalam menentukan kaedah pengiraan zakat perniagaan. Namun begitu, bagi menyesuaikan dasar umum ini dengan realiti dunia perniagaan yang kompleks masa kini, kaedah pengiraan ini memerlukan kepada perbincangan yang lebih terperinci. Senario ini terjadi kerana permasalahan baru mengenai

---

[113] Ruziah Ghazali, "Rebet Cukai Zakat Perniagaan: Keberkatan Dalam Pengurusan Kewangan Negara" (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2010, 5 Oktober 2010).

[114] Wahbah al-Zuhaili, *Al-Fiqh al-Islami wa Adillatuh* Jil. 4 (Damascus: Dar al-Fikr, 1985), 40.

[115] Wahbah Zuhaili menerangkan contoh harta ain adalah seperti emas, perak, binatang dan tumbuh-tumbuhan. Contoh harta manfaat adalah menunggang, memakai dan mendiami rumah. Barang yang tidak dikawal oleh seseorang, tidak dinamakan harta dari segi bahasa seperti burung di udara, ikan di dalam air, pokok dihutan dan galian di perut bumi.

[116] Mahmood Zuhdi Abdul Majid, *Pengurusan Zakat* (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2003), 205.

University of Malaya

zakat ini akan sentiasa wujud dan memerlukan kepada penyelesaian yang secara teorinya adalah boleh disandari dan secara praktikalnya adalah boleh dilaksanakan.[117]

Muhammad Kamal Athiyah[118] merupakan antara penulis yang awal menampilkan pendekatan yang lebih kontemporari dalam membuat taksiran zakat perniagaan dengan menerapkan prinsip perakaunan dalam pengiraan zakat. Beliau menggariskan prinsip ilmiah dalam sistem perakaunan zakat, pengiraan bagi harta alih dan tidak alih. Pendekatan yang dikemukakan oleh beliau menjadi asas kepada pengiraan zakat perniagaan kontemporari masa kini. Usaha beliau diteruskan oleh Husayn Shihatah dan Abd as-Sattar Abu Ghuddah melalui buku A Guide to Accounting Zakah.[119] Mereka memperkenalkan kaedah pengiraan zakat mengikut sektor iaitu perdagangan, industri dan lain-lain aktiviti ekonomi melalui satu pendekatan mudah dan mampu difahami oleh orang awam.

Secara praktisnya kaedah pengiraan zakat perniagaan adalah mengikut amalan di setiap negeri namun Jabatan Wakaf Zakat dan Haji (JAWHAR) telah menghasilkan satu panduan untuk diguna pakai oleh negeri-negeri bagi menyelaraskan kaedah pengiraan zakat perniagaan. Taksiran zakat perniagaan yang diperkenalkan dibuat berasaskan kepada modal dan perkembangan atas modal. Sumber modal boleh disediakan melalui dana pemilik perniagaan, dana dari pelaburan luar dan dana berbentuk pinjaman. Bentuk-bentuk modal ini memberi kuasa penuh kepada pengurusan organisasi untuk menggunakan wang modal itu bagi menjalankan perniagaan. Sekiranya keseluruhan modal ini digunakan untuk aktiviti

---

[117] Monzer Kahf, "Zakat: Unresolved Issues in the Contemporary Fiqh", *Journal of Islamic Economics* 2, no. 1 (1989), 1-22.

[118] Muhammad Kamal 'Atiyah, *Perakaunan Zakat – Teori dan Praktis: Hālāt Tatbīqiyah Fi Muhasabāt al-zakāh*, terj. Mohd. Nor Ngah (Kuala Lumpur; Dewan Bahasa dan Pustaka, 1995).

[119] Husayn Shihatah dan Abd as-Sattar Abu Ghuddah, *A Guide To Accounting Zakah* (Cairo: Al-Falah Foundation For Translation, 2004).

University of Malaya

perniagaan secara langsung, maka modal dan keuntungan bersih / kerugian perniagaan akan tertakluk kepada taksiran zakat sebagai sesuatu harta yang berkembang.[120]

Selain itu, biasanya sebahagian dari modal tidak digunakan untuk tujuan perniagaan secara langsung iaitu kerana aktiviti perbelanjaan modal seperti pembinaan kilang dan bangunan, pembelian mesin, peralatan dan seumpamanya yang dalam istilahnya disebut sebagai perbelanjaan modal. Syarikat mungkin juga terlibat dalam penubuhan anak-anak syarikat atau pelaburan bukan jangka pendek. Bahagian yang akan digunakan dalam operasi harian perniagaan adalah merupakan modal kerja iaitu aset semasa dan liabiliti semasa. Dari segi perakaunan, aset semasa menunjukkan kedudukan aset milik perniagaan dari segi undang-undangnya pada tarikh akaun disediakan. Sedangkan liabiliti semasa menunjukkan semua liabiliti yang akan matang dalam tempoh 12 bulan yang akan datang, tanpa membezakan asal liabiliti itu datangnya dari urus niaga operasi atau pun tidak.[121]

Penaksiran zakat adalah bagi tempoh masa perniagaan yang telah berlalu. Oleh yang demikian, yang relevan untuk penaksiran zakat adalah aktiviti perniagaan setahun yang lalu dan sehingga tarikh akaun di tutup. Ini bermaksud bahawa apa-apa liabiliti operasi yang ada kaitan dengan operasi tahun yang telah berlalu adalah dibenarkan untuk ditolak dalam penaksiran. Begitu juga dalam soal berkembangnya modal yang diukur dari nilai keuntungan bersih, adalah dibenarkan tolakan bagi semua kos dan belanja operasi, termasuk yang terakru atau yang belum dijelaskan liabilitinya.[122]

Menurut Syeikh Muhamad Arshad Al-Banjari[123] perniagaan adalah bidang yang luas merangkumi pelbagai jenis perniagaan yang dikenakan zakat sama ada makanan, tanah,

---

[120] Manual Pengurusan Zakat Perbankan, Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji, 15.

[121] *Ibid.,*

[122] *Ibid.,*

[123] Sheikh Muhamad Arshad Al-Banjari (1710 M - 1812 M) adalah ulamak ulung Asia Tenggara abad ke 18. Beliau merupakan mercu tanda kepimpinan agama di Nusantara. Kitab *Sabīlal Muhtadīn* karangan beliau

University of Malaya

bangunan, kenderaan, peralatan dan sebagainya. isu jenis atau sektor perniagaan tidak menjadi soal kerana zakat harta perdagangan diperhitungkan dari nilainya dan bukan bendanya. Kerana itu tidak boleh mengeluarkan zakat barang dagangan dari benda yang diperdagangkan.[124]Pandangan ini menjadi panduan dalam menentukan kaedah pembayaran zakat perniagaan di mana pembayaran zakat dalam bentuk barangan adalah tidak digalakkan.

2.5.2 Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan

Terdapat dua pendekatan bagi mengira zakat perniagaan iaitu menggunakan Kaedah Modal Berkembang (*Urfiyyah*) iaitu mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan bagi item-item tertentu, sama ada di campur atau sebaliknya. Di dalam istilah yang lebih ringkas ialah modal dicampurkan dengan keuntungan. Kaedah ini dinamakan Model Berkembang yang diringkaskan melalui persamaan berikut:-[125]

Harta Perniagaan Yang Tertakluk Kepada Pengiraan Zakat = Modal Terkini = Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Bukan Semasa +/-Pelarasan

Pilihan pendekatan yang kedua adalah mengambil kira kedudukan Harta Semasa Perniagaan yang bersih iaitu Kaedah Modal Kerja yang mengambil kira kedudukan aset semasa perniagaan, ditolak dengan tanggungan semasa perniagaan dan dibuat pelarasan ke atas beberapa item aset semasa dan tanggungan semasa atas sebab beberapa perkara yang berkaitan dengan zakat yang perlu diambil kira. Pelarasan ini dibuat sama ada dengan mencampurkan item-item yang telah dikenal pasti perlu ditambah ataupun dibuat tolakan. Kedah ini di namakan Model Modal Kerja yang diringkaskan melalui persamaan berikut:

---

menjadi pegangan rasmi umat Melayu-Islam dalam kerajaan Banjar dan telah dimashurkan sebagai kitab pegangan rasmi fiqh ibadat Mazhab Shafi'i seluruh zon Nusantara.

[124] Sheikh Muhamad Arshad Al-Banjari, *Sabīlal Muhtadīn*, Disalin semula oleh Asywadie Syukur (Kuala Lumpur: Thinkers Libarary Sdn Bhd, 1987), 672.

[125] Lembaga Zakat Selangor, *Panduan Zakat Perniagaan* (Shah Alam: Lembaga Zakat Selangor, 2007), 19-20.

University of Malaya

Harta Perniagaan Yang Tertakluk Kepada Pengiraan Zakat = Aset Semasa Bersih = Aset Semasa - Liabiliti Semasa +/- Pelarasan

Kedua-dua kaedah ini, sebenarnya akan memberikan taksiran zakat yang sama kerana dari segi perakaunan nilai kedua-duanya adalah diperoleh dari penyata kewangan yang sama. Ia digambarkan melalui Rajah 2.1 berikut:-

Rajah 2.1Persamaan Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan

Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang – Aset Tetap – Aset Bukan Semasa	=	Aset Semasa – Liabiliti Semasa
Kaedah Modal Berkembang (*Urfiyyah*)	=	Kaedah Modal Kerja (*Syar'iyyah*)

Sumber: Manual Pengiraan Zakat Perbankan[126]

Pelarasan perlu dibuat kerana perincian di dalam klasifikasi aset terlibat dibuat mengikut amalan perakaunan manakala zakat mempunyai pendekatan yang berbeza. Oleh itu, semua item yang terlibat di dalam pengiraan zakat perlu disemak semula dan dibuat pelarasan balik berdasarkan kepada syarat pengiraan zakat perniagaan yang digariskan oleh syarak dan pelarasan bagi item harta semasa dibuat berdasarkan kepada perkara berikut:-

Jadual 2.1Pelarasan Bagi Aset Semasa Dalam Pengiraan Zakat Perniagaan

Bil	**Perkara**	**Perincian**
1	Barang-barang Tidak Wajib Zakat	Hendaklah dikeluarkan seperti barang-barang dan hasil yang haram umpama riba, judi dan arak
2	Bukan Milik Sempurna	Bayaran deposit air, deposit telefon, elektrik dan lain-lain yang seumpamanya hendaklah ditolak kerana ia tidak memenuhi

[126] Manual Pengurusan Zakat Perbankan (Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2007), 17.

University of Malaya

Bil	Perkara	Perincian
		syarat-syarat milik sempurna. (Zakat hanya tunduk kepada penerima deposit yang berkenaan seperti Telekom, TNB).
3	Penghutang Kewangan	Wang yang dipinjamkan akan dikenakan zakat atas si peminjam berdasarkan bahawa ciri-ciri milik sempurna aset tersebut berpindah ke si peminjam. Si peminjam berkuasa dan bebas untuk menguruskan wang itu untuk sebarang tujuan dan mendapat manfaat di atas pinjaman itu.
4	Tiada Item Yang Dikenakan Zakat Dua Kali	Nilai dividen yang sudah dibayar zakat oleh syarikat yang dilaburkan akan ditolakkan
5	Aset Semasa Mestilah Yang Produktif	Hutang lapuk, stok lupus, penurunan nilai yang ketara dan kekal hendaklah ditolak
6	Tabung-tabung Yang Bersifat Kebajikan	Tabung bagi tujuan kebajikan seumpama khairat, pendidikan yang terdapat dalam aset semasa dikecualikan dari zakat. Walau bagaimanapun, tabung kebajikan yang bersifat pusingan seperti pinjaman Qardul Hasan, amaun yang dikecualikan zakat adalah nilai pokok yang dimanfaatkan manakala bagi tabung kebajikan yang bersifat "hangus" melalui pemberian derma, khairat maka hanya nilai baki tabung yang dikecualikan.
7	Bagi Kategori Inventori / Stok	Barangan akhir siap sahaja diambil kira; manakala stok bahan mentah serta kerja dalam proses tidak diambil kira.
8	Sumbangan	Semua sumbangan, derma dan sedekah yang dibuat oleh entiti perniagaan tersebut pada akhir haul (sukuan terakhir) perlu dicampurkan semula (dengan andai derma itu tidak menggugat kecairan syarikat) ke dalam harta semasa kerana harta semasa yang disalurkan untuk kebajikan masih dikenakan zakat kecuali kalau sumbernya adalah dari tabung kebajikan.

Sumber: Manual Pengurusan Zakat Perbankan[127]

Institusi zakat di Malaysia menggunakan pandangan Imam Syafii yang berpendapat bahawa tidak ada syarat hutang dalam menentukan sama ada harta tersebut layak nisab atau

[127] Manual Pengurusan Zakat Perbankan (Putrajaya: Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR), 2007), 20-22.

University of Malaya

sebaliknya. Oleh itu, hutang kewangan bukan merupakan liabiliti perdagangan dan ia tidak menghalang kewajipan zakat. Oleh yang demikian, itu item liabiliti semasa yang perlu diselaraskan adalah sebagaimana berikut:-

Jadual 2.2 Pelarasan Bagi Liabiliti Semasa Dalam Pengiraan Zakat Perniagaan

Bil	**Perkara**	**Perincian / Justifikasi**
1	Dividen yang dicadangkan (*Dividend Payable*)	Sumber milik sempurna
2	Overdraf	Sumber milik sempurna
3	Pajakan kewangan / modal *(Financial / Capital Lease)*	Sumber milik sempurna
4	Hutang Kewangan *(Financial Loan)*	Sumber milik sempurna
5	Pengelasan semula pinjaman	Sumber milik sempurna

Sumber: Manual Pengurusan Zakat Perbankan[128]

Selain itu, Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB)[129] telah mengeluarkan garis panduan bagi membuat taksiran zakat perniagaan melalui *Technical Release* yang dikenali TR *i*-1 *Accounting for Zakat on Busines.*[130] TR*i*-1 ini hanya terpakai dalam konteks pembayaran zakat oleh entiti dalam kapasiti entiti terpisah (*separate entity*) yang menjalankan perniagaan hasil perbincangan bersama institusi zakat dan pendekatan yang digunakan bagi membuat taksiran zakat adalah sama dengan yang dilaksanakan oleh institusi zakat. Ini boleh dikatakan bahawa pengiraan zakat perniagaan di Malaysia kini telah selaras sebagaimana kajian oleh Syed Mohd. Ghazali Wafa yang telah membuat kajian perbandingan

[128] *Ibid.*

[129] Juga dikenali dengan nama Malaysia Accounting Standard Board. MASB ini ditubuhkan di bawah Akta Laporan Kewangan (Financial Reporting Act) 1997 yang bertindak sebagai badan yang bebas untuk membangunkan dan mengeluarkan standard pelaporan kewangan di Malaysia. MASB bersama Yayasan Laporan Kewangan (Financial Reporting Foundation (FRF)) menghasilkan rangka kerja laporan kewangan untuk diguna pakai oleh syarikat-syarikat di Malaysia. Kerangka kerja ini mengandungi proses struktur pembangunan standard termasuk penyedia, pengguna, badan penguasa dan para akauntan.

[130] Malaysia Accounting Standard Board, "MASB Technical Release (TR-*i*1), Klausa BC8" laman sesawang Malaysia Accounting Standard Board, dikemaskini 25 Disember 2013, dicapai 26 Disember 2013, http://www.masb.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id=172:tr-i-1-accounting-for-zakat-business-pg7&catid=10:technical-releases&Itemid=87.

University of Malaya

di antara syarat penaksiran zakat perniagaan di Malaysia dengan *Financial Accounting Standard* (FAS) 9 *Accounting and Auditing Organization for Financial Islamic Institutions* (AAOIFI). Kajian ini memperincikan pendekatan pengiraan zakat perniagaan keduanya dan mendapati kaedah keduanya berbeza tetapi menghasilkan keputusan yang sama.[131]

Namun begitu, aspek kepatuhan syarikat terhadap garis panduan yang diberikan oleh pihak berkuasa zakat negeri dan Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) adalah satu isu yang berbeza. Abdullah Ibrahim[132] telah menjalankan kajian bagi mengetahui tahap kepatuhan syarikat GLC terhadap garis panduan pengiraan zakat perniagaan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa zakat dan *Technical Release* (TR-i) yang dikeluarkan oleh Malaysian Accounting Standard Board (MASB). Hasil kajian terhadap 33 buah syarikat menunjukkan secara keseluruhannya tidak mengikuti garis panduan yang telah digariskan. Dalam kajian lain oleh Abdullah Ibrahim terhadap persepsi pengamal perakaunan tentang MASB Tri-1 mendapati pengamal perakaunan ini tanpa mengira agama berminat untuk mengetahui dan mempraktikkan standard ini.[133] Dalam kajian yang dibuat oleh Nur Barizah mendapati, kepentingan perakaunan yang selaras mengenai zakat dengan mewujudkan Zakat Accounting Standard (ZAS) adalah sesuatu yang begitu kritikal. Tanpa kesungguhan semua pihak yang terlibat usaha ini tidak akan dapat direalisasikan.[134]

Dari aspek lain Mohd. Akhyar Adnan dan Nur Barizah telah membuat kajian mengenai layanan perakaunan terhadap zakat korporat sebagaimana yang telah digariskan

---

[131] Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa, "Kajian Perbandingan Syarat Penaksiran Zakat Perniagaan di Malaysia Dengan FAS 9 AAOIFI", dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan* ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi Selangor, Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 289-324.

[132] Abdullah Ibrahim, Abdul Aziz Abdullah, Mohd. Rizuan Abdul Kadir dan Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa "Assessing Financial Reporting on Adopting Business Zakat Guidelines on Malaysian Government Linked Companies", *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 24 (2012), 220-230.

[133] Abdullah Ibrahim, Mohd. Rizuan Abdul Kadir dan Abdul Aziz Abdullah, "Perception of Accounting Practitioners on MASB Tri", *International Journal of Humanities and Social Science* 3, no. 2 (2013), 247-253.

[134] Nur Barizah Abu Bakar, "A Zakat Accounting Standard (ZAS) for Malaysian Companies", *The American Journal of Islamic Social Sciences* 24, no. 4 (2007), 74.

University of Malaya

dalam standard perakaunan. Hasil dapatan kajian mendapati banyak kekeliruan dan ketidakfahaman tentang zakat yang bercanggah dengan garis panduan perakaunan dan tuntutan syarak. Apa yang lebih membimbangkan ialah kesan daripada ketidaktepatan pelaksanaan zakat ini ia memberi implikasi kepada masyarakat Islam.[135] Namun begitu, pandangan ini boleh disangkal kerana penghasilan kaedah pengiraan sama ada yang di institusi zakat, JAWHAR dan MASB adalah selaras dan telah melalui pelbagai penapisan daripada pelbagai tokoh dan dari pelbagai bidang.

Namun begitu, pandangan Ahmad Othman dan Sanep Ahmad yang membuat penilaian semula terhadap taksiran zakat perniagaan korporat boleh dipertimbangkan. Kajian ini dibuat bagi menghasilkan satu nilai taksiran yang seragam di Malaysia dan hasil kajian mendapati layanan terhadap hutang kewangan dan inventori adalah tidak konsisten di dalam pengiraan zakat. Inventori yang tidak menerima layanan yang konsisten adalah bahan mentah dan produk siap guna. Kajian ini mencadangkan supaya hutang kewangan diberi layanan yang sama dengan hutang inventori, bahan mentah dan produk spara siap.[136]

Aspek lain yang boleh dilihat dalam konteks pengiraan zakat perniagaan ini adalah isu kaedah penilaian harta perniagaan di dalam membuat pengiraan zakat. Perkara ini penting sama ada ia dikira berasaskan kepada harga semasa atau pada harga belian (*historical cost*).[137] Kajian mendapati kaedah ini akan merugikan penerima zakat kerana kadar zakat dan kajian ini mencadangkan untuk semua pihak menggunakan nilaian harga semasa. Cadangan ini adalah berasas kerana jumhur ulama mengatakan jika ada pertembungan antara dua

---

[135] Muhammad Akhyar Adnan, "Accounting Treatment For Corporate Zakat: A Critial Review", *International Journal of Islamic and Middle Eastern Finance and Management* 2, no.1 (2009), 32-45.

[136] Ahmad Othman dan Sanep Ahmad, "Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran Yang Seragam Di Malaysia", *Journal Syariah* 18, no. 3 (2010), 565-584.

[137] Rohila@Norhamizah Awang and Mohd. Zulkifli Mokhtar, "Comparative Analysis of Current Values and Historical Cost in Business Zakat Assessment: An Evidence from Malaysia." *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 7 (2012), 286-298: Rashidah Abdul Rahman dan Rohila Awang. "Assessing Business Zakat at Pusat Zakat Selangor: Between Theory and Practice", *Journal of Financal Reporting and Accounting* l, no.1 (2003), 33-48.

University of Malaya

pilihan, keputusan yang diambil hendaklah yang menguntungkan fakir miskin.[138] Namun begitu, ia adalah begitu idealistik kerana standard piawaian perakaunan yang dikeluarkan MASB adalah menggunakan harga belian dan semua penyata kewangan yang disediakan oleh syarikat juga adalah berdasarkan kepada harga belian. Cadangan ini hanya boleh direalisasikan jika standard piawaian perakaunan di Malaysia meminda garis panduan sedia ada.

Perkara utama lain yang perlu turut diambil kira dalam pengiraan zakat perniagaan adalah isu yang berkaitan dengan pemilikan dan perkongsian sebagaimana amalan syarikat korporat masa kini terutama di PLC. Hasil kajian Sanep Ahmad mendapati terdapat perbezaan pandangan ulama tentang pengenaan zakat bagi mencampurkan atau memisahkan harta syarikat dalam menaksir bayaran zakat. Mana-mana pandangan boleh diikuti dengan syarat tidak mempunyai helah untuk mengelakkan zakat. Sekiranya syarikat tidak membayar zakat maka para pemegang saham wajib mengeluarkan zakat mengikut pemilikan ekuiti masing-masing. Bagi syarikat mudarabah, zakat dikenakan ke atas entiti syarikat sebelum pembahagian keuntungan dilakukan antara pemodal dan pengusaha.[139] Hasil kajian ini selaras dengan keputusan fatwa zakat perniagaan oleh Majlis Fatwa Kebangsaan. Apabila entiti perniagaan membuat pembayaran zakat jumlah zakat yang dibayar diiktiraf sebagai perbelanjaan yang ditolak daripada pendapatan bersih syarikat yang dinyatakan di dalam penyata pendapatan. Layanan ini adalah selaras dengan definisi perbelanjaan yang digariskan iaitu sebarang pengurangan daripada manfaat ekonomi dalam tempoh perakaunan dalam bentuk wang keluar selain daripada agihan ekuiti.[140]

---

[138] Wahbah al-Zuhailī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa-Adillatuh*, 794.

[139] Sanep Ahmad dan Ahmad Othman, "Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran Zakat Yang Seragam Di Malaysia" *Jurnal Syariah* 18, no. 3 (2010), 565-584.

[140] Malaysia Accounting Standard Board, "MASB Technical Release (Tr *i*1), Perkara BC 9", laman sesawang Malaysia Accounting Standard Board, dicapai 26 Disember 2013.

University of Malaya

Selain itu, kaedah pengiraan zakat tidak mempunyai kaitan dengan Akta Cukai Pendapatan 1967 sebagaimana hasil kajian oleh Zahari Hamat[141] kerana hasil kajiannya mendapati kaedah perkiraan adalah berbeza begitu juga dari aspek sumber kerana zakat dikira berdasarkan kepada aset semasa syarikat berbanding cukai yang dikira berasaskan kepada keuntungan syarikat.

2.5.3 Pengiraan Zakat Syarikat Tersenarai Awam

Prinsip asas dan kaedah pengiraan zakat PLC adalah sama dengan pendekatan pengiraan zakat perniagaan sebagaimana dibincangkan di atas. Contoh pengiraan zakat ke atas PLC bagi kajian ini menggunakan penyata kewangan sebuah PLC yang sebenar dan kaedah kiraan yang dibuat adalah mengikut amalan Lembaga Zakat Selangor (MAIS).[142]

Keterangan mengenai langkah pengiraan zakat perniagaan mengikut contoh yang diberikan[143] adalah sebagaimana berikut:

a. Pengiraan zakat di dibuat mengikut kaedah Syari'yyah iaitu model Modal Kerja.
b. Langkah pertama yang dibuat adalah mengenal pasti jumlah aset semasa bersih sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara A.
c. Seterusnya dibuat pelarasan mengikut item-item yang telah ditetapkan sebagaimana Perkara B, C, D, E dan F. Dalam realiti sebenar lebih banyak item pelarasan dapat dibuat melalui proses temuduga dengan pihak dalaman syarikat kerana sebahagian item yang sepatutnya dibuat pelarasan memerlukan dokumen sokongan selain Laporan Tahunan.

---

http://www.masb.org.my/index.php?option=com_content&view=article&id=172:tr-i-1-accounting-for-zakat-business-pg7&catid=10:technical-releases&Itemid=87.

[141] Zahri Hamat, "Business Zakat Accounting and Taxation in Malaysia" (makalah, Conference on Islamic Perspectives on Management and Finance, anjuran School of Management, University of Leicester, United Kingdom, 2-3 Julai 2009).

[142] Amalan institusi zakat yang menjadi rujukan kajian ini adalah mengikut amalan Lembaga Zakat Selangor (LZS). Pengiraan ini dibuat oleh Sektor Perniagaan, Pejabat Kutipan LZS. Nama sebenar syarikat tidak dimaklumkan di dalam kajian ini.

[143] Sabirin Mohamad Sarbini, Pengurus, Sektor Perniagaan, Pejabat Kutipan, Lembaga Zakat Selangor. Wawancara pada 1 Disember 2013.

University of Malaya

Bagi contoh ini kajian ini mengambil maklumat yang disediakan di dalam Laporan Tahunan PLC sahaja.

d. Hasil pelarasan satu jumlah baru diperolehi iaitu jumah aset bersih yang layak untuk dizakatkan.

e. Seterusnya jumlah ini dibandingkan dengan nisab. Jika melebihi nisab maka zakat perniagaan tersebut dikenakan zakat sebagaimana di dalam Perkara G.

f. Jumlah atau peratusan pemilikan muslim diperolehi sebagaimana di dalam Perkara H. Jumlah ini merujuk kepada dokumen pemilikan 30 saham tertinggi yang dinyatakan di dalam Laporan Tahunan.

g. Untuk mendapat jumlah sebenar harta yang perlu dizakatkan adalah Perkara G didarab dengan Perkara H.

h. Zakat dikenakan pada kadar 2.5% daripada jumlah nilaian harta sebenar mengikut pemilikan.

University of Malaya

Rajah 2.2 Contoh Pengiraan Zakat Perniagaan PLC

PENGIRAAN ZAKAT UNTUK : ABC HOLDINGS BHD
BAGI TAHUN BERAKHIR : SEBAGAIMANA PADA 31 DISEMBER 2014

ASET SEMASA (DI DALAM LEMBARAN IMBANGAN)	**A**	91,891,000.00
PELARASAN UNTUK ITEM ASET SEMASA BERSIH (DITOLAK)		
Item Ditolak Kerana Milik Tidak Sempurna		
Prabayar – Insuran, Penilaian Bangunan, Dan Cukai Jalan Kenderaan		0.00
Prabayar		0.00
Pelbagai Deposit – Telefon, Air, Elektrik, Sewa Bangunan Dan Projek.		0.00
Terimaan Dari Al-Mustaghallat (Aset Tetap Yang Produktif)		0.00
Terimaan Dari Aset Bukan Semasa Seperti Terimaan Dividen		0.00
Penghutang Perniagaan (Melepasi Tempoh Kredit)		0.00
Lain-Lain Terimaan, Deposit Dan Prabayar		168,000.00
Deposit Tetap Dicagar / Sekuriti Boleh Pasar (Untuk Kemudahan Pinjaman)		0.00
Jumlah Terhutang Dari Pengarah (Tiada Terma Tetap Dan Tempoh Pembayaran)		0.00
Jumlah Terhutang Dari Syarikat Sekutu (Tiada Terma Tetap Dan Tempoh Pembayaran)		3,989,000.00
Cukai Dikembalikan		470,000.00
	B	4,627,000.00
Items Ditolak Kerana Tiada Niat Perniagaan		
Peruntukan Untuk Kebajikan		0.00
Tabung Persaraan		0.00
Tabung Pinjaman Kakitangan Seperti Tabung Qardhul Hasan		0.00
Bekalan Pejabat Dan Barang Ganti		0.00
Aset Bukan Semasa Diklasifikasi Semula		0.00
	C	0.00
Items Ditolak Kerana Tidak Produktif		
Inventori		0.00
Bahan Mentah Dan Separa Siap		0.00
Pengkelasan Semula Pemiutang Perniagaan Dan Lain-Lain Penghutang		0.00
	D	0.00
Items Ditolak Kerana Tidak Patuh Syariah Atau Aset Yang Telah Dibayar Zakat		
Dividen Daripada Sumber Yang Dizakat		0.00
Hasil Faedah/ Dividen Dari Sumber Tidak Patuh Syariah		0.00
	E	0.00
Pelarasan Kepada Item Liabiliti Semasa (Ditolak)		
Di Peringkat Ini Semua Liabiliti Operasi Ditolak Dan Liabiliti Kewangan Kekal.		
Pemiutang Dagangan		0.00
Jumlah Terhutang Dari Syarikat Induk / Syarikat Sekutu		0.00
Jumlah Terhutang		0.00
Akrual		667,000.00
Lain-Lain Pemiutang Runcit		0.00
Cukai		0.00
Akaun Fidusiari		0.00
Lain-Lain Liabiliti Operasi Dalam Tahun Taksiran		0.00
	F	667,000.00
Asas Zakat / Nilai Kena Zakat **(A - B - C - D - E - F)**	**G**	86,597,000.00
Peratusan Pemilikan Muslim	**H**	64.54%
Kadar Zakat 2.5%		2.50%
Zakat Kena Bayar **(G X Muslim% X 2.5%)**	**1**	1,397,242.60

University of Malaya

2.6 Prestasi Kutipan Dan Pembayar Zakat Di Malaysia

2.6.1 Prestasi Keseluruhan Kutipan Zakat di Malaysia

Kutipan zakat di Malaysia terus meningkat daripada RM423.8 juta pada tahun 2003 kepada RM1.936 bilion pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak RM1.512 bilion dengan peningkatan melebihi 300% dalam jangka masa 10 tahun. Jumlah peningkatan setiap tahun begitu memberangsangkan daripada RM49 juta pada tahun 2003 hinggalah kepada RM294 juta pada tahun 2012. Purata kadar kenaikan setiap tahun adalah sebanyak 18.46%. Mulai tahun 2005 kutipan zakat negara meningkat RM100 juta setahun. Tahun 2008 menunjukkan peningkatan kutipan zakat tertinggi iaitu 28.77% di mana hampir semua negeri mencatatkan peningkatan melebihi 20%. Peningkatan tertinggi kutipan diraih pada tahun 2012 iaitu sebanyak RM 292.3 juta. (Rujuk Jadual 2.3)

Jadual 2.3 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia 2003 – 2012

Tahun	Kutipan Keseluruhan (RM)	Kenaikan (RM)	Kadar (%)
2003	423,785,769.11	-	-
2004	473,268,373.46	49,482,604.35	11.68
2005	573,088,304.78	99,819,931.32	21.09
2006	670,636,172.70	97,547,867.92	17.02
2007	806,284,070.94	135,647,898.24	20.23
2008	1,038,259,932.24	231,975,861.30	28.77
2009	1,196,871,797.00	158,611,864.76	15.28
2010	1,363,772,680.87	166,900,883.87	13.94
2011	1,641,114,994.83	277,342,313.96	20.34
2012	1,933,423,200.05	292,308,205.22	17.81
Jumlah / Purata Kadar Kenaikan		**167,737,492.88**	**18.46**

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP [144]

[144] Maklumat asas kepada statistik ini adalah daripada Laporan Zakat PPZ-MAIWP pelbagai tahun yang dianalisis bagi mendapatkan jumlah keseluruhan, perbezaan dan kadar.

University of Malaya

Negeri Selangor mendahului jumlah kutipan zakat negara semenjak tahun 2005 hingga 2012 dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan yang mencatat kutipan negara tertinggi sehingga tahun 2004. (Rujuk Jadual 2.4) Kedua negeri ini merupakan penyumbang utama kepada kutipan zakat di Malaysia iaitu sebanyak 45% daripada jumlah kutipan zakat negara. (Rujuk Rajah 2.4) Sehingga tahun 2012 terdapat lima negeri yang mencatat kutipan melebihi RM100 juta iaitu Kedah, Kelantan, Terengganu Pahang dan Johor dengan Johor mendahului iaitu RM171 juta. Negeri Johor mencatatkan kutipan melebihi RM100 juta mulai tahun 2008. Kutipan zakat negeri Perak berada hampir dengan RM100 juta iaitu RM99 juta. Manakala negeri-negeri yang mendapat kutipan yang paling kurang adalah Melaka dan Sabah di mana keduanya memungut dalam lingkungan RM40an juta.

Jadual 2.4 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia Mengikut Negeri 2009 – 2012

Negeri	**2012 (RM)**	**2011 (RM)**	**2010 (RM)**	**2009 (RM)**
Selangor	451,325,027.00	394,103,904.00	336,934,522.00	283,648,720.00
W.Persekutuan	410,411,327.58	348,882,925.85	282,676,073.93	248,803,798.22
Perlis	78,912,426.00	61,362,147.00	38,091,506.00	25,253,015.50
Kedah	106,471,950.65	106,084,292.22	76,947,139.51	67,578,342.14
Pulau Pinang	76,501,447.71	62,281,170.88	53,239,132.91	47,952,153.34
Perak	99,577,582.60	86,113,585.24	69,639,500.87	67,189,291.45
Kelantan	113,163,004.70	94,083,475.87	70,373,328.79	66,522,450.31
Trengganu	107,080,441.25	88,274,932.37	76,447,878.23	73,524,193.31
Pahang	109,325,606,89	88,592,219.43	80,874,869.71	71,868,302.65
Negeri Sembilan	65,352,483.87	57,917,702.28	50,201,121.23	42,275,136.39
Johor	171,839,397.69	137,469,741.18	122,336,032.00	109,231,254.93
Melaka	43,950,976.99	37,930,757.61	34,011,770.13	30,721,955.12
Sabah	48,929,401.12	33,891,152.97	32,856,749.96	25,388,088.73
Sarawak	50,582,126.00	44,126,987.93	39,143,055.60	36,915,094.91
Jumlah	**1,933,559,546.05**	**1,641,114,994.83**	**1,363,772,680.87**	**1,196,871,797.00**

Sumber: Laporan Zakat PPZ MAWIP 2009 – 2012

University of Malaya

Rajah 2.3 Sumbangan Kutipan Zakat Malaysia Mengikut Negeri 2012



Sumber: Analisis Penyelidik

Kadar dan jumlah kenaikan kutipan zakat adalah berbeza setiap tahun juga berbeza mengikut negeri sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual 2.5.

Jadual 2.5 Perbandingan Kutipan Zakat Malaysia 2011 dan 2012

Negeri	2012 (RM)	2011 (RM)	Kenaikan (RM)	Kenaikan (%)
Selangor	451,325,027.00	394,103,904.00	57,221,123.00	14.52
W.Persekutuan	410,411,327.58	348,882,925.85	61,528,401.73	17.64
Perlis	78,912,426.00	61,362,147.00	17,550,279.00	28.6
Kedah	106,471,950.65	106,084,292.22	387,658.43	0.37
Pulau Pinang	76,501,447.71	62,281,170.88	14,220,276.83	22.83
Perak	99,577,582.60	86,113,585.24	13,463,997.36	15.64
Kelantan	113,163,004.70	94,083,475.87	19,079,528.83	20.28
Trengganu	107,080,441.25	88,274,932.37	18,805,508.88	21.3
Pahang	109,325,606.89	88,592,219.43	20,733,387.46	23.4
Negeri Sembilan	65,352,483.87	57,917,702.28	7,434,781.59	12.84
Johor	171,839,397.69	137,469,741.18	34,369,656.51	25
Melaka	43,950,976.99	37,930,757.61	6,020,219.38	15.87
Sabah	48,929,401.12	33,891,152.97	15,038,248.15	44.37
Sarawak	50,582,126.00	44,126,987.93	6,455,138.07	14.63
Jumlah	**1,933,423,200.05**	**1,641,114,994.83**	**292,308,205.22**	**17.81**

Sumber: Laporan Zakat PPZ MAWIP 2011 - 2012

University of Malaya

2.6.2 Prestasi Keseluruhan Zakat Perniagaan

Kutipan zakat perniagaan di Malaysia terus meningkat daripada RM26 juta pada tahun 2003 kepada RM460.6 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak RM474 juta dalam jangka masa 10 tahun. Purata kadar kenaikan setiap tahun adalah sebanyak 43.20%. Mulai tahun 2005 kutipan zakat perniagaan di Malaysia meningkat hingga melebihi RM100 juta setahun. (Rujuk Jadual 2.6)

Jadual 2.6 Prestasi Kutipan Zakat Malaysia 2003 – 2012

Tahun	Zakat Perniagaan (RM)	Kenaikan (RM)	Kadar (%)
2003	26,047,694.90	-	-
2004	48,389,032.24	22,341,337.34	85.77
2005	127,216,937.65	78,827,905.41	162.90
2006	160,763,421.56	33,546,483.91	26.37
2007	216,014,293.97	55,250,872.41	34.37
2008	260,282,736.60	44,268,442.63	20.49
2009	277,499,070.01	17,216,333.41	6.61
2010	301,790,687.10	24,291,617.09	8.75
2011	389,919,837.76	88,129,150.66	29.20
2012	460,623,221.46	70,703,383.70	18.13
Jumlah / Purata kadar		**474,575,526.56**	**43.20**

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAWIP 2003-2012

2.6.3 Prestasi Zakat Perniagaan Mengikut Negeri dan Sumbangan

Zakat Perniagaan memberikan sumbangan sebanyak lebih kurang 20% kepada kutipan zakat setiap tahun dan setiap negeri mempunyai kadar sumbangan yang berbeza. Negeri Perak dan Pahang menerima sumbangan zakat perniagaan tertinggi iaitu melebihi 40% manakala Perlis menerima sumbangan yang terendah iaitu kurang daripada 20%. (Rujuk Jadual 2.7)

University of Malaya

Jadual 2.7 Prestasi Kutipan Zakat Perniagaan di Malayia 2011 – 2012

Negeri	2012 (RM)	Sumbangan (%)	2011 (RM)	Sumbangan (%)
Selangor	84,925,124.00	18.82	79,925,920.00	20.28
W. Persekutuan	74,424,879.13	18.13	54,879,599.00	15.73
Perlis	9,793,032.07	12.41	7,613,716.00	12.41
Kedah	19,667,203.70	18.47	33,190,440.89	31.29
Pulau Pinang	22,013,837.56	28.78	12,894,641.83	20.7
Perak	42,849,314.05	43.03	36,888,794.48	42.84
Kelantan	23,836,432.01	21.06	21,715,075.64	23.08
Trengganu	32,165,127.13	30.04	24,554,157.15	27.82
Pahang	48,699,221.58	44.49	37,271,047.43	42.07
Negeri Sembilan	12,286,887.16	18.8	12,267,480.49	21.18
Johor	59,649,645.22	34.71	40,416,382.54	29.4
Melaka	8,698,025.23	19.79	8,632,303.70	22.76
Sabah	12,368,163.62	25.28	11,116,081.71	32.8
Sarawak	9,246,329.00	18.28	8,554,196.90	19.39
Jumlah	**460,623,221.46**	**23.82**	**389,919,837.76**	**23.76**

Sumber: Laporan Zakat PPZ MAWIP 2011-2012

2.6.4 Prestasi Bilangan Pembayar Zakat

Prestasi bilangan pembayar meningkat seiring dengan peningkatan kutipan di mana pada tahun 2012 bilangan pembayar zakat di seluruh negara adalah berjumlah seramai 889,509 orang. Angka ini merupakan peningkatan seramai 463,302 orang (108%) berbanding 426,207 orang pembayar pada tahun 2006. Hampir setiap tahun bilangan pembayar ini meningkat pada kadar purata 18% setiap tahun. Tahun 2008 menunjukkan pertambahan bilangan pembayar tertinggi iaitu seramai 107,106 orang berbanding tahun sebelum. Peningkatan ini juga selaras dengan peningkatan kutipan yang mencatatkan tahun 2008 antara tahun melonjaknya kutipan zakat. (Rujuk Jadual 2.8) Namun begitu, kadar peningkatan bilangan pembayar adalah lebih rendah berbanding kadar peningkatan kutipan iaitu 18.12% berbanding 23.76% bagi peningkatan kutipan.

University of Malaya

Jadual 2.8 Prestasi Bilangan Pembayar Zakat Malaysia 2006 – 2012

Tahun	Bilangan Pembayar Zakat Harta (orang)	Kenaikan (orang)	Kadar Kenaikan (%)
2006	426,207		
2007	479,427	53,220	12.49
2008	586,533	107,106	22.34
2009	662,710	76,177	12.99
2010	694,041	31,331	4.73
2011	761,420	67,379	9.71
2012	889,509	128,089	16.82
Jumlah		**463,302**	**108.70**
		Purata % Kenaikan	18.12

Sumber: Analisis Penyelidik

Apa yang menarik dalam menganalisis trend kutipan dan pembayar zakat ini adalah bilangan pembayar zakat perniagaan ini adalah amat rendah dan kecil iaitu 3% sahaja berbanding sumbangannya kepada kutipan zakat sehingga melebihi 20%. Zakat perniagaan menjadi penyumbang kedua tertinggi selepas zakat pendapatan. Ini menunjukkan bahawa zakat peniagaan memainkan peranan yang penting kepada peningkatan kutipan zakat. Jadual bilangan Pembayar Zakat adalah sebagaimana di dalam Jadual 2.13.

Jadual 2.9 Sumbangan Pembayar Zakat Perniagaan Mengikut Negeri 2012

Bil	Negeri	Bilangan Pembayar (orang)	Bil. Pemb. Zakat Perniagaan (orang)	Sumbangan Pembayar Zakat Perniagaan (%)
1	Selangor	222,124	4,934	2.22
2	W.Persekutuan	114,442	1,844	1.61
3	Perlis	6,182	285	4.61
4	Kedah	75,775	2,137	2.82
5	Pulau Pinang	57,781	949	1.64
6	Perak	42,866	1,690	3.94
7	Kelantan	39,297	1,752	4.46
8	Trengganu	37,808	2,433	6.44
9	Pahang	67,213	2,579	3.84
10	N.Sembilan	47,506	1,278	2.69

University of Malaya

Bil	Negeri	Bilangan Pembayar (orang)	Bil. Pemb. Zakat Perniagaan (orang)	Sumbangan Pembayar Zakat Perniagaan (%)
11	Johor	77,275	3,983	5.15
12	Melaka	30,601	1,094	3.58
13	Sabah	29,636	819	2.76
14	Sarawak	41,543	1,019	2.45
	Jumlah	**889,508**	**26,796**	**3.01**

Sumber: Analisis Penyelidik

Jadual di atas menunjukkan negeri Terengganu menerima sumbangan pembayar zakat perniagaan tertinggi iaitu 6.44% dengan diikuti oleh Johor iaitu sebanyak 5.15%. Wilayah Persekutuan dan Pulau Pinang menerima sumbangan pembayar zakat perniagaan terendah itu 1.61% dan 1.64%.

2.2.7 (d) Prestasi Pembayar Mengikut Negeri

Bilangan pembayar zakat adalah sangat berbeza mengikut negeri sebagaimana di dalam Jadual 2.14. Negeri Perlis mempunyai pembayar zakat paling kurang iaitu 6,182 orang dan negeri Selangor mempunyai pembayar tertinggi iaitu 222,124 orang pada tahun 2012. Kedudukan Selangor sebagai negeri yang mempunyai pembayar yang teramai dan Perlis sebagai negeri yang paling terkurang adalah sama semenjak tahun 2006 lagi. Wilayah Persekutuan mencatat bilangan pembayar kedua tertinggi iaitu seramai 114,442 orang dan diikuti oleh Johor seramai 77,275orang.

Jadual 2.10 Prestasi Pembayar Zakat Harta Mengikut Negeri 2006 – 2012

Negeri	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006
Selangor	222,124	179,780	168,002	155,217	146,413	126,002	112,496
W.Persekutuan	114,442	100,497	89,110	85,503	67,872	58,962	52,424
Perlis	6,182	4,719	3,459	3,309	8,086	8,086	9,021
Kedah	75,775	70,758	71,323	78,445	48,412	27,740	22,475
Pulau Pinang	57,781	55,228	51,529	49,707	46,222	45,517	40,935
Perak	42,866	32,722	15,375	24,556	24,194	20,041	16,561
Kelantan	39,297	31,733	28,446	25,216	21,289	18,287	14,687

University of Malaya

Negeri	2012	2011	2010	2009	2008	2007	2006
Trengganu	37,808	34,237	30,961	27,776	24,257	22,830	21,709
Pahang	67,213	60,060	51,006	48,207	41,895	1,948	31,887
N.Sembilan	47,506	42,512	36,236	35,713	32,997	30,119	25,905
Johor	77,275	68,153	64,205	64,111	63,216	64,205	39,339
Melaka	30,601	27,197	26,947	25,521	24,141	20,276.00	19,022
Sabah	29,636	22,112	19,309	14,883	11,355	8,293	4,135
Sarawak	41,542	31,712	38,133	24,546	26,184	27,121	15,611
Jumlah	**889,509**	**761,420**	**694,041**	**662,710**	**586,533**	**429,427**	**426,207**

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006-2012

a. Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan

Prestasi bilangan pembayar zakat perniagaan meningkat seiring dengan peningkatan pembayar zakat keseluruhan di mana pada tahun 2012 bilangan pembayar zakat perniagaan di seluruh negara adalah berjumlah seramai 26,796 orang. Angka ini merupakan peningkatan seramai 11,143 orang (73.32%) berbanding 15,653 orang pembayar pada tahun 2006. Hampir setiap tahun bilangan pembayar ini meningkat pada kadar purata 12.22% setiap tahun. Tahun 2010 menunjukkan pertambahan bilangan pembayar zakat perniagaan tertinggi iaitu seramai 11,858 orang berbanding tahun sebelum. (Rujuk Jadual 2.11)

Jadual 2.11 Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan Seluruh Malaysia 2006-2012

Tahun	Pembayar Zakat Perniagaan (Bil)	Kenaikan (Bil)	Kadar Kenaikan (%)
2006	15,653	-	-
2007	17,307	1,654	10.57
2008	18,197	890	5.14
2009	20,492	2,295	12.61
2010	32,350	11,858	57.87
2011	23,246	-9,104	-28.14
2012	26,796	3,550	15.27
Jumlah		11,143	73.32
Purata Kenaikan			12.22

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006-2012

University of Malaya

Prestasi Pembayar Zakat Harta dan Zakat Perniagaan diilustrasikan melalui Rajah 2.5.

Rajah 2.4 Jumlah Pembayar Zakat Harta dan Zakat Perniagaan 2006-2012



Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006-2012

b. Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan Mengikut Negeri

Bilangan pembayar zakat perniagaan adalah sangat berbeza mengikut negeri sebagaimana di dalam Jadual 2.12. Negeri Selangor dan Johor mempunyai pembayar zakat perniagaan tertinggi iaitu 4,934 orang dan 3,983 orang pada tahun 2012.

Jadual 2.12 Prestasi Pembayar Zakat Perniagaan Mengikut Negeri 2006 – 2012

Negeri	**2012** (RM)	**2011** (RM)	**2010** (RM)	**2009** (RM)	**2008** (RM)	**2007** (RM)	**2006** (RM)
Selangor	4,934	3,871	3,985	3,685	2,970	2,638	2,308
W.Persekutuan	1,844	1,571	1,429	1,302	1,169	1,062	885
Perlis	285	223	183	229	243	193	970
Kedah	2,137	1,747	1,676	1,508	1,302	1,676	803
Pulau Pinang	949	874	819	767	698	898	616
Perak	1,690	1,320	391	1,049	1,184	1,093	849
Kelantan	1,752	1,488	1,341	1,257	1,132	957	828
Trengganu	2,433	2,199	2,019	1,956	1,784	1,657	1,628
Pahang	2,579	2,786	2,272	2,180	1,970	2,272	2,016
N.Sembilan	1,278	1,157	1,097	1,085	986	917	696

University of Malaya

Negeri	2012 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)	2009 (RM)	2008 (RM)	2007 (RM)	2006 (RM)
Johor	3,983	3,604	3,401	3,309	3,145	3,401	2,788
Melaka	1,094	996	1,248	1,225	1,114	1,079	945
Sabah	819	614	476	338	287	220	167
Sarawak	1,019	796	319	602	213	198	154
Jumlah	**26,796**	**23,246**	**20,656**	**20,492**	**18,197**	**17,307**	**15,653**

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006-2012

2.6.5 Purata Pembayaran Zakat

Analisis purata pembayaran zakat sebagaimana di dalam Jadual 2.13 menunjukkan purata pembayaran zakat meningkat setiap tahun sama ada zakat harta, zakat perniagaan dan selain zakat perniagaan. Purata pembayaran zakat bagi tahun 2012 bagi seluruh negara adalah RM2,060.18 bagi zakat harta, RM17,189.18 bagi zakat perniagaan dan RM1,590.14 bagi selain zakat perniagaan. Ini menunjukkan bahawa zakat perniagaan mempunyai purata pembayaran zakat yang lebih tinggi. Ini juga menunjukkan pembayaran zakat perniagaan mempunyai impak yang lebih bagi meningkatkan kutipan zakat. Ini juga menunjukkan pembayaran zakat perniagaan mempunyai potensi kutipan yang lebih tinggi berbanding zakat lain.

Jadual 2.13 Purata Pembayaran Zakat 2006-2012

Thn	Zakat Harta			Zakat Perniagaan			Selain Zakat Perniagan		
	Jumlah Kutipan (RMjuta)	**Pembyr** (Bil)	**Purata Bayaran** (RM)	**Jumlah Kutipan** (RMjuta)	**Pembyr** (Bil)	**Purata Bayaran** (RM)	**Jumlah Kutipan** (RMjuta)	**Pembyr** (Bil)	**Purata Bayaran** (RM)
2006	614	426,207	1,441.04	161	15,653	10,270.24	453	410,554	1,104.41
2007	744	479,427	1,552.46	216	17,307	12,481.08	528	462,120	1,143.17
2008	946	586,533	1,613.24	260	18,197	14,303.46	686	568,336	1,206.93
2009	1,114	662,710	1,680.57	278	20,492	13,541.87	836	642,218	1,302.11
2010	1,364	694,041	1,964.97	302	32,350	9,328.90	1,062	661,691	1,604.95
2011	1,545	761,420	2,029.41	390	23,246	16,773.64	1,155	738,174	1,565.09
2012	1,8335	889,509	2,060.18	461	26,796	17,189.88	1,372	862,713	1,590.24

Sumber: Analisis Penyelidik berdasarkan Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2006-2012

University of Malaya

2.7 Prestasi Agihan Zakat di Malaysia

Jumlah agihan zakat di Malaysia terus meningkat setiap tahun di mana pada tahun 2012 sebanyak RM1.5 bilion zakat telah diagihkan berbanding RM0.774 bilion pada tahun 2008 iaitu peningkatan sebanyak RM 0.74 bilion iaitu dengan peningkatan hampir 100%. Ini adalah petanda yang baik kerana pengagihan ini memberi indikasi bahawa wang tersebut telah beredar di dalam kitaran ekonomi dan menjana lebih banyak keuntungan kepada masyarakat. (Rujuk Jadual 2.14)

Jadual 2.14 Statistik Agihan Mengikut Negeri 2008-2012

Negeri	2012	2011	2010	2009	2008
W. Persekutuan	271,967,597.00	246,706,683.00	200,541,409.45	174,986,013.00	167,507,847.62
Selangor	401,717,682.00	373,465,626.00	330,364,503.00	276,622,582.02	188,998,771.00
Johor	143,346,570.76	156,931,330.15	110,308,433.76	97,419,659.56	74,296,449.99
Terengganu	84,518,495.97	65,480,546.76	61,744,662.19	52,578,584.77	35,808,596.88
Perak	62,683,568.86	75,783,396.40	66,793,034.00	59,965,762.27	36,641,667.98
P.Pinang	68,671,396.47	55,468,037.43	54,352,513.03	51,816,561.23	45,602,321.00
Pahang	68,436,025.34	58,307,886.14	58,604,106.00	46,753,309.00	50,636,614.32
Kelantan	100,850,645.16	80,046,658.37	63,909,066.60	56,478,842.33	25,302,009.32
Kedah	92,415,153.38	79,801,298.57	66,061,795.27	56,000,795.90	42,133,197.23
N.Sembilan	61,462,602.85	59,316,197.23	51,740,272.62	41,211,752.35	36,818,211.08
Melaka	49,040,873.87	34,145,735.20	31,392,558.73	32,157,484.91	20,723,735.56
Sarawak	29,602,044.15	27,057,710.59	23,922,812.06	23,640,627.11	18,077,692.10
Sabah	36,654,371.08	32,390,043.48	26,021,789.24	24,365,651.48	16,420,052.56
Perlis	47,532,554.89	43,447,071.00	30,730,256.00	26,754,490.65	15,852,621.00
JUMLAH	1,518,899,581.77	1,388,348,220.32	1,176,487,211.95	1,020,752,116.58	774,819,787.64

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2008-2012[145]

Bagi tahun 2012 agihan zakat di Malaysia meningkat sebanyak RM126 juta iaitu 9% berbanding tahun sebelum dan ia melibatkan hampir semua negeri kecuali Johor dan Perak.

[145] Maklumat agihan tahun 2012 bagi dua negeri iaitu Sarawak dan Perlis adalah angka anggaran berdasarkan kepada kadar peningkatan agihan zakat di peringkat nasional.

University of Malaya

Negeri Selangor adalah negeri yang mempunyai agihan zakat tertinggi berbanding negeri-negeri yang lain iaitu RM401.7 juta dan diikuti oleh Wilayah Persekutuan sebanyak RM272 juta. Negeri yang mempunyai agihan yang paling rendah adalah Sarawak iaitu RM29.6 juta dan diikuti oleh Sabah RM36.6 juta. (Rujuk Jadual 2.15)

Jadual 2.15 Jumlah Agihan Mengikut Negeri: Perbandingan 2011 dan 2012

Negeri	2012	2011	Kenaikan	%
W. Persekutuan	271,967,597.00	246,706,683.00	25,260,914.00	10.24
Selangor	401,717,682.00	373,465,626.00	28,252,056.00	7.56
Johor	143,346,570.76	156,931,330.15	-13,584,759.39	-8.66
Terengganu	84,518,495.97	65,480,546.76	19,037,949.21	29.07
Perak	62,683,568.86	75,783,396.40	-13,099,827.54	-17.29
P.Pinang	68,671,396.47	55,468,037.43	13,203,359.04	23.80
Pahang	68,436,025.34	58,307,886.14	10,128,139.20	17.37
Kelantan	100,850,645.16	80,046,658.37	20,803,986.79	25.99
Kedah	92,415,153.38	79,801,298.57	12,613,854.81	15.81
N.Sembilan	61,462,602.85	59,316,197.23	2,146,405.62	3.62
Melaka	49,040,873.87	34,145,735.20	14,895,138.67	43.62
Sarawak	29,602,044.15	27,057,710.59	2,544,333.56	9.40
Sabah	36,654,371.08	32,390,043.48	4,264,327.60	13.17
Perlis	47,532,554.89	43,447,071.00	4,085,483.89	9.40
JUMLAH	1,518,899,581.77	1,388,348,220.32	130,551,361.45	9.40

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011-2012[146]

Jumlah agihan zakat turut dibandingkan dengan jumlah kutipan zakat sebagaimana di dalam Jadual 2.16. Secara keseluruhan wang zakat yang diagihkan sebanyak 78% berdasarkan kepada kutipan tahun semasa. Apabila dibandingkan dengan kutipan tahun sebelum iaitu kutipan tahun 2011 kadar pengagihan adalah sebanyak 92%. Justifikasi kadar agihan tidak boleh mencapai 100% bagi kutipan tahun semasa adalah kerana kutipan yang

[146] Analisis peningkatan dan pertusan dibuat oleh penyelidik berdasarkan angka asal daripada sumber.

University of Malaya

tinggi pada bulan Disember. Enam negeri mencatat kadar 100 % dan lebih apabila dibuat perbandingan agihan tahun 2012 dengan kutipan 2011 iaitu Selangor, Johor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Melaka dan Sabah. Ini menunjukkan negeri-negeri ini berjaya mengagihkan keseluruhan kutipan tahun sebelumnya. Namun begitu, justifikasi sebenar bagi negeri yang tidak mencapai kadar agihan 100% berbanding kutipan tahun sebelum perlu diketahui sebelum apa-apa kesimpulan boleh dibuat.

Jadual 2.16 Perbandingan Agihan 2012 Dengan Kutipan 2012 dan 2011

Negeri	**Agihan 2012 (RM)**	**Kutipan 2012 (RM)**	**Agihan (%)**	**Kutipan 2011 (RM)**	**Agihan (%)**
W. Persekutuan	271,967,597.00	410,411,327.58	66.27	348,882,925.85	77.95
Selangor	401,717,682.00	451,325,027.00	89.01	394,103,904.00	101.93
Johor	143,346,570.76	171,839,397.69	83.42	137,469,741.18	104.27
Terengganu	84,518,495.97	107,080,441.25	78.93	88,274,932.37	95.74
Perak	62,683,568.86	99,577,582.60	62.95	86,113,585.24	72.79
P.Pinang	68,671,396.47	76,501,447.71	89.76	62,281,170.88	110.26
Pahang	68,436,025.34	109,053,133.40	62.75	88,592,219.43	77.25
Kelantan	100,850,645.16	113,163,004.70	89.12	94,083,475.87	107.19
Kedah	92,415,153.38	106,471,950.65	86.80	106,084,292.22	87.11
N.Sembilan	61,462,602.85	65,352,483.87	94.05	57,917,702.28	106.12
Melaka	49,040,873.87	43,950,976.99	111.58	37,930,757.61	129.29
Sarawak	29,602,044.15	53,510,194.14	55.32	44,126,987.93	67.08
Sabah	36,654,371.08	48,929,401.12	74.91	33,891,152.97	108.15
Perlis	47,532,554.89	78,912,426.00	60.23	61,362,147.00	77.46
JUMLAH	1,518,899,581.77	1,936,078,794.70	78.45	1,641,114,994.83	92.55

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP

Islam telah menetapkan lapan kategori yang layak menerima zakat iaitu fakir, miskin, amil, mualaf, gharimin (orang yang berhutang), ibnu sabil (musafir yang memerlukan bantuan), riqab (hamba yang hendak membebaskan dirinya) dan fisabilillah (perbelanjaan

University of Malaya

menegakkan syiar Islam).[147] Secara umum menurut Manual Pengurusan Agihan yang dikeluarkan oleh Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji, pengagihan zakat di Malaysia melibatkan ke lapan-lapan asnaf yang dinyatakan di atas.[148] Namun tidak semua negeri mengguna pakai manual ini dan ini mengakibatkan perbezaan pendekatan di antara negeri-negeri kerana kebanyakan negeri tidak mempunyai skim bantuan bagi asnaf Riqab. Dalam Jadual 2.17 menunjukkan hanya empat negeri sahaja yang mempunyai asnaf Riqab iaitu Selangor, Terengganu, Negeri Sembilan dan Perlis. Selain itu, terdapat dua negeri iaitu Perak dan Kelantan mencampurkan bantuan bagi asnaf fakir dan miskin yang sepatutnya adalah berbeza menurut manual.

Jadual 2.17 Statistik Agihan Mengikut Asnaf

Negeri	Fakir	Miskin	Amil	Muallaf	Gharimin	Ibnu Sabil	Fisabilillah	Riqab	Jumlah
Wilayah Persekutuan	56,837,760	58,526,035	27,807,763	6,642,566	3,770,992	2,145,720	90,975,847	TB	246,706,683
Selangor	35,495,362	76,090,320	49,274,778	15,518,404	32,025,057	1,245,091	156,007,510	7,809,104	373,465,626
Johor	15,957,952	37,653,655	16,159,454	9,654,560	3,983,002	131,418,493	73,418,493	TB	288,245,608
Terengganu	12,486,089	21,300,021	9,442,431	2,265,038	55,451	175,398	19,731,618	24,500	65,480,545
Perak	0	40,709,405	9,733,784	2,421,094	685,769	877,315	21,356,030	TB	75,783,396
P.Pinang	3,261,993	24,058,860	6,259,570	959,223	1,400,391	215,351	19,312,648	TB	55,468,037
Pahang	9,316,593	6,642,730	9,190,769	3,317,426	124,400	427,339	29,288,629	TB	58,307,886
Kelantan	0	54,989,660	10,928,820	939,417	8,800	30,590	13,149,370	TB	80,046,658
Kedah	3,309,017	31,671,848	10,168,584	1,454,300	20,636	751,865	32,425,049	TB	79,801,299
N.Sembilan	1,157,065	13,813,240	5,757,408	4,475,037	2,230,842	954,259	17,390,096	13,538,250	59,316,197
Melaka	10,106,354	3,309,685	5,672,510	1,822,600	3,018,084	3,704	10,212,800	TB	34,145,735
Sarawak	5,897,022	3,126,112	4,181,516	680,312	3,220	2,733	13,166,795	TB	27,057,711
Sabah	13,637,582	6,019,899	3,690,812	1,886,559	1,984	2,047,575	5,105,633	TB	32,390,043
Perlis	883,000	7,471,981	2,653,213	284,283	9,920	8,865	29,789,537	2,346,272	43,447,071
JUMLAH	168,345,788	385,383,451	170,921,411	52,320,819	47,338,548	140,304,297	531,330,056	23,718,126	1,519,662,496

Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP 2011[149]

[147] Surah at-Taubah 9:60

[148] *Manual Pengurusan Agihan Zakat*, (Jabatan Waqaf, Zakat dan Haji Jabatan Perdana Menteri, 2007), 8-9.

[149] Nota:

i. TB bermaksud Tidak berkenaan kerana tidak semua negeri mempunyai agihan asnaf Riqab.
ii. Statistik tahun 2011 digunakan kerana pada tahun ini maklumat agihan zakat negeri-negeri adalah lengkap.
iii. Bagi negeri Perak dan Kelantan asnaf Fakir dirangkumkan sekali di bawah asnaf Miskin

University of Malaya

Asnaf yang menerima agihan tertinggi adalah asnaf Fisabilillah iaitu sebanyak 35% diikuti oleh Miskin iaitu 25%, Fakir dan Amil iaitu 11% sebagaimana yang digambarkan melalui Rajah 2.1. Antara bantuan di bawah Fisabilillah adalah bantuan bagi membangunkan institusi agama dan bantuan membangunkan pendidikan Islam.[150]

Rajah 2.5 Agihan Zakat Malaysia Mengikut Asnaf



Sumber: Laporan Zakat PPZ-MAIWP

2.8 Potensi Kutipan Zakat Perniagaan

Istilah potensi yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah merujuk potensi pasaran (*market potential*). Potensi pasaran ini ditakrifkan sebagai jumlah individu atau perniagaan yang berpotensi untuk membeli / melanggan sesuatu produk atau perkhidmatan. Ia juga bermaksud jumlah maksimum pelanggan.[151] Banyak institusi zakat meletakkan hala tuju organisasi adalah untuk memaksimumkan potensi kutipan zakat sebagai contoh Lembaga Zakat Selangor menjadikan agenda memaksimumkan potensi kutipan adalah salah satu objektif

[150] Laporan Pengurusan Zakat Selangor 2011, Lembaga Zakat Selangor (MAIS), 76.
[151] Kenneth E. Clow dan Donald Baack, *Marketing Management: A Customer-Oriented Approach* (Carlifornia: Sage Publcation Inc, 2010), 44.

University of Malaya

organisasi,[152] Pusat Kutipan Zakat Pahang sebagai Misi organisasi[153] dan Pusat Zakat Negeri Sembilan meletakkan hasrat memaksimumkan kutipan zakat sebagai Visi organisasi.[154] Malah keperluan untuk mengoptimumkan kutipan banyak dibicarakan terutama dalam konteks keperluan dana untuk ummah.[155]Ini menunjukkan bahawa menggarap potensi kutipan zakat merupakan satu perkara utama untuk memperkasa tahap sosioekonomi ummah.

Persoalan kini adalah bagaimana mengukur potensi sebenar kutipan dan bagaimana pengukuran ini boleh direalisasikan. Unjuran kutipan atau anggaran potensi sebenar kutipan dapat membantu pihak berwajib mengetahui sasaran sebenar yang perlu dicapai sebagai contoh dalam satu kajian di Mesir pada tahun 1973 menganggarkan potensi kutipan zakat adalah sebanyak 6.1% daripada KDNK.[156] Manakala dalam satu kajian lain di Sudan jumlah zakat adalah sebanyak 3% daripada KDNK negara.[157] Jika dinisbahkan kajian ini dengan KDNK Malaysia pada tahun 2012 yang berjumlah RM825.59 bilion [158] maka potensi kutipan zakat di Malaysia adalah sebanyak RM 50.36 bilion dan RM24.77 bilion mengikut kedua kajian ini.

Monzer Kahf telah membuat anggaran potensi kutipan zakat kepada lapan negara Islam menggunakan tiga jenis definisi harta yang dikenakan zakat. Definisi pertama, Z_1

---

[152] Lembaga Zakat Selangor "Objektif", laman sesawang Lembaga Zakat Selangor, dicapai 2 Januari 2016, http://www.zakatselangor.com.my/info-lzs/

[153] Pusat Kutipan Zakat Pahang, "Misi", laman sesawang Pusat Kutipan Zakat Pahang, dicapai 2 Januari 2016, http://www.zakatpahang.my/v3/index.php/2015-04-20-07-17-27/profil-pkz/misi-dan-visi.

[154] Pusat Zakat Negeri Sembilan, "Visi", laman sesawang Pusat Zakat Negeri Sembilan, dicapai 2 Januari 2016. http://www.zakatns.com.my/v5/info-pzns/visi-misi-motto.

[155] Mahyuddin Abu Bakar dan Abd. Ghani Abdullah, "Towards Achieving the Quality of Life in the Management of Zakat Distribution to the Rightful Recipients (the Poor and Needy)", *International Journal of Business and Social Science* 2, no. 4 (2011) 237-245.

[156] Monzer Kahf, "The Performance of Zakah Institution in Theory and Practice" (makalah, International Conference On Islamic Economics Towards the 21st Century, Kuala Lumpur: 9 – 12 Ogos 1999).

[157] *Ibid.*

[158] Kementerian Kewangan Malaysia, "Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi Pada Harga Malar 2005 (RM Juta) 2013-2014" laman sesawang *Kemenerian Kewangan Malaysia*, dicapai 17 Mei 2015, http://www.treasury.gov.my/pdf/ekonomi/dataekonomi/2013/timeseries/GDPbySector2013_2014.pdf.

University of Malaya

mengandungi hasil pertanian, ternakan, harta dagangan dan wang simpanan. Definisi kedua, Z_2 ialah harta yang dipersetujui oleh ramai pihak iaitu Z_1 dan harta lain yang lebih kontemporari iaitu pendapatan hasil harta tetap dan penggajian juga mengambil kira kos sara diri. Manakala definisi ketiga Z_3, merangkumkan kesemua termasuk nilai harta tetap dalam semua sektor pada kadar 2.5%. Melalui kaedah ini Kahf menganggarkan jumlah kutipan yang boleh dikutip daripada Keluaran Negara Kasar (KNK) adalah 1% hingga 2% bagi Z_1, 3.1% hingga 4.9% daripada KNK bagi Z_2 dan 3.2% hingga 6.2% bagi Z_3[159]

Nasim Shah Sirazi[160] telah memanfaatkan kajian Kahf bagi mendapatkan anggaran potensi kutipan zakat dalam kalangan 38 buah negara OIC termasuk Malaysia. Hasil kajiannya yang dibuat pada tahun 2004 di Malaysia mendapati potensi kutipan zakat Malaysia berdasarkan Z_1 adalah sebanyak USD3,010.88 juta (RM9,634.80 juta), Z_2 sebanyak USD 6,439.94 juta (RM20,608 juta) dan Z_3 adalah sebanyak USD7,259.57 juta (RM23,231 juta).[161]

Kajian lain dibuat oleh Muhammad Firdaus et al. iaitu dengan membuat anggaran potensi kutipan di Indonesia.[162] Kajian ini dijalankan melalui data primer yang diperoleh daripada 354 buah isi rumah. Manakala data sekunder pula diperoleh daripada pelbagai sumber. Melalui analisis empirikal, potensi kutipan zakat di Indonesia adalah sebanyak 217 trilion Rupiah yang bersamaan 3.4% daripada Keluaran Negara Kasar Indonesia.

---

[159] Monzer Kafh, *The Performance of the Institution of Zakah in Theory and Practice*, 22.

[160] Nasim Shah Sirazi dan Md Fouad, "Prospects Elimination Through Potential Zakat Collection in OIC-member Countries: Reappraised", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 6 no.3 (2010), 66.

[161] Kajian ini menggunakan USD sebagai ukuran dan penyelidik membuat tukaran matawang daripada USD kepada RM pada kadar RM3.20 iaitu kadar tukaran pada 11 Disember 2013.

[162] Muhammad Firdaus, Irfan Syauqi Beik, Tonny Irawan dan Bambang Juanda "Economic Estimation and Determinations of Zakat Potential in Indonesia" (IRTI Working Paper Series, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, 2012) 65.

University of Malaya

Mohd. Rais Alias[163] dalam satu kajian membuat unjuran potensi kutipan zakat yang baik kerana ia dibuat berdasarkan kepada bilangan syarikat yang didaftarkan oleh Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Beliau mendapati terdapat lebih 5 juta perniagaan dan syarikat yang didaftarkan. Dengan mengambil purata ekuiti pemilikan bumiputera kajian ini menganggarkan potensi kutipan zakat perniagaan adalah sebanyak RM240.1 juta bagi tahun 2010, RM441.6 juta bagi tahun 2011 dan RM541.9 juta bagi tahun 2012.[164] Andaian yang dibuat adalah ekuiti pemilikan bumiputera adalah sebanyak 30% dan tahap kelayakan membayar zakat juga adalah 30%.

Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab juga membuat kajian terhadap potensi kutipan zakat di negeri Selangor berasaskan kepada bilangan penduduk, bilangan syarikat dan purata pembayaran. Berdasarkan kepada anggaran 30% adalah layak menunaikan zakat, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM0.5 bilion.[165] Potensi ini diperolehi adalah berbentuk anggaran yang diperolehi daripada andaian 30% layak membayar daripada populasi dan menggunakan purata bayaran dan bukan jumlah sebenar.

Hampir semua penyelidikan di atas menggunakan KNK atau KDNK sebagai asas anggaran dan ini bersesuaian dengan hasrat kajian mereka untuk melihat di peringkat ekonomi makro. Kajian yang dibuat oleh Mohd. Rais Alias pula adalah brdasarkan kepada anggaran umum daripada bilangan syarikat yang berdaftar. Manakala kajian yang dibuat oleh Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab adalah berdasarkan kepada anggaran 30% layak membayar zakat. Oleh itu, belum ada lagi kajian yang mengkaji potensi kutipan zakat

---

[163] Mohd. Rais Haji Alias, "Business zakat: Compliance and Practices in Federal Territory" (Makalah National Business Zakat Symposium 2013,17 September 2013, Kuala Lumpur), 15.

[164] *Ibid.*

[165] Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran". (Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, UKM, Julai 2010).

University of Malaya

dalam konteks mikro berdasarkan bancian sebenar terhadap sesuatu populasi dengan mendekati setiap unit di dalam populasi.

2.9 Jurang Kutipan Zakat

Kajian ini memperkenalkan istilah jurang kutipan zakat. Istilah jurang kutipan zakat ini merupakan satu istilah yang baru dalam dunia zakat tetapi tidak bagi dunia percukaian. Konsep jurang kutipan zakat dalam kajian ini adalah mirip kepada jurang cukai atau lebih dikenali dengan istilah *tax gap*. Jurang cukai adalah perbezaan di antara potensi penuh hasil cukai yang sepatutnya dibayar kepada negara dan jumlah kutipan cukai sebenar yang dipungut.[166] Jurang cukai adalah perbezaan di antara potensi penuh hasil cukai yang sepatutnya dibayar kepada negara dan jumlah kutipan cukai sebenar yang dipungut.[167]

Kerajaan Britain menggunakan jurang cukai bagi mengukur prestasi kutipan cukai negara. Satu laporan yang dinamakan Measuring Tax Gap dikeluarkan setiap tahun bagi melaporkan tahap kepatuhan cukai oleh pembayar cukai negara. Bagi tahun 2013 jurang cukai di Britain adalah sebanyak £35 bilion iaitu bersamaan 7% daripada jumlah cukai dan bagi tahun 2012 jurang cukai adalah £34 bilion bersamaan 7.1%.[168]

Kerajaan Amerika Syarikat juga membuat anggaran jurang cukai melalui Internal Revenue Service (IRS) bagi tempoh tertentu dan yang terkini adalah sehingga 2006 yang dikeluarkan pada tahun 2012. Jumlah jurang cukai bersih (*Net Tax Gap*) di Amerika Syarikat adalah $385 bilion dengan kadar kepatuhan 85.5%. Kadar kepatuhan ini didapati menurun berbanding dengan kajian sebelum ini yang dibuat pada tahun 2001 iaitu dengan kadar

---

[166] Shome, P., "The Control of Tax Evasion and the Role of Tax Administration", dalam *Tax Systems and Tax Reforms in South and East Asia,* ed. L Bernardi et al. (New York: Routledge, 2006), 40.

[167] *Ibid.*

[168] UK government, "Measuring Tax Gap 2013", laman sesawang *UK Government*, dicapai 12 Disember 2013. https://www.gov.uk/government/publications/measuring-tax-gaps.

University of Malaya

86.3%.[169] Laporan Measuring Tax Gap yang dikeluarkan oleh kerajaan Britain adalah lebih terperinci berserta metodologi kajian yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

Kajian mengenai jurang cukai ini memberi panduan bagi membangunkan jurang kutipan zakat. Pengalaman dari dua negara yang menghasilkan laporan jurang cukai menunjukkan bahawa usaha ini bukan merupakan sesuatu yang mudah di mana IRS menyatakan "*Tax gap estimates take years to produce*".[170] Pengalaman ini memberikan dua petunjuk kepada kajian ini iaitu jurang cukai memberikan maklumat yang sangat penting yang perlu diperoleh bagi merangka pungutan cukai yang efektif. Petunjuk kedua adalah kajian jurang cukai ini bukan sesuatu yang mudah tetapi tidak mustahil untuk dihasilkan.

Institusi zakat di Malaysia membuat analisis pencapaian dalam bentuk pembentangan statistik kutipan dan bilangan pembayar zakat dengan menunjukkan peningkatan saban tahun. Pelaporan yang dibuat tidak dalam bentuk analisis perbezaan di antara potensi dan pencapaian. Amalan ini adalah satu usaha yang baik tetapi pelaporan sebegini tidak dapat memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian sebenar berbanding potensi yang sepatutnya diperolehi. Selain itu, pelaporan sedia ada tidak dapat mengukur tahap penetrasi pasaran[171] kutipan zakat. Usaha untuk menghasilkan jurang kutipan zakat ada dibuat melalui kajian kepatuhan berzakat. Walaupun kajian-kajian ini tidak menggunakan istilah jurang kutipan zakat tetapi hasil kajiannya adalah untuk menunjukkan perbezaan di antara potensi dengan prestasi sebenar. Terdapat dua kajian yang membuat kajian terperinci bagi menganalisis potensi kutipan.

---

[169] Internal Revenue Service (IRS) Amerika Syarikat "Tax Gap for Tax Year 2006 Overview", laman sesawang *Internal Revenue Service*, dicapai 12 Disember 2013. https://www.irs.gov/pub/newsroom/overview_tax_gap_2006.pdf.

[170] Internal Revenue Service (IRS) Amerika Syarikat, "IRS Releases 2006 Tax Gap Estimates" laman sesawang *Internal Revenue Service*, dicapai 12 Disember 2013, https://www.irs.gov/uac/irs-releases-new-tax-gap-estimates-compliance-rates-remain-statistically-unchanged-from-previous-study

[171]Clow, Kenneth E. dan Baack, Donald, *Marketing Management A Customer-Oriented Approach* (Carlifornia: Sage Publication Inc, 2010), 44.

University of Malaya

Mohd. Yahya Mohd. Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohammad Ali Roshidi membuat kajian terhadap kepatuhan zakat fitrah. Kajiannya mendapati walaupun kutipan zakat fitrah sentiasa meningkat tetapi dari segi bilangan pembayar yang tidak membayar juga tinggi. Selain itu, kajian ini turut mendapati ketirisan kutipan sebanyak 20.62% hingga 44.85% bagi tempoh 16 tahun iaitu tahun 1995-2011.[172] Kajian ini juga menunjukkan kadar ketirisan adalah semakin menurun. Ini adalah petanda yang baik terhadap trend pembayaran zakat fitrah.

Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab (2010) turut membuat kajian terhadap potensi kutipan zakat di negeri Selangor berasaskan kepada bilangan penduduk, bilangan syarikat dan purata pembayaran. Berdasarkan kepada anggaran 30% adalah layak menunaikan zakat, jumlah kutipan zakat adalah sebanyak RM0.5 bilion.[173] Selain itu, juga kajian ini turut membuat jurang kutipan zakat dari aspek bilangan pembayar dan kutipan zakat bagi tahun 2010. Dari aspek pembayar zakat, pencapaian kepatuhan adalah sebanyak 39.24% bagi individu dan 33.33% bagi syarikat. Dari aspek jumlah kutipan zakat jumlah kutipan 2010 adalah 57% daripada potensi. Ini adalah cubaan yang baik dan boleh dicontohi bagi kajian ini. Namun begitu, bagi tujuan mendapatkan jumlah potensi kajian ini menggunakan andaian 30% layak dan menggunakan purata bayaran dan bukan jumlah sebenar.

Istilah jurang kutipan zakat ini merupakan satu istilah yang baru dalam dunia zakat tetapi tidak bagi dunia percukaian yang menggunakan istilah jurang cukai atau lebih dikenali dengan istilah *tax gap*. Jurang cukai adalah perbezaan di antara potensi penuh hasil cukai

---

[172]Mohd. Yahya Mohd. Hussin, Fidlizan Muhammad dan Mohammad Ali Roshidi, "Kepatuhan Membayar Zakat: Analisis Kutipan Dan Ketirisan Zakat Fitrah Di Selangor", *Jurnal Syariah* 21 no.2 (2013) 202-203.

[173] Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran" (Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, UKM, Julai 2010).

University of Malaya

yang sepatutnya dibayar kepada negara dan jumlah kutipan cukai sebenar yang dipungut.[174] Kerajaan United Kingdom pula mentakrifkan Jurang cukai sebagai perbezaan di antara cukai yang dipungut dengan cukai yang sepatutnya dipungut (*The Theoretical Liability*). Cukai yang sepatutnya dipungut ini adalah merangkumi cukai yang sepatutnya dibayar oleh individu dan syarikat yang mematuhi surat tuntutan menurut undang-undang oleh kerajaan.[175]

Negara maju seperti United Kingdom mempunyai kaedah pemantauan yang komprehensif bagi mengenal pasti jurang cukai setiap tahun dengan menghasilkan laporan dan kajian terperinci bagi mengenal pasti jurang cukai dengan menghasilkan laporan bertajuk Measuring Tax Gap setiap tahun yang menjadi panduan semua pihak yang terlibat. Bagi tahun 2013 jurang cukai di United Kingdom adalah sebanyak £35 bilion iaitu bersamaan 7% daripada jumlah cukai dan bagi tahun 2012 jurang cukai adalah £34 bilion bersamaan 7.1%.[176] Amerika Syarikat juga membuat anggaran jurang cukai oleh Internal Revenue Service (IRS) bagi tempoh tertentu dan yang terkini adalah sehingga 2006 yang dikeluarkan pada tahun 2012. Jumlah jurang cukai bersih (*Net Tax Gap*) di Amerika Syarikat adalah $385 bilion dengan kadar kepatuhan 85.5%. Kadar Kepatuhan ini didapati meningkat berbanding dengan kajian sebelum ini yang dibuat pada tahun 2001 iaitu dengan kadar 86.3%[177] Measuring Tax Gap yang dikeluarkan oleh kerajaan United Kingdom adalah begitu terpernci berserta metodologi kajian yang boleh dicontohi oleh negara-negara lain.

---

[174] Shome, P., "The Control of Tax Evasion and the Role of Tax Administration", dalam *Tax Systems and Tax Reforms in South and East Asia*, ed. L. Bernardi *et al*. (New York: Routledge, 2006), 40.

[175] HM Revenue and Customs, *Measuring Tax Gaps 2013 edition - Tax gap estimates for 2011-12*. United Kingdom, 4

[176]*Measuring Tax Gap 2013*, Laman web rasmi kerajaan kerajaan United Kingdom, dicapai pada 12 Disember 2013. https://www.gov.uk/government/publications/measuring-tax-gaps

[177] Internal Revenue Service, "Tax Gap for Tax Year 2006 Overview", laman sesawang *Internal Revenue Service (IRS) Amerika Syarikat*, dicapai 12 Disember 2013. https://www.irs.gov/pub/newsroom/overview_tax_gap_2006.pdf.

University of Malaya

Kajian mengenai jurang cukai ini memberi panduan bagi membangunkan jurang kutipan zakat. Pengalaman dari dua negara yang menghasilkan laporan jurang cukai menunjukkan bahawa usaha ini bukan merupakan sesuatu yang mudah di mana IRS menyatakan "Tax gap estimates take years to produce".[178] Pengalaman ini memberikan dua petunjuk kepada kajian ini iaitu jurang cukai memberikan maklumat yang sangat penting yang perlu diperoleh bagi merangka pungutan cukai yang efektif. Petunjuk kedua adalah kajian jurang cukai ini bukan sesuatu yang mudah tetapi tidak mustahil untuk dihasilkan. Oleh itu, kajian ini akan menghasilkan jurang kutipan zakat yang khusus dalam konteks kajian zakat perniagaan oleh PLC di Malaysia. Metodologi jurang kutipan zakat ini akan diperincikan di dalam Bab Metodologi Kajian.

2.10 Peranan Syarikat Tersenarai Awam Terhadap Masyarakat

Dalam teras Program Transformasi Malaysia terdapat keperluan untuk memperbaiki secara organik prestasi yang mendasari strategi, operasi dan organisasi GLC. Selain strategi yang jelas dan langkah ekonomi jangka pendek untuk meningkatkan prestasi ke tahap penanda aras, terdapat juga keperluan untuk meningkatkan kualiti modal insan dalam GLC dan membentuk langkah bersesuaian bagi memantau dan menilai prestasi pihak pengurusan dan pekerja.[179] Tujuh bidang bagi amalan terbaik korporat telah dikenal pasti sebagai peluang untuk mencipta nilai paling tinggi dan Tanggungjawab Sosial Korporat atau *Corporate Social Responsibility* (CSR) adalah salah satu daripada amalan tersebut.

Kerajaan Malaysia juga melalui SC telah menggariskan bahawa syarikat juga mempunyai tanggungjawab sosial sebagaimana yang dinyatakan di dalam Malaysian Code

---

[178] Internal Revenue Service, "IRS Releases 2006 Tax Gap Estimates", laman sesawang *Internal Revenue Service* (IRS) Amerika Syarikat, dicapai 12 Disember 2013, https://www.irs.gov/uac/IRS-Releases-2006-Tax-Gap-Estimates.

[179] *Ringkasan Buku Panduan Transformasi* (Jawatankuasa Putrajaya bagi Prestasi Tinggi GLC, 2006), 2.

University of Malaya

of Corporate Governance. Ia dinyatakan di dalam Prinsip 1 iaitu "Mewujudkan Peranan dan Tanggungjawab yang Jelas" iaitu "*The responsibilities of the board, which should be set out in a board charter, include management oversight, setting strategic direction premised on sustainability and promoting ethical conduct in business dealings".*[180]

Prinsip ini menjelaskan bahawa syarikat hendaklah menerapkan elemen beretika di dalam operasi perniagaan dan etika ini dijelaskan sebagai bukan sahaja integriti di peringkat individu tetapi juga oleh organisasi melalui sikap ambil berat bukan sahaja kepada pemegang saham tetapi juga kepada masyarakat.[181] Seterusnya di dalam tanggungjawab syarikat terhadap sosial sejagat dijelaskan melalui frasa berikut:

> "The board should formalise the company's strategies on promoting sustainability. Attention should be given to environmental, social and governance (ESG) aspects of business which underpin sustainability. Balancing ESG aspects with the interests of various stakeholders is essential to enhancing investor perception and public trust. The board should ensure the company discloses these policies and their implementation in the annual report and the corporate website."[182]

Bagi memantapkan pelan transformasi negara, CSR menjadi salah satu agenda negara dan kerajaan telah melancarkan *The Silver Book* bagi tujuan menggalakkan pelaksanaannya oleh syarikat milik kerajaan[183] dan turut diterapkan kepada syarikat tersenarai awam. *The Silver Book* menyediakan kerangka kerja CSR dengan memperincikannya dalam bentuk garis panduan. Ia juga termasuk memberi kuasa pengurusan memastikan syarikat mematuhi garis panduan yang ditetapkan.[184] Usaha ini diterapkan oleh Bursa Malaysia terhadap PLC mulai

---

[180] Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Malaysian Code of Corporate Governance 2012*, 1-3.

[181] Cheah Foo Seong dan Lee Leok Soon, *Corporate Governance in Malaysia: Principles and Practices* (Kuala Lumpur: August Publishing Sdn Bhd, 2009), 14.

[182] Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Malaysian Code of Corporate Governance 2012*, 1-4

[183] Ringkasan Buku Panduan Tranformasi, 23.

[184] *The Silver Book, Achieving Value Social Responsibility* (Putrajaya Committee on GLG High Performance, 2006).

University of Malaya

tahun September 2006 dengan melancarkan kerangka tanggungjawab sosial bagi syarikat awam di Malaysia.

Kerangka ini bertujuan untuk menyediakan garis panduan kepada syarikat korporat di Malaysia dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan empat indikator yang menjadi fokus utama telah dikenal pasti iaitu tanggungjawab kepada alam sekitar, lokasi kerja, komuniti dan lokasi pasaran[185] dan semua PLC dituntut untuk melaksanakan aktiviti CSR ini dan melaporkannya. Penekanan terhadap CSR yang dibuat oleh Bursa Malaysia adalah dalam bentuk galakan dan bukan sesuatu yang diwajibkan.[186]

Jadual 2.18 Indikator Kerangka Tanggungjawab Sosial Korporat di Malaysia

Alam Sekitar	**Komuniti**	**Lokasi kerja**	**Lokasi Pasaran**
▪ Pengaplikasian ISO 1400 ▪ Tenaga: sumber baru, kecekapan tenaga ▪ pengurusan sisa ▪ program kitar semula ▪ Melindungi spesis terancam ▪ Biodiversiti	▪ Pekerja sukarelawan ▪ Pendidikan ▪ Pembangunan ▪ Remaja ▪ Golongan tersisih ▪ Skim pekerjaan graduan ▪ Kanak-kanak	▪ Penglibatan pekerja ▪ Isu gender ▪ Pembangunan ▪ modal insan ▪ Kualiti kehidupan ▪ Hak buruh ▪ Hak asasi manusia ▪ Kesihatan dan Keselamatan di tempat kerja	▪ Produk hijau (*green product*) ▪ Penglibatan Yang Berkepentingan ▪ Perolehan beretika ▪ Pengurusan pembekal ▪ Pembangunan vendor ▪ Penjenamaan sosial ▪ Urus tadbir korporat

Sumber: Corporate Governance in Malaysia: Principles and Practices[187]

Pelaksanaan CSR telah diamalkan sebelum wujudnya galakan oleh Bursa Malaysia. Dalam sebuah kajian lain pada tahun 1984 mendapati sebanyak 29% PLC melaporkan

[185] Bursa Malaysia, "Bursa Malaysia's CSR Framework", laman sesawang *Bursa Malaysia*, dicapai 14 November 2013. http://ablemen.com/sustainability/lock/frameworks_introduction.php?page=frameworks&index=1.

[186] Sarmila MS et al., "Tanggungjawab Sosial Korporat Dan Pembangunan Ekonomi Komuniti: Kajian Kes Perspektif Komuniti Penerima" *Malaysia Journal of Society and Space* 8, no. 9 (2012), 1-12.

[187] Cheah Foo Seong dan Lee Leok Soon, *Corporate Governance in Malaysia: Principles and Practices*), 17.

University of Malaya

aktiviti CSR manakala bakinya sebanyak 71% tidak berbuat demikian. Kajian ini juga mendapati syarikat asing mempunyai kesedaran yang lebih berbanding syarikat yang ditubuhkan di Malaysia.[188] Dalam kajian lain yang dibuat terhadap 117 PLC yang diambil sebagai sampel kajian mendapati sebanyak 23.1% syarikat melaporkan aktiviti CSR di dalam laporan tahunan mereka.[189] Berdasarkan kepada kedua kajian ini impak sebenar galakan oleh Bursa Malaysia terhadap amalan CSR oleh PLC tidak dapat diukur. Namun begitu, usaha galakan oleh Bursa Malaysia adalah perkara yang baik untuk kesejahteraan rakyat Malaysia.

Pembayaran CSR ini boleh dikategorikan sebagai infak yang diberikan ganjaran pahala oleh Allah SWT namun jika pembayaran zakat tidak ditunaikan maka tanggungjawab sebenar PLC yang mempunyai pemilikan muslim masih belum tertunai.[190] Ruhaya membuat kajian mengenai persepsi masyarakat terhadap syarikat yang menunaikan tanggungjawab sosial ini dan kajian beliau mendapati bahawa pelanggan atau pengguna mengharapkan syarikat-syarikat terlibat aktif di dalam aktiviti kebajikan (*philanthropic activities*). Oleh itu, syarikat disarankan supaya mewujudkan polisi dan strategi bagi melaksanakan CSR sebagai salah satu aktiviti syarikat bagi menyokong usaha ke arah meningkatkan tahap kualiti hidup masyarakat.[191]

---

[188] Hai Yap Teoh and Greogry Thong, "Another Look at Corporate Social Responsibility and Reporting: An Empirical Study in a Developing Country." *Accounting, Organisations and Society* 9 no.2 (1984), 189-206.

[189] Chan Shirley et al., "Corporate Social Responsibility Reporting in Malaysia: An Analysis of Website Reporting of Second Board Companies Listed in Bursa Malaysia", *SEGI Review* 2 no. 2 (2009), 95.

[190] Selvik, Kjetil, "Business and Social Responsibility in the Arab World: the Zakat vs. CSR Models in Syria and Dubai", *Comparative Sociology* 12, no. 1 (2013), 111 .

[191] Ruhaya Atan dan Nurul Akmal Abdul Halim, "The Perception of Muslim Consumers Towards Corporate Social Responsibility", *British Journal of Economics, Finance And Management Sciences* 4, no.2 (2012), 65-80.

University of Malaya

2.11 Rumusan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas kesimpulan daripada bab ini adalah sebagaimana berikut:-

a. Zakat merupakan satu ibadah yang menjadi tuntutan bukan sahaja kepada individu tetapi juga kepada entiti perniagaan termasuk PLC.

b. Pentadbiran institusi zakat perlu terus dimantapkan bagi memastikan pengurusan zakat secara keseluruhannya berada di tahap terbaik.

c. Kaedah pengiraan zakat oleh PLC telah jelas tetapi dari aspek pelaksanaannya banyak anggaran perlu dilakukan.

d. Prestasi kutipan dan bilangan pembayar zakat harta dan zakat perniagaan terus meningkat dan peningkatan kutipan zakat perniagaan dapat memangkin lebih kutipan berbanding zakat yang lain.

e. Usaha bagi mengetahui potensi sebenar kutipan zakat dalam segmen PLC dapat bantu gerak kerja optimumkan kutipan zakat.

f. PLC mempunyai peranan untuk turut membantu membangunkan tahap sosio ekonomi masyarakat sama ada melalui zakat dan sumbangan derma seperti CSR.

University of Malaya

BAB TIGA : KAJIAN LITERATUR

3.1 Pendahuluan

Kajian literatur merupakan satu asas dalam memulakan sebuah kajian kerana ia memberikan gambaran dan maklumat terhadap kajian yang akan dijalankan.[1] Selain itu, ia juga memberikan maklumat terhadap kajian-kajian dan keputusan-keputusan kajian sebelum ini yang berkait dengan skop kajian, mencari jurang penyelidikan, memberikan panduan dalam membina kerangka kajian dan membantu membuat penanda aras hasil kajian.[2] Sehubungan itu bagi kajian ini kajian literatur dibuat bagi memenuhi dua tujuan utama iaitu:-

a. memahami teori-teori yang dibangunkan sebelum ini berkaitan subjek kajian dan mengenal pasti jurang penyelidikan yang wujud; dan
b. mengetahui faktor dan indikatornya yang boleh mendorong pembayaran zakat oleh entiti perniagaan hasil daripada kajian yang lalu.

Sumber kajian ini adalah sebahagian besar adalah dari jurnal, buku, tesis, laman sesawang dan kertas seminar.

Penulisan bab ini dibahagikan kepada dua kategori iaitu kajian mengenai gelagat entiti di dalam membuat keputusan, kajian mengenai teori gelagat kepatuhan membayar zakat, kajian mengenai faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dan aplikasi teori

---

[1] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (USA: Sage Publication Inc., 2008), 65.

[2] Creswell, John W., *Research Design Qualitatitive, Quantitative and Mixed Method Approaches* (Carliornia: Sage Publications, 2003), 29.

University of Malaya

gelagat kepatuhan zakat terhadap entiti perniagaan. Rumusan daripada aplikasi ini menjadi asas kepada kerangka teori kajian.

3.2 Teori Gelagat

Kajian mengenai entiti yang menjadi subjek kajian ini memilih bidang Gelagat Organisasi (*Organizational Behavior*)[3] sebagai landasan bagi memahami dengan lebih jelas dan mendalam tentang objek kajian. Gelagat Organisasi ditakrifkan sebagai satu bidang ilmu bagi memahami, menjangka, dan mengurus gelagat manusia di dalam organisasi[4] dan ia mencakupi aspek memahami kerangka teori dan penerangan tentang gelagat individu dan gelagat kumpulan dalam organisasi.

Ia juga boleh ditakrifkan sebagai kajian yang mengkaji pengaruh individu, kumpulan dan struktur organisasi terhadap gelagat di dalam organisasi.[5] Dalam takrifan lain Gelagat Organisasi adalah satu disiplin[6] yang memberi fokus kepada sikap dan interaksi manusia di dalam ruang lingkup yang terhad atau persekitaran yang ditetapkan. Ia memberikan kefahaman tentang individu dan menjangka gelagat mereka dan subjek ini juga memberi pengetahuan tentang bagaimana gelagat boleh dipengaruhi dan di bentuk.[7] Disiplin gelagat organisasi dalam konteks aplikasi sains gelagat adalah sangat luas dan ia mencakupi bidang psikologi, psikologi sosial, sosiologi dan antropologi. Selain itu, ia juga melibatkan bidang ekonomi dan statistik.[8]

---

[3] Organizational Behaviour ini selalu diringkaskan menggunakan akronim OB.

[4] Luthans, Fred. *Organizational Behavior* (Amerika Syarikat: McGraw Hill Companies, Inc.,1998),16.

[5] Robbins, Stephen P. dan Judge, Timothy A., *Essentials of Organizational Behavior* (New Jersey: Pearson 2010), 26.

[6] *Kamus Dewan* ed.ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 356, entri "disiplin". Perkataan "disiplin" di sini bermaksud "bidang atau lapangan kajian".

[7] Pettinger, Richard, *Introduction to Organisational Behaviour* (London: Macmillan Press Ltd, 1996), 1.

[8] Laroche, Hervé, "From Decision to Action in Organizations: Decision-Making as a Social Representation", *Organization Science* 6, no. 1 (1995), 62.

University of Malaya

Sesebuah entiti perniagaan merupakan sebuah organisasi dan bidang OB dapat membantu memberikan input terutama dalam membina kerangka kajian dalam tiga konteks sebagaimana berikut:-

a. Mendalami perbezaan individu dan kumpulan di dalam sesebuah organisasi. Maklumat ini penting bagi mencari pendekatan terbaik dalam mencari unit untuk dianalisis dalam kajian ini.
b. Memahami teori asas rasional di peringkat organisasi. Maklumat daripada asas rasional ini akan menjadi kerangka dasar dalam melihat gelagat hala tuju organisasi dan keputusan membayar zakat adalah hendaklah selaras dengan hala tuju organisasi.
c. Mengetahui gelagat organisasi di dalam membuat sesuatu keputusan. Keputusan membayar zakat oleh entiti perniagaan tidak terletak kepada keputusan individu tetapi di peringkat yang kolektif. Memahami gelagat entiti dalam membuat keputusan akan memberikan gambaran yang jelas tentang langkah yang perlu di lalui sebelum sesuatu keputusan untuk membayar zakat diambil.

3.2.1 Teori Gelagat Individu

Persepsi dan gelagat individu memainkan peranan penting di dalam mempengaruhi keputusan organisasi.[9] Persepsi merupakan satu proses di mana individu menyusun dan menterjemahkan luahan logik (*sensory expressions*) sebagai tindak balas kepada persekitaran. Persepsi ini dipengaruhi oleh tiga faktor iaitu kualiti peribadi (personaliti dan sikap), objek sasaran (ciri dan sifat objek sasaran) dan situasi (keadaan dan persekitaran sesuatu perkara atau kejadian).[10]

---

[9] Ostroff, Cheri., "The Effects of Climate and Personal Influences on Individual Behavior and Attitudes in Organizations", *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 56, no. 1 (1993), 56-90.

[10] Robbins, Stephen P. dan Judge, Timothy A., *Essentials of Organizational Behavior*, 56-57

University of Malaya

Bagi memahami asas persepsi dan gelagat individu, terdapat satu teori telah diterima secara begitu meluas dan diaplikasikan dalam pelbagai kajian terutama di bidang psikologi sosial.[11] Teori ini adalah Teori Gelagat Terancang (*Theory of Planned Behavior*)[12] yang dipelopori oleh Icek Ajzen. Teori ini telah diperkenalkan sejak 26 tahun dahulu dan kini ia menjadi teori yang paling berpengaruh dan menjadi model yang paling selalu di rujuk dalam model memahami kognitif tertentu.[13]

TPB meramalkan kaedah bagi menentukan gelagat manusia. Gelagat manusia ditentukan oleh niat yang dipengaruhi oleh tiga indikator iaitu sikap individu berkenaan, norma subjektif dan kawalan gelagat tertanggap.[14] Pertama adalah sikap seseorang dan ia merujuk kepada tahap kecenderungan atau ketidakcenderungan ketika membuat penilaian terhadap sesuatu perkara. Indikator kedua adalah faktor sosial yang dikenali dengan istilah norma subjektif. Norma subjektif ini adalah pengaruh persekitaran yang mempengaruhi sama ada seseorang itu akan bertindak atas sebaliknya. Faktor ketiga dikenali dengan istilah *perceived behavior control* atau kawalan gelagat tertanggap yang bermaksud tanggapan seseorang terhadap sesuatu perkara berdasarkan kepada pengalaman lalu dan antisipasinya terhadap halangan dan permasalahan yang bakal ditempuhi.[15] TPB diilustrasikan sebagaimana dalam Rajah 3.1 berikut:-

University of Malaya

---

[11] Ajzen, Icek., "The Theory of Planned Behaviour: Reactions and Reflections", *Psychology & Health* 26, no.9 (2011), 1113.

[12] Akronim bagi Teori Gelagat Terancang ini ialah TPB dan ia telah digunakan secara meluas.

[13] Ajzen, Icek, "The Theory of Planned Behavior: Reactions and Reflections", 179–211.

[14] Ajzen, Icek, *Attitudes, Personality and Behavior* ed ke 2 (New York: McGraw-Hill International, 2005).

[15] Ajzen, Icek., "The Theory of Planned Behavior", *Organizational Behavior and Human Decision Processes 50* (1991),188.

Rajah 3.1 Teori Gelagat Terancang oleh Icek Ajzen



Sumber: Ajzen, Icek., "The Theory of Planned Behavior"[16]

Kajian yang menggunakan TPB sebagai kerangka teori tentang gelagat individu di dalam organisasi adalah pelbagai seperti Carpenter, Tina D, dan Jane L. Reimers telah menggunakan TPB dalam mengkaji gelagat tidak beretika pihak pengurusan syarikat dalam menyediakan Laporan Kewangan Syarikat.[17] Manakala Greaves, M., L. D. Zibarras, dan C. Stride pula telah menggunakan TPB dalam mengkaji niat gelagat persekitaran di tempat kerja.[18] Griepentrog, B. K. et al. pula memanfaatkan TPB dan Integrasi Integriti Sosial dalam dalam konteks penarikan diri dalam proses kemasukan kakitangan[19] dan kajian lain adalah

[16] *Ibid.*

[17] Carpenter, Tina D, dan Reimers, Jane L., "Unethical and Fraudulent Financial Reporting: Applying the Theory of Planned Behavior." *Journal of Business Ethics* 60, no. 2 (2005), 115-129.

[18] Greaves, M., Zibarras, L. D. dan Stride, C., "Using the Theory of Planned Behavior to Explore Environmental Behavioral Intentions in the Workplace", *Journal of Environmental Psychology* 34 (2013), 109-120.

[19] Griepentrog, B. K. et al., "Integrating Social Identity and the Theory of Planned Behavior: Predicting Withdrawal from an Organizational Recruitment Process." *Personnel Psychology* 65, no. 4 (2012), 723-753.

University of Malaya

oleh Jaidi et al. mengkaji hubungan di antara sumber maklumat kemasukan kakitangan, TPB dan kesesuaian tugas sebenar dalam proses pengambilan siswazah berpendidikan tinggi.[20]

Contoh kajian-kajian lain yang juga dibuat dengan memanfaatkan TPB adalah kajian yang oleh Baela, D.A dan Manstead A.S menjalankan kajian bagi menjangka niat golongan ibu terhadap had kekerapan pengambilan gula anak mereka,[21] Cheung, S.F., Chan, D.K.S., dan Wong Z.S.Y, menjalankan kajian tentang pengujian semula Teori Gelagat Terancang bagi memahami gelagat orang ramai dalam menjalankan aktiviti kitar semula kertas[22] manakala Umeh, K., dan Patel, R. pula menjalankan kajian mengenai indikator TPB sebagai moderator terhadap penggunaan pil ektasi[23] dan Wankel, L.M dan Mummery, W.K. mengkaji implikasi aktiviti fizikal terhadap sosiologi pemasaran dengan menggunakan data daripada bancian negara dan diselarikan TPB.[24]

Apa yang sangat menarik untuk disimpulkan adalah semua kajian di atas mendapati TPB adalah sesuai untuk diaplikasikan dalam konteks kajian dan hasil dapatan kajian telah mencapai objektif kajian dan kajian ini menjadikan TPB ini salah satu teori asas di dalam kerangka teori kajian. Selain itu, TPB juga menarik minat penyelidik untuk mengkaji model teori itu sendiri sebagaimana yang dibuat oleh Yzer, M menguji kesamaan antara TPB

---

[20] Jaidi, Yasmina, Edwin, A. J. Van Hooft, dan Arends, Lidia R., "Recruiting Highly Educated Graduates: A Study on the Relationship between Recruitment Information Sources, the Theory of Planned Behavior, and Actual Job Pursuit." *Human Performance* 24, no. 2 (2011), 135-157.

[21] Beale, D. A., dan Manstead, A. S., "Predicting Mothers' Intentions to Limit Frequency of Infants' Sugar Intake: Testing the Theory of Planned Behavior", *Journal of Applied Social Psychology* 21 no.5 (1991), 409–431.

[22] Cheung, S. F., Chan, D. K. S., dan Wong, Z. S. Y., "Reexamining the Theory of Planned Behavior in Understanding Wastepaper Recycling", *Environment and Behavior* 3, no.5 (1999), 587-612.

[23] Umeh, K., dan Patel, R., "Theory of Planned Behaviour and Ecstasy Use: An Analysis of Moderator-Interactions" *British Journal of Health Psychology* 9, no. 1(2004), 25–38.

[24] Wankel, L. M., dan Mummery, W. K., "Using National Survey Data Incorporating the Theory of Planned Behavior: Implications for Social Marketing Strategies in Physical Activity. *Journal of Applied Sport Psychology* 5, no.2 (1993), 158-177.

University of Malaya

dengan teori Kawalan Gelagat Tertanggap. Teori Kawalan Tertanggap ini juga dihasilkan oleh Ichek Azjen sebelum teori ini dimantapkan menjadi TPB.[25]

Namun begitu, TPB tidak dapat lari dari kritikan sebagaimana kritikan oleh Wegner and Wheatly yang mendakwa tahap sedar adalah tidak bertanggungjawab terhadap kesan dan akibat malah tahap sedar berfungsi atas rasional keutamaan, konsistensi dan eksklusif pemikiran manusia. Hasil kajian mereka juga menunjukkan manusia ada kalanya terpaksa melakukan satu-satu perkara walaupun mereka menyedari akibat daripada tindakan tersebut.[26]

3.2.2 Teori Gelagat Organisasi

Organisasi mempunyai gelagat dan norma tersendiri sebagaimana juga individu. Antara teori gelagat rasional entiti dan organisasi telah dihasilkan oleh Herbert A.Simon[27] melalui buku yang dihasilkan daripada tesis Sarjana Falsafah (PhD) *Administrative Behaviour* pada tahun 1947. Penulis mengkaji sikap dan proses kognitif manusia di dalam rasional membuat pilihan atau Dalam erti kata lain, membuat keputusan di dalam sesebuah organisasi. Sesuatu keputusan yang berbentuk operasi pentadbiran sesebuah organisasi mestilah tepat dan cekap. Keputusan tersebut juga hendaklah praktikal untuk diaplikasikan dalam keadaan koordinasi purata organisasi. [28]

---

[25] Yzer, M., "Perceived Behavioral Control in Reasoned Action Theory A Dual-Aspect Interpretation", *The ANNALS of the American Academy of Political and Social Science* 640, no.1 (2012),101–117.

[26] Wegner, D. M., dan Wheatley, T., "Apparent Mental Causation: Sources of the Experience of Will" *American Psychologist* 54, no.7 (1999), 408.

[27] Herbert Alexander Simon (15 Jun 1916 - 9 Februari 2001) merupakan tokoh di Amerika Syarikat dalam pelbagai bidang iaitu sains politik, sains, ekonomi, sosiologi dan psykologi. Kajian yang dihasilkan mencakupi bidang psykologi kognitif, sains kognitif, sains komputer, pentadbiran awam, ekonomi, pengurusan, falsafah sains, sosiologi dan sains politik. Hasil karya beliau dipetik dalam ribuan karya dan beliau diiktiraf sebagai pakar sains sosial yang paling berpengaruh di abad ke 20. Beliau telah menerima anugerah Noble Lecturers pada tahun 1979 atas jasanya menjadi perintis dalam menjalankan kajian terhadap proses membuat keputusan dalam organisasi ekonomi.

[28] Simon, Herbert A., *Administrative Behavior: A Study of Decision Making Process in Administrative Organization*, ed. ke-3 (London: Collier Macmillan Publisher, 1976),ix.

University of Malaya

Sebarang keputusan yang dibuat hasil daripada membuat pilihan di antara alternatif, hendaklah bagi mencapai matlamat utama organisasi atau matlamat yang menyokong pencapaian matlamat organisasi. Pilihan yang realistik akan memberikan natijah sebenar yang merangkumi tindakan dan bukan tindakan yang dihasilkan dan ia disesuaikan dengan fakta dan nilai persekitaran sebenar. Secara praktis alternatif yang wujud mungkin munasabah dan sebaliknya atau alternatif yang wujud mempunyai risiko yang boleh ditangani atau sebaliknya atau alternatif tersebut bukanlah pilihan yang jelas dan mudah dibezakan selain daripada pilihan yang wujud.

Simon menggunakan istilah "*means and end*" iaitu "kaedah dan matlamat" dalam menerangkan proses membuat keputusan. Proses membuat keputusan di dalam organisasi melibatkan proses mengenal pasti permasalahan sebenar, menyediakan pilihan penyelesaian, mengenal pasti akibat daripada setiap pilihan dan perbandingan dari aspek ketepatan dan kecekapan bagi setiap pilihan natijah setiap pilihan.[29]

Simon memperkenalkan konsep rasional dalam membuat keputusan.[30] Teori ini dikembangkan oleh beliau dengan nama Teori Rasional Terbatas atau *Theory of Bounded Rationality*[31] sebagai asas rasional dalam membuat keputusan dalam konteks Gelagat Organisasi (*Organizational Behavior*). Melalui teori ini Simon telah berjaya membuka era baru dalam dunia saintifik tentang model pembuat keputusan yang paling berkesan dan realistik bagi membantu pembuat keputusan untuk menjangka pencapaian akan datang.[32]

---

[29] *Ibid.*, 61-78.

[30] Simon, Herbert A., "A Behavioral Model of Rational Choice", *The Quarterly Journal of Economics* 69, no. 1 (1955), 99-118.

[31] Simon, Herbert A., "Theories of Bounded Rationality", dalam *Decision and Organization*, ed. C.B.McGuire dan Roy Radner (Amsterdam: North Holland Publishing Company, 1972), 161-162.

[32] Kalantari, Behrooz, "Herbert A. Simon on Making Decisions: Enduring Insights and Bounded Rationality", *Journal of Management History* 16, no. 4 (2010), 509.

University of Malaya

Secara asasnya rasional antara individu dan organisasi adalah sesuatu yang tidak boleh dibezakan dan keduanya berkait dalam pengurusan organisasi. Namun begitu, yang menentukan perbezaan adalah peranan yang dimainkan dan ia melibatkan dua entiti yang berbeza. Sesuatu yang baik untuk seseorang individu tidak semestinya baik untuk organisasi.[33] Teori gelagat organisasi yang klasik atau lebih dikenal dengan nama teori Neo-Klasik[34] menyatakan bahawa objektif entiti perniagaan adalah memaksimumkan keuntungan[35] dan teori ini disokong oleh Marshal A. yang menyatakan keputusan yang dibuat adalah bagi memenuhi keperluan sendiri bagi mencapai kepuasan maksimum.[36]

Friedman juga mengatakan bahawa tanggungjawab sosial sesebuah syarikat adalah untuk memaksimumkan keuntungan.[37] Namun begitu, sesebuah entiti atau organisasi sentiasa berhadapan keadaan sebenar yang kompleks dan terdedah kepada pelbagai risiko dan kemungkinan. Oleh itu, Simon mengguna pakai pendekatan yang diperkenalkan oleh Baumol[38] iaitu keuntungan yang memuaskan (*satisfactory profit*).[39] Asas rasional entiti perniagaan adalah mengoptimumkan keuntungan ke tahap yang memuaskan setelah mengambil kira pelbagai faktor dan persekitaran yang kompleks dengan mengambil kira pilihan pendekatan yang telah dibekalkan maklumat dan fakta.

Ramai pakar ekonomi yang lain seperti Julius Margolis[40] juga mencadangkan rasional sesebuah entiti perniagaan adalah untuk mendapat satu tahap keuntungan yang memuaskan.

---

[33] Aumann, Robert J., "Rationality and Bounded Rationality", *Games and Economic Behavior,* no.21 (1997), 4-5.

[34] Wang, Greg G., and Holton, Elwood F., "Neoclassical and Institutional Economics as Foundations for Human Resource Development Theory." *Human Resource Development Review* 4, no.1 (2005), 86-108.

[35] Barber, W. J., *A History of Economic Thought* (England: Penguin Books, 1967), 171.

[36] Marshall, Alfred., *Principles of Economics,* ed.ke-8 (London: Macmillan and Co, 1920), 93.

[37] Friedman, Milton, "The Social Responsibility of Business Is To Increase Its Profits", *NewYork Times Magazine*, September 1970), 122-126.

[38] Baumol, William J., *Business Behaviour, Value and Growth* (New York: Macmillan, 1967), 45-53.

[39] Simon, Herbert A., "*Theories of Bounded Rationality*",164

[40] Margolis, Julius, "The Analysis of the Firm: Rationalism, Conventionalism, and Behaviorism." *The Journal of Business* 31, no. 3 (1958), 187-99.

University of Malaya

Selain itu, asas rasional juga sepatutnya dibuat berdasarkan kepada matlamat kelangsungan entiti untuk jangka panjang. Dalam erti kata lain, keuntungan tidak dapat dimaksimumkan untuk jangka pendek terutama di peringkat awal perniagaan. Aspirasi lain yang perlu diambil kira adalah keuntungan di masa akan datang hendaklah lebih besar daripada keuntungan semasa. Oleh itu, indeks tahap keuntungan yang memuaskan meningkat apabila keuntungan meningkat. Selain itu, peranan tahap aspirasi dalam menentukan tahap keuntungan yang memuaskan memberikan motivasi untuk entiti perniagaan mencari penyelesaian terbaik.

Aichian, Armen A. dan Kessel, Reuben A., telah memperkenalkan gelagat "*noneconomic preferences*" iaitu kecenderungan yang tidak ekonomik. Gelagat ini adalah kecenderungan dan minat seseorang atau sesebuah entiti perniagaan terhadap perkara yang tidak sahaja berkaitan memaksimumkan keuntungan, mengurangkan kos atau juga memaksimumkan jualan (*revenue*) tetapi perkara yang turut diambil kira dalam membuat keputusan adalah sangat luas seperti kecenderungan bangsa, sejarah keturunan, keselesaan, minat, kesukaan dan yang seumpamanya. Oleh itu, asas membuat keputusan adalah sesuatu yang kompleks tidak sebagaimana yang digambar oleh teori memaksimumkan keuntungan semata-mata sama ada dalam konteks teori persaingan sempurna (*perfect competition*) atau monopoli.[41]

O.E.Williamson menyokong pandangan di atas dengan menghasilkan teori pengurusan rasional yang turut mengambil kira item-item seperti meningkatkan kebajikan kakitangan, keselesaan bekerja, keperluan pelanggan, pengiklanan, pembelian aset tetap dan

[41] Aichian, Armen A. dan Kessel, Reuben A., "Competition, Monopoly, and the Pursuit of Money", dalam *Aspects of Labor Economics*, ed., Universities-National Bureau (Massachusetts: Princeton University Press, 1962), 157-183.

University of Malaya

beberapa item lagi sebagai perkara yang perlu diambil kira ketika membuat keputusan dalam usaha mengoptimumkan keuntungan syarikat.[42]

Dalam kajian lain Richard M. Cert[43] juga telah mengambil kira pelbagai pandangan dalam bidang teori gelagat organisasi termasuk mengguna pakai pendekatan yang disarankan oleh Simon dan merumuskan tentang teori gelagat dan membuat keputusan oleh entiti sebagaimana berikut:-

a. Keputusan organisasi adalah bergantung kepada maklumat, anggaran, dan jangkaan entiti perniagaan terhadap tahap pencapaian. Persepsi organisasi adalah dipengaruhi oleh beberapa ciri organisasi dan tatacara proses. Tatacara proses menghasilkan maklumat dan fakta tepat dalam bentuk pilihan dalam membuat keputusan.

b. Organisasi membuat pertimbangan berdasarkan pilihan yang wujud di mana pilihan-pilihan ini dihasilkan bergantung kepada ciri dan struktur bagi mencapai objektif organisasi.

c. Keputusan yang dibuat oleh organisasi berubah mengikut pengagihan sumber yang diperuntukkan bagi mencapai objektif organisasi secara keseluruhan atau objektif dalaman organisasi dan individu yang terlibat.

Hasil kajian empirikal oleh Shotter mendapati dalam realiti masa kini amalan memaksimumkan keuntungan sebagaimana yang disarankan oleh teori Neo-Classical tidak lagi menjadi amalan yang diminati oleh pakar ekonomi.[44] Namun begitu, hasil kajiannya mendapati ia masih diamalkan sebagaimana kajiannya di negara Afrika Selatan.

---

[42] Williamson, O. E., "A Model of Rational Managerial Behavior", dalam *A Behavioral Theory of the Firm*, ed. Cyert, Richard M. dan March, James G. (New Jersey: Parentice-Hall Inc, 1963), 252.

[43] Cyert, Richard M. dan March, James G., *A Behavioral Theory of the Firm* (New Jersey: Parentice-Hall Inc, 1963), 83-84.

[44] Shotter, M., "Is Management Accounting Theory Breaking Free from the Shackles of Neo-Classical Economics? A South African Perspective" *Meditari Accountancy Research* 9, no. 1 (2001), 257.

University of Malaya

Penggunaan Teori Rasional Terbatas ini adalah teori yang menjadi teori asas rasional organisasi dalam disiplin OB. Contoh penggunaan teori ini oleh pakar ekonomi adalah Stephen P. Robins dan Timothy A. Judge ketika menghasilkan buku Essential of Organizational Behavior[45] dan Fred Luthans yang menghasilkan buku Organizational Behavior.[46]

Teori ini sebenarnya adalah fokus kepada pembuat keputusan individu di dalam sesebuah organisasi cuma Simon lebih berminat dalam pembuat keputusan di peringkat organisasi[47] dan teori ini telah diringkaskan kepada tiga langkah[48] di dalam membuat keputusan iaitu:-

Fasa 1: Pengumpulan Maklumat (*Intelligence*): Meneliti latar belakang persekitaran ekonomi, teknikal, politik dan situasi sosial untuk mencari penyelesaian

Fasa 2: Merangka (*Design*): Mencari, mengenal pasti peluang, kemungkinan-kemungkinan tindakan yang boleh diambil bagi menangani situasi dan menjangkakan sebab dan akibat daripada setiap kemungkinan tindakan;

Fasa 3: Membuat pilihan (*Choice*): Memilih keputusan terbaik berdasarkan alternatif penyelesaian yang dibangunkan bagi menyelesaikan masalah. Keputusan dibuat setelah jelas dengan kesan dan akibat daripada keputusan yang dibuat.

Namun begitu, Teori Rasional Terbatas ini tidak dapat lari dari kritikan contohnya teori ini tidak mengambil kira risiko dan ketidaktentuan (*uncertainty*).[49] Menurut David

---

[45] Robbins, Stephen P. dan Judge, Timothy A., *Essentials of Organizational Behavior* (New Jersey: Pearson, 2010), 61-62.

[46] Fred Luthans, *Organizational Behavior*, ed.ke-8 (Nebraska: McGraw Hill, 1998), 498-499.

[47] Pomerol, Jean-Charles dan Adam, Frederic, "On the Legacy of Herbert Simon and his Contribution to Decision-making Support Systems and Artificial Intelligence", dalam *Intelligent Decision-Making Support Systems: Foundations, Applications and Challenges*, ed. Jatinder N.D. Gupta, Guisseppi A. Forgionne dan Manuel Mora T. (London: Springer-Verlag London Limited 2006), 25.

[48] Richard M.Cert dan March, James G., *A Behavioral Theory of the Firm*, 83-84.

[49] Dequech, David, " Bounded Rationality, Institutions, and Uncertainty", *Journal of Economic Issues* 35, no. 4 (2001), 911-929.

University of Malaya

Dequech rasional juga tidak sepatutnya terhad kerana di dalam realiti sebenar kreativiti sentiasa wujud dalam organisasi. Selain itu, David mendapati teori ini adalah umum untuk dipraktikkan dan teori ini berada di tahap konseptual.

Walau bagaimana pun teori ini boleh dijadikan sebagai satu garis panduan dalam kajian ini bagi mengilustrasikan gelagat organisasi. Walaupun persekitaran sebenar adalah begitu kompleks untuk mendapatkan satu teori yang sempurna, berdasarkan kepada penerimaan dan pengiktirafan pelbagai pakar ekonomi terhadap teori ini, maka Teori Rasional Terbatas (*Theory of Bounded Rationality*) ini dijadikan salah satu teori yang menjadi kerangka kajian.

3.2.3 Aplikasi Teori Gelagat Membuat Keputusan

Berdasarkan kepada perbincangan di atas kedua aspek teori gelagat yang dinyatakan sama ada individu dan organisasi di atas mempunyai kaitan langsung dengan membangunkan kerangka teori kajian.

Melalui Teori Gelagat Terancang (TPB) Icek Ajzen menjelaskan bahawa semua indikator gelagat dihasilkan oleh tiga elemen sama ada personaliti seseorang, latar belakang sosialnya dan juga maklumat yang diterima sebagaimana yang diilustrasikan di dalam rajah 3.2 .

University of Malaya

Rajah 3.2 Peranan Faktor Latarbelakang Dalam Teori Gelagat Terancang



Sumber: Ajzen, Icek[50]

Oleh itu, faktor latar belakang ini adalah pemboleh ubah yang boleh mempengaruhi gelagat niat seseorang. Faktor latar belakang ini akan diambil kira dalam mengkaji faktor yang dipilih untuk menjadi pemboleh ubah tidak bersandar sebagai faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat.

Dalam konteks teori organisasi, Teori Rasional Terbatas (Theory of Bounded Rationality) yang dipelopori oleh Herbert A.Simon diaplikasikan dalam konteks mendalami gelagat pembuat keputusan bagi pihak organisasi melihat sesuatu kewajaran dan rasional sesuatu perkara. Secara ringkasnya Teori Rasional Terbatas mengandaikan bahawa manusia mempunyai informasi, masa dan kemampuan dalam membuat pertimbangan dalam membuat

[50] Ajzen, Icek, *Attitudes, Personality and Behavior*, 135

keputusan. Selain itu, teori ini membuat andaian bahawa masalah yang dihadapi adalah kompleks untuk diselesaikan dalam jangka masa yang singkat walaupun semua maklumat telah lengkap. Oleh itu, Simon memperkenalkan kaedah proses kognitif yang akan membawa kepada penyelesaian yang memuaskan.[51]

Rajah 3.3 Ilustrasi Proses Kognitif Membuat Keputusan Organisasi Oleh Simon[52]



Sumber: Richard M. Cyert dan James G. March

Berdasarkan kepada kedua rajah di atas maklumat adalah kata kunci dalam membuat keputusan sama ada di peringkat individu dan organisasi. Maklumat ini boleh mengubah persepsi individu yang terlibat di dalam membuat keputusan dan maklumat juga memberikan pilihan kepada organisasi di dalam membuat pilihan.

[51] Hoffrage, Ulrich, dan Reimer, Torsten, "Models of Bounded Rationality: The Approach of Fast and Frugal Heuristics" *Management Review* 15, no.4 (2004), 437-459.

[52] Ilustrasi ini dibuat oleh penyelidik hasil daripada penerangan Cyert, Richard M. dan March, James G., *A Behavioral Theory of the Firm*, 83-84.

University of Malaya

Peranan yang dimainkan oleh "maklumat" dalam senario ini dikenali sebagai Intervensi Gelagat (*Behavioral Interventions*)[53] atau dalam erti kata lain, sebagai suatu campur tangan terhadap sesuatu gelagat. Menurut TPB campur tangan atau intervensi boleh digunakan ke atas satu atau lebih faktor penentu gelagat iaitu sama ada sikap, norma subjektif dan persepsi gelagat terkawal. Perubahan kepada faktor penentu akan mempengaruhi niat dan dengan seterusnya dapat mengubah gelagat. Oleh itu, sesebuah entiti perniagaan seperti syarikat tersenarai awam akan membuat keputusan untuk membayar zakat jika pembuat keputusan dibekalkan dengan maklumat yang disampaikan melalui pujukan bagi mempengaruhi gelagat pembuat keputusan dengan cara mewujudkan unsur tekanan di dalam persekitaran terhadap pembayaran zakat, dan memperbaiki tanggapan yang menjadi kawalan kepada gelagat. Ini adalah kerana sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat tertanggap diandaikan berdasarkan kepada satu set kepercayaan dan intervensi gelagat diperlukan bagi mengubah kepercayaan lama di mana menurut TPB "kepercayaan" adalah pembimbing mutlak kepada sesuatu gelagat.[54]

Seterusnya melalui Teori Rasional Terbatas gelagat intervensi akan memainkan peranan di dalam proses penyediaan dan penyampaian maklumat di mana maklumat ini akan menghasilkan pilihan untuk membayar zakat dengan mengambil kira manfaat yang diperoleh kelak adalah selaras dengan objektif organisasi. Kesemua di atas amat perlu diambil kira di dalam setiap perancangan dan gerak kerja institusi zakat dalam melaksanakan gerak kerja pemasaran mereka.

---

[53] Ajzen, Icek, *Attitudes, Personality and Behavior*, 136.
[54] *Ibid.*, 137.

University of Malaya

3.3 Teori Gelagat Dan Faktor Kepatuhan Zakat

Gelagat kepatuhan sememangnya banyak dibincangkan dalam pelbagai bidang khususnya dalam bidang percukaian iaitu satu bidang yang hampir serupa dengan zakat. Namun begitu, semenjak tahun 2002 kajian mengenai gelagat pembayaran zakat telah bermula menarik minat pelbagai penyelidik dan skop ini semakin berkembang hingga kini. Kajian-kajian mengenai gelagat pembayaran zakat menggunakan pelbagai landasan teori, melibatkan pelbagai jenis zakat dan mengetengahkan pelbagai faktor yang boleh mempengaruhi pembayaran zakat terdapat banyak kajian mengenai gelagat kepatuhan zakat.

3.3.1 Kerangka Teori Kepatuhan Zakat

Berdasarkan kepada pelbagai literatur tentang teori kepatuhan zakat pelbagai teori digunakan mengikut reka bentuk kajian masing-masing. Hasil kajian ini mendapati teori kepatuhan zakat boleh dibahagikan kepada dua skop utama iaitu kajian yang menggunakan teori psikologi dan asas Islam sebagai kerangka kajian. Kajian yang menggunakan asas psikologi mengambil Teori Gelagat Terancang (TPB) sebagai asas dan ini merupakan pendekatan yang paling popular dan ia bermula daripada kajian yang dibuat oleh Kamil Md. Idris melalui tesis peringkat Doktor Falsafah (PhD) pada tahun 2002 dengan tajuk Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah. Kajian ini dibuat untuk mengenal pasti dimensi sikap terhadap zakat gaji dan membentuk model gelagat kepatuhan zakat gaji bagi memahami bagaimana angkubah-angkubah yang terlibat mempengaruhi gelagat kepatuhan[55]. Antara penyelidik lain yang turut menggunakan TPB sebagai kerangka kajian adalah Ahmad Radzuan yang menjalankan kajian bagi melihat kesan tahap keagamaan dan akauntabiliti peribadi terhadap niat membayar zakat perniagaan

[55] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah" (Tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002), iii.

University of Malaya

dalam kalangan peniaga pemilikan tunggal[56]. Selain itu, adalah Nor Adilah Ahmad Shokori yang membuat kajian mengenai kepatuhan terhadap zakat perniagaan dalam kalangan pengusaha stesen minyak[57] dan Ram Al-Jefri Saad yang mengkaji gelagat kepatuhan pembayaran zakat perniagaan dalam kalangan peniaga di Pulau Pinang.[58]

Manakala kajian yang menggunakan asas pandangan Islam adalah sebagaimana yang dibuat oleh Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor [59] di mana mereka menggunakan pandangan tokoh iaitu Yūsuf al-Qaraḍāwī yang mengatakan bahawa pendidikan dan keimanan mempengaruhi tindakan ekonomi seseorang. Pandangan ini dipetik oleh Mohd. Ali melalui buku Yūsuf al-Qaraḍāwī Peranan Nilai dan Akhlak dalam Ekonomi Islam.[60] Selain itu, dalam tiga kajian lain menggunakan asas rasional seorang Muslim yang melihat prinsip zakat sebagai satu tuntutan ibadah iaitu kajian yang dibuat oleh Sanep Ahmad, Nor Ghani dan Zulkifli[61], Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi [62] dan Sanep Ahmad dan Zulkifli.[63]

Selain itu, pendekatan lain yang digunakan dalam membuat kajian mengenai kepatuhan zakat adalah dengan membuat perbandingan di antara gelagat kepatuhan zakat dan

---

[56]Ahmad Radzuan Ghazali, "Kesan Tahap Keagamaan Dan Akauntabiliti Peribadi Terhadap Niat Membayar Zakat Perniagaan Di Kalangan Kontraktor Perniagaan Tunggal Pulau Pinang" (Disertasi Sarjana Sastera, Universiti Sains Malaysia, 2009).

[57]Nor Adilah Ahmad Shokori, "*Kepatuhan Terhadap Zakat Perniagaan: Kajian Di Kalangan Pengusaha Stesen Minyak Di Pulau Pinang" (Disertasi Sarjana,* Universiti Utara Malaysia, 2011), ii.

[58]Ram Al-Jaffri Saad, "*Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Di Negeri Kedah Darul Aman* (Tesis Kedoktoran Universiti Utara Malaysia, 2010)

[59] Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia", *Islāmiyyāt 26, no.*2 (2004), 62.

[60] Yūsuf al-Qaraḍāwi, *Dawru al-Qiyām wa al-Akhlāq fi al-Iqtisād al-Islamiy*.(al-Qahirah: Maktabat Wahabat:1995).

[61] Sanep Ahmad, Nor Ghani Md. Nor dan Zulkifli Daud, "Tax Baesd Modeling of Zakat Compliance", *Jurnal Ekonomi Malaysia 45* (2011), 101-108.

[62] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (Kertas Seminar 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha Qatar, 19 – 21 Disember 2011).

[63] Sanep Ahmad dan Zulkifli, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori"

University of Malaya

cukai. Mereka mengambil kira teori kepatuhan cukai dan disesuaikan dengan kepatuhan zakat sebagaimana yang dibuat oleh Kamil Md. Idris[64] dan Sanep Ahmad dan Zulkifli.[65] Hasil kajian literatur oleh Kamil Md Idris mendapati antara faktor yang mempengaruhi kepatuhan cukai adalah demografi iaitu umur (ketua isi rumah yang berumur melebihi 65 tahun lebih patuh), jantina (wanita lebih patuh), tahap pendapatan (golongan berpendapatan tinggi lebih patuh) dan beban tanggungan (golongan yang kurang beban tanggungan kewangan lebih patuh).[66]

Hasil kajian literatur oleh Sanep Ahmad dan Zulkifli yang dibuat berdasarkan teori Becker mengenai jenayah dan hukumannya dalam pendekatan ekonomi telah mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi gelagat individu untuk mengelak daripada membayar cukai iaitu kebarangkalian dikesan, kadar cukai dan struktur penalti. Hukuman yang tegas dan jelas boleh mengurangi tingkat pengelakan cukai selain faktor ekonomi, persekitaran, pengetahuan, sosial demografi, peluang mengelak, persepsi dan sistem cukai.[67] Namun begitu, bagi mengaplikasikan teori kepatuhan cukai terhadap kepatuhan zakat adalah tidak begitu tepat kerana zakat dan cukai sebenarnya adalah sangat berbeza kerana pematuhan dan pengelakan zakat tidak hanya mengambil kira beban fizikal sahaja seperti hukuman dan penalti tetapi lebih menyeluruh mencakupi beban fizikal dan mental.[68] Perbezaan antara keduanya dinyatakan di dalam Jadual 3.1.

---

[64] Kamil Md Idris, *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian* (Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2009), 25-32.

[65] Sanep Ahmad dan Zulkifli, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (Prosiding Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010), 501-516.

[66] Kamil Md Idris, *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian*, 41-43.

[67] Sanep Ahmad dan Zulkifli, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori"

[68] *Ibid.*

University of Malaya

Jadual 3.1 Perbezaan Zakat dan Cukai

Zakat	**Cukai**
Konsep Zakat adalah penyucian jiwa dan harta (Yusuf Qardawi). Ia merupakan tanggungjawab agama iaitu sebagai ibadat	Konsep cukai adalah tekanan yang dikenakan oleh pemerintah kepada rakyat.
Tidak bayar zakat berdosa	Tidak bayar cukai dikenakan denda oleh pemerintah
Bayar zakat tertakluk kepada muslim yang layak sahaja.	Semua rakyat yang layak kena bayar cukai
Zakat dikutip oleh kerajaan Islam sahaja	Cukai boleh dikutip oleh sesiapa sahaja yang memerintah negara
Sumber zakat adalah dari sumber halal sahaja	Sumber cukai adalah semua sumber yang diperoleh.
Kadar zakat adalah tetap iaitu seperti 2.5 % dan yang berubah hanyalah nilai wang sahaja.	Kadar cukai boleh berubah mengikut kadar yang ditetapkan oleh kerajaan pada setiap tahun
Pengagihan zakat tertakluk kepada lapan golongan asnaf sahaja.	Pengagihan cukai adalah untuk membiayai semua aktiviti pemerintah untuk keperluan rakyat

Sumber: Ruziah Ghazali[69]

Dalam kajian yang dilaksanakan oleh Zahri Hamat yang membuat perbandingan di antara perakaunan zakat dan perakaunan cukai (Income Tax Act 1967) di Malaysia mendapati keduanya adalah tiada kaitan.[70] Oleh itu, kajian ini lebih fokus kepada literatur kepada kajian yang memberi fokus kepada subjek zakat.

Kajian gelagat kepatuhan zakat adalah sentiasa berkait dengan analisis faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat dan faktor ditakrifkan sebagai unsur atau sebab yang menyumbang kepada sesuatu hasil.[71] Antara kajian yang paling awal di Malaysia yang

---

[69] Ruziah Ghazali, "Implikasi Zakat Terhadap Sistem Percukaian Negara" (makalah, Persidangan Zakat Cukai Kebangsaan, 22 Mei 2007).

[70] Zahri Hamat, "Business Zakat Accounting and Taxation in Malaysia" (makalah, Conference on Islamic on management and Finance, anjuran School of management University of Leicester, United Kingdom, 2-3 Julai 2009).

[71] *Kamus Dewan* ed.ke-4, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2007), 405, entri "faktor".

University of Malaya

pernah dijalankan mengenai gelagat kepatuhan zakat adalah mengenai kepatuhan zakat gaji oleh Kamil Md. Idris.[72] Kajian mendapati sikap terhadap zakat gaji boleh dirungkaikan kepada lima indikator kecil dan setiap indikator berserta angkubah telah diuji di dalam model gelagat kepatuhan melalui teknik statistik regresi logistik. Hasil kajian mendapati tujuh angkubah berkait secara positif dengan gelagat kepatuhan iaitu undang-undang zakat, kualiti perkhidmatan, pendedahan promosi, tiga indikator sikap dan pengetahuan.

Implikasi daripada penemuan kajian adalah undang-undang zakat perlu diperkemas, kualiti perkhidmatan perlu sentiasa dipertingkatkan dan strategi promosi kempen zakat perlu dipergiat. Namun begitu, kajian ini mendapati elemen nilai agama mempunyai kesan negatif terhadap gelagat pembayaran zakat dan ini menunjukkan masih ramai yang suka membayar zakat sendiri dan mereka terpengaruh dengan pandangan yang tidak mewajibkan zakat gaji.[73]

Rajah 3.4 Model Kepatuhan Zakat Gaji Oleh Kamil Md Idris



Sumber: Kamil Md Idris[74]

[72] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah" (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002).
[73] *Ibid.*, iv.
[74] Kamil Md. Idris, *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian*, 72.

Zulkifli dan Sanep Ahmad[75] telah membawakan kajian yang menghasilkan Model Teori Kepatuhan dan Pengelakan Zakat. Kajian ini cuba membina satu model kepatuhan zakat terhadap institusi formal kutipan zakat. Model dibina berdasarkan model kepatuhan cukai dengan mengambil kira beberapa faktor penting yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat. Berdasarkan model konseptual, gelagat pematuhan dan pengelakan zakat tidak hanya bergantung kepada hukuman jika adanya penguatkuasaan undang-undang, tetapi juga bergantung kepada pelbagai faktor lain iaitu komitmen kepada agama/keimanan, kefahaman/pengetahuan zakat, kemudahan mekanisme pembayaran, kepercayaan kepada institusi formal pungutan zakat, persepsi sistem cukai dan faktor persekitaran.

Rajah 3.5 Model Gelagat Kepatuhan Zakat Oleh Zulkifli dan Sanep



Sumber: Zulkifli dan Sanep[76]

Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md. Salleh dan Abd. Samad Nawi[77] telah mengemukakan satu teori ekonomi terhadap gelagat kepatuhan zakat perniagaan. Beliau

[75]Zulkifli dan Sanep Ahmad, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (makalah, Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010).

[76] *Ibid.*

[77] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, Doha Qatar, 19 – 21 Disember 2011).

University of Malaya

telah mengkaji teori gelagat kepatuhan zakat dan menyarankan satu model ekonomi tentang perkara ini. Dapatan kajian beliau mendapati faktor yang mempengaruhi gelagat kepatuhan zakat perniagaan adalah terdiri daripada enam variabel iaitu penguatkuasaan undang-undang, insentif kerajaan, tahap pengetahuan, tahap keimanan, tempoh perniagaan dan faktor institusi zakat.

Rajah 3.6 Model Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Oleh Mohd. Rahim Kamis et al.



Sumber: Mohd. Rahim Kamis et al.[78]

Mohd. Rahim Kamis juga telah membuat ujian secara empirikal terhadap faktor membayar zakat dalam kalangan peniaga kecil dan sederhana di negeri Selangor.[79] Hasil kajian beliau mendapati terdapat enam faktor yang mempengaruhi kepatuhan pembayaran zakat iaitu amalan keagamman, tahap pengetahuan, institusi zakat, insentif kerajaan, lokasi perniagaan dan kategori perniagaan.

[78] *Ibid.*

[79] Mohd. Rahim Kamis, "An Analysis of the Factors Determining Compliance Behavior on Business Zakat Among Owners of SME's in Selangor" (tesis kedoktoran, Universiti Institut Teknologi MARA (UiTM), 2014).

University of Malaya

Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris [80] telah membuat penyelidikan tentang peranan sikap dan norma subjektif terhadap kepatuhan zakat pendapatan. Beliau mendapati dimensi sikap pekerja muslim mempunyai pengaruh terhadap kesungguhan menunaikan ibadah zakat. Indikator sikap boleh dibahagikan kepada enam indikator manakala norma subjektif pula boleh dibahagikan kepada tiga indikator. Kesemua indikator ini mempunyai korelasi yang signifikan terhadap pembayaran zakat. Beliau mencadangkan agar institusi zakat mengambil kira semua indikator ini bagi memastikan pendekatan dan perancangan yang digunakan adalah lebih berkesan.

Kajian lain mengenai kepatuhan zakat turut diadakan oleh Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor[81] bagi mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan dalam kalangan kakitangan profesional di Universiti Kebangsaan Malaysia. Hasil kajian mendapati beberapa faktor mempengaruhi gelagat pembayaran iaitu lokasi, demografi, keyakinan, kemudahan, iman, pengetahuan agama dan pendidikan. Keputusan dari analisis ekonometrik menunjukkan faktor iman dan pengetahuan agama amat signifikan mempengaruhi pembayaran zakat pendapatan. Semakin tinggi tahap keimanan dan pengetahuan zakat, maka seseorang Muslim akan lebih cenderung untuk membayar zakat pendapatan. Hasil kajian juga mendapati pengetahuan mengenai fungsi Pusat Pungutan Zakat (PPZ) tidak mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat. Usaha meningkatkan pungutan zakat perlu dilakukan dengan cara yang berintegrasi dengan mengambil pendekatan menyeluruh.

---

[80] Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, "The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income", *IKaZ International Journal of Zakat* 1, no.1, 2008.

[81] Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dalam Kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia", *Islāmiyyāt 26, no.*2 (2004), 59-67.

University of Malaya

Hasil penelitian terhadap faktor pembayaran zakat daripada daripada 25 kajian lalu sebanyak 33 faktor pembayaran zakat dikenal pasti sebagaimana yang diringkaskan di dalam Jadual 3.2. Daripada Jadual 3.2 juga kategori faktor pembayaran zakat hasil daripada kajian lalu dapat dikenal pasti. Hasil penelitian terhadap faktor pembayaran zakat daripada kajian lalu, ia boleh dirangkumkan dan diklasifikasikan kepada tiga kategori faktor iaitu faktor institusi zakat, faktor kerajaan dan penguasa (*regulator*) dan faktor dalaman syarikat.

Jadual 3.2 Jenis Kajian Mengenai Zakat Dan Kategori Faktor Pembayaran Zakat

Faktor	**Jenis Kajian**			**Kategori Faktor**		
	Zakat	**Zakat Pendapatan**	**Zakat Perniagaan**	**Dalaman**	**Peranan Institusi Zakat**	**Tindakan Kerajaan**
i. Penguatkuasaan Undang-Undang		•	•			•
ii. Tahap Pengetahuan Dan Kefahaman	•	•	•	•		
iii. Insentif Kerajaan			•			•
iv. Tahap Penghayatan Agama	•	•	•	•		
v. Kepercayaan Kepada Institusi Dan Agihan	•	•	•	•		
vi. Tempoh Perniagaan			•	•		
vii. Kepuasan Diri	•			•		
viii. Nilai Moral (Altruisme)	•		•	•		
ix. Ganjaran Akhirat	•			•		
x. Sikap			•	•		
xi. Persepsi Terhadap Sistem Cukai	•			•		
xii. Persekitaran	•					•
xiii. Perkhidmatan Dan Kemudahan Pembayaran	•	•			•	
xiv. Demografi; Umur, Tahap Pendapatan Dan Taraf Perkahwinan		•		•		
xv. Pendedahan Kepada Promosi		•			•	
xvi. Komposisi Pengarah Muslim			•	•		
xvii. Pemegang Saham Majoriti			•	•		
xviii. Jenis Industri			•	•		
xix. Keuntungan Syarikat			•	•		
xx. Saiz Syarikat			•	•		
xxi. Pengaruh Terhampir			•	•		
xxii. Polisi Institusi Zakat	•				•	
xxiii. Amalan Hebahan Maklumat	•				•	
xxiv. Pengurusan Pihak Berkepentingan	•				•	
xxv. Lokasi		•	•		•	
xxvi. Kemudahan		•			•	
xxvii. Iman		•		•		
xviii. Pengetahuan Agama		•		•		

University of Malaya

Faktor	Jenis Kajian			Kategori Faktor		
	Zakat	Zakat Pendapatan	Zakat Perniagaan	Dalaman	Peranan Institusi Zakat	Tindakan Kerajaan
xxix. Pendidikan		•		•		
xxx. Undang-Undang		•				•
xxxi. Fatwa		•				•
xxxii. Amalan Keagamaan			•			
xxxiii. Kategori Perniagaan			•			
Jumlah	12	14	17	19	7	5

Sumber: Analisis Penyelidik

3.3.2 Faktor Peranan Institusi Zakat Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat

Peranan institusi zakat bagi memastikan pengurusan ibadah zakat benar-benar berperanan adalah sesuatu yang pasti kerana amanah ini telah jelas dinyatakan di dalam Al-Quran iaitu surah at-Taubah (9) ayat 60.[82] Namun begitu, dalam konteks amalannya setakat mana peranan ini dapat mendorong pembayaran zakat adalah sesuatu yang memerlukan sokongan data bagi mengukur setakat mana peranan institusi zakat dan apakah indikator penting yang menyokong dorongan pembayaran zakat hasil daripada gerak kerja yang dilaksanakan oleh institusi zakat. Oleh itu, banyak kajian yang telah dijalankan bagi melihat peranan ini.

Melalui kajian-kajian mengenai gelagat kepatuhan berzakat, hampir semua kajian yang membangunkan model kepatuhan pembayaran zakat meletakkan peranan institusi zakat sebagai faktor yang signifikan. Dalam kajian yang dibuat oleh Sanep[83] menunjukkan bahawa masyarakat cenderung untuk membayar zakat secara formal kepada institusi zakat. Dalam kajian beliau menunjukkan 89.5% responden cenderung untuk membuat pembayaran zakat secara formal berbanding 10.5% sahaja yang berminat untuk membuat agihan terus kepada

[82] *Al-Quran Mushaf Malaysia dan Terjemahan*,198.

[83] Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad, "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", *International Journal of Management Studies* 13, no.2 (2006), 175-196.

University of Malaya

asnaf penerima.[84] Persoalan sekarang adalah apakah aspek yang perlu ditekankan oleh institusi zakat supaya masyarakat bertindak untuk membayar zakat kepada institusi zakat.

Hasil daripada kajian lepas terdapat lima aspek utama yang memberikan sumbangan langsung kepada pembayaran zakat iaitu kualiti perkhidmatan, aktiviti dakwah memberi kesedaran dan kefahaman tentang zakat, keberkesanan agihan zakat, urus tadbir zakat yang baik dan ketelusan pengurusan zakat.

3.3.2(a) Kualiti Perkhidmatan

Kualiti perkhidmatan institusi zakat dapat menarik perhatian orang ramai untuk membayar zakat di mana bukti empirikal hasil kajian yang dibuat oleh Kamil Md. Idris[85] mengukuhkan lagi kepercayaan bahawa dengan memperbaiki kualiti perkhidmatan, kecenderungan kepatuhan menjadi bertambah baik. Oleh itu, persepsi kualiti perkhidmatan yang positif akan melahirkan keyakinan pembayar dan berasaskan kepada keyakinan tersebut pembayar akan berurusan dengan institusi zakat tanpa sebarang keraguan.[86] Dalam kajian oleh Muhamad Muda mendapati elemen utama yang mendorong pembayaran zakat kepada organisasi adalah penyediaan kaunter bayaran dan kepelbagaian kemudahan pembayaran yang disediakan kepada orang ramai.[87]

3.3.2(b) Dakwah Zakat

Usaha institusi zakat dalam menjalankan aktiviti promosi zakat dapat membantu institusi zakat meningkatkan pembayaran zakat. Hasil daripada kajian yang dibuat oleh Muhammad

---

[84] *Ibid.*, 185.

[85] Kamil Md. Idris, "Faktor Penentu Zakat Ke Atas Pendapatan Penggajian di Negeri Kedah (Tesis Kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002).

[86] Kamil Md. Idris, *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian* (Universiti Utara Malaysia: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2009), 73.

[87] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* 2, no. 1 (2005), 86.

University of Malaya

Muda[88] mendapati semakin tinggi pendedahan mengenai zakat diterima oleh individu semakin cenderung beliau ke arah kepatuhan membayar zakat. Pendekatan yang diambil bagi menyampaikan mesej zakat ini adalah pelbagai seperti khutbah, ceramah, forum, pengedaran risalah, seminar, pemasangan kain rentang dan sebagainya.[89] Kenaikan bilangan pembayar khususnya adalah bukti di mana kempen yang dibuat oleh institusi zakat berjaya.[90]

Dalam kajian lain oleh Rosleem Nordin mengenai zakat perniagaan di Wilayah Persekutuan mendapati bahawa institusi zakat mempunyai peranan bagi meningkatkan kutipan zakat perniagaan melalui tindakan yang proaktif bagi mengubah persepsi negatif masyarakat terhadap institusi zakat, meningkatkan pengetahuan pembayar zakat tentang pengiraan zakat perniagaan dan menyebarkan maklumat tentang kemudahan pembayaran zakat yang disediakan oleh institusi zakat.[91]

Kefahaman dan pengetahuan tentang zakat mendorong kepada pembayaran zakat di mana dalam kajian yang dibuat oleh Mohd. Ali Mohd. Noor et al. mendapati semakin meningkatnya pengetahuan pembayaran zakat semakin tinggi kecenderungan seseorang itu untuk menunaikan zakat.[92] Dalam kajian lain yang dibuat terhadap pengusaha batik di Kelantan mendapati responden melunaskan zakat perniagaan tetapi tidak sepenuhnya kepada institusi zakat adalah kerana kurangnya kefahaman terhadap zakat yang diberikan oleh

---

[88] *Ibid.*,74.

[89] Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran" (Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan dan Pengurusan Harta Dalam Islam, Bangi, 14 Julai 2010).

[90] Imamul Hakim, "Strategi Meningkatkan Kesedaran Membayar Zakat Dalam Kalangan Masyarakat Muslim: Kajian Komparatif Antara Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur Dengan Yayasan Dana Sosial Al-Falah Surabaya Indonesia" (disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya, 2008).

[91] Rosleem Nordin @ Bohari, "Pungutan Zakat Perniagaan Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (disertasi Sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (2007), ii.

[92] Mohd. Ali Mohd. Nor, Hairunnizam Wahid dan Nor Ghani Md Nor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan Dalam kalangan Kakitangan Profesional Universiti Kebangsaan Malaysia", *Islāmiyyāt* 26, no 2 (2004), 65.

University of Malaya

institusi zakat.[93] Oleh itu, institusi zakat amat perlu melaksanakan aktiviti dakwah dan memberikan kefahaman tentang zakat kepada para peniaga.

3.3.2(c) Meningkatkan Keyakinan Agihan Zakat

Isu pembayaran zakat melalui institusi tidak formal telah banyak dibincangkan dan amalan ini menimbulkan persaingan kepada institusi formal zakat untuk menarik lebih ramai pembayar zakat secara berpusat, meningkatkan jumlah kutipan dan mengagihkan zakat dengan lebih berkesan. Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid[94] dalam kajiannya mendapati persepsi tentang agihan zakat mempengaruhi sikap kepatuhan pembayar zakat secara positif kepada institusi formal. Hasil kajian juga mendapati sikap kepatuhan pembayar zakat terhadap institusi formal mengikut negeri di Malaysia adalah berbeza yang sekali gus menunjukkan bahawa setiap negeri mempunyai prestasi dan keupayaan yang berbeza.[95]

Kajian oleh Hairunnizam Wahid et al. mendapati tahap keyakinan masyarakat terhadap agihan yang diuruskan oleh institusi zakat adalah penting kerana pembayar yang tidak yakin akan membayar terus kepada penerima dan kepada kelompok yang belum lagi membayar mereka menggunakan isu tidak yakin sebagai alasan.[96] Dalam kajian lain oleh Hairunnizam Wahid et al. membuktikan pemboleh ubah kepuasan agihan zakat oleh institusi zakat amat signifikan mempengaruhi kepatuhan membayar zakat. Hasil kajian mendapati sekiranya kepuasan agihan zakat meningkat sebanyak 1 unit, maka kesediaan individu membayar akan meningkat sebanyak 44.5%. Sebaliknya jika individu pembayar zakat tidak berpuas hati dengan agihan zakat, maka kebarangkalian untuk tidak membayar zakat ialah

---

[93] Nik Norazmalinda Abd Aziz, "Pembayaran Zakat Dalam Kalangan Pengusaha-Pengusaha Batik Di Kota Bharu, Kelantan" (disertasi sarjana Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011). 84.

[94] Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal", *Jurnal Ekonomi Malaysia* 39 (2005), 53-69.

[95] *Ibid.*

[96] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Tidak Puas Hati?" *Jurnal Syariah* 17, no. 1(2009), 89-111.

University of Malaya

55.5%. Ini menunjukkan bahawa aspek kepuasan terhadap agihan zakat merupakan satu aspek yang penting mempengaruhi pembayaran zakat.[97]

Satu inisiatif baru yang baru dilaksanakan oleh institusi zakat bagi meningkatkan keyakinan agihan zakat adalah dengan memberi peluang pembayar yang menepati kriteria tertentu mengagihkan semula sendiri zakat yang dibayar kepada institusi zakat. Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (MAIWP) melalui Pusat Pungutan Zakat (PPZ) memperkenalkan pendekatan baru ini dengan membenarkan pengembalian semula wang zakat tiga per lapan kepada syarikat atau mana-mana organisasi yang ingin mengagihkan sendiri wang zakat mereka. Pendekatan itu bertujuan menggalakkan syarikat dan organisasi yang layak mengeluarkan zakat tampil untuk melunaskan zakat perniagaan. Organisasi atau syarikat dikenal pasti wajib membayar zakat itu perlu membuat permohonan berbuat demikian bagi memastikan PPZ mempunyai rekod pembayaran zakat mereka.[98] Kaedah ini turut dilaksanakan oleh negeri-negeri lain tetapi kaedah pelaksanaannya adalah berbeza antara satu negeri dengan negeri yang lain.[99]

3.3.2(d) Urus Tadbir Yang Baik

Dalam kajian oleh Sanep Ahmad et al. membuktikan faktor utama yang mempengaruhi individu membayar zakat secara formal adalah mengenai kecekapan pengurusan zakat.[100] Dapatan ini disokong oleh satu kajian khusus oleh Murtala Oladimeji et al. yang dibuat bagi melihat faktor yang mendorong kepada keyakinan pembayar zakat. Hasil kajian mendapati keyakinan pembayar dipengaruhi oleh polisi yang dibangunkan oleh ahli lembaga pengarah,

---

[97] Hairunnizam Wahid, Mohd. Ali Mohd. Noor, Sanep Ahmad, "Kesedaran Membayar Zakat: Apakah Faktor Penentunya?", *International Journal of Management Studies* 12, no. 2 (2005), 171-189

[98] Harian Metro, "Syarikat Boleh Mohon Agih Zakat" laman sesawang *Berita Harian*, dicapai 5 Februari 2014, http://www.hmetro.com.my/articles/Syarikatbolehmohonagihzakat/Article.

[99] Mohamad Sabirin Sarbini, Ketua Sektor Perniagaan, Lembaga Zakat Selangor.

[100] Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad, "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", 194.

University of Malaya

amalan hebahan maklumat dan pengurusan pihak yang berkepentingan. Kajian ini juga mendapati pengendalian institusi zakat sama ada oleh pihak kerajaan atau swasta tidak memberikan impak kepada keyakinan pembayar zakat.[101]

Institusi zakat adalah merupakan organisasi yang bukan berorientasikan keuntungan yang menguruskan kutipan dan agihan zakat. Masyarakat ingin melihat institusi zakat mempunyai urus tadbir yang baik sebagaimana kajian oleh Jamaliah Said yang mencadangkan untuk diwujudkan Prestasi Pengurusan Komposit bagi institusi zakat supaya prestasi institusi dapat dinilai dan dipantau.[102] Dalam usaha lain bagi menyangkal dakwaan bahawa institusi zakat tidak diurus dengan baik oleh Sharifah Norzehan et al., mendapati bahawa pihak pengurusan LZS telah melaksanakan banyak inisiatif ke arah pengurusan kewangan yang berkesan. Usaha ini telah secara langsung berjaya memperkukuhkan operasi kutipan dan agihan zakat oleh LZS.[103] Inisiatif begini dapat meningkatkan keyakinan orang ramai dan seterusnya mendorong mereka untuk menunaikan zakat. Abdul Halim Noor dalam kajiannya telah membangunkan dan mencadangkan kerangka penilaian prestasi institusi zakat dengan mengambil kira penilaian yang berasaskan bukan kewangan sebagai pengukur utama bagi memastikan satu kaedah pemantauan dapat dibuat ke atas prestasi institusi-institusi zakat di Malaysia agar mereka memenuhi objektif penubuhan masing-masing.[104]

---

[101] Murtala Oladimeji Abioye Mustafa, Muslim Har Sani Mohamad dan Muhammad Akhyar Adnan "Antecedents of Zakat Payers' Trust in an Emerging Zakat Sektor:An Exploratory Study", *Journal of Islamic Accounting and Business Research* 4, no. 1 (2013), 16-17.

[102] Jamaliah Sidek et al., Composite Performance Measurement for Zakat Organisations, *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences* 4, no. 1 (2012), 50-59.

[103] Sharifah Norzehan Syed Yusuf et al., The Practices of Management Accountings in Zakat Institution: A Preliminary Inquiry in the Lembaga Zakat Selangor", IKAZ International Journal of Zakat 1, no.1 (2008), 153-168.

[104] Abd. Halim Mohd. Noor et al, "Assessing Performance of Nonprofit Organization: A Framework for Zakat Institutions", *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences* 5, no. 1 (2012), 12-22.

University of Malaya

3.3.2(e) Ketelusan Pengurusan Zakat

Manakala dalam kajian oleh Muhammad Muda et al. mendapati faktor yang mendorong kepada keyakinan kepada institusi zakat adalah cekap, berkesan dan telus di dalam pengurusannya.[105] Dapatan ini selaras dengan kajian yang dibuat oleh Mohd. Rahim yang mendapati elemen penting yang menyokong pembayaran zakat kepada institusi adalah akauntabiliti, telus, adil dan kebertanggungjawaban institusi zakat.[106] Dalam kajian yang dibuat oleh Sanep Ahmad et al. tentang faktor yang mempengaruhi tahap keyakinan agihan mendapati imej korporat institusi adalah salah faktor yang paling signifikan.[107] Bagi mendapatkan imej yang baik maka institusi zakat amat perlu dilihat telus dalam pentadbirannya.

3.3.3 Faktor Peranan Kerajaan Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat

Pihak kerajaan atau penguasa mempunyai peranan mendorong kewajipan membayar zakat. Dalam konteks kajian ini (yang menjadikan PLC sebagai objek kajian) kerajaan dan penguasa yang dimaksudkan adalah merangkumi fatwa, polisi dan undang-undang yang diputuskan oleh kerajaan dan peranan agensi kerajaan yang dilantik untuk mengawal selia PLC iaitu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Suruhanjaya Syarikat dan Bank Negara. Indikator yang dikenal pasti hasil daripada kajian lalu dalam ruang lingkup tindakan kerajaan dan penguasa yang boleh membantu meningkatkan kutipan zakat adalah penguatkuasaan, insentif cukai, fatwa dan galakan.

---

[105] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR*) 2, no. 1 (2005), 77-92.

[106] Mohd. Rahim Kamis et al., "Compliance Behaviour of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha, Qatar), 12.

[107] Sanep Ahmad et al., "Faktor Mempengaruhi Tahap Keyakinan Agihan Zakat: Kajian terhadap Masyarakat Islam di Selangor" (makalah, The World Universities 1st Zakat Conference 2011 anjuran IKAZ, 22-24 November 2011).

University of Malaya

3.3.3(a) Peruntukan Undang-undang

Dalam konteks kepatuhan cukai, faktor penguatkuasaan undang-undang memberikan sumbangan yang tinggi terhadap kepatuhan cukai kerana badan penguasa cukai begitu tegas dan penguatkuasaan adalah sumber kekuatan utama.[108] Manakala dalam konteks zakat, hasil kajian yang lepas oleh Ram Al-Jefri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin mendapati penguatkuasaan dapat meningkatkan tahap kepatuhan zakat[109] dan para peniaga yang menjadi responden kajian ini secara keseluruhannya percaya dan akur dengan peraturan zakat yang ditetapkan. Para peniaga juga bersedia membayar zakat kepada institusi zakat. Hasil kajian ini juga mendapati sikap penolakan kepada peraturan zakat terjadi apabila ada unsur ketidakyakinan kepada institusi zakat.[110] Dapatan ini adalah selaras dengan kajian yang dibuat oleh Kamil Md. Idris yang mendapati bahawa terdapat hubungan langsung di antara tanggapan individu kepada undang-undang dan kebarangkalian pembayaran zakat.[111]

Bagi meningkatkan kepatuhan orang ramai terhadap pembayaran zakat Siti Mashitah Mahamood[112] menyarankan bahawa sudah sampai masanya pihak berautoriti negara berusaha menguatkuasakan undang-undang zakat dan fitrah di negara ini. Proses semakan undang-undang yang ada, pindaan dan selanjutnya mengadakan status khusus zakat di seluruh negara hendaklah disegerakan.

---

[108] Kristina Murphy, "Enforcing Tax Compliance: To Punish or Persuade", *Economic Analysis & Policy* 38, no. 1 (2008), 113 -135.

[109] Ram Al-Jefri Saad, Kamil Md Idris dan Zainol Bidin, "Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan", *Jurnal Syariah* 17, no.3 (20009), 624.

[110] *Ibid.*, 625.

[111] Kamil Md. Idris, *Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan Penggajian* (Kedah: Penerbitan Universiti Utara Malaysia, 2009),44.

[112] Siti Mashitah Mahamood, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti Dan Harapan" *(*Kertas Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, 22-24 Mei 2007, Kuala Lumpur).

University of Malaya

Namun begitu, peruntukan membayar zakat oleh entiti perniagaan adalah kurang jelas dan boleh dipertikaikan kerana berdasarkan kepada pandangan Abdul Hamid Mohamad[113] zakat hanya dikenakan kepada individu dan tidak kepada syarikat. Perbahasan yang dikemukakan oleh beliau adalah "Bagaimana sesebuah syarikat itu boleh dikategorikan sebagai muslim sedangkan untuk menjadi seorang muslim seseorang itu hendaklah melafazkan kalimah shahadah sedangkan ini tidak berlaku kepada syarikat".[114] Hujah lain yang ditimbulkan adalah syarikat merupakan entiti perniagaan yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang memberikan kuasa entiti sesebuah syarikat adalah terpisah daripada entiti individu (separate legal entity). Isu entiti terpisah ini adalah faktor yang memisahkan di antara pemilikan tunggal.[115]

Namun begitu, dalam konteks perbankan Islam peruntukan kecil mengenai zakat walaupun tiada unsur suruhan dan penguatkuasaan seperti di dalam Akta Perbankan Islam[116] boleh mendorong pembayaran zakat di mana hampir semua syarikat perbankan Islam di Malaysia membayar zakat walaupun ia dimiliki oleh bukan Islam iaitu sebagaimana yang dinyatakan di dalam klausa 15 (b) mengenai Pengendalian Dana Rezab di mana akta memperuntukkan *"before any dividend is declared shall transfer to the reserve fund out of the net profits of each year, after due provision has been made for zakat or taxation*." Contoh perbankan Islam yang tidak dipunyai oleh pemilik Muslim dan membayar zakat adalah Hong

---

[113] Penulis dikenali dengan nama Tun Abdul Hamid Mohamad merupakan bekas Ketua Hakim Negara dan pandangan beliau adalah dari perspektif undang-undang. Beliau merupakan merupakan seorang tokoh yang disegani dalam bidang undang-undang di Malaysia.

[114] Abdul Hamid Mohamad dan Adnan Trakic, "Critical Appraisal of the Companies' Obligations to Pay Zakat in the Malaysian Context", *International Company and Commercial Law Review* 10 (2013), 375.

[115] *Ibid.*,379.

[116] Islamic Banking Act 1983, Klausa 15 subseksyen (b).

University of Malaya

Leong Islamic Bank[117], OCBC Al-Amin Bank Bhd[118] dan Public Islamic Bank Berhad.[119] Walaupun terdapat isu pelaksanaan berkaitan undang-undang zakat, namun penguatkuasaan undang-undang boleh meningkatkan kepatuhan pembayaran zakat. Apabila akta ini dimansuhkan dan diganti dengan Islamic Financial Services Act (IFSA)[120] tiada lagi sebarang klausa yang berkaitan dengan zakat dalam konteks akta yang berkaitan dengan industri kewangan.

3.3.3(b) Insentif cukai

Selain faktor penguatkuasaan faktor insentif cukai daripada kerajaan boleh memberikan kesan positif. Insentif ini samada ada dalam tolakan cukai atau rebat cukai dapat mendorong pembayaran zakat. Insentif kini yang diberikan kepada syarikat yang membayar zakat dihuraikan dalam perkara 2.2.5. Rebat adalah insentif cukai yang lebih menarik dan dalam kajian yang dibuat oleh Saladin mendapati bahawa zakat boleh berada di arus perdana negara dan syarikat yang membayar zakat diberikan rebat atas pembayaran zakat.[121] Menurut Ruziah pelaksanaan rebat cukai zakat perniagaan adalah antara pemboleh ubah penting dalam membuat rangka kerja pengurusan kewangan Islam ke arah menjadikan zakat ke dalam arus perdana ekonomi Negara sebagai refleksi menjadi khilafah Allah yang mempunyai kekuatan Tawhid dan mengaplikasi keadilan dalam sistem pentadbiran Negara.[122] Peruntukan cukai sedia ada iaitu tolakan 2.5% adalah insentif yang kini diberikan kepada syarikat yang

---

[117] Hong Leong Islamic Bank Berhad (HLIBB), *Annual Report 2013*, 49. (HLIBB membayar zakat RM200,000 pada tahun 2013 dan RM211,000 pada tahun 2012.

[118] OCBC Al-Amin Bank Berhad, *Reports and Financial Statements 2011*, 19 (OCBC Al-Amin membayar zakat sebanyak RM20,000 pada tahun 2011 dan RM15,000 pada tahun 2010).

[119] Public Islamic Bank Berhad, *Interim Financial Statements, Audited Statement of Financial Position as at 31 December 2013*. (PIBB membuat pembayaran zakat sebanyak RM 264,00 pada tahun 2013 dan RM330,000 pada tahun 2012).

[120] Islamic Financial Services Act (IFSA) 2013.

[121] Mohamad Saladin, "Incorporating Zakat Into National Taxation System: Its Effect to the Malaysian Government Revenue", *IKaZ International Journal*, University Teknologi MARA 1, no.1 (2008), 143-152.

[122] Ruziah Ghazali, "Rebet Cukai Zakat Perniagaan: Keberkatan Dalam Pengurusan Kewangan Negara" (makalah, Seminar Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2010, 5 Oktober 2010).

University of Malaya

membayar zakat[123]. Walaupunn jumlah insentif adalah kecil tetapi menurut Zaharah Salawati Baba et al., ia tetap memberi manfaat kepada syarikat yang membayar zakat.[124]

3.3.3(c) Fatwa atau Peruntukan Peraturan

Terdapat satu kajian yang mengaitkan pembayaran zakat dengan fatwa iaitu Kamil Md Idris dalam kajiannya terhadap zakat gaji.[125] Selain itu, kajian ini mendapati terdapat fatwa umum terhadap kewajipan membayar zakat dan faktwa khusus. Antara syarikat yang terlibat mengenai fatwa khas kepada institusi berkenaan adalah pembayaran zakat oleh Lembaga Tabung Haji yang mula dibuat mulai tahun 1980 iaitu selepas diputuskan kewajipan membayar zakat perniagaan dalam Fatwa Kebangsaan kali ke 16 dan 17 iaitu pada tahun 1979.[126] Fatwa ini dengan jelas menyatakan "Lembaga Urusan dan Tabung Haji adalah diwajibkan membayar zakat bagi pihak pendeposit-pendepositnya ke atas jumlah keuntungan dan wang simpanan yang diperniagakan (modal Pusingan). Setelah dikeluarkan zakat oleh Lembaga Urusan dan Tabung Haji bagi pihak penyimpan-penyimpan itu, maka barulah keuntungan bersih itu dibahagi di antara penyimpan dengan Lembaga Urusan dan Tabung Haji menurut kadar yang ditentukan."[127]

Contoh yang lain adalah syarikat Felda di mana Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-71 yang bersidang pada 22-24 November 2005 telah membincangkan Zakat Ke Atas Pendapatan Felda dan syarikat-

---

[123] Lembaga Hasil Dalam Negeri, *Buku Panduan C 2011: Sistem Taksir Sendiri* (Kuala Lumpur: LHDN, 2011)10.

[124] Zaharah Salwati Baba, Hashim Jusoh, Habsah Muda dan Syed Mohd. Azmi Syed Ab Rahman 'Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu' *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 11 no. 3 (2010), 97-113.

[125] Kamil Md. Idris, "Faktor Penentu Zakat Ke Atas Pendapatan Penggajian di Negeri Kedah" (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002). iv.

[126] Mamat Taib, "Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji" (disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 146.

[127] e-fatwa, "Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Tabung Haji" laman sesawang *e-fatwa*, dicapai 15 Januari 2014, http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat-yang-dimiliki-oleh-tabung-haji.

University of Malaya

syarikatnya. Muzakarah telah memutuskan bahawa "Felda wajib mengeluarkan zakat ke atas hasil pendapatannya dengan mengambil kira pendapatan anak-anak syarikat, sekiranya semua urusan ke atas pemilikan ekuiti dan akaun pendapatan anak-anak syarikat dikawal oleh Felda sendiri."[128] Felda memulakan pembayaran zakat perniagaan mulai tahun 2005.[129]

3.3.3(d) Galakan

Galakkan menunaikan CSR dalam oleh PLC adalah contoh terbaik untuk menunjukkan galakan oleh badan penguasa seperti Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SSM) dan Bursa Malaysia dapat memberikan impak yang positif kepada PLC. Hanya melalui galakan kepada PLC dan GLC untuk menunaikan CSR, maka banyak syarikat yang menyahut seruan ini. Dalam kajian yang dibuat oleh Nik Nazli mendapati PLC yang melaporkan aktiviti CSR adalah sebanyak 85% daripada keseluruhan sampel yang diambil.[130] Ini menunjukkan bahawa 85% PLC melaksanakan CSR sebagaimana yang digalakkan oleh SC. Dalam kajian yang dibuat oleh Fathilatul Zakimi Abdul Hamid dan Ruhaya Atan mengenai amalan CSR oleh syarikat telekomunikasi di Malaysia mendapati terdapat pertambahan yang moderat terhadap pelaporan CSR di dalam laporan tahunan oleh syarikat-syarikat iaitu daripada 28.25 muka surat pada tahun 2002 kepada 51.5 muka surat pada tahun 2005 iaitu pertambahan sebanyak hampir 100%.[131]

---

[128] "Zakat Ke Atas Pendapatan FELDA dan Syarikat-Syarikatnya", laman sesawang *e-fatwa*, dicapai pada 16 Januari 2014. http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-pendapatan-felda-dan-syarikat-syarikatnya.

[129] Pusat Kutipan Zakat Pahang, "Kumpulan Felda Berzakat RM2.2 juta" laman sesawang *Pusat Kutipan Zakat Pahang*, dicapai 4 Februari 2014, Http://www.Zakatpahang.My/V2/Paparberita.Aspx?Newsid=64.

[130] Nik Nazli Nik Ahmad, Maliah Sulaiman dan Dodok Siswantoro, "Corporate Social Responsibility Disclosure in Malaysia: Analysis of Annual Report of KLSE Listed Companies", *IIUM Journal of Economics and Management* 11, no. 1 (2003), 1-34.

[131] Fathilatul Zakimi Abdul Hamid dan Ruhaya Atan, "Corporate Social Responsibility by the Malaysian Telecommunication Firms", *International Journal of Business and Social Science* 2, no. 5 (2011), 198.

University of Malaya

Galakan ini dinyatakan melalui melalui Malaysian Code of Corporate Governance sebagaimana perbincangan di dalam perkara 2.2.10.

3.3.4 Faktor Dorongan Dalaman Yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat

Entiti perniagaan seperti PLC adalah merupakan satu bentuk organisasi yang mana sebarang keputusan yang dibuat adalah dipengaruhi oleh faktor luaran dan dalaman. Faktor Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan yang dibincangkan sebelum ini adalah merupakan faktor luaran dan perbincangan di dalam subtopik ini adalah mengenai faktor dalaman. Kajian ini menggunakan istilah Dorongan Dalaman bagi mewakili faktor dalaman yang mendorong kepada pembayaran zakat. Hasil kajian literatur kajian ini merangkumkan empat aspek dalaman syarikat yang boleh mempengaruhi pembayaran zakat iaitu kualiti dalaman individu, peranan ahli lembaga pengarah, kestabilan kewangan dan peruntukan dalaman.

3.3.4(a) Kualiti Dalaman Individu

Sebahagian besar penyelidik yang membuat kajian mengenai kepatuhan zakat dan faktornya memilih sudut individu sebagai subjek kajian. Oleh itu, faktor dalaman diri seseorang individu merupakan faktor utama yang mendorong pembayaran zakat. Faktor dalaman yang dikenal pasti hasil daripada kajian lalu adalah sikap, tahap keimanan, tahap pengetahuan, tahap kesedaran, kepuasan diri (termasuk nilai moral dan mencari redha Allah), akauntabiliti peribadi dan keberkesanan kendiri.

Sikap merupakan faktor yang paling dominan berdasarkan kepada hasil penemuan para penyelidik. Daripada 25 kajian yang dianalisis, 10 daripadanya menemui sikap adalah sebagai faktor utama sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 3.2. Sikap ini kerap digandingkan dengan norma subjektif dan kawalan tertanggap iaitu sebagaimana teori Icek Ajzen iaitu Teori Gelagat Terancang. Faktor dalaman lain adalah tahap pengetahuan dan

University of Malaya

kefahaman orang ramai terhadap zakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Zulkifli dan Sanep Ahmad,[132] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu[133] dan Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi.[134]Kepentingan kefahaman mengenai zakat turut dibincangkan oleh Mohd. Safri Mahat di mana beliau mendapati isu kefahaman mengenai zakat adalah salah satu cabaran utama dalam menggarap potensi kutipan zakat di Malaysia.[135]

Tahap penghayatan agama merupakan satu lagi faktor dalaman yang berkait dengan pembayaran zakat sebagaimana yang dinyatakan oleh Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin,[136] Zulkifli dan Sanep Ahmad,[137] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu[138] dan Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi.[139]. Walaubagaimanapun dalam kajian yang dibuat oleh Kamil Md. Idris, faktor ini mempunyai korelasi negatif dengan pembayaran zakat kerena mereka mengamalkan pembayaran terus kepada penerima dan tidak membayar zakat melalui institusi zakat. Faktor Dalaman lain yang berkaitan dengan diri dan jiwa pembayar zakat adalah faktor kepuasan diri, nilai moral dan

---

[132] Zulkifli dan Sanep Ahmad, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (makalah, Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010).

[133] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu, "*Kajian Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Perniagaan dalam kalangan Usahawan: Kes Kajian Terengganu*" (makalah, Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Bangi: 29-30 Ogos 2005).

[134] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behaviour of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha, Qatar).

[135] Mohd. Safri Mahat, "Zakat Perniagaan dan Cabaran Pelaksanaannya di Malaysia.", dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan* ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia, 2006), 174-200.

[136] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR*) 2, no. 1 (2005), 77-92.

[137] Zulkifli dan Sanep Ahmad, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (makalah, Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010).

[138] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu, "*Kajian Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Perniagaan dalam kalangan Usahawan: Kes Kajian Terengganu"* (makalah, Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Bangi: 29-30 Ogos 2005).

[139] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behaviour of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha, Qatar).

University of Malaya

mencari redha Allah (Muhammad Muda et al.[140] dan Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris).[141] Faktor ini merangsang pembayar zakat untuk menunaikan ibadah zakat dengan ikhlas demi keredhaan Allah. Kajian ini merangkumkan kesemua elemen ini dengan menjadikan sebagai subvariabel dengan memberi nama Kefahaman dan memfokuskan kepada kefahaman ahli lembaga pengarah.

3.3.4(b) Ahli Lembaga Pengarah Muslim

Dalam kajian yang dibuat oleh Halizah Md Arif et al. mendapati faktor dalaman yang mendorong kepada pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam adalah kompisisi bilangan ahli lembaga pengarah muslim. Dapatan ini bercanggah dengan dapatan kajian Mohd. Razuan et al. di mana dalam kajiannya faktor ahli lembaga pengarah tidak mempunyai kesan yang signifikan kepada pembayar zakat oleh syarikat.[142] Oleh itu, kajian ini akan menguji sekali lagi skop ini dalam konteks PLC.

3.3.4(c) Status Pemilikan Muslim

Dalam kajian yang dibuat oleh Halizah Md Arif et al. mendapati faktor dalaman yang mendorong kepada pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam adalah status pemilikan majoriti syarikat iaitu sama ada dimiliki oleh syarikat, individu non muslim atau individu muslim.

---

[140] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results."

[141] Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, "The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income", *IKaZ International Journal of Zakat* 1, no.1, 2008.

[142] Mohd. Rizuan Abdul Kadir et al., "Factors Influencing a Business Towards Zakat Payment in Malaysia" *International Journal of Science Commerce and Humanities* 2, no. 3 (2014), 147-156.

University of Malaya

3.3.4(d) Kestabilan Kewangan Syarikat

Prestasi kewangan sesebuah syarikat boleh mendorong pembayaran zakat. Dalam kajian yang dibuat oleh Hairunnizam terhadap individu mendapati tahap pendapatan amat penting dalam mempengaruhi pembayaran zakat. Semakin tinggi pendapatan semakin tinggi kebarangkalian individu membayar zakat kerana mencukupi syarat nisab.[143] Apabila diaplikasikan kepada syarikat tahap pendapatan ini boleh dinisbahkan kepada prestasi kewangan yang baik.

Sumber lain yang menyokong bahawa prestasi kewangan yang baik akan mendorong kepada keputusan untuk membayar zakat adalah hasil kajian yang dibuat oleh Mustafa.[144] "Antara faktor menyumbang peningkatan ini disebabkan prestasi syarikat atau organisasi baik di samping tahap kesedaran mengenai tanggungjawab perlu dilunaskan. Sekiranya kesemua syarikat dan organisasi tampil membayar zakat, kami menganggarkan hasil kutipan mencecah RM91 juta melalui 4,071 syarikat dikenal pasti layak membayar".[145]

Namun begitu, dalam kajian yang dibuat oleh Halizah mendapati keuntungan syarikat tidak mempunyai hubungan yang signifikan terhadap pembayaran zakat oleh syarikat.[146] Hasil daripada kajian literatur di atas mendapati peranan prestasi kewangan syarikat dalam mendorong pembayaran belum dibuktikan secara empirikal. Oleh itu, kajian ini akan menguji perkara ini.

---

[143] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd. Ali Mohd. Noor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia", *Islāmiyyāt* 29 (2007), 68.

[144] Mustafa Hamat adalah Pengerusi Pusat Pungutan Zakat –MAIWP memberi ulasan ketika diwawancara bersama media berkaitan faktor prestasi kutipan zakat yang memberangsangkan di PPZ-MAIWP.

[145] Harian Metro, "Syarikat Boleh Mohon Agih Zakat" disiarkan pada10 Disember 2010, laman sesawang *Harian Metro*, dicapai 5 Februari 2014 http://www.hmetro.com.my/articles/Syarikatbolehmohon agihzakat/Article.

[146] Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi dan Agoos Munalis Tahir., "Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies" (prosiding, 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER) Langkawi, 14 – 15 Mac 2011).

University of Malaya

3.3.5 Faktor Dorongan Dalaman Sebagai Penengah (Mediator) Kepada Pembayaran Zakat

Kajian ini mendapati faktor dorongan dalaman dan komponennya adalah berbeza dengan faktor Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan kerana faktor dorongan dalaman merupakan penggerak kepada keputusan untuk membayar zakat. Melalui dorongan dalaman sesebuah organisasi, keputusan membayar zakat boleh dicapai. Manakala faktor Peranan Institusi Zakat dan faktor Tindakan Kerajaan adalah merupakan faktor luaran yang boleh mengubah sistem kepercayaan para pembuat keputusan untuk membuat keputusan membayar zakat.

Peranan Dorongan Dalaman sebagai mediator di dalam satu-satu hubungan banyak dikaji dan ia diaplikasikan dalam pelbagai penyelidikan yang berkaitan dengan sikap atau kecenderungan seperti kajian yang dibuat oleh Wei- Loon Koe et l.,[147] Nelson Oly Ndubis,[148] Mark Conner,[149] Paschal Sheeran dan Charles Abraham[150] dan Sonia Lipkke et al.[151]

Walaupun Dorongan Dalaman wujud sebagai mediator, peranan institusi zakat dijangka tetap memberi kesan langsung kepada kecenderungan membayar zakat begitu juga dengan Tindakan kerajaan. Namun menerusi analisis kajian ini kelak dapat membuktikan kesan langsung dan tidak langsung faktor luaran terhadap kecenderungan membayar zakat .

---

[147] Wei-Loon Koe, Juan Rizal Sa'ari, Izaidin Abdul Majid dan Kamariah Ismail, "Determinants of Entrepreneurial Intention Among Millennial Generation", *Procedia - Social and Behavioral Sciences* 40 (2012), 197-208.

[148] Nelson Oly Ndubisi, "Factors Influencing E-Learning Adoption Intention: Examining the Determinant Structure of the Decomposed Theory of Planned Behaviour Constructs", Prosiding Seminar 27th HERDSA Annual Conference 4-7 Julai 2004 Miri, Sarawak (252-262).

[149] Conner, Mark, "Cognitive Determinants of Health Behavior", dalam *Handbook of Behavioral Medicine: Methods and Applications"*, Andrew Steptoe, ed., (New York: Springer, 2010), 19-30.

[150] Sheeran, Paschal dan Abraham, Charles, "Mediator of Moderators: Temporal Stability of Intention and the Intention-behavior Relation", *Pers Soc Psychol Bull* 29 no.2 (2003). 205–215.

[151] Lippke, Sonia et al.,"Self-efficacy Moderates the Mediation of Intentions Into Behavior via Plans", *American Journal of Health Behavior* 3 no. 5 (2009), 521-529.

University of Malaya

3.3.6 Kecenderungan Pembayaran Zakat

Kajian ini mengambil konsep niat atau *intention* di dalam model Teori Gelagat Terancang (TPB) sebagai asas untuk membina konsep kecenderungan dalam kajian ini. Niat atau kecenderungan merujuk kepada indikasi bagaimana bersungguhnya seseorang itu bersedia untuk mencuba, berusaha dan bertindak bagi melaksanakan gelagat yang masing-masing. Oleh itu, secara umum semakin tinggi kecenderungan maka lebih tinggi kemungkinan seseorang itu melakukan sesuatu.[152] Kecenderungan yang menjadi penentu kepada sesuatu gelagat atau tindakan[153] ditentukan dengan sistem kepercayaan seseorang dan sistem kepercayaan ini boleh diubah.

3.3.7 Rumusan Faktor Pembayaran Zakat

Menerusi perbincangan pelbagai kajian yang telah dijalankan di atas dapat dirumuskan faktor kepatuhan pembayaran zakat sebagaimana berikut:-

a. Kajian yang dijalankan sebelum ini adalah kebanyakannya mengkaji gelagat kepatuhan individu namun telah mula wujud kajian mengkaji gelagat di peringkat organisasi atau entiti.
b. Bagi mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat, kajian yang mengkaji gelagat (behavior) sebagai asas kajian.
c. Teori gelagat digunakan kerana ia memberikan gambaran bagaimana asas rasional keputusan untuk membayar zakat dihasilkan oleh individu dan individu yang terlibat mewakili organisasi khususnya dalam konteks pembayaran zakat.

---

[152] Ajzen, Ichek, "The Theory of Planned Behavior", *Organizational Behavior and Human Decision Processes* 50 (1991),180.

[153] Ajzen, Icek, *Attitudes, Personality and Behavior ed ke 2* (New York: McGraw-Hill International, 2005). 117.

University of Malaya

d. Teori Gelagat Terancang menjadi teori yang paling dipilih oleh kajian ini dan semua dapatan hasil kajian menyokong teori ini.

e. Faktor dalaman merupakan faktor yang paling berpengaruh ke atas niat pembayaran zakat berdasarkan kepada kekerapan dapatan hasil kajian. Oleh itu, peranan faktor dalaman dikaji secara lebih mendalam dengan melihat peranannya sebagai mediator di antara faktor-faktor lain terhadap kecenderungan membayar zakat.

f. Salah satu elemen penting yang perlu diambil kira dalam proses membuat keputusan organisasi adalah keputusan tersebut perlu selaras dengan halatuju organisasi. Oleh itu, kajian ini perlu melihat bagaimana pembayaran zakat boleh selari dengan hala tuju atau polisi organisasi. Secara langsung ini juga boleh menjadi ciri kepada dorongan dalaman.

g. Faktor institusi zakat merupakan faktor kedua yang paling banyak dibincangkan terutama dari aspek keyakinan terhadap institusi.

h. Faktor institusi zakat merupakan faktor pemangkin dalam memperbaiki gelagat pembayaran zakat melalui elemen promosi, memberikan maklumat, meningkatkan pengetahun, meningkat dan mempelbagaikan kemudahan pembayaran dan meningktkan keyakinan masyarakat kepada institusi.

i. Faktor institusi zakat juga merupakan variabel yang boleh dikawal *(controlled variable*) dalam kajian ini di mana kawalan yang dimaksudkan adalah institusi zakat boleh mengekalkan, meminda dan menambah baik strategi gerak kerja dan impak lansgsung kepada kutipan zakat.

j. Semua kajian mengenai faktor pembayaran zakat dibuat melalui menganalisis kesan langsung (*direct effect*) di antara pemboleh ubah tidak bersandar dengan pembayaran zakat sebagai pemboleh ubah bersandar. Oleh itu, kajian ini mengambil inisiatif untuk

University of Malaya

untuk melihat kesan tidak langsung (*indirect effect*) dalam membincangkan tentang faktor pembayaran zakat.

Keseluruhan perbincangan mengenai faktor pembayaran zakat dapat diringkaskan sebagaimana di dalam Jadual 3.3. Kajian ini mengguna pakai semua elemen yang ditemuai melalui kajian lalu dan merangkumkannya di dalam tiga faktor sahaja iaitu faktor dalaman, faktor institusi dan faktor kerajaan. Tiga faktor ini dijadikan variabel tidak bersandar di dalam kajian ini manakala pembayaran zakat dijadikan sebagai variabel bersandar. Faktor-faktor lain yang diperolehi disusun semula dan dijadikan indikator kepada faktor utama yang diperolehi sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 3.3.

Jadual 3.3 Ringkasan Faktor Dan Indikator

Faktor	**Indikator**
Peranan Institusi Zakat	a. Perkhidmatan b. Menyampaikan dakwah dan kefahaman c. Keberkesanan agihan d. Urus Tadbir dan kecekapan e. Ketelusan dan imej
Tindakan Kerajaan	a. Peruntukan undang dan penguatkuasaan b. Insentif Cukai c. Galakan d. Fatwa
Dorongan dalaman	a. Kualiti Dalaman Ahli Lembaga Pengarah b. Kawalan Muslim c. Status kewangan

Sumber: Analisis Penyelidik

University of Malaya

3.4 Jurang Penyelidikan

Hasil kajian literatur mendapati topik mengenai zakat menarik ramai penyelidik dan kajian yang dibuat mengenai zakat adalah pelbagai, sama ada dalam konteks pensyariatan ibadah zakat, peranan zakat terhadap ekonomi mikro dan ekonomi makro, peranan zakat dalam mengatasi masalah kemiskinan, sumbangan zakat terhadap pendidikan, peluasan sumber zakat, kaedah pengiraan zakat yang kontemporari, akauntabiliti dalam pengurusan zakat, pengurusan kewangan zakat dan pelbagai skop lagi.

Berdasarkan kajian literatur, analisis potensi kutipan zakat masih sangat kurang dan perlu diperkayakan. Selain itu, skop kajian potensi kutipan yang pernah diadakan adalah berbeza dengan skop kajian ini di mana kajian ini memilih segmen PLC sebagai fokus kajian. Metodoloji kajian lalu adalah menggunakan andaian tertentu sahaja dan hasil yang dibuat adalah berdasarkan kepada anggaran kasar dan tidak menggunakan kaedah bancian kepada populasi sebenar. Kajian yang lalu menggnakan pendekatan tersendiri dalam mengenal pasti perbezaan di antara di antara kutipan sebenar dengan potensi. Selain itu, tiada lagi kajian khusus dibuat bagi segmen PLC terutama dalam konteks melihat potensi kutipan zakat segmen ini seterusnya mendapatkan jurang kutipan yang wujud di dalam segmen pasaran ini. Ini akan menjadi sumbangan kepada industri zakat di Malaysia tambahan skop kajian ini adalah mencakupi seluruh negara.

Selain itu, satu bidang yang menarik minat para penyelidik adalah berkaitan gelagat kepatuhan pembayaran zakat sama ada kepatuhan zakat secara umum atau juga kepada jenis zakat tertentu termasuk faktor kepatuhan zakat perniagaan. Semua perkara ini telah dibincangkan secara terperinci di atas. Kajian yang berkaitan dengan kepatuhan pembayaran zakat dan telah diringkaskan sebagaimana di dalam Lampiran H.

University of Malaya

Berdasarkan kepada analisis yang dibuat terhadap kajian-kajian lalu gelagat kepatuhan zakat perniagaan amat perlu terus dipertingkatkan kerana zakat perniagaan ini adalah dinamik yang sentiasa dan terus berkembang selaras dengan kemajuan ekonomi manusia. Sehubungan itu, kajian terkini dan kontemporari terhadap zakat perniagaan sentiasa diperlukan.

Namun begitu, kajian mengenai kepatuhan zakat lebih menjurus kepada gelagat pembayaran zakat oleh individu dan amat kurang dalam konteks entiti atau perbadanan atau juga disebut *syakhṣiyyah i'tibāriyyah*. Sedangkan dalam realiti masa kini entiti perniagaan menyediakan peluang dan potensi kutipan zakat yang lumayan. Ini merupakan satu kelompangan yang perlu ditampung melalui kajian ini.

Hanya terdapat dua kajian sahaja yang menjurus kepada kepatuhan zakat oleh entiti perniagaan dan PLC iaitu kajian yang dibuat oleh Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi and Agoos Munalis Tahir (2011)[154] dan Mohd. Rizuan Abdul Kadir et al. (2014)[155], tetapi fokus kajian yang dibuat oleh keduanya adalah kepada faktor dalaman syarikat semata-mata iaitu peratusan pengarah muslim, jenis industri, keuntungan syarikat dan saiz syarikat. Dengan itu kajian yang lebih komprehensif termasuk membangunkan satu kerangka model pembayaran oleh entiti perniagaan amat diperlukan.

Semua kajian mengenai faktor pembayaran zakat sebelum ini menggunakan penilaian kesan langsung (*direct effect*) di antara faktor dan pembayaran zakat. Oleh itu, kajian ini akan mengkaji kesan tidak langsung dengan memperkenalkan konstruk dorongan

---

[154] Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi and Agoos Munalis Tahir., "Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies" (Kertas Seminar 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER) Langkawi: 13-14 Mac 2011).

[155] Mohd. Rizuan Abdul Kadir et al.,"Factors Influencing A Business Towards Zakat Payment In Malaysia", *International Journal of Science Commerce and Humanities* 2, no.3 (2014), 147-156.

University of Malaya

dalaman sebagai mediator terhadap pembayaran zakat. Penerokaan ini penting bagi memperluaskan dimensi kajian mengenai kepatuhan membayar zakat.

Selain itu, potensi sebenar kutipan banyak dibicarakan tetapi sehingga kini tiada stu kajian yang tampil dengan satu anggaran potensi kutipan terhadap mana-mana sektor kecuali satu anggaran ringkas yang pernah dibuat oleh Abdul Hakim Amir Osman (2007)[156] Ketiadaan anggaran ini menyukarkan institusi zakat menandakan aras prestasi sedia ada. Oleh itu, kajian ini akan memenuhi ruang ini dengan menghasilkan anggaran potensi kutipan bagi oleh subjek kajian iaitu PLC.

3.5 Rumusan

Hasil perbincangan di dalam Bab Dua dan Bab Tiga, kajian ini berpaksikan kepada prinsip asas tujuan manusia dijadikan oleh Allah SWT iaitu untuk mengabdikan diri kepada Penciptanya iaitu menunaikan ibadah kepada Allah SWT. Tujuan pembayaran zakat perniagaan dilakukan oleh PLC adalah bagi mendapat keredaan Allah SWT dan dikira sebagai amal soleh.

Kajian ini dibangunkan menggunakan dua teori asas iaitu teori gelagat individu iaitu Teori Gelagat Terancang (TPB) dan teori gelagat organisasi iaitu Teori Rasional Terbatas (TBR) sebagai dasar membangunkan kerangka kajian. Kajian ini memberi penekanan kepada faktor luaran yang boleh dikawal oleh institusi zakat dan kerajaan kerana fokus kajian ini adalah untuk melihat cadangan penambahbaikan yang boleh dilakukan oleh institusi zakat dan kerajaan bagi memaksimumkan potensi kutipan.

[156] Abdul Hakim Amir Osman, "Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia" (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2007, Kuala Lumpur: 22-24 Mei 2007).

University of Malaya

Bab ini merumuskan tiga faktor yang boleh mendorong pembayaran zakat diperoleh iaitu faktor pengurusan institusi, insentif kerajaan dan penguasa dan dorongan dalaman. Faktor ini mempunyai indikator masing-masing dan diterjemahkan menjadi kerangka konseptual Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 4.4. Kerangka konseptul ini diterjemahkan dalam bentuk model teori yang disesuaikan dengan pendekatan kaedah empirikal yang mana perinciannya dinyatakan dalam Bab Empat.

University of Malaya

BAB EMPAT : METODOLOGI PENYELIDIKAN

4.1 Pendahuluan

Tujuan utama kajian ini adalah bagi mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat oleh PLC di Malaysia dengan menjadikan PLC yang membayar zakat sebagai objek kajian. Kajian ini juga berhasrat untuk mengenal pasti hubungan di antara faktor-faktor pembayaran zakat yang telah dirumuskan berdasarkan kajian yang lalu dan disesuaikan dalam konteks mengenal pasti gelagat entiti perniagaan dalam membuat keputusan untuk membayar zakat. Bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan, kajian ini memilih kaedah gabungan (*Mixed Method*) sebagai reka bentuk kajian.

4.2 Paradigma Kajian

Paradigma kajian dibangunkan hasil daripada keseluruhan perbincangan yang dikemukakan sebelum ini. Keseluruhan tasawwur kajian ini berasaskan kepada zakat adalah rukun Islam yang wajib ditunaikan sama ada oleh individu dan juga individu yang diamanahkan untuk menguruskan sesebuah organisasi dan entiti. Ini adalah selaras dengan tuntutan Islam yang meletakkan zakat sebagai ibadah dan setiap entiti yang membayar zakat perlu meletakkan niat untuk membayar zakat sebagai asas penunaian zakat.

Individu merupakan penggerak kepada entiti dan gelagat individu memberikan impak kepada keputusan yang dibuat oleh entiti dan organisasi. Memahami gelagat individu menjanjikan kefahaman terhadap objek kajian dan seterusnya diterjemahkan dalam soal selidik. Gelagat individu yang dimaksudkan adalah kepercayaan individu dalam membentuk sikap, norma subjektif dan kawalan gelagat.

University of Malaya

Gelagat membuat keputusan oleh entiti merupakan satu proses yang terancang dan maklumat yang diproses dalam bentuk pilihan penyelesaian merupakan elemen utama yang akan mempengaruhi sesuatu keputusan dibuat. Maklumat yang dimiliki oleh para pembuat keputusan mempengaruhi dan membentuk gelagat mereka dalam membuat sesuatu keputusan membayar zakat.

Faktor pembayaran zakat telah dikenal pasti melalui kaedah literatur sebagaimana yang dinyatakan di dalam bab yang sebelum ini. Faktor ini akan diuji secara empirikal melalui kaedah multidimensi iaitu melalui kaedah gabungan bagi menghasilkan satu dapatan yang mewakili realiti sebenar. Kajian ini menggabungkan unsur ibadah, gelagat individu dan gelagat organisasi dalam membangunkan keseluruhan elemen di dalam metodologi kajian.

4.3 Reka Bentuk Kajian

Reka bentuk kajian merupakan kerangka sesebuah kajian yang memberikan panduan terhadap kaedah pungutan dan penganalisisan data. Dalam erti kata lain, ia merupakan satu pelan induk yang menerangkan tentang metod dan prosedur untuk menjawab persoalan kajian dan objektif kajian.[1] Oleh itu, kajian ini dibangunkan menggunakan kombinasi kaedah kuantitatif dan kualitatif yang dinamakan Kajian Kaedah Gabungan (*Mixed Method Research*).

4.3.1 Kajian Kaedah Gabungan (*Mixed Method Research*)

Kajian Gabungan ini ditakrifkan sebagai kajian yang mana penyelidiknya menggabungkan kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif yang merangkumi teknik, metod, pendekatan atau bahasa di dalam satu kajian. Ia juga merupakan satu proses

[1] Gilbert A. Churchill, *Marketing Research:Methodological Foundations*, ed. ke-9 (Chicago: Dryden Press, 2005), 386.

University of Malaya

mengumpul, menganalisis dan menggabungkan kaedah kualitatif dan kuantitatif dalam satu kajian bagi menjawab satu permasalahan kajian.[2] Kajian Gabungan menggunakan metodologi kajian yang pelbagai (*pluralism*) di mana kajian ini biasanya memberikan dapatan kajian yang lebih mantap berbanding kajian yang berbentuk satu metod (*monomethod*).[3] Asas andaian yang dibuat adalah kedua teknik yang digabungkan ini akan menghasilkan satu dapatan kajian yang lebih baik berbanding hanya satu kaedah digunakan.[4] Kajian Gabungan ini juga merupakan satu cubaan untuk membenarkan penggunaan pelbagai pendekatan bagi menjawab satu-satu persoalan kajian berbanding menyekat kebebasan penyelidik dalam membuat pilihan. Ia juga merupakan satu kaedah penyelidikan yang berharga dan membuka ruang kepada penyelidik untuk lebih kreatif dalam menjalankan penyelidikan.[5]

Keistimewaan kaedah ini ialah kelebihannya dari aspek menampung limitasi dan kekangan yang dihadapai melalui kajian kualitatif dan kuantitatif.[6] Melalui kaedah gabungan, kajian yang dihasilkan tidak terikat kepada analisis angka dan data semata-mata tetapi disertai dengan huraian yang lebih terperinci bagi memahami objek yang dikaji.[7] Malah ia juga dapat memberi maklumat tambahan bagi memahami objek dari pelbagai sudut yang tidak dicakupi oleh sudut yang lain. Ini menjadikan dapatan sesuatu kajian itu adalah lebih lengkap dan menyeluruh[8].

---

[2] Creswell, John W., *Educational Research*: *Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (New Jersy: Pearson International Edition, 2008), 552.

[3] *Ibid*.

[4] Brewer, John dan Hunter, Albert, *Multimethod Research: A Synthesis of Styles* (Carlifornia: Sage Publication Inc. 1989), 28.

[5] *Ibid*., 17-18.

[6]Creswell, John W. dan Clark, Vicki L. Plano, *Designing and Conducting Mixed Methods Research* (London: Sage Publications Inc., 2007), 9.

[7] Hesse-Biber, Sharlene Nagy, *Mixed Methods Research-Merging Theory with Practice* (New York: The Guilford, 2010), 4.

[8] Johnson, R. Burke dan Anthony, Onwuegbuzie, J., "Mixed Methods Research, A Research Paradigm Whose Time Has Come", *Educational Researcher* 33, no. 7 (2004), 14.

University of Malaya

Kajian yang menggunakan kaedah gabungan yang berkembang dengan pesat dan semakin popular abad ini dalam kalangan para penyelidik[9]. Di antara tokoh pelopor dalam bidang ini adalah John W. Creswell,[10] Jeniffer C. Greene[11], R.Burke Johnson dan Anthony J. Onwuegbuzie[12] dan Tashakkori dan Creswell.[13] Mereka menghasilkan karya dan menambah baik bidang ini untuk rujukan para penyelidik yang lain. Kajian yang menggabungkan antara dua teknik ini iaitu kualitatif dan kuantitatif ini kerap menjadi pilihan dalam pelbagai penyelidikan seperti kajian sosial, kajian gelagat, kesihatan dan sains kemanusiaan.[14] Contoh penyelidik yang menggunakan kaedah gabungan ini adalah Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fazilah Idris dan Rozmi Ismail,[15] Raya Fidel,[16] Abdul Hamid Abdul Rahim, Norzaini Azman dan Rohaty @ Norhatiah Mohd. Majzub [17]dan Truscott, Diane M. et al.[18].

Kajian kualitatif dan kuantitatif ini mempunyai kelebihan dan kekurangan masing-masing. Kajian kuantitatif mempunyai kelebihan bagi menyiasat hubungan sebab dan akibat.

---

[9] Heyvaert, Mieke et al., "Critical Appraisal of Mixed Methods Studies", *Journal of Mixed Methods Research* 20. no. 10 (2013), 1-26.

[10] Creswell, John W., *Research Design Qualitatitive, Quantitative and Mixed Method Approaches* (Carliornia: Sage Publications, 2003).

[11] Greene, Jeniffer C., *Mixed Methods in Social inquiry* (San Francisco:Jossey-Bass, 2007).

[12] Johnson, R. Burke dan Onwuegbuzie, Anthony J., *Mixed Methods Research: A Research Paradigm Whose Time Has Come*. Educational Researcher, 33, 14-26, 2004).

[13] Tashakkori, Abbas dan Creswell, John W., "The New Era of Mixed Methods", *Journal of Mixed Methods Research* 1, no. 1(2007), 3-7.

[14] Alise, M. A., dan Teddlie, C., "A Continuation of the Paradigm Wars? Prevalence Rates of Methodological Approaches Across the Social Behavioral Sciences" *Journal of Mixed Methods Research* 4, no. 2 (2010), 103-126.

[15] Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Fazilah Idris dan Rozmi Ismail, "Kefahaman Remaja IPT Terhadap Konsep Cinta Menurut Islam dan Hubungannya dengan Pemikiran Rasional dan Akhlak Percintaan" *MALIM – SEA Journal of General Studies* 13 (2012), 13-30.

[16] Fidel, Raya "Are We There Yet? Mixed Methods Research in Library and Information Science", *Library & Information Science Research* 30. no. 4 (2008), 265-272.

[17] Abdul Hamid Abdul Rahim, Norzaini Azman dan Rohaty @ Norhatiah Mohd. Majzub, "Pelajar Generasi Pertama Sebagai Sumber Manusia: Motivasi Dan Aspirasi Melanjutkan Pelajaran Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)", *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 10 (2013), 203-232.

[18] Truscott, Diane M. et al."Cross-Disciplinary Examination of the Prevalence of Mixed Methods in Educational Research 1995-2005", *International Journal of Social Research Methodology*, 13 (2010), 317-328.

University of Malaya

Apabila pensampelan dikendalikan secara rawak, dapatan kajian boleh diaplikasikan kepada keseluruhan populasi. Namun begitu, kajian kuantitatif kurang memenuhi keperluan untuk meneroka fenomena baru atau mendapatkan perspektif mendalam peserta individu kajian. Manakala kajian kualitatif kebanyakannya digunakan untuk menyiasat gelagat subjek kajian dalam keadaan asli yang menghasilkan satu dapatan yang menyeluruh dan terperinci. Dapatannya lebih mendalam dan kaya dengan pelbagai maklumat. Namun begitu, kajian kualitatif biasanya digunakan untuk tujuan penerokaan sesuatu subjek yang mempunyai skop yang kecil. Ia juga tidak sesuai untuk menguji hipotesis.[19]

Oleh itu, kajian ini direka bentuk dengan memanfaatkan kedua-dua kaedah ini bagi mendapatkan keputusan yang optimum bagi memenuhi objektif kajian.

4.3.2 Kelebihan Kaedah Gabungan Bagi Kajian Ini

Melalui Kaedah Gabungan, kajian ini dapat memanfaatkan kaedah kuantitatif dan kualitatif dan menampung kekurangan yang ada di antara keduanya. Melalui kaedah kuantitatif kajian ini membuat analisis senario yang mantap dari aspek memahami subjek secara numerik dan populasi kajian terutama dari aspek membuat anggaran potensi kutipan dalam sektor PLC. Melalui teknik kuantitatif analisis faktor, kajian ini dapat mengetahui kesan varibel yang dikenal pasti terhadap pembayaran zakat. Hipotesis kajian ini dapat diuji secara empirikal dan model pembayaran zakat dapat dibangunkan dan diuji melalui teknik yang berkesan. Kajian kualitatif diaplikasikan dalam konteks mendapatkan perspektif individu responden secara mendalam tentang subjek kajian. Kaedah temu bual berstruktur yang dikendalikan akan memberikan dapatan kajian daripada sudut yang berbeza. Semua ini memberikan

[19] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mix Approaches*, ed.ke-3 (USA: Sage Publication Inc., 2008), 441.

University of Malaya

kelebihan kepada kajian ini untuk digabungkan bagi menghasilkan satu dapatan kajian yang boleh disandari dan menyeluruh.

4.3.3 Pelaksanaan Kaedah Gabungan

Dalam mengaplikasikan kaedah gabungan di dalam mana-mana kajian, empat perkara perlu diambil kira oleh penyelidik iaitu susunan keutamaan di antara kajian kualitatif dan kuantitatif, turutan di antara keduanya, kaedah analisis data dan bagaimana hasil keduanya digabungkan. Keempat perkara ini menentukan jenis kajian gabungan yang akan digunakan iaitu sama ada ianya Reka Bentuk Penyetigaan (*Triangulation Design*), Reka Bentuk Bertindan (*Embedded Design*), Reka Bentuk Penjelasan (*Explanatory Design*) atau Reka Bentuk Penerokaan (*Explotary Design*) [20] sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 4.1.

Rajah 4.1 Jenis Reka Bentuk Kaedah Gabungan



Sumber: Creswell, John W.[21]

[20]Creswell, John W., *Educational Research: Planning, Conducting and Evaluating Quantitative and Qualitative Research* (New Jersy: Pearson International Edition, 2008), 556.
[21] *Ibid.*

Dalam pelaksanaan kajian penyetigaan ini, keutamaan yang sama diberikan terhadap kajian kualitatif dan kuantitatif semasa proses mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat. Proses pengumpulan data juga dilaksanakan secara serentak begitu juga proses analisis data. Hasil dapatan daripada keduanya dirangkumkan menerusi kaedah perbandingan. Sebarang persamaan dan perbezaan di antara keduanya adalah penemuan daripada kajian ini. Rasional pemilihan kaedah penyetigaan adalah berdasarkan hasrat mendapatkan input multidimensi terhadap objek kajian iaitu faktor yang mendorong kepada kecenderungan membuat keputusan untuk membayar. Kaedah Triangulasi ini merupakan kaedah yang paling kerap digunakan berbanding kaedah lain.[22]

Rajah 4.2 memperincikan pelaksanaan keseluruhan kerangka kajian dengan mengadaptasi Kajian Gabungan melalui teknik Triangulasi.

University of Malaya

[22] Hanson, William E. et al., "Mixed Methods Research Designs in Counseling Psychology" *Journal of Counseling Psychology* 52, no. 2 (2005), 232.

Rajah 4.2 Pelaksanaan Kaedah Gabungan Dalam Reka Bentuk Kajian



Sumber: Analisis Penyelidik

Kajian Kualitatif dibuat dalam bentuk temu bual bersama responden yang berautoriti untuk mewakili syarikat. Ia bertujuan untuk mendapat maklumat yang lebih mendalam tentang pengalaman membayar zakat dan berkongsi pandangan tentang faktor yang mendorong pembuat keputusan di dalam syarikat membuat keputusan untuk membayar zakat. Manakala kajian kuantitatif pula terbahagi kepada dua fasa iaitu fasa 1 adalah pengumpulan data sekunder manakala fasa 2 adalah pengendalian soal selidik. Fasa 1 dibuat bagi mencapai objektif pertama dan kedua kajian iaitu mengenal pasti senario pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam di Malaysia dan menganggar potensi dan jurang kutipan zakat daripada segmen syarikat tersenarai awam di Malaysia. Manakala fasa

University of Malaya

2 dibuat mencapai objektif ketiga, keempat dan kelima kajian ini iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat, menilai faktor peranan institusi zakat, insentif kerajaan dan dorongan dalaman dalam mempengaruhi keputusan membayar zakat dan membangunkan Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan. Pelaksanaan fasa 2 kajian ini menggunakan kaedah Partial Least Squares - Structural Equation Modeling (PLS-SEM).

4.3.4 Aplikasi Partial Least Squares-Structural Equation Modeling (PLS-SEM)

Structural Equation Modeling (SEM) merupakan lanjutan daripada *Ordinary Least Square* (OLS) kerana ia diwujudkan bagi mengatasi kekurangan yang wujud di dalam kaedah tradisional.[23] SEM dicipta oleh Seawall Wright seorang juru zoologi pada tahun 1920an[24] dan mula memperkenalkan ideanya dengan menghasilkan Koefisien Laluan (*Path Coeficients*).[25] Kelebihan menggunakan SEM berbanding kaedah OLS adalah SEM mampu membuat anggaran hubungan yang saling berkait di kalangan variabel yang tidak boleh di ukur secara langsung yang dikenali dengan nama variabel pendam (*Latent variable*). Variabel pendam ini adalah variabel yang wujud dengan konsep hipotetikal (bersifat hipotesis) terhadap sesuatu.[26] Variabel ini diukur menggunakan item-item tertentu yang diterjemahkan di dalam borang soal selidik. Ukuran kepada setiap item di dalam soal selidik menggunakan kaedah julat tertentu sebagaimana yang dicadangkan oleh pakar statistik.[27]

---

[23] Zainudin Awang, *Structural Equation Modeling Using AMOS Graphic*, xi.

[24] Hox, J.J., "An Introduction To Structural Equation Modeling", *Family Science Review*, 11 (1998), 354.

[25] Wright, Seawall, "The Method of Path Coeficients*", The Annal of Mathematical Statistics* 5, no. 3 (1934), 161-215.

[26] Contoh variabel latent adalah seperti Kualiti Perkhidmatan, Kepuasan Pelanggan, Kepuasan Kerja, Imej Korporat, Imej Produk, Kesetiaan Pelanggan, Niat Membeli dan Gelagat Pengguna. Kesemua variabel ini hanya dapat diketahui melalui persepsi seseorang yang diperolehi melalui borang soal selidik.

[27] Zainudin Awang, *Structural Equation Modeling Using AMOS Graphic*, 1.

University of Malaya

Justifikasi utama pemilihan SEM sebagai teknik analisis statistik adalah kerana semua variabel yang digunakan di dalam kajian ini adalah variabel pendam dan SEM mempunyai kelebihan bagi mengendalikan variabel ini.[28] Terdapat dua jenis aplikasi SEM iaitu SEM yang berasaskan kovarians yang dinamakan *Covariance Based* SEM (CB-SEM) dan *Partial Least Squares* - SEM (PLS-SEM). CB-SEM biasanya digunakan untuk mengesahkan atau menolak teori hubungan di antara variabel secara empirikal manakala PLS-SEM digunakan untuk membangunkan teori hubungan di dalam kajian penerokaan.[29] PLS-SEM paling sesuai digunakan dalam keadaan di mana objektif kajian adalah untuk membangunkan model dan sesesatu teori itu masih belum utuh. Manakala CB-SEM digunakan untuk menguji model yang telah sedia ada.[30]

Variabel yang digunakan dalam kajian ini adalah variabel pendam dan tiada variabel langsung[31] (*observed variable*) digunakan dalam model ini. Manakala variabel tidak bersandar dalam kajian ini dan dalam konteks SEM, ia dikenali dengan nama variabel eksogen (*exogenous*). Variabel ini digambarkan dengan membentuk anak panah ke arah variabel bersandar / variabel endogen (*endogenous*) yang menunjukkan pertalian hubungan penyebab (*causal relationship*). Anak panah ini juga dikenali dengan nama rajah Analisis Jalur *(Path Analysis).* Oleh itu, pendekatan yang digunakan di dalam persembahan kaedah penyelidikan, analisis kajian dan dapatan hasil kajian menggunakan format yang diguna pakai penyelidik terdahulu yang menggunakan PLS-SEM sebagai teknik analisis statistik.

---

[28] Bollen, Kenneth A., *Structural Equations With Latent Variabels* (Amerika Syarikat: John Wiley & Sons Inc, 1989), 11.

[29] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)* (US: Sage Publications Inc.2014), 4.

[30] *Ibid.*, 14.

[31] Variabel langsung adalah variabel yang telah tetap seperti maklumat demografi jantina, tahap pendidikan, keuntungan, hasil jualan, bilangan dan lokasi.

University of Malaya

4.3.5 Konstruk Kajian

Di dalam kajian sains sosial, penyelidik kerap berhadapan dengan keperluan mengukur sesuatu yang tidak boleh diukur secara langsung dan istilah yang digunakan adalah variabel pendam (*latent variable*).[32] Istilah lain yang juga menggambarkan perkara yang sama dan popular digunakan adalah istilah "Konstruk". Kajian ini menggunakan istilah "Konstruk" berbanding istilah "pemboleh ubah" bagi kajian ini. Kajian ini mendapati istilah "Konstruk" adalah lebih tepat kerana istilah ini diperkenalkan bagi menerangkan sesuatu pengamatan dan biasanya digunakan di dalam bidang pendidikan dan psikologi. Secara umumnya ia menerangkan ciri manusia, situasi atau hasil sesuatu ujian, kadar atau lain-lain pengamatan yang dihasilkan melalui satu kajian.[33] Istilah ini diasaskan oleh Thurstone, Louis Leon (1947) apabila memperkenalkan pendekatan baru dalam bidang analisis faktor. Beliau mentakrifkan konstruk sebagai *"The consruct in terms of which natural phenomena are comprehended are man-made inventions. To discover a scientific law is merely to discover that a man-made scheme to unify, and thereby to simplify, comprehension of a certain class of natural phenomena*".[34] Kajian ini membangunkan empat konstruk dalam membangunkan teori faktor pembayaran iaitu konstruk Peranan Institusi Zakat (PIZ), konstruk Tindakan Kerajaan (TK), konstruk Dorongan Dalaman (DD) dan konstruk Pembayaran Zakat (PZ). Terminologi ini akan digunakan di dalam seluruh kajian ini.

Seterusnya kajian ini akan menggunakan dua lagi istilah iaitu Indikator dan Item. Indikator adalah perkara yang menerangkan tentang Konstruk. Melalui kajian literatur kajian ini membangunkan indikator ramalan. Manakala indikator sebenar bagi sesuatu konstruk

---

[32] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS* ed.ke-3 (London: Sage Publications, 2009), 628.

[33] Stenner, A. Jackson, Smith, Malbert dan Burdick, Donald S., "Toward a Theory of Construct Definition", *Journal of Education Measurement* 20, no. 4 (1983), 1-12.

[34] Thurstone, Louis Leon, *Multiple-Factor Analysis: A Development and Expansion of the Vectors Of Mind.* (Chicago: University of Chicago Press, 1947), 51.

University of Malaya

diperolehi selepas ujian Analisis Penerokaan Faktor (EFA). Item adalah perkara yang membangunkan sesuatu Indikator. Item merupakan perincian kepada indikator yang diterjemahkan dalam bentuk soalan di dalam soal selidik. Item sebenar yang boleh diguna pakai adalah juga bergantung kepada keputusan ujian semasa EFA dan PLS-SEM yang dijalankan.

4.4 Kajian Kuantitatif Fasa 1

Kajian kuantitatif ditakrifkan sebagai "*Explaining phenomena by collecting numerical data that are analysed using mathematically based methods (in particular statistics*)"[35] iaitu satu kaedah yang menerangkan tentang fenomena dengan cara memungut data secara berangka dan kemudiannya dianalisis menggunakan asas kaedah matematik atau secara lebih khusus statistik. Kajian kuantitatif dilakukan dua fasa iaitu fasa pertama dilakukan bagi mencapai objektif pertama dan kedua kajian ini iaitu memahami senario pembayaran zakat PLC di Malaysia dan membuat analisis potensi kutipan zakat dalam segmen PLC di Malaysia. Manakala fasa kedua adalah melibatkan kajian lapangan yang menjadi tulang belakang kepada kajian ini bagi memenuhi objektif ketiga, keempat dan kelima kajian iaitu mengenal pasti faktor pembayaran zakat, mengenal pasti kesan hubungan peranan institusi zakat, tindakan kerajaan dan dorongan dalaman terhadap kecenderungan pembayaran zakat dan membangunkan model pembayaran zakat. Perbincangan mengenai kajian kuantitatif ini adalah mengikut fasa yang dinyatakan.

4.4.1 Kerangka Kajian Dan Pengumpulan Data

Tujuan utama kajian kuantitatif fasa 1 adalah bagi mendapatkan gambaran fenomena sebenar tentang skop kajian. Kajian kuantitatif fasa 1 ini dilakukan melalui pengumpulan data

[35] Muijis, Danial, *Doing Quantitative Research In Education With SPSS* (London: Sage Publications Ltd, 2011), 1.

University of Malaya

sekunder bagi memberikan lima dapatan iaitu mengetahui kedudukan pemilikan muslim di PLC; mendapatkan jumlah potensi kutipan zakat yang boleh dipungut bagi sektor PLC; mengetahui status pembayaran zakat dan tahap kepatuhan pembayaran zakat dalam segmen PLC; dan mendapatkan jurang kutipan zakat dalam segmen PLC.

Pengumpulan data sekunder ini dijalankan melalui kaedah bancian di mana ia melibatkan semua PLC patuh syariah di Malaysia iaitu sebanyak 817 syarikat dan tidak menggunakan kaedah pensampelan. Ia dibuat secara kajian keratan rentas (*cross-sectional study)* dengan mengambil data terbaru boleh capai semasa kajian dijalankan. Data diperolehi melalui proses muat turun laporan tahunan syarikat daripada laman web rasmi PLC melalui capaian dalam talian. Senarai Sekuriti Patuh Syariah yang berkuat kuasa 30 November 2012 digunakan bagi kajian ini di mana senarai ini mempunyai 817 syarikat (89%) yang diluluskan sebagai syarikat patuh syariah daripada keseluruhan syarikat iaitu 923 syarikat.[36]

4.4.2 Mengenal Pasti Pemilikan Muslim

Bagi tujuan mengenal pasti pemilikan muslim, laporan tahunan terbaru semasa proses muat turun laporan diambil mulai bulan Januari hingga Mac 2013. Daripada 817 syarikat patuh syariah, sebanyak 811 laporan tahunan terkini dapat dimuat turun iaitu sebanyak 99% daripada jumlah keseluruhan syarikat. Sebanyak 6 syarikat tidak diperolehi kerana beberapa faktor terutama kerana laman web tidak dikemas kini, laman web sedang diselenggara dan laporan tahunan tidak tersedia untuk dimuat turun. Kajian ini mengutamakan maklumat yang terbaru untuk diguna pakai bagi memastikan kualiti maklumat yang diperolehi. Oleh itu, terdapat perbezaan tahun kewangan yang diambil bagi tujuan ini iaitu dalam julat 2011-2013.

[36] Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Senarai Sekuriti Patuh Shariah 2012*, 9.

University of Malaya

Kedudukan pemilikan muslim bagi sesebuah syarikat diperolehi melalui laporan 30 pemegang saham tertinggi (*30 largest shareholders*) yang dilaporkan di dalam bab *Analysis of Shareholdings* di dalam setiap laporan. Berdasarkan kepada senarai ini pemilik muslim sama ada individu atau syarikat dapat dikenal pasti beserta peratusan pegangan masing-masing dan jumlah peratusan pegangan bagi setiap syarikat. Kajian ini membahagikan pemilikan muslim kepada empat kategori iaitu 50% dan ke atas, 30%-49%, 1%-29% dan 0%. Kajian ini menetapkan syarikat yang mempunyai pemilikan muslim sebanyak 30% dan ke atas adalah dikira syarikat yang dimiliki oleh muslim dan layak untuk membayar zakat perniagaan. Pemilikan syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC) dikategorikan sebagai pemilikan muslim. Penetapan ini adalah berdasarkan kepada amalan institusi zakat yang menjadi sandaran kepada amalan zakat bagi kajian ini iaitu Lembaga Zakat Selangor[37] dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.[38]

4.4.3 Mengenal Pasti Potensi Kutipan Zakat PLC

Seterusnya kajian ini mengenal pasti potensi kutipan zakat yang boleh dipungut daripada sektor PLC dengan membuat anggaran zakat yang dikenakan kepada setiap syarikat. Proses ini dilakukan mulai bulan April hingga Mei 2013. Proses ini dibuat dengan membuat taksiran zakat perniagaan ke atas setiap syarikat muslim yang dikenal pasti. Berdasarkan aktiviti di atas, syarikat yang mempunyai pegangan muslim sebanyak 30% ke atas dibuat taksiran zakat.

---

[37] Mohd. Sabirin Sarbini (Pengurus Sektor Perniagaan Lembaga Zakat Selangor) dalam temu bual pada 5 Jun 2012.

[38] Khairulazhar Samsudin (Timbalan Pengurus Besar Operasi, Pusat Pungutan Zakat-MAWIP) dalam temu bual pada 4 Februari 2012.

University of Malaya

Kaedah pengiraan taksiran zakat yang dibuat adalah menggunakan kaedah yang digunakan oleh Panduan Zakat di Malaysia[39] dengan merujuk amalan Lembaga Zakat Selangor (LZS)[40] dan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan.[41] Kaedah yang diguna pakai adalah kaedah Modal Berkembang. Ia mengambil kira ekuiti pemilik entiti perniagaan tersebut, sumber-sumber pembiayaan kewangan dan dibuat pelarasan sama ada dicampur atau sebaliknya. Dalam istilah ringkas ialah modal dicampurkan dengan keuntungan. Persamaan dari aspek perakaunan digambarkan sebagaimana berikut:-

Ekuiti Pemilik + Liabiliti Jangka Panjang- Aset tetap – Aset Bukan Semasa +/- Pelarasan = harta perniagaan yang dikenakan zakat.[42]

Formula yang dibangunkan bagi membuat taksiran zakat perniagaan adalah sebagaimana dinyatakan di dalam Rajah 4.3.

Rajah 4.3 Ringkasan Kaedah Pengiraan Zakat Perniagaan

A	Modal Berkembang = Nilai Kerja iaitu: Aset Semasa – Liabiliti Semasa	RM XXX
B	Pelarasan Kepada aset semasa: Di tolak: RM XXX	
C	Pelarasan kepada Liabiliti Semasa: Dicampur: RM XXX	
D	Nilai Kena Zakat = A – B + C	RM XXX
	Darab dengan peratusan pemilik muslim (contoh: 65%). Semak jika nilai yang diperolehi tertakluk kepada nisab	RM XXX
	Jika melebihi nisab, darab dengan kadar zakat perniagaan 2.5%: **Nilai Zakat**	RM XXX

Sumber: Lembaga Zakat Selangor[43]

[39] Jabatan Kemjuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat di Malaysia*, 2001. 19-65.

[40] Lembaga Zakat Selangor, *Panduan Zakat Perniagaan*, 2007. 19-25.

[41] Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan, "Zakat Perniagaan" dicapai 3 Januari 2014, http://www.zakat.com.my/info-zakat/jenis-zakat/zakat-perniagaan.

[42] Jabatan Kemjuan Islam Malaysia, *Panduan Zakat di Malaysia*, 2001, 28-29

[43] Lembaga Zakat Selangor, *Panduan Zakat Perniagaan*, 2007, 21.

University of Malaya

Sumber data bagi tujuan taksiran ini adalah daripada seksyen Laporan Kewangan di dalam laporan tahunan syarikat-syarikat. Bagi tujuan membuat taksiran zakat templat khas taksiran zakat dibuat menggunakan Microsoft Excel yang telah diformulakan mengikut taksiran zakat. Sistem akan mengira zakat yang dikenakan secara automatik berdasarkan kepada formula atau templat yang telah diprogramkan. Formulasi sistem pengiraan zakat ini telah disahkan oleh Lembaga Zakat Selangor.[44] Jumlah zakat yang ditaksirkan bagi setiap syarikat dijumlahkan bagi memperolehi jumlah zakat yang dikenakan. Amaun yang dijumlahkan ini menjadikan jumlah nilai potensi kutipan zakat bagi segmen PLC di Malaysia. Laporan penuh potensi kutipan zakat menggunakan kod dan bukan nama sebenar syarikat. Ini adalah bagi menjaga nama baik syarikat dan mengelakkan sebarang perkara berbangkit kelak.

4.4.4 Mengenal Pasti Pembayaran Zakat Oleh PLC

Terdapat dua jenis pembayaran zakat yang direkodkan:-

a. Pembayaran zakat yang diektsrak bagi tujuan mendapatkan jumlah Jurang Kutipan Zakat. Pembayaran zakat yang diambil adalah untuk satu tahun sahaja iaitu tahun yang sama dengan laporan kewangan yang digunakan untuk mendapatkan jumlah potensi kutipan dan jurang kutipan.

b. Pembayaran zakat yang diekstrak untuk digunakan bagi mengenal pasti populasi kajian. Bagi tujuan ini pembayaran zakat yang direkodkan adalah bagi tempoh lima tahun (2009-2014). Kaedah ini digunakan bagi mengesan pembayaran zakat oleh syarikat-syarikat kerana terdapat syarikat yang tidak konsisten dalam menunaikan zakat. Melalui kaedah ini lebih banyak syarikat yang membayar zakat akan diperolehi berbanding kaedah pertama iaitu

[44] Mohd. Sabirin Sarbini (Pengurus Sektor Pernigaan, Lembaga Zakat Selangor) dalam tem bual pada 15 Februari 2012.

University of Malaya

dengan hanya mengambil pembayaran zakat hanya untuk satu tahun. Oleh itu, bilangan syarikat yang dilibatkan dalam kajian ini adalah lebih besar.

Melalui kaedah yang kedua juga trend pembayaran zakat oleh PLC dapat dibuat dan analisis senario dapat dibuat dengan lebih mendalam. Amaun pembayaran zakat oleh PLC diperoleh daripada laporan tahunan melalui Penyata Untung Rugi (*Profit and Loss Statement*). Pembayaran zakat yang dikenal pasti bagi setiap syarikat dijumlahkan bagi memperolehi jumlah keseluruhan zakat yang telah dibayar. Selain itu, bilangan syarikat yang membuat pembayaran zakat dikenal pasti. Maka, bilangan syarikat yang patuh kepada pembayaran zakat dapat dikenal pasti.

4.4.5 Mengenal Pasti Jurang Kutipan Zakat

Perkara mengenai Jurang Kutipan Zakat ini telah dibuat perbincangan di dalam bab terdahulu. Metodologi yang digunakan bagi mendapatkan Jurang Kutipan Zakat adalah sebagaimana untuk mendapatkan jurang cukai iaitu dengan mendapatkan perbezaan di antara potensi penuh hasil cukai yang sepatutnya dibayar kepada negara dan jumlah kutipan cukai sebenar yang dipungut.[45] Apabila disesuaikan dengan konteks kajian ini jurang kutipan zakat diperolehi melalui perbezaan di antara jumlah potensi penuh hasil kutipan zakat sebagaimana dibincangkan di dalam Perkara 4.4.3 dengan jumlah pembayaran zakat yang dibuat iaitu sebagaimana dibincangkan dalam Perkara 4.4.4.

4.4.6 Rumusan

Kajian kuantitatif fasa 1 ini dilaksanakan bagi mencapai objektif kajian yang pertama iaitu mengenal pasti senario pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam di Malaysia dan objektif kajian yang kedua iaitu menganggar potensi dan jurang kutipan zakat

[45] Shome, P., "The Control of Tax Evasion and the Role of Tax Administration", dalam *Tax Systems and Tax Reforms in South and East Asia*, ed. Bernardi, L. et al. (New York: Routledge, 2006), 40.

University of Malaya

daripada segmen syarikat tersenarai awam di Malaysia. Melalui pengumpulan data sekunder kajian ini membuat eksplorasi bagi menghasilkan lima perkara utama iaitu mengenal pasti pemilikan muslim, mengenal pasti potensi kutipan zakat, mengenal pasti syarikat yang membayar zakat, mengenal pasti pembayaran zakat dan mendapatkan nilai Jurang Kutipan Zakat.

Semua data yang diperolehi bagi tujuan analisis ini dibuat secara deskriptif iaitu dengan menggunakan jadual dan diolah dalam bentuk peratusan dan kadar. Gerak kerja fasa 1 diringkaskan melalui Jadual 4.1.

Jadual 4.1 Ringkasan Gerak Kerja Kajian Kuantitatif Fasa 1

Bil	**Tujuan**	**Sumber Data Sekunder**	**Analisis dan Penghasilan**
1	Mengenal pasti Pemilikan Muslim	Analisis Pemegang Saham (*Shareholdings Analysis*)	a. Bilangan PLC mengikut kategori pemilikan b. Bilangan PLC milik muslim yang layak dikenakan zakat
2	Mengenal pasti Potensi Kutipan Zakat	Imbangan Kira-kira (*Balance Sheet*)	a. Anggaran zakat yang dikenakan bagi setiap PLC yang layak. b. Jumlah potensi kutipan zakat.
3	Mengenal pasti Syarikat yang membayar zakat	Penyata Untung Rugi (*Profit and Loss Statement*)	a. Senarai syarikat yang membuat pembayaran zakat. b.Bilangan syarikat yang membayar zakat
4	Mengenal pasti Pembayaran Zakat	Penyata Untung Rugi (*Profit and Loss Statement*)	a. Amaun zakat yang dibayar oleh PLC b. Jumlah keseluruhan zakat yang dibayar oleh PLC
5	Mengenal pasti Jurang kutipan zakat	Jumlah potensi – jumlah zakat	a. Amaun perbezaan di antara potensi dan kutipan sebenar. b. Kadar Jurang kutipan Zakat c. Kadar kepatuhan zakat

Sumber: Analisis Penyelidik

University of Malaya

4.5 Kajian Kuantitatif Fasa 2

Kajian ini menggunakan kaedah soal selidik bagi memenuhi tiga lagi objektif kajian iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat; menilai faktor peranan institusi zakat, insentif kerajaan dan dorongan dalaman dalam mempengaruhi keputusan membayar zakat dan membangunkan model pembayaran zakat perniagaan dalam entiti perniagaan.

Perbincangan mengenai kajian kuantitatif fasa 2 ini merangkumi tujuh perkara utama iaitu kerangka konseptual kajian yang merangkumi model cadangan berserta hipotesis. Populasi dan reka bentuk pensampelan, instrumen kajian, kajian rintis, pengumpulan dan pengurusan data dan analisis data.

4.5.1 Kerangka Konseptual Dan Hipotesis Kajian

Bagi menjawab persoalan kajian, kajian ini mengadaptasi konsep analisis faktor dalam mengenalpasti faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat oleh PLC. Analisis faktor ini adalah kaedah khusus yang digunakan secara meluas di dalam bidang psikologi dan pendidikan bagi mengenal pasti kesan penyebab yang wujud dalam satu fenomena. Ia dilakukan melalui proses menterjemahkan dapatan daripada borang soal selidik untuk mendapatkan faktor yang ingin dikenal pasti. Analisis faktor ini bermula lebih 100 tahun lalu, dipelopori oleh Karl Pearson[46] dan Charles Spearman[47] melalui satu teori personaliti. Teori ini menyediakan satu rasional konseptual dan teoretikal tentang analisis faktor dalam mengkaji kesan sesuatu variabel terhadap sesuatu variabel yang lain.[48] Melalui konsep

---

[46] Pearson, Karl, "On Lines and Planes of Closest Fit to Systems of Points in Space", *Philosophical Magazine* 2 no. 6 (1901) 559-575.

[47]Spearman, Charles, "General Intelligence, Objectively Determined and Measured", *American Journal of Psychology* 15 (1904), 201-293.

[48] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no. 3 (2010), 1.

University of Malaya

analisis faktor, kajian ini dibangunkan dalam bentuk model penyebab (*Causal Modeling*) yang memberikan pentakrifan terhadap satu-satu variabel dan menganggarkan hubungan di antara variabel dengan menerangkan bagaimana perubahan dalam satu variabel memberi kesan perubahan kepada satu variabel atau variabel-variabel lain dalam konteks yang ditetapkan.[49] Hubungan di antara variabel di dalam kajian ini diterangkan melalui satu kerangka konseptual. Kerangka konseptual kajian ini dibangunkan hasil daripada kajian literatur sebagaimana dinyatakan di dalam Bab Tiga. Cadangan Model Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan dipersembahkan sebagaimana Rajah 4.4. Model cadangan ini mempunyai empat konstruk iaitu Peranan Institusi Zakat (PIZ), Tindakan Kerajaan (PK), Dorongan Dalaman (DD) dan Pembayaran Zakat (PZ). Konstruk PIZ dan PK merupakan variabel tidak bersandar di dalam model ini. DD dan PZ merupakan variabel bersandar dalam kajian ini. Manakala variabel DD merupakan mediator dalam hubungan di antara PZ dengan PIZ dan PZ dengan PK. Oleh itu, variabel DD memainkan dua peranan iaitu variabel bersandar dalam konteks hubungan dengan PIZ dan PK, dan variabel tidak bersandar dalam konteks hubungan dengan PZ.

[49] Lowry, Paul Benjamin dan Gaskin, James, "Partial Least Squares (PLS) Structural Equation Modeling (SEM) for Building and Testing Behavioral Causal Theory: When to Choose It and How to Use It", *IEEE Transactions on Professional Communication* 57 no. 2 (2014), 126.

University of Malaya

Rajah 4.4 Cadangan Awal Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan



Sumber: Analisis Penyelidik

Model yang dicadangkan ini adalah berbentuk model berhierarki. Bentuk model berhierarki merupakan satu teknik statistik yang berkesan bagi mengendalikan model yang mempunyai banyak variabel dan analisis data yang kompleks.[50] Dalam kajian ini variabel disusun dalam dua peringkat iaitu peringkat pertama adalah di antara item soal selidik dengan komponen dan peringkat kedua adalah komponen dengan variabel. Model cadangan di Rajah 4.4. menunjukkan peringkat kedua model berhierarki sahaja. Ia bertujuan untuk memberikan gambaran yang lebih ringkas dan disesuaikan dengan konteks kajian. Pengujian mengenai keseluruhan model ini akan mengikut prosedur model berhierarki ini.

[50] Wang, H., Meng, Jie dan Tenenhaus, Michel, "Regression Modelling Analysis on Compositional Data" dalam *Handbook of Partial Least Squares: Concepts, Method and Applications* ed. V. Esposito Vinzi et al. (Berlin: Springer, 2010), 392.

4.5.2 Hipotesis Kajian

Berdasarkan kepada Rajah 4.4 berikut adalah hipotesis kajian ini:

Hipotesis 1	:	Peranan Institusi Zakat (PIZ) mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap Dorongan Dalaman (DD)
Hipotesis 2	:	Tindakan Kerajaan (TK) memberikan kesan positif yang signifikan terhadap Dorongan Dalaman (DD)
Hipotesis 3	:	Dorongan Dalaman (DD) mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap Pembayaran Zakat (PZ)
Hipotesis 4	:	Peranan Institusi Zakat (PIZ) mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap Pembayaran Zakat (PZ)
Hipotesis 5	:	Tindakan Kerajaan (TK) mempunyai kesan positif yang signifikan terhadap Pembayaran Zakat (PZ)
Hipotesis 6	:	Dorongan Dalaman (DD) mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Peranan Institusi Zakat (PIZ) dengan Pembayaran Zakat (PZ)
Hipotesis 7	:	Dorongan Dalaman (DD) mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Tindakan Kerajaan (TK) dengan Pembayaran Zakat (PZ)

Kajian ini mengenal pasti indikator cadangan bagi setiap konstruk berdasarkan kepada kajian literatur. Konstruk PIZ mempunyai lima indikator iaitu Perkhidmatan, Dakwah, Agihan, Urus Tadbir dan Imej. Manakala konstruk DD mempunyai tiga indikator iaitu Kefahaman ALP, Muslim (Komposisi Muslim) dan Kewangan (Prestasi Kewangan). Konstruk PK pula didokongi oleh empat indikator iaitu Penguatkuasaan, Cukai (Insentif Cukai), Galakan dan Fatwa. Bagi konstruk PZ pula ia diwakili oleh tiga indikator iaitu Inisiatif, Tanggapan dan Kesedaran. Semua indikator ini akan diuji secara empirikal dan kajian ini menjangkakan terdapat perubahan kepada indikator-indikator kepada konstruk hasil kajian lapangan yang dijalankan. Instrumen kajian lapangan dibuat melalui borang soal selidik yang diedarkan melalui kaedah pensampelan terhadap populasi kajian. Melalui soal

University of Malaya

selidik yang dijalankan kajian ini dapat menyiasat hubungan sebab dan akibat (*causal relationaship*) di antara indikator-indikator dan konstruk yang dicadangkan.

4.5.3 Populasi Kajian

Populasi kajian ditakrifkan sebagai satu kumpulan sama ada individu, objek atau kejadian yang memenuhi kriteria yang ditetapkan untuk digeneralisasi daripada keputusan sesebuah kajian.[51] Populasi juga dikenali dengan nama sasaran populasi (*target population*) yang merupakan kumpulan besar sasaran penyelidikan yang menjadi fokus utama kajian.[52] Populasi kajian ini merangkumi individu yang terlibat secara langsung di dalam proses pembayaran zakat oleh PLC yang telah dikenal pasti membayar zakat. Mereka ini juga dikenali sebagai pembuat keputusan yang berkaitan dengan pembayaran zakat dalam organisasi mereka.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Bab 1, skop kajian ini adalah PLC yang membayar zakat. PLC yang membayar zakat dikenal pasti melalui semakan data sekunder dan sebanyak 17 buah PLC telah dikenal pasti membayar zakat secara formal bagi tempoh 2009-2014. Senarai syarikat yang menjadi skop kajian adalah sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 4.2 di bawah. Rekod pembayaran zakat oleh syarikat-syarikat adalah sebagaimana di Lampiran G.

---

[51] McMillan, James H., *Research In Education: Fundamental for Consumer* (New York: Harper Collins College Publishers,1996), 85.

[52] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches*, 224

University of Malaya

Jadual 4.2 Senarai PLC Yang Menjadi Subjek Kajian

Sektor	Syarikat
Barangan Pengguna	1. MSM Malaysia Holdings Bhd
Barangan Industri	2. UMW Holdings Bhd
Permbinaan	3. Merge Energy Bhd
Dagangan/ Perkhidmatan	4. Axiata Group Bhd
	5. UEM Edgenta Berhad (Faber Group Bhd)
	6. KPJ Healthcare Bhd
	7. MMC Corporation Bhd
	8. NCB Holdings Bhd
	9. Pharmaniaga Bhd
	10. Telekom Malaysia Bhd
	11. Tenaga Nasional Bhd
	12. Utusan Melayu (M) Bhd
Perladangan	13. Felda Global Ventures Holdings Bhd
	14. TH Plantations Bhd
Teknologi	15. Mesiniaga Bhd
Kewangan	16. BIMB Holdings Bhd
	17. Syarikat Takaful Malaysia Bhd

Sumber: Analisis Penyelidik

Proses membuat keputusan untuk dalam sesebuah syarikat adalah melibatkan tiga kategori kumpulan jawatan iaitu Ahli Lembaga Pengarah, Pengurusan Tertinggi dan Pengurusan Pertengahan.

Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang diketuai oleh Pengerusi merupakan kumpulan yang tertinggi di dalam sesebuah syarikat yang dipertanggungjawabkan untuk memastikan perjalanan keseluruhan syarikat dilaksanakan mengikut urus tadbir yang ditetapkan.[53] PLC juga dipantau oleh ahli-ahli jawatankuasa tertentu yang ditubuhkan bagi membantu ahli lembaga pengarah menjalankan fungsi mereka. Di antara peranan utama mereka adalah membuat polisi dan dasar perjalanan syarikat. Perincian peranan mereka telah dinyatakan

[53] Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, *Malaysian Code on Corporate Governance 2012* (Kuala Lumpur: Suruhanjaya Sekuriti Malaysia: 2012), v.

University of Malaya

perinciannya oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia.[54] Kajian ini mengandaikan semua ALP terlibat dengan keputusan syarikat untuk membayar zakat.

Pengurusan tertinggi di dalam PLC adalah berbeza di antara satu yang lain dan kebanyakan pengurusan tertinggi PLC diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif. Pengurusan tertinggi ini merupakan pembuat keputusan yang utama dalam menentukan keputusan yang strategik untuk sesebuah syarikat.[55] Berdasarkan kepada penelitian terhadap laporan tahunan syarikat, Ketua Pegawai Kewangan atau *Chief Financial Officer* (CFO) merupakan personel utama yang biasanya terlibat di dalam pembayaran zakat. Diandaikan semua pengurusan tertinggi terlibat dengan keputusan syarikat untuk membayar zakat.

Pengurusan pertengahan merupakan golongan pelaksana kepada polisi, dasar dan strategi syarikat.[56] Mereka terlibat dalam membuat keputusan pembayaran zakat di peringkat mereka terutama di dalam membuat pengiraan zakat, menyediakan cadangan pembayaran zakat dan menguruskan pembayaran zakat.[57] Diandaikan tidak semua pengurusan pertengahan terlibat dalam keputusan membayar zakat. Mungkin bahagian kewangan atau bahagian cukai sahaja yang terlibat di dalam proses pembayaran zakat.

Bilangan sebenar populasi kajian ini tidak dapat diketahui kerana pelaksanaan pembayaran zakat adalah berbeza di antara satu syarikat yang lain. Pelaksanaan yang berbeza ini menyebabkan pihak yang terlibat di dalam membuat keputusan membayar zakat adalah berbeza dan hanya kakitangan dalaman syarikat sahaja yang mengetahui personel yang berkenaan. Ini adalah cabaran kepada kajian ini.

---

[54] *Ibid*., xi.

[55] Papadakis, Vasilis M. dan Barwise, Patrick, "How Much Do CEOs and Top Managers Matter in Strategic Decision Making?", *British Journal of Management*, 13 (2002), 83.

[56] Cawsey, Tupper F., Deszsa, Gene dan Ingols, Cynthia, *Organizational Change: An Action Oriented Toolkit*, ed.ke-3 (USA: Sage Corporation Inc., 2015), 21.

[57] Mohd. Sabirin Sarbini, Pengurus Sektor Perniagaan Lembaga Zakat Selangor (MAIS) temu bual pada 5 Jun 2012,

University of Malaya

4.5.4 Reka Bentuk Pensampelan

Bagi mendapatkan responden yang betul, kajian ini menggunakan dua peringkat pendekatan iaitu pendekatan pertama adalah pemilihan syarikat dan peringkat kedua adalah pemilihan responden kajian. Pada peringkat pemilihan syarikat, kajian ini menggunakan teknik bancian di mana semua syarikat yang membayar zakat termasuk di dalam kerangka pensampelan. Teknik bancian ini adalah satu kaedah pungutan data yang merangkumi setiap item di dalam populasi yang berkaitan dengan masalah yang dikaji. Ia sesuai digunakan di dalam keadaan di mana populasi bersaiz kecil atau populasi adalah sangat bertebaran yang memerlukan penilaian yang intensif. Bancian juga diperlukan jika dapatan yang benar-benar tepat dan boleh disandari diperlukan. Kelebihan menggunakan kaedah bancian ini ialah dapatan kajian adalah lebih disandari, kurang bias dan maklumat yang diperolehi adalah secara ekstensif. Selain itu, bancian ini dapat membantu membuat eksplorasi kepada sesuatu permasalahan yang kompleks.[58] Memahami kelebihan menggunakan kaedah bancian, maka 17 buah syarikat yang membayar zakat dimasukkan di dalam kerangka pensampelan.

Peringkat kedua adalah pemilihan responden. Kajian ini tidak boleh menggunakan persampelan kebarangkalian kerana tidak sesuai dan tidak munasabah. Ini kerana populasi kajian adalah golongan tertentu yang tidak boleh dicapai oleh penyelidik secara langsung. Oleh itu, kajian ini memilih teknik persampelan pertimbangan (*judgemental*) yang juga dikenali dengan nama persampelan bertujuan (*purposive*)[59] bagi memastikan soal selidik diberikan kepada responden yang betul. Teknik ini adalah amat dicadangkan apabila sesuatu kajian itu memerlukan responden yang mempunyai ciri-ciri khusus yang tertentu, paling tepat di dalam jawatan dan terbaik untuk memberikan maklumat. Ia juga diperlukan apabila

---

[58] Jain, T.R. dan Ohri, V. K., *Statistics for Economics*, ed.ke-8 (New Delhi: VK Publications: 2010), 43-44.

[59] Sekaran, Uma dan Bougie, Roger, *Research Method for Business*, ed.ke-5 (United Kingdom: John Wiley and Son Ltd, 2011), 276

University of Malaya

populasi kajian adalah terhad dan khusus di mana dalam keadaan ini semua pensampelan berbentuk kebarangkalian adalah mustahil dan tidak boleh digunakan.[60] Melalui teknik ini pemilihan responden dibuat oleh setiap wakil syarikat kerana mereka mempunyai maklumat terhadap personel yang terlibat secara langsung dan mereka berhak membuat keputusan untuk menentukan responden yang betul dan boleh dicapai.

4.5.5 Penentuan Saiz Sampel

Terdapat pelbagai kaedah yang biasa digunakan bagi menentukan saiz sampel bagi satu-satu penyelidikan.[61] Prinsip utama yang perlu difahami adalah lagi besar saiz sampel adalah lebih baik kerana sampel yang besar memberikan kesalahan pensampelan (*sampling error*) yang lebih rendah. Ini bermakna nilai dapatan dari pensampelan semakin mendekati nilai untuk populasi.[62] Oleh kerana kajian ini menggunakan teknik pensampelan *judgemental* (persampelan bukan kebarangkalian) maka penentuan bilangan sampel adalah terpulang kepada kesesuaian konteks kajian kerana ia adalah perkara yang subjektif yang bersandarkan kepada rasional tertentu yang tidak boleh diformulakan.[63] Kajian ini juga perlu memastikan jumlah sampel adalah memadai dan tidak terlalu kecil kerana jika jumlah sampel tidak mencukupi maka inferens daripada dapatan kajian terhadap populasi kelak adalah diragui.[64]

Mengambil kira pelbagai keadaan, kajian ini menggunakan dua kaedah semakan kecukupan pensampelan iaitu keperluan pensampelan mengikut Structural Equation Modeling (SEM) dan keperluan pensampelan mengikut PLS-SEM. Melalui teknik SEM,

---

[60] *Ibid*., 277.

[61] Alvin C. Burns dan Ronald F. Bush, *Marketing Research: Online Research Applications*, ed.ke-4 (New Jersey: Prentice Hall, 2003), 373.

[62] Burke Johnson dan Larry Christensen. *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches*, 241.

[63] Alvin C. Burns dan Ronald F. Bush. *Marketing Research: Online Research Applications*, 374.

[64] Jon A. Krosnick dan Stanley Presser, "Question and Questionnaire Design", dalam *Handbook of Survey Research*, ed.ke-2, ed. Peter V. Marsden dan James D. Wright (US: Eemarald, 2010), 299.

University of Malaya

bilangan sampel adalah bergantung kepada kompleksiti model dan kriteria asas pengukuran sesuatu model[65] sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 4.3. Kajian ini mempunyai empat variabel latent dan setiap satu diukur menggunakan lebih dari tiga item konstruk. Oleh itu, bilangan sampel minimum yang diperlukan adalah sebanyak 100 sampel.

Jadual 4.3 Keperluan Minimum Sampel Mengikut Keperluan SEM

Ciri Model (Bilangan variabel latent dan item pengukur)	**Sampel Minimum**
Lima atau kurang variabel latent. Setiap konstruk yang latent mempunyai lebih dari tiga item.	100 sampel
Tujuh atau kurang variabel latent. Setiap konstruk yang latent mempunyai lebih dari tiga item.	150 sampel
Tujuh atau kurang variabel latent. Sebahagian konstruk yang latent mempunyai kurang dari dari tiga item.	300 sampel
Lebih dari tujuh variabel latent. Sebahagian konstruk yang latent mempunyai lebih dari tiga item.	500 sampel

Sumber: Zainudin Awang, Structural Equation Modeling[66]

Walaupun teknik PLS-SEM boleh digunakan dalam keadaan saiz sampel yang kecil dan model yang kompleks, PLS-SEM tetap meletakkan panduan bagi menentukan saiz minimum pensampelan. Terdapat dua panduan menentukan kecukupan saiz sampel iaitu :-

a. 10 kali bilangan indikator yang dibina untuk mengukur satu-satu konstruk.

b. 10 kali laluan (*path*) model dalaman yang diarahkan kepada satu-satu konstruk.[67]

Berdasarkan kepada model yang dicadangkan di dalam Rajah 4.4, kajian ini mempunyai 15 indikator bagi mengukur 4 konstruk. Maka, jumlah sampel yang diperlukan adalah sebanyak 150. Namun begitu, jumlah ini bergantung kepada indikator sebenar yang diperolehi hasil

[65] Hair, Joseph F. et al., *Multivariate Data Analysis: A Global Perspective*, ed.ke-6 (Upper Saddle River, NJ: Pearson, 2006), 741.

[66] Zainudin Awang, *Structural Equation Modeling Using AMOS Graphic* (Shah Alam: UiTM Press, 2012), 6.

[67] Chin, Wynne W. dan Newsted, Peter R., "Structural Equation Modeling Analysis With Small Samples Using Partial Least Squares", dalam *Statistical Strategies for Small Sample Research*, ed. Rick. H. Hoyle (USA: Sage Publications, 1999), 321.

University of Malaya

daripada analisis yang dijalankan. Jumlah ini adalah satu panduan sahaja kerana penilaian sebenar adalah berdasarkan kepada pengujian yang akan dijalankan seperti saiz kesan (*effect size*), tahap kebolehpercayaan (*reliability*), kesahan (*validity*), bilangan indikator atau pengujian-pengujian lain.[68]

Walaupun bilangan sebenar populasi kajian ini tidak dapat diketahui, kajian ini mengambil inisiatif untuk membuat anggaran kasar bagi mengetahui anggaran nisbah sampel dengan populasi atau peratusan pensampelan yang diambil daripada populasi. Ia bertujuan bagi melihat bilangan soal selidik yang munasabah dipungut berdasarkan kepada ciri responden yang terpilih dan peratusan kesediaan bekerjasama yang diberikan. Adalah sesuatu yang mustahil untuk semua unit di dalam populasi sedia untuk mengambil bahagian dan bekerjasama. Anggaran bilangan populasi kajian dibuat berpandukan kepada tiga kategori responden iaitu ahli lembaga pengarah (ALP), pengurusan tertinggi dan pengurusan pertengahan dalam sesebuah PLC. Anggaran yang dibuat adalah 6 orang daripada ALP, 6 orang daripada pengurusan tertinggi dan 8 orang daripada pengurusan pertengahan. Ini menjadikan jumlah unit populasi adalah seramai 20 orang bagi setiap PLC yang terlibat. Berdasarkan kepada jumlah PLC yang membayar zakat adalah sebanyak 17 syarikat, maka jumlah unit di dalam populasi kajian ini adalah sebagaimana berikut:-

Jumlah populasi	=	(Bilangan ALP + Bilangan Pengrusan Tertinggi + Bilangan Pengurusan Pertengahan) X Bilangan Syarikat.
	=	(6 orang + 6 orang + 6 orang) X 17 Syarikat
	=	308 orang

Dengan mengambil kira kesesuaian wakil syarikat membuat pengedaran borang soal selidik, kajian ini menetapkan 10 borang untuk diedarkan bagi setiap syarikat. Kajian ini juga meletakkan sasaran 80% syarikat yang akan mengambil bahagian dan kadar pulangan

[68] Hair Joseph F. et al., "Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM): An Emerging Tool in Business Research", *European Business Review* 26, no. 2 (2014), 109.

University of Malaya

pemulangan borang soal selidik adalah 80%. Kadar ini adalah kadar yang sangat optimis kerana kadar tindak balas (*response rate*) bagi kajian organisasi adalah pada kadar 35.7% sahaja manakala bagi kajian individu adalah 52.7%.[69]

Jumlah pensampelan	=	Bilangan Borang yang dikembalikan X bilangan syarikat yang mengambil bahagian.
	=	7 borang / responden X 14 syarikat
	=	112 borang / responden
Anggaran kadar populasi yang diwakili	=	(Jumlah sampel / Jumlah populasi) X 100%
	=	112 responden / 308 orang
	=	36.4%

Berdasarkan kepada pengiraan di atas sasaran kadar yang diwakili oleh pensampelan yang dibuat dalam kajian ini adalah pada kadar 36.4%. Dalam erti kata lain, kajian ini menyasarkan pensampelan yang dibuat merangkumi 36.4% daripada populasi. Kadar ini adalah munasabah dan hasil dapatan kajian boleh disandari bagi mencapai objektif kajian.

4.5.6 Reka bentuk Soal Selidik

Soal selidik dibuat melalui borang khas dan diedarkan kepada responden merupakan instrument kajian kuantitatif bagi kajian ini. Soal selidik ditakrifkan sebagai satu set soalan yang berstruktur yang dibangunkan bagi tujuan memungut data bagi satu-satu kajian. Ia juga boleh didefinisikan sebagai satu set soalan yang difokuskan untuk mendapatkan maklumat daripada kumpulan sasar.[70] Soal selidik ini menjadi instrumen untuk mengukur dimensi dan pandangan responden terhadap perkara yang dikaji.[71] Soal selidik dibangunkan dengan menggunakan panduan yang digariskan oleh Gilbert A. Churchill (2005) iaitu merangkumi 9 langkah sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 4.5.

---

[69] Baruch, Yehuda dan Holtom, Brooks C, "Survey Response Rate Levels and Trends in Organizational Research", *Human Relations* 61, no. 8 (2008), 1139. (1139–1160)

[70] Zainudin Awang, *Research Methodology for Business and Social Sciences*,131.

[71] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches*, 137.

University of Malaya

Rajah 4.5 Prosedur Membangunkan Borang Soal Selidik

Langkah 1	Menetapkan maklumat yang diperlukan
Langkah 2	Menentukan jenis soal selidik dan kaedah pengendalian
Langkah 3	Menentukan kandungan setiap soalan
Langkah 4	Menentukan bentuk jawapan bagi setiap soalan
Langkah 5	Menentukan setiap perkataan yang digunakan
Langkah 6	Menentukan reka bentuk fizikal borang
Langkah 7	Menyemak semula reka bentuk borang
Langkah 8	Membuat semakan semula (Langkah 1-7) keseluruhan borang
Langkah 9	Membuat praujian dan membuat penambahbaikan

Sumber: Churcill, Gilbert A. dan Lacobucci, Dawn (2005).[72]

Bagi Langkah 1, semua maklumat di dalam borang soal selidik diperolehi daripada rujukan literatur yang berkaitan dengan skop kajian sebagaimana yang diperincikan di dalam bab sebelum ini untuk disesuaikan dengan bentuk kajian ini yang berbentuk sebab dan akibat. Bentuk soal selidik ini juga dirangka agar sesuai dengan hipotesis yang telah dibangunkan bagi kajian ini.

Bagi Langkah 2, bentuk soal selidik ditentukan dengan menggunakan borang fizikal. Borang fizikal ini dihantar secara serahan tangan dan melalui emel kepada responden melalui wakil syarikat. Borang fizikal mudah dikendalikan untuk tujuan pengedaran oleh penyelidik, pengisian borang oleh responden dan proses kemasukan data. Kemasukan data soal selidik adalah melalui proses manual.

[72] Churchill, Gilbert A. dan Lacobucci, Dawn, *Marketing Researh: Methodological Foundations* (USA: South Western, 2005) 234.

University of Malaya

Langkah 3 adalah langkah yang paling kritikal iaitu kandungan. Kandungan borang soal selidik dirangka dengan menggunakan dua konsep iaitu "*adopt and adapt"*.[73] "*Adopt"* adalah daripada perkataan Inggeris yang bermaksud mengguna pakai tanpa pindaan manakala "*adapt"* bermaksud membuat penambahbaikan mengikut kesesuaian. Kajian ini banyak menggunakan konsep "*adapt*" di mana penyelidik membuat eksplorasi bagi menghasilkan penambahbaikan kepada kajian yang sedia ada terutama untuk menyesuaikan dengan kaedah pembangunan model hubungan kajian ini yang menggunakan kaedah PLS-SEM.

Bagi Langkah 4, iaitu menetapkan bentuk maklum balas, kajian ini menggunakan soalan berbentuk *Multichotomous* iaitu soalan yang mempunyai pilihan jawapan yang telah disediakan. Responden dikehendaki memilih jawapan yang paling hampir kepada dirinya mengikut pilihan jawapan yang disediakan.[74] Teknik ini digunakan dalam 66 soalan atau kenyataan di dalam soal selidik. Kajian ini turut memberi satu soalan terbuka iaitu di ruangan komen bagi memberi peluang responden memberikan sebarang maklumbalas. Borang ini mempunyai lima bahagian iaitu Bahagian A adalah bagi mendapatkan maklumat yang berkaitan dengan faktor Pengurusan Institusi Zakat (PIZ), Bahagian B adalah bagi faktor Tindakan Kerajaan (TK), Bahagian C adalah bagi faktor Dorongan Dalaman (DD), Bahagian D adalah bagi mengukur sikap terhadap Pembayaran Zakat (PZ) dan Bahagian E adalah bagi mendapatkan data Demografi.

Bahagian A hingga Bahagian D adalah menjadi instrumen utama kajian bagi mengukur sikap responden terhadap pembayaran zakat. Kajian ini mengambil kaedah Skala Ciri

---

[73] Kee-Luen Wong, Seng-Fook Ong dan Thiam-Yong Kuek, **"**Constructing a Survey Questionnaire to Collect Data on Service Quality of Business Academics", *European Journal of Social Sciences* 29, no. 2 (2012), 209-221.

[74] Churchill, Gilbert A. dan Lacobucci, Dawn, *Marketing Researh: Methodological Foundations* (USA: South Western, 2005), 243.

University of Malaya

Psikologi sebagai metod pengukuran. Skala ini menggunakan kaedah yang paling popular iaitu Skala Likert[75] kerana skala ini mampu mengukur kecenderungan responden yang ditakrifkan sebagai *expression of intensity of feelings*.[76] Skala 1 hingga 5 digunakan di mana Skala 1 untuk "Sangat Tidak Setuju", Skala 2 untuk "Tidak Setuju", Skala 3 untuk "Neutral", Skala 4 untuk "Setuju" dan Skala 5 untuk "Sangat Setuju". Walaupun terdapat pandangan di mana sebaiknya lebih banyak skala digunakan seperti skala 1 hingga 10[77], kajian ini mengambil kira komen di peringkat praujian dan pandangan pakar di bidang lapangan di mana Skala 1 hingga 5 adalah praktikal kerana responden kajian ini adalah terdiri daripada golongan tertinggi di dalam sesebuah PLC yang sentiasa berhadapan dengan kekangan masa. Manakala Bahagian E iaitu "Demografi" menggunakan data nominal. Perbincangan mengenai pembangunan soal selidik ini dibuat dalam satu tajuk khas Pembangunan Soal Selidik di dalam perbincangan seterusnya.

Bagi Langkah 5 dan 6 iaitu menentukan ayat yang digunakan dan susunan soalan, penyelidik memastikan ia dibuat menggunakan panduan yang digariskan iaitu ayat yang ringkas, lengkap, tidak mengelirukan dan tidak tergantung.[78] Penyusunan soalan juga disusun mengikut kesesuaian bagi memastikan responden tidak berasa terbeban untuk menjawab semua soalan. Soal selidik ini menggunakan bahasa Inggeris sepenuhnya kerana bahasa pengantar di dalam sektor PLC adalah bahasa Inggeris. Ini adalah berdasarkan kepada rujukan penyelidik terhadap dokumen-dokumen yang disiarkan kepada awam dan penggunaan bahasa Inggeris di Malaysia adalah amat sinonim dengan dunia korporat.

---

[75] Likert, Rensis, "A Technique for Measurement of Attitude", *Archives of Psycology* 140. (1032), 5-55.
[76] *Ibid*., 266.
[77] Preston, Carolyn C. dan Colman, Andrew M., "Optimal Number of Response Categories in Rating Scales: Reliability, Validity, Discriminating Power, and Respondent Preferences", *Acta Psychologica* 104 (2000) 1-15.
[78] Churchill, Gilbert A. dan Lacobucci, Dawn, *Marketing Researh: Methodological Foundations*, 247-250.

University of Malaya

Bagi Langkah 7 iaitu reka bentuk borang. Kajian ini dimulakan dengan surat pengenalan yang mempunyai logo universiti dan pemakluman mengenai tujuan soal selidik, kandungan borang, jaminan kerahsiaan dan penghargaan. Manakala borang soal selidik pula diatur dengan kemas dan menggunakan saiz tulisan yang berbeza mengikut keperluan supaya responden berasa selesa untuk memberikan maklumbalas. Borang ini direka bentuk agar hanya mempunyai 6 muka surat iaitu 3 helaian supaya ianya adalah tidak terlalu panjang dan sebaliknya.

Seterusnya bagi Langkah 8 iaitu semakan, penyelidik telah menyerahkan draf borang kepada tujuh orang pakar dalam pelbagai bidang untuk membuat semakan keseluruhan borang yang mana adalah terdiri daripada tiga orang pengurusan atasan syarikat termasuk Ketua Pegawai Eksekutif, dua orang ahli akademik dan seorang pakar dalam bidang statistik. Mereka ini dipilih kerana pengalaman luas mereka di dalam pelbagai bidang dan semakan yang dibuat oleh mereka adalah secara intensif dan menyeluruh. Dengan kerjasama mereka, kerja semakan dan penambahbaikan dibuat beberapa kali sehingga borang yang diperolehi boleh dikira sempurna.

Bagi Langkah 9 iaitu Praujian, borang yang hampir muktamad diedarkan kepada empat orang lagi pakar iaitu dua orang rujukan dari institusi zakat, seorang pengurusan atasan dan seorang daripada PLC. Selain itu, 10 set borang telah diuji dengan diedarkan kepada sebuah PLC untuk diedarkan kepada 10 pembuat keputusan yang terlibat dalam pembayaran zakat untuk memastikan kesesuaian keseluruhan borang. Tiada sebarang pindaan lagi dibuat dalam proses Praujian dan penyelidik berpuas hati dengan borang soal selidik yang akan digunakan. Perincian Langkah 8 dan Langkah 9 ini dibuat dalam Perkara 3.5.7 Pengesahan dan Kebolehterimaan instrumen.

University of Malaya

4.5.7 Pembangunan Soal Selidik

Perbincangan mengenai pembangunan soal selidik ini dikhususkan kepada Bahagian A hingga Bahagian D borang soal selidik di mana empat bahagian ini mewakili variabel yang dikaji di dalam kajian ini. Bahagian A adalah mewakili variabel Peranan Institusi Zakat (PIZ), Bahagian B mewakili variabel Tindakan Kerajaan (TK), Bahagian C mewakili variabel Dorongan Dalaman (DD) dan Bahagian D mewakili Pembayaran Zakat (PZ). Soalan yang dibangunkan di dalam soal selidik ini adalah berdasarkan indikator setiap variabel. Indikator bagi setiap varibel diperolehi berdasarkan kepada kajian literatur. Soalan-soalan juga dibangunkan berdasarkan kajian literatur dan temu bual dengan pakar.

Soal selidik faktor Peranan Institusi Zakat (PIZ) mempunyai 22 soalan. Soalan ini dibangunkan berdasarkan kepada indikator dan item yang dikenal pasti. Sebagaimana dibincangkan di alam bab Kajian Literatur terdapat lima indikator bagi Peranan Institusi Zakat iaitu Imej, Urus tadbir, Perkhidmatan, Pemasaran dan Agihan. Item bagi mengukur indikator dibangunkan berdasarkan kepada adaptasi kajian lalu, kajian literatur dan perbincangan dengan pakar. Perincian pembangunan soalan adalah dinyatakan di dalam Jadual 4.4. Sistem pengekodan soalan dilaksanakan bagi memudahkan proses kemasukan dan analisis data. Pengekodan dibuat menggunakan huruf dan nombor. Huruf menggambarkan bahagian di borang soal selidik manakala nombor adalah nombor turutan soalan di borang selidik mengikut bahagian.

University of Malaya

Jadual 4.4 Perincian Pembangunan Borang Soal Selidik Bahagian A

Indikator	Item	Soalan	Bilangan Soalan	Kod Soalan
Imej	Reputasi[79]	*Zakat institution has good reputation.*	2	A1
	Imej[80]	*Zakat institution portrays good image.*		A2
Urus Tadbir	Kualiti[81]	*Zakat institution obtains quality certification such as MS ISO9000.*	7	A3
	Urus tadbir [82]	*Zakat institution implements good governance in their administrations*		A4
	Audit[83]	*Zakat institution publicize audited financial report.*		A6
	Lembaga Pengarah[84]	*Zakat institution overseen by respected board of trustees.*		A7
	Telus[85]	*Zakat institution provides statistical information about zakat distribution.*		A15
	Urus Tadbir[86]	*Zakat funds are well distributed.*		A17
	Institusi Cekap[87]	*Zakat institutions manage zakat fund efficiently.*		A20
Perkhid-matan	Pegawai Cekap[88]	*Zakat institution officers provide efficient services.*	6	A5
	Kemudahan [89]	*Zakat institution provides various payment facilities.*		A8
	Kaunter Bayaran [90]	*Zakat institution provides comfortable payment counter.*		A9

[79] Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal", 1.
[80] *Ibid.*
[81] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah", iv.
[82] Sharifah Norzehan Syed Yusuf et al., "The Practices of Management Accountings in Zakat Institution: A Preliminary Inquiry in the Lembaga Zakat Selangor", 153.
[83] Jamaliah Said et al., "Composite Performance Measurement for Zakat Organisations", 50
[84] Murtala Oladimeji Abioye Mustafa, Muslim Har Sani Mohamad dan Muhammad Akhyar Adnan, "Antecedents of Zakat Payers' Trust In An Emerging Zakat Sektor: An Exploratory Study", 4.
[85] Mohd. Rahim Khamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi et al., "Compliance Behavior of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition".
[86] Abd. Halim Mohd. Noor et al., "Assessing Performance of Nonprofit Organization: A Framework for Zakat Institutions",12.
[87] Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid & Adnan Mohamad, "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", 175
[88] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah", iv.
[89] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", 77
[90] *Ibid.*

University of Malaya

Indikator	Item	Soalan	Bilangan Soalan	Kod Soalan
	Layanan[91]	*Zakat institution officers are polite.*		A10
	Membantu [92]	*zakat institution officers are helpful.*		A11
	Membantu [93]	*zakat institution provides personalize service to companies.*		A12
Pemasaran	Maklumat Kewajipan [94]	*zakat institution officers clearly explain about zakat obligation to companies.*	3	A13
	Kelebihan Berzakat[95]	*zakat institution officers clearly explain the benefit of zakat payment to companies.*		A14
	Aktiviti Pemasaran [96]	*zakat institution carries out marketing activities to companies.*		A22
Agihan	Kejayaan Agihan[97]	*zakat institution provides poverty success stories.*	4	A16
	Mekanisme Agihan[98]	*zakat institution explains zakat distribution mechanism.*		A18
	Agih semula[99]	*zakat institution gives some portion from zakat payment to the companies for self-distribution.*		A19
	Ketepatan Agihan [100]	*zakat institutions distributes zakat to the rightful recipient.*		A21

Sumber: Analisis Penyelidik

[91] Kamil Md. Idris, "Gelagat Kepatuhan Zakat Pendapatan di Kalangan Kakitangan Awam Persekutuan di negeri Kedah", iv.
[92] *Ibid.*
[93] *Ibid.*
[94] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", 77
[95] *Ibid.*
[96] Ahmad Shahir dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran".
[97] Sanep Ahmad dan Hairunnizam Wahid, "Persepsi Agihan Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Zakat Melalui Institusi Formal", 1.
[98] *Ibid.*
[99] Harian Metro, "Syarikat Boleh Mohon Agih Zakat", laman sesawang *Harian Metro*, dicapai pada 5 Februari 2014, http://www.hmetro.com.my/articles/Syarikatbolehmohonagihzakat/Article.
[100] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Tidak Puas Hati?", 89.

Universiti Malaya

Soal selidik faktor Tindakan Kerajaan (TK) mempunyai 11 soalan. Soalan ini dibangunkan berdasarkan kepada indikator dan item yang telah dikenal pasti. Sebagaimana yang dibincangkan di dalam bab Kajian Literatur terdapat empat indikator bagi Tindakan Kerajaan iaitu memberikan insentif cukai sama ada rebat atau tolakan, galakan oleh Suruhanjaya Sekuriti Malaysia dan Bursa, kewajipan pembayaran dalam bentuk keputusan yang difatwakan (fatwa) dan penguatkuasaan undang-undang. Item bagi mengukur indikator dibangunkan berdasarkan kepada adaptasi kajian lalu, kajian literatur dan perbincangan dengan pakar. Perincian pembangunan soalan adalah dinyatakan di dalam Jadual 4.5.

Jadual 4.5 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian B

Indikator	**Item**	**Soalan**	**Bilangan Soalan**	**Kod Soalan**
Cukai	Rebat[101]	*Federal government allows 100% tax rebate for zakat payment like individual income tax.*	5	B1
		federal government allows partial tax rebate for zakat payment.		B2
		federal government allows tax rebate up to 2.5% from the aggregate income .		B3
	Tolakan Cukai[102]	*federal government allows 100% zakat payment as companies allowable tax expenses.*		B4
		federal government allows up to 10% zakat payment as an allowable tax expenses.		B5
Galakan	Galakan[103]	*Security Commission as a regulator encourages companies to pay zakat.*	1	B6

[101] Ruziah Ghazali, "Rebat Cukai Zakat Perniagaan: Keberkatan Dalam Pengurusan Kewangan Negara"

[102] Zaharah Salwati Baba, Hashim Jusoh, Habsah Muda dan Syed Mohd. Azmi Syed Ab Rahman "Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendapatan Perniagaan di Terengganu" Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari 11, no. 3 (2010), 97-113.

[103] Nik Nazli Nik Ahmad, Maliah Sulaiman dan Dodok Siswantoro, "Corporate Social Responsibility Disclosure in Malaysia: Analysis of Annual Report of KLSE Listed Companies", *IIUM Journal of Economics and Management* 11, no. 1 (2003), 1-34.

University of Malaya

Indikator	Item	Soalan	Bilangan Soalan	Kod Soalan
Fatwa	Fatwa Syarikat[104]	*Fatwa Committee provides clear ruling on zakat obligation for legal entities like public listed companies.*	3	B7
	Fatwa Pemilikan Bercampur [105]	*Fatwa Committee provides clear zakat ruling for muslim and non-muslim mix ownership companies.*		B8
	Fatwa Pemilikan Kerajaan[106]	Fatwa Committee provides clear zakat ruling on government ownership in public listed companies.		B9
Kuat kuasa	Tindakan Undang-undang[107]	federal government / religious council impose legal action for companies to pay zakat.	2	B10
	Kuat kuasa[108]	zakat payment is enforced on companies as per corporate tax.		B11

Sumber: Analisis Penyelidik

Soal selidik faktor Dorongan Dalaman (DD) mempunyai 16 soalan. Soalan ini dibangunkan berdasarkan kepada indikator dan item yang dikenal pasti. Sebagaimana dibincangkan di dalam bab Kajian Literatur terdapat tiga indikator bagi Dorongan Dalaman iaitu Kualiti Ahli Lembaga Pengarah, Komposisi Ahli Lembaga Pengarah termasuk pemegangan saham muslim dan prestasi kewangan syarikat. Item bagi mengukur indikator dibangunkan

[104] Mamat Taib, "Zakat Perniagaan: Satu Kajian di Lembaga Urusan dan Tabung Haji" (disertasi Sarjana Syariah, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2001), 146.

[105] e-fatwa, "Zakat Ke Atas Syarikat Yang Dimiliki Oleh Berbagai Jenis Pemegang Saham Yang Bercampur Muslim dan Non Muslim", laman sesawang *e-fatwa*, dicapai 21 Disember 2013. http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat-yang-dimiliki-oleh-berbagai-jenis-pemegang-saham-yang-bercam.

[106] e-fatwa, "Zakat Ke Atas Syarikat tersenarai awam" laman sesawang *e-fatwa*, dicapai 15 Januari 2014. http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/zakat-ke-atas-syarikat.

[107] Sanep Ahmad, Nor Ghani dan Zulkifli Daud, "Tax-Based Modelling of Zakat Compliance",101.

[108] Siti Mashitah Mahamood, "Sistem Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Realiti Dan Harapan" *(*Kertas Persidangan Zakat dan Cukai Peringkat Kebangsaan 2007, 22-24 Mei 2007, Kuala Lumpur).

University of Malaya

berdasarkan kepada adaptasi kajian lalu, kajian literatur dan perbincangan dengan pakar. Perincian pembangunan soalan adalah dinyatakan di dalam Jadual 4.6.

Jadual 4.6 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian C

Indikator	**Item**	**Soalan**	**Bilangan Soalan**	**Kod Soalan**
Faham	Faham [109]	*decision makers understand the obligation of paying zakat for the companies.*	8	C1
	Percaya[110]	*decision makers believe zakat payment can contribute for companies' growth.*		C2
	Tahu Pengiraan [111]	*decision makers understand zakat calculation method .*		C3
	Sedar[112]	*decision maker aware zakat can purify and cleanse the business.*		C4
		decision maker aware that zakat payment is a part of ibadah (worship).		C5
		decision maker aware that zakat for the company consider as debt to the Allah SWT.		C6
	Faham Kepentingan[113]	*decision makers understand about the importance of zakat*		C7
	Jelas tanggung jawab[114]	*decision makers clear on their responsibility towards paying zakat.*		C13
Komposisi Muslim		*majority decision makers are muslim.*	5	C8
		muslim has the majority shares.		C9

[109] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", 77.

[110] *Ibid.*

[111] Rosleem Nordin @ Bohari, "Pungutan Zakat Perniagaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur" (disertasi sarjana, Fakulti Ekonomi dan Pentadbiran, Universiti Malaya (2007), 130.

[112] Zainol Bidin dan Kamil Md. Idris, "The Role of Attitude and Subjective Norm on Intention to Comply Zakat on Employment Income", *IKaZ International Journal of Zakat* 1 no. 1, 2008.

[113] *Ibid.*

[114] *Ibid.*

University of Malaya

Indikator	Item	Soalan	Bilangan Soalan	Kod Soalan
	Majoriti Muslim[115]	*the number of muslim board members are more than non-muslim.*		C11
		the company controlled by muslim.		C12
	Polisi Syarikat	*paying zakat become company policy.*		C10
Prestasi Kewangan	Untung[116]	*companies meet their profit target.*	3	C14
		companies have positive net worth assets.		C15
		companies are able to pay high dividend to shareholders.		C16

Sumber: Analisis Penyelidik

Bagi Bahagian D iaitu kecenderungan Pembayaran Zakat penyelidik membangunkan sendiri item berdasarkan kepada indikator yang dikenal pasti. Indikator yang dikenal pasti adalah umum dan penyelidik mengadaptasi indikator yang umum ini dalam konteks pembayaran zakat. Tiga indikator kecenderungan mambayar zakat diadaptasi daripada Teori Planned Behaviour[117] yang dipopularkan oleh Icek Ajzen dan Teori Rasional Behaviour[118] yang di pelopori oleh Herbert A. Simon. Perincian perbincangan mengenai perkara ini dibuat di dalam perkara Aplikasi Teori Gelagat Membuat Keputusan di bab Kajian Literatur. Berdasarkan kedua teori ini penyelidik menggariskan tiga pengukuran bagi kecenderungan membayar zakat iaitu Inisiatif, Tanggapan dan Kepercayaan. Inisiatif adalah tindakan yang diambil seseorang itu apabila dia telah mempunyai kecenderungan. Oleh itu, jika seseorang

[115] Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi dan Agoos Munalis Tahir, "Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies" (makalah, 2nd International Conference on Business and Economic Research (2nd ICBER) Langkawi: 13-14 Mac 2011).
[116] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Mohd. Ali Mohd. Noor, "Kesedaran Membayar Zakat Pendapatan di Malaysia", *Islāmiyyāt* 29 (2007), 68.
[117] Ajzen, Icek, "The Theory of Planned Behavior", *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50 (1991), 180.
[118] Simon, Herbert A., *Administrative Behavior: A Study of Decision Making Process in Administrative Organization*, ix.

University of Malaya

itu telah mengambil tindakan ini bermakna seseorang itu telah mempunyai kecenderungan terhadap sesuatu. Pengukuran kedua adalah Tanggapan. Apabila seseorang itu mempunyai tanggapan yang betul terhadap sesuatu, maka dia mempunyai kecenderungan untuk melaksanakan tindakan dan dalam konteks kajian ini adalah membuat keputusan membayar zakat. Soalan berkaitan tanggapan dibuat dalam keadaan terbalik di mana jika responden memberi skor yang tinggi, bermakna kecenderungan mereka adalah sebaliknya. Pengukuran ketiga adalah Kepercayaan. Kepercayaan adalah sesuatu yang asas dalam mempengaruhi gelagat manusia berdasarkan kepada Teori Gelagat Terancang. Oleh itu, jika seseorang itu mempunyai kepercayaan terhadap kewajipan membayar zakat, maka dia akan cenderung kepada keputusan untuk membayar zakat. Perincian indikator Pembayaran Zakat adalah sebagaimana yang diperincikan di dalam Jadual 4.7.

Jadual 4.7 Perincian Indikator Borang Soal Selidik Bahagian D

Indikator	**Item**	**Soalan**	**Bilangan Soalan**	**Kod Soalan**
Inisiatif [119]	Cadang	*I will recommend for the company to pay zakat.*	5	D1
	Sokong	*I will support any proposal for the company to pay zakat.*		D2
	Pastikan	*I will ensure company pay zakat if it fulfills the condition.*		D3
	Pengaruhi	*I will influence other shareholders / directors /management / relevant party to consider zakat payment for the company.*		D4
	Ambil berat	*I am concern about zakat payment for the company.*		D5
Kesedaran [120]	Sedar	*I am aware that company should pay zakat*	3	D6
	Rasa bersalah	*I feel guilty if the company does not pay zakat.*		D7
	Rasa wajib	*I feel obliged for the company to pay zakat.*		D8

[119] Ajzen, Icek, "The Theory of Planned Behavior", *Organizational Behavior and Human Decision Processes*, 50: (1991), 180.

[120] *Ibid.*

University of Malaya

Indikator	Item	Soalan	Bilangan Soalan	Kod Soalan
Tanggapan [121]	Percaya	*I believe public listed company is not obliged to pay zakat.**	4	D9
		*I believe zakat is only imposed on individual; not the company.**		D10
	Cukai tidak memadai	*I believe company must only pay tax.**		D11
	CSR tidak memadai	*I believe corporate social responsibility (CSR) activities is adequate contribution to the community.**		D12

Nota: * Soalan ini adalah soalan yang dibuat secara terbalik bagi menguji tanggapan responden terhadap membuat keputusan membayar zakat.

Sumber: Analisis Penyelidik

4.5.8 Pengesahan Instrumen

Penyelidik telah membuat pertemuan dengan enam orang pakar dalam pelbagai bidang untuk membuat semakan keseluruhan borang yang mana adalah terdiri daripada seorang Ketua Pegawai Eksekutif,[122] seorang Ketua Pegawai Kewangan,[123] seorang Pengurus Besar Kewangan.[124] dua orang ahli akademik,[125] dan seorang pakar dalam bidang statistik khusus dalam bidang Structural Equation Modelling.[126] Mereka dipilih berdasarkan kepada pengalaman luas mereka di dalam pelbagai bidang dan kesediaan mereka untuk memberi sumbangan kepakaran bagi membantu kajian ini. Semakan yang dibuat oleh mereka adalah secara intensif dan menyeluruh. Oleh sebab mereka terdiri daripada pelbagai bidang, maka masing-masing memberi penekanan kepada aspek kemahiran masing-masing. Dengan

[121] *Ibid.*

[122] Mohamed Izam Mohamed Yusof (Ketua Pegawai Eksekutif, Lembaga Zakat Selangor).

[123] Nadzra Hashim (Ketua Pegawai Kewangan, Progressive Impact Corporations).

[124] Mohd. Nasarudin Ismail (Pengurus Besar Kewangan, Lembaga Zakat Selangor).

[125] Dr. Ilhamie Abdul Ghani Azmi (Prof. Madya, Jabatan Syariah dan Pentadbiran Universiti Malaya) dan Dr. Asmak Abdul Rahman (Jabatan Syariah dan Ekonomi, Universiti Malaya).

[126] Dr. Zainuddin Awang (Professor, Fakulti Ekonomi dan Pengurusan, Universiti Sultan Zainal Abidin).

University of Malaya

kerjasama pakar, proses semakan terhadap borag soal selidik telah berjaya dijalankan dan penambahbaikan dibuat beberapa kali sehingga borang yang diperolehi boleh dikira sempurna.

Seterusnya, borang soal selidik dibuat Praujian. Melalui proses ini borang yang dibuat penambahbaikan dan boleh dikira sebagai hampir muktamad diedarkan pula kepada empat orang lagi pakar iaitu dua orang rujukan dari institusi zakat,[127] dan seorang pengurusan atasan.[128] Selain itu, 10 set borang telah diuji dengan diedarkan kepada sebuah PLC[129] untuk diedarkan kepada 10 pembuat keputusan yang terlibat dalam pembayaran zakat untuk memastikan kesesuaian keseluruhan borang. Tiada sebarang pindaan lagi dibuat dalam proses Praujian dan penyelidik berpuas hati dengan borang soal selidik yang akan digunakan. Proses pengesahan instrumen kajian kuantitatif fasa 2 diilustrasikan di dalam Rajah 4.5.

Rajah 4.6 Proses Pengesahan Instrumen



[127] Mohd. Sabirin Sarbini (Pengurus, Sektor Perniagaan, Lembaga Zakat Selangor) dalam temu bual pada 5 Jun 2012.

[128] Amran Zakaria (Pengurus Besar, Pejabat Pentadbiran dan Sumber Manusia, Lembaga Zakat Selangor).

[129] PLC ini adalah sebuah PLC yang membayar zakat melalui anak syarikat dan bukan melalui syarikat induk. Oleh itu syarikat ini tidak termasuk di dalam skop kajian tetapi boleh dijadikan sandaran untuk tujuan pengujian. Nama PLC ini tidak dinyatakan atas persetujuan bersama.

University of Malaya

Sumber: Analisis Penyelidik

4.5.9 Kajian Rintis

Kajian rintis adalah kajian awalan terhadap soal selidik sebenar bagi memastikan soal selidik adalah instrumen yang boleh disandari untuk penyelidikan sebenar.[130] Borang soal selidik hendaklah diedarkan kepada responden yang mempunyai ciri yang hampir sama dengan populasi sebenar bagi melihat tahap kebolehpercayaan variabel kajian berdasarkan kepada soalan-soalan yang dikemukakan.[131]

Bagi tujuan ini penyelidik telah mengenal pasti tiga buah syarikat PLC yang membayar zakat melalui anak syarikat. Syarikat ini tidak termasuk di dalam skop kajian kerana kajian ini mengambil skop pembayaran zakat oleh syarikat induk. Maklumat pembayaran zakat mereka diperolehi dengan kerjasama institusi zakat dan pengedaran borang telah dibuat melalui bantuan kakitangan institusi zakat. Nama syarikat tidak dinyatakan atas persetujuan bersama. Sebanyak 30 borang diedarkan dan 25 borang dikembalikan.

Ujian kebolehpercayaan digunakan untuk mengukur sejauh mana item, skala atau instrumen yang digunakan akan menghasilkan dapatan yang hampir sama dengan kajian yang sebenar. Kajian rintis ini menggunakan perisian SPSS untuk membuat ujian kebolehpercayaan. Ujian kebolehpercayaan ini diukur melalui nilai konsistensi dalaman yang diukur dengan membuat semakan di antara indikator-indikator di dalam soal selidik yang digunakan. Kaedah yang paling popular kini digunakan adalah dengan mendapatkan nilai alfa Cronbach. Nilai alfa Cronbach dizahirkan melalui korelasi koefisien dengan julat nilai

---

[130] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research: Quantitative, Qualitative and Mixed Approaches* (USA: Sage Publication Inc., 2008), 189.

[131] McMillan, James H. dan Schumacher, Sally, "*Research in Education: Evidence-Based Inquiry*" ed.ke-6 (USA: Pearson Education Inc.2006), 235.

University of Malaya

antara 0 hingga +1. Nilai alfa 0.6 hingga 0.7 adalah boleh diterima bagi kajian penerokaan[132] sebagaimana kajian ini.

Keputusan ujian rintis adalah sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 4.8. Jumlah soalan yang digunakan untuk Peranan Institusi Zakat adalah 22 dan nilai kebolehpercayaan adalah 0.71574; jumlah soalan bagi Tindakan Kerajaan adalah 12 dan nilai alfa Cronbach adalah 0.794; jumlah soalan bagi Dorongan Dalaman adalah 16 dan nilai kebolehpercayaan adalah 0.776 dan jumlah bagi Pembayaran zakat adalah 16 dan nilai kebolehsandaran adalah 0.611. Berdasarkan kepada keputusan ujian kebolehpercayaan ini, maka soal selidik sedia untuk digunakan di kajian lapangan yang sebenar.

Jadual 4.8 Keputusan Ujian Kebolehpercayaan Instrumen

Konstruk	**Bilangan Soalan**	**Nilai Alfa Cronbach**	**Status**
Peranan Institusi Zakat	22	0.716	Diterima
Tindakan Kerajaan	11	0.794	Diterima
Dorongan Dalaman	16	0.776	Diterima
Pembayaran Zakat	12	0.611	Diterima

Sumber: Analisis Penyelidik

4.5.10 Pengumpulan Data

Sebagaimana yang telah dijelaskan, kajian ini mengambil semua PLC yang membayar zakat untuk tujuan pengedaran borang soal selidik. Oleh itu, penyelidik telah mengkaji latar belakang syarikat untuk mengenal pasti individu yang dirasakan paling boleh memberi kerjasama untuk dibuat temu janji dan seterusnya mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang menepati ciri yang telah ditetapkan. Individu yang dipilih biasanya dari jawatan Ketua Pegawai Kewangan. Jika Ketua Pegawai Kewangan tersebut tidak beragama Islam, penyelidik akan memilih Ketua Pegawai Eksekutif atau salah seorang ahli lembaga pengarah muslim.

[132] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*), 102.

University of Malaya

Surat yang dihantar menggunakan kepala surat Jabatan Syariah dan Ekonomi, Akademi Pengajian Islam Universiti Malaya. Semua surat dibuat dalam bentuk format PDF dan dihantar melalui emel. Daripada 17 syarikat yang dihubungi 14 syarikat yang bersetuju untuk sesi temu janji. Sesi temu janji tersebut dibuat bagi memenuhi dua tujuan iaitu bagi tujuan kajian kualitatif kajian ini dan bagi tujuan memohon bantuan untuk mengedarkan borang soal selidik kepada responden yang ditetapkan. Hanya 13 syarikat sahaja yang bersetuju untuk memberi kerjasama untuk mengedarkan borang soal selidik. Setiap syarikat menerima 10 borang soal selidik dan jumlah borang soal selidik yang berjaya diedarkan adalah sebanyak 130 borang. Proses pengedaran dan pengumpulan borang ini dibuat selama tiga bulan iaitu mulai Jun hingga Ogos 2015. Maklumat pengedaran borang soal selidik dan borang yang dikembalikan dinyatakan sebagaimana di dalam Jadual 4.9. Borang soal selidik tidak boleh diedarkan terus oleh penyelidik tanpa melalui personel dalaman syarikat.

Jadual 4.9 Rekod Pengedaran dan Pemulangan Borang Soal Selidik

Bil	**Nama Syarikat**	**Borang diedar**	**Borang kembali**	**Kadar (%)**	**Borang Lengkap**	**Kadar (%)**
1	MSM Malaysia Holdings Bhd	10	7	70	7	100
2	UMW Holdings Bhd	10	8	80	8	100
3	Merge Energy Bhd	10	10	100	10	100
4	UEM Edgenta Bhd	10	9	90	8	89
5	MMC Corporation Bhd	10	8	80	8	100
6	Pharmaniaga Bhd	10	8	80	8	100
7	Telekom Malaysia Bhd	10	10	100	10	100
8	Tenaga Nasional Bhd	10	10	100	10	100
9	Utusan Melayu (M) Bhd	10	9	90	8	89
10	Felda Global Ventures Holdings Bhd	10	9	90	9	100
11	TH Plantations Bhd	10	9	90	9	100
12	BIMB Holdings Bhd	10	9	90	9	100
13	Sykt Takaful Malaysia Bhd	10	9	90	9	100
Jumlah		130	115	88	113	98

Sumber: Analisis Penyelidik

University of Malaya

Proses pengedaran dan kutipan borang adalah melalui serahan tangan kepada semua syarikat dan kakitangan yang terlibat untuk menguruskannya. Daripada 130 borang yang diedarkan 115 borang berjaya dikembalikan iaitu pada kadar 88% kadar respons. Ini adalah satu pencapaian yang baik kerana pengedaran dan susulan borang dibuat oleh kakitangan syarikat itu sendiri dan penyelidik menyediakan cenderamata kecil sebagai tanda penghargaan kepada responden.

4.5.11 Pengurusan data

Setelah data diperolehi, ia dikodkan, dibuat kemasukan data dan diedit jika perlu dan perisian SPSS digunakan bagi tujuan ini. Proses pengekodan dibuat dengan meletakkan nombor bagi setiap borang yang diterima begitu juga dengan setiap soalan di dalam borang soal selidik. Apabila kedua langkah ini selesai maka, langkah kemasukan data dibuat. Proses saringan data dibuat dengan membuat semakan ke atas semua data yang dimasukkan. Daripada 115 borang yang dikemas kini kajian ini mendapati terdapat 2 borang yang tidak lengkap kerana responden tertinggal dua muka surat daripada enam muka surat yang sepatutnya dilengkapkan. Uma Sekaran dan Roger Bougie menyarankan supaya mana-mana soal selidik yang tidak diisi melebihi 25% responden tersebut tidak dikira untuk tujuan analisis data.[133] Manakala Joseph F. Hair (2014) pula mencadangkan kehilangan data tidak boleh melebihi 15%.[134] Semakan lain yang dibuat adalah kewujudan nilai terpencil (outlier), maklum balas yang mencurigakan dan kemasukan data yang salah.[135] Setelah semua langkah ini selesai, kajian ini membuat deklarasi bahawa data yang dikemas kini adalah bersih dan boleh untuk dianalisis bagi tujuan seterusnya.

---

[133] Sekaran, Uma dan Bougie, Roger, *Research Method for Business*, ed.ke-5 (United Kingdom: John Wiley and Son Ltd, 2011), 310.

[134] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*, 51.

[135] *Ibid*.,51-53.

University of Malaya

4.5.12 Analisis Data

Analisis statistik merupakan salah satu instrumen penting kepada para penyelidik dalam bidang sains sosial bagi mendapatkan jawapan kepada pelbagai permasalahan kajian. Penggunaan analisis statistik semakin berkembang maju dan pesat selaras dengan perkembangan teknologi maklumat masa kini sama ada dalam konteks perkakasan komputer, perisian dan metod capai yang mesra pengguna. Perkembangan teknologi ini dimanfaatkan sepenuhnya oleh bidang analisis statistik di mana pelbagai kekangan analisis statistik masa lalu kini dapat diatasi.[136] Kini wujud Teknik Generasi Kedua (*Second Generation Technique*) untuk mengatasi limitasi Teknik Generasi Pertama (*First Generation Technique*). Teknik Generasi Kedua ini dikenali dengan nama Structural Equation Modelling (SEM) yang membolehkan penyelidik menggabungkan variabel yang tidak boleh diamati diukur secara tidak langsung menggunakan indikator variabel.[137]

SEM mempunyai dua jenis iaitu SEM yang berasaskan Co-varian (CB-SEM) dan Partial Least Squares SEM (PLS-SEM). Perbezaan ketara antara keduanya ialah CB-SEM digunakan untuk mengesahkan atau menolak sesuatu teori hubungan. Manakala PLS-SEM digunakan untuk membangunkan teori dalam kajian yang berbentuk eksploratori.[138] Selain itu, CB-SEM memerlukan andaian taburan data adalah normal, manakala bagi PLS-SEM andaian taburan data normal adalah tidak diperlukan.[139]

Sesuai dengan objektif kajian, maka PLS-SEM digunakan sebagai instrumen analisis data kajian ini. PLS-SEM mempunyai kelebihan dari aspek kemampuannya membuat analisis dalam keadaan saiz sampel yang kecil, agihan data yang tidak normal dan ia mudah

---

[136] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM),* 2.
[137] *Ibid.,* 4.
[138] *Ibid.*
[139] *Ibid.,*16

University of Malaya

untuk menjalankan ujian model reflektif dan formatif sebagaimana kajian ini nanti.[140] Kajian ini menggunakan aplikasi SmartPLS versi 3.0 bagi tujuan analisis PLS-SEM dan IBM SPSS versi 21.0 bagi tujuan analisis deskriptif dan Analisis Penerokaan Faktor (EFA).

Kaedah analisis data terbahagi kepada tiga perkara utama iaitu analisis deskriptif, Analisis Penerokaan Faktor (EFA) dan analisis Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM).

4.5.12 Analisis Deskriptif

Kajian ini memanfaatkan teknik analisis deskriptif bagi membuat analisis kajian. Ia dibuat dalam bentuk jadual dengan melaporkan tentang kekerapan dan kadar kekerapan bagi memberikan gambaran terhadap profil responden. Kajian ini turut menggunakan kaedah peratusan, median, min dan sisihan piawai (*standard deviation*) untuk memberi gambaran keseluruhan item pada setiap dimensi faktor. Kaedah purata juga digunakan untuk mengenal pasti faktor yang paling cenderung terhadap pembayaran zakat perniagaan dalam syarikat tersenarai awam.

4.5.13 Analisis Penerokaan Faktor (EFA)

EFA ini diambil dari istilah Exploratory Factor Analysis dan ia digunakan bagi mengenal pasti item-item yang mendokong sesuatu indikator. EFA dapat mengenal pasti struktur faktor daripada item-item soalan soal selidik. Melalui ujian EFA item yang memiliki ciri yang hampir serupa dikumpulkan di bawah satu indikator. Oleh itu, indikator dan komponen indikator yang dicari akan dapat diperolehi melalui ujian ini.[141] Struktur faktor kepada setiap konstruk dibangunkan secara berasingan berasaskan kepada kaedah mengakstrak indikator asas (*principal component*) dengan teknik penggiliran varimax (*varimax rotation technique*).

---

[140] *Ibid.*
[141] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Data Analysis*,196.

University of Malaya

Langkah permulaan yang diambil adalah dengan memastikan data yang diperolehi adalah sesuai untuk dibuat pengujian EFA. Kajian ini menggunakan Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) bagi melihat kecukupan bilangan sampel untuk semua faktor. Ia dilakukan dengan mendapatkan nilai yang diperolehi dari analisis data melalui perisian SPSS. Nilai 0.5-0.7 adalah Memuaskan; nilai 0.7-0.8 adalah Baik; nilai 0.8-0.9 adalah Sangat Baik; dan nilai melebihi 0.9 adalah Cemerlang.[142] Seterusnya, kajian ini juga turut melihat nilai ujian keseferaan Bartlett (*Bartlett's test of sphericity*). Ujian Bartlett ini adalah ujian bagi mengukur kewujudan interkorelasi sesama variabel. Ujian Bartlett yang signifikan (sig <.05) menunjukkan korelasi yang mencukupi di kalangan variabel untuk dibuat ujian seterusnya.[143] Dalam erti kata lain, ia adalah satu kaedah semakan bagi memastikan variabel saling berkorelasi.

Seterusnya, kajian ini akan mengenal pasti bilangan faktor dan indikator yang mendokongi setiap faktor. Ia dibuat melalui proses *Principal Component Analysis* melalui perisisan SPSS. Melalui langkah ini nilai Eigen (*eigenvalues*), nilai varian terkumpul (*Cummulative Variance Explained*) dan carta Scree digunakan untuk dianalisis.[144] Kajian ini turut membuat Analisis Selari *(Parallell Analysis*) bagi tujuan pengesahan indikator dengan membuat perbandingan nilai Eigen yang diperolehi dengan nilai Eigen yang diperolehi melalui Analisis Selari.[145] Analisis Selari ini adalah teknik simulasi Monte Carlo yang kerap

[142] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS*, 647.

[143] Yong, An Gie dan Pearce, Sean, "A Beginner's Guide to Factor Analysis: Focusing on Exploratory Factor Analysis", *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology* 9 no. 2 (2013), 88.

[144] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no. 3 (2010), 6.

[145] Kuik, P., Blaauw, M., Sloof, J.E., Wolterbeek, H.Th., "The Use of Monte Carlo Methods in Factor Analysis", *Atmospheric Environment* 27, no. 13 (1993), 1967-1974.

University of Malaya

digunakan bagi menentukan bilangan faktor di dalam EFA.[146] Langkah yang diambil oleh kajian ini bagi menjalankan EFA diperincikan di dalam Jadual 4.10.

Jadual 4.10 Pelaksanaan Analisis Penerokaan Faktor (EFA)

Bil	**Tujuan**	**Instrumen**	**Pelaksanaan**
a	Menguji saiz pensampelan	Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)	Kedua instrumen ini adalah praujian bagi melaksanakan EFA. Ia menguji sama ada pensampelan adalah mencukupi dan memenuhi ciri inter-korelasi. Jika memenuhi, ujian EFA boleh diteruskan[147] Indeks KMO yang diterima adalah apabila melebihi 0.5.Manakala bagi ujian Bartlett nilai yang diperolehi hendaklah < 0.05[148]
		Ujian Bartlett (*Barlett's Test*)	
b.	Menganalisis bilangan faktor	Analisis nilai Eigen (Eigenvalue)	Nilai Eigen ini diperlukan bagi menguji kebolehpercayaan setiap indikator. Jika nilanya $\geq$ 1, maka indikator tersebut boleh diterima.[149]
		Analisis Varians Terkumpul *(AVE)*	Mengesahkan analisis nilai Eigen bagi memastikan kebolehterimaan setiap indikator yang akan digunakan di dalam model. Bagi membuat pengesahan, jumlah terkumpul varian bagi indikator-indikator yang diterima melalui analisis Eigen hendaklah $\geq$ 50%.[150]
		Ujian Scree	Ujian ini dibuat untuk mengesahkan lagi dapatan melalui analisis nilai Eigen dan analisis Cummulative Varience Explained. Ia dilakukan dengan melihat Rajah Scree yang dihasilkan melalui perisian SPSS. Indikator yang diterima ialah apabila ia terkeluar daripada garisan yang ditetapkan.[151]

[146] Ledesma, Ruben Daniel dan Valero-Mora, Pedro, "Determining the Number of Factors to Retain in EFA: an Easy-to-use Computer Program for Carrying out Parallel Analysis", *Practical Assessment, Research and Evaluation* 12, no. 2 (2007),1-11.

[147] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Data Analysis* (Shah Alam: UiTM Press, 2012),196.

[148] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS* ed.ke-3 (London: Sage Publications, 2009), 659-660.

[149] Costello, Anna B. dan Osborne, Jason W., "Best Practice in Exploratory Factor Analysis: Four Recommendations for Getting the Most from Your Analysis", *Practical Assessment Research Evaluation* 10, no.7 (2003), 6.

[150] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A five step guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no.3 (2010) 6.

[151] *Ibid*., 7.

University of Malaya

		Ujian Selari (Parellel Analysis)	Analisis Selari dibuat bagi mengesahkan indikator yang dikenal pasti iaitu dengan membuat perbandingan nilai Eigen yang diperolehi dengan nilai Eigen yang diperolehi melalui Analisis Selari.[152]
c.	Mengenal pasti item untuk mendokongi faktor	Analisis muatan faktor	Menguji tahap kebolehpercayaan setiap item bagi setiap indikator dan mengenal pasti item yang benar-benar kukuh untuk menjadi item bagi setap indikator. Muatan minimum bagi sesuatu item adalah 0.32[153] Namun kadar 0.5 dan ke atas adalah lebih baik[154] dan kajian ini menggunakan nilai ini sebagai kriteria untuk penerimaan nilai muatan faktor.
		Nilai alfa Cronbach	Menguji konsistensi dalaman bagi memastikan item yang dikumpulkan melepasi tahap minimum penerimaan yang dipersetujui bagi membina satu faktor.[155] Tahap minimum yang biasa digunakan adalah 0.6.[156] Namun begitu, kajian ini mengambil nilai 0.55 sebagai nilai yang boleh diterima kerana jika ia digenapkan ia juga akan menjadi 0.6.
		Nilai komunaliti	Nilai komunaliti menunjukkan setakat mana sesuatu item itu saling berkait bagi mendokongi sesuatu faktor. Semakin tinggi nilai komunaliti, semakin kuat perkaitan yang wujud. Nilai yang diterima apabila $\geq$ 0.4. Jika nilainya adalah rendah (kurang daripada 0.4) ini bermakna item berkenaan kurang mendokong faktor yang diukur.[157]
d.	Melihat prestasi dan gambaran keseluruhan	Analisis Deskriptif setiap konstruk	Memberikan gambaran yang jelas tentang kedudukan setiap konstruk, indikator dan item.

Sumber: Analisis Penyelidik

[152] Kuik, P., Blaauw, M., Sloof, J.E., Wolterbeek, H.Th., "The Use of Monte Carlo Methods in Factor Analysis", Atmospheric Environment 27, no. 13 (1993), 1967-1974.

[153] Tabachnick, Barbara G. dan Fidell, Linda S., *Using Multivariate Statistics* (New York: Harper & Row, 1983), 649.

[154] Costello, Anna B. dan Osborne, Jason W., "Best Practice in Exploratory Factor Analysis: Four Recommendations for Getting the Most From Your Analysis", 4.

[155] *Ibid*., 673.

[156] Zainudin Awang, *Research Methodology and Data Analysis* (Shah Alam: UiTM Press, 2012),197.

[157] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS* ed.ke-3, 638.

4.5.14 Analisis Taburan Data

Tahap kenormalan data diperlukan bagi menentukan jenis ujian yang dijalankan. Bagi taburan data normal ujian berbentuk Parametrik digunakan dan bagi kajian yang mempunyai taburan data tidak normal, ujian nonparametrik diperlukan. Oleh kerana kajian ini menggunakan kaedah PLS-SEM, ia tidak memerlukan andaian taburan data adalah normal kerana salah satu kelebihan PLS-SEM adalah ia berkemampuan menganalisis data yang mempunyai taburan tidak normal.[158] Namun begitu, kajian ini turut ingin melihat keadaan taburan data yang diperolehi. Oleh itu, kajian ini membuat penilaian terhadap tahap kenormalan data melalui dua ujian iaitu ujian kecondongan (*Skewness*) dan ujian kurtosis.

4.5.14(a) Ujian Kecondongan

Mengukur tahap kecondongan taburan data. Nilai tahap kecondongan yang normal adalah dari julat -0.1 hingga 0.1.[159] Istilah yang digunakan di dalam SEM adalah *Skewness*. Jika nilai yang diperoleh di luar daripada julat ini maka, ini menunjukkan data tidak berada di dalam keadaan normal.

4.5.14(b) Ujian Kurtosis

Kurtosis adalah keadaan taburan data yang tidak normal iaitu sama ada lengkuk taburan berada di atas (melebihi) lengkuk taburan normal dikenali dengan nama *Leptokurtik* atau lengkuk taburan berada di bawah (rendah daripada) lengkuk taburan normal di kenali dengan nama *Platykurtik*.[160] Jika nilai yang diperolehi bagi sesuatu item adalah di antara -1 hingga +1 maka ia berada di dalam taburan yang normal. Dalam erti kala lain, jika nilai yang

---

[158] Chin, Wynne W. dan Newsted, Peter R., "Structural Equation Modeling Analysis With Small Samples Using Partial Least Squares",309.

[159] Zainudin Awang, *Research Methodology and Data Analysis*, 200.

[160] DeCarlo, Lawrence T., "On the Meaning and Use of Kurtosis", *Psychological Methods* 2, no. (1997), 292-307.

University of Malaya

diperolehi adalah di luar daripada -1 hingga +1, maka ia berada di dalam taburan tidak normal.[161]

4.5.15 Analisis Partial Least Squares - Structural Equation Modeling (PLS-SEM)

SEM adalah satu instrumen yang membuat analisis di antara konstruk endogenous (pemboleh ubah bersandar) dengan konstruk eksogen (pemboleh ubah tidak bersandar) dalam bentuk kajian hubungan di dalam satu model. Pelaksanaan PLS-SEM dalam kajian merangkumi lapan langkah yang dicadangkan sebagaimana di dalam Rajah 4.7.

Rajah 4.7 Prosedur Sistematik Aplikasi PLS-SEM



Sumber: Joseph F. Hair, 2014[162]

[161] Zainudin Awang, *Research Methodology and Data Analysis*, 200.
[162] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modeling (PLS-SEM)*, 25.

4.5.15(a) Penetapan Model Berstruktur

Langkah 1 adalah proses paling awal iaitu proses Penetapan Model. Pengetahuan saintifik tentang sesuatu realiti didatangkan dalam bentuk model. Model ini dibangunkan melalui dua elemen asas iaitu teori dan empirikal. Usaha menemukan di antara teori dan empirikal dinamakan penetapan model.[163] Penetapan model yang dimaksudkan di sini adalah merujuk kepada model laluan yang digambarkan melalui satu rajah yang menunjukkan hubungan di antara konstruk-konstruk berdasarkan kepada teori dan logik untuk menggambarkan secara visual hipotesis yang akan diuji.[164] Kajian ini membuat penetapan model ini di bahagian Konseptual Kajian dengan membangunkan satu model cadangan berdasarkan kepada kajian literatur dan logik penyelidik.

4.5.15(b) Penetapan Pengukuran Model

Penetapan Pengukuran Model melibatkan proses penentuan jenis hubungan di antara konstruk dengan indikator yang mendokonginya atau ia disebut Model Luaran di dalam PLS-SEM. Pembentukan model luaran ini terbahagi kepada dua sama ada model Reflektif dan model Formatif sebagaimana yang diterangkan di dalam Rajah 4.8. Dalam sesebuah model reflektif, indikator adalah merupakan ciri-ciri kepada sesuatu konstruk dan indikator-indikator hendaklah saling berkorelasi di antara satu sama lain. Selain itu, dalam model reflektif sesuatu item sepatutnya boleh saling bertukar ganti dan mana-mana item secara umumnya boleh digugurkan tanpa mengubah makna sesuatu konstruk.[165] Model Reflektif diilustrasikan dengan anak panah adalah daripada konstruk kepada indikator.

---

[163] Lohmoller, Jan-Bernd, Latent, *Variable Path Modelig with Partial Least Squares* (Heidleberg: Physica-Verlag, 1989), 13.
[164] *Ibid*., 33.
[165] *Ibid*., 43.

University of Malaya

Rajah 4.8 Ilustrasi Model Luaran vs Model Berstruktur (Model Dalaman) dan Model Reflektif vs Model Formatif



Sumber: Adaptasi daripada Ken Kwong-Kay Wong (2013)[166] dan Joseph H. Hair (2014)[167]

Berdasarkan kepada Rajah 4.8 dengan merujuk kepada model cadangan, kajian ini adalah berbentuk reflektif di mana indikator-indikator yang dibangunkan bagi kajian ini adalah menepati ciri model reflektif sebagaimana yang dijelaskan di atas. Sehubungan itu penilaian model reflektif digunakan bagi kajian ini.

Seterusnya, analisis PLS-SEM mengandungi dua jenis analisis model yang saling berkaitan dan boleh dicapai secara serentak[168] iaitu Pengukuran Model Luaran (*Outer Model*) yang merujuk kepada hubungan di antara indikator atau indikator yang diamati secara empirikal dengan konstruk (variabel latent) dan pengukuran Model Berstruktur (*Structural Model*) yang juga dikenali sebagai model dalaman (*Inner Model*) iaitu hubungan di antara variabel latent (konstruk) yang bersandar dengan variabel latent tidak bersandar. Penerangan mengenai kedua submodel ini diilustrasikan di dalam Rajah 4.9.

[166] *Ibid.*, 2.

[167] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*, 59.

[168] Ken Kwong-Kay Wong, "Partial Least Squares Equation Modeling (PLS-SEM) Techniques Using SmartPLS", *Marketing Bulletin* 24, *Technical Note* 1 (2013), 1.

University of Malaya

Model yang dibangunkan ini melibatkan model luaran dan model dalaman dan analisis data yang dibuat akan mengikut model ini. Model dalaman di dalam konteks kajian ini adalah perkaitan di antara empat variabel konstruk iaitu PIZ, DD, PK dan PZ. Manakala model luaran pula adalah hubungan di antara indikator yang mendokongi setiap konstruk sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 4.9.

Rajah 4.9 Aplikasi Model Dalaman dan Model Luaran



Sumber: Analisis Penyelidik

4.5.15(c) Kutipan Data dan Pengujian

Langkah 3 adalah kutipan data dan pengujian. Perkara utama yang perlu dipastikan adalah elemen data ralat. Ia amat perlu ditangani dengan baik. Empat perkara amat perlu dipastikan

University of Malaya

iaitu kehilangan data, maklum balas yang meragukan, outlier dan agihan data.[169] Kaedah pelaksanaan Langkah 3 bagi kajian ini dibincangkan di bawah tajuk Pengurusan Data.

4.5.15(d) Penganggaran Model laluan PLS

Langkah 4 adalah Anggaran Model. Anggaran model dibuat melalui konsep Algoritma (*Algorithm*).[170] PLS-SEM algoritma menggunakan data empirikal sebagai asas membangunkan indikator dan menentukan skor bagi satu-satu konstruk, koefisien bagi laluan, muatan dan pemberat bagi satu-satu faktor dan nilai R^2. Secara khusus, selepas mengenal pasti skor bagi sesuatu konstruk PLS-SEM algoritma akan mengukur hubungan di antara indikator dengan konstruk, kemudian mengukur koefisien laluan iaitu hubungan di antara konstruk dengan model berstruktur bersama-sama mendapatkan nilai R^2 bagi konstruk endogen. Semua keputusan adalah dalam bentuk satu skor yang selaras supaya boleh dibuat perbandingan di antara satu dengan yang lain.[171]

4.5.15(e) Penilaian dan Pengukuran Model Reflektif/Formatif

Langkah 5 adalah Penilaian PLS-SEM di dalam Pengukuran Model Reflektif/Formatif. Merujuk kepada model cadangan, model kajian ini dibuat berbentuk reflektif di mana pengukuran model reflektif sahaja yang berkenaan untuk kajian ini. Penilaian model reflektif dibuat menggunakan empat pengukuran iaitu kebolehpercayaan indikator, kebolehpercayaan konsistensi dalaman, kesahan tumpuan (purata varian yang diekstrak) dan kesahan diskriminan.[172]

Model yang dibangunkan adalah berbentuk model berhierarki (*Hierarchical Model*) yang mempunyai dua peringkat dengan menggunakan kaedah pengukuran model Reflektif-

---

[169] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*, 48-53.
[170] *Ibid.*, 80.
[171] *Ibid*., 88.
[172] *Ibid*., 97.

University of Malaya

reflektif.[173] Peringkat pertama adalah di antara item di dalam soal selidik dengan indikator. Peringkat kedua adalah indikator (komponen) dengan konstruk (variabel). Kedua peringkat ini menggunakan pengukuran model reflektif yang dibuat melalui kaedah pengujian dua peringkat (*two stage approach*).[174] Kelebihan pendekatan dua peringkat adalah skor variabel pendam ditentukan oleh PLS-SEM. Hasil skor pengujian peringkat pertama digunakan bagi peringkat kedua.[175]

Kajian ini tidak membuat penerangan berkaitan model formatif kerana ia tidak berkaitan dengan pelaksanaan kajian. Ringkasan penerangan mengenai empat pengukuran yang diperlukan adalah sebagaimana di dalam Jadual 4.11.

Jadual 4.11 Pelaksanaan Penilaian Model

Pengujian		Tujuan	Nilai Yang Diambil
Kebolehpercayaan (*Reliability*)	Kebolehpercayaan Indikator	Mengukur tahap keboleh terimaan sesuatu indikator	Nilai muatan luaran diiambil untuk penilaian. Item boleh diterima jika melebihi 0.7. Nilai yang baik adalah apabila melebihi 0.708. Bagi item yang mempunyai nilai yang kurang daripada 0.7, item tersebut hendaklah dikeluarkan.[176]
	Konsistensi Dalaman	Mengukur konsistensi dalaman sesuatu indikator	Nilai kebolehpercayaan komposit/ Composite Reliability (CR) digunakan. Nilai CR hendaklah > 0.708. Nilai CR = 0.6 – 0.7; adalah boleh diterima. Nilai CR = 0.7 – 0.9; adalah memuaskan. Nilai CR > 0.9 menunjukkan semua indikator mengukur perkara yang sama.[177]
Kesahan (*Validity*)	Kesahan Tumpuan	Mengukur tahap tindak balas sesama indikator	Nilai yang diambil adalah nilai Average Variance Extracted (AVE). Nilai AVE hendaklah > 0.5.[178]

[173] *Ibid*., 231.

[174] Henseler, Jörg dan Fassott, George, "Testing Moderating Effects in PLS Path Models: An Illustration of Available Procedures" dalam *Handbook of Partial Least Squares: Concepts, Method and Applications* ed. V. Esposito Vinzi et al. (Berlin: Springer, 2010),724-725.

[175] Backer, Jan-Michael, Klien, Kristina dan Wetzels, Martin, "Hierarchical Latent Variable Model in PLS-SEM: Guidelines for Using Reflective-Formative Type Models" *Long Range Planning* 45 (2012), 365.

[176] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*,103.

[177] *Ibid*.,102.

[178] *Ibid*.

University of Malaya

Pengujian		Tujuan	Nilai Yang Diambil
	Kesahan Diskriminan	Mengukur tahap perbezaan sesama indikator	a. Nilai Muatan Silang (*Cross Loadings*) Nilai Muatan Silang sesuatu indikator hendaklah lebih besar daripada nilainya bersama indikator lain b. Kriteria Fornell-Larcker Nilai Punca kuasa dua AVE hendaklah > nilai rantaian korelasi di kalangan konstruk.[179]

Sumber: Diadaptasi dari Joseph F. Hair (2014)[180]

4.5.15(f) Penilaian Model Berstruktur

Langkah 6 adalah Penilaian Model Berstruktur. Penilaian ini dibuat bagi menentukan setakat mana data empirikal menyokong teori atau konsep supaya hasil kajian dapat membuat keputusan sama ada teori dan konsep yang dibangunkan adalah pasti. Bagi tujuan ini kunci yang dicari adalah nilai koefisien laluan (*path coefisien*) dan nilai R^2 . Setelah konstruk yang dibangunkan adalah menepati ciri kebolehpercayaan dan kesahan, yang sepatutnya, maka peringkat seterusnya adalah membuat penilaian terhadap model berstruktur. Prosedur membuat penilaian model berstruktur melalui PLS ini dibuat melalui lima langkah sebagaimana yang diilustrasikan di dalam Rajah 4.10.

[179] *Ibid*., 105.
[180] *Ibid*.,107.

University of Malaya

Rajah 4.10 Prosedur Penilaian Model Berstruktur



Sumber: Joseph F. Hair (2014)[181]

4.5.15(g) Analisis Lanjutan PLS-SEM

Langkah 7 adalah Analisis Lanjutan PLS-SEM. Analisis lanjutan yang terlibat di dalam kajian ini adalah Analisis Mediator. Konsep meditor adalah satu konsep penengah di mana wujudnya satu pengantara di dalam sesuatu hubungan.[182] Ia juga berperanan sebagai penghubung dalam satu-satu hubungan sesama konstruk. Kajian ini menggunakan kaedah ujian *bootstraping*[183] bagi mendapatkan kesan mediator terhadap model yang dibangunkan. Kesan mediator dalam satu-satu hubungan di antara konstruk diukur dengan nilai kesan tidak langsung dan ini adalah salah satu kelebihan penggunaan SEM kerana kemampuannya dalam

[181] *Ibid*.,169.

[182] Baron, Reuben M. dan Kenny, David A., "The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic and Statistical Considerations", *Journal of Personality and Social Psycology* 51, no.6 (1986) 1176.

[183] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling*, 225.

University of Malaya

mengukur kesan tidak langsung.[184] Terdapat dua kesan mediator yang dikaji dalam kajian ini berdasarkan kepada model cadangan iaitu:-

a. Dorongan Dalaman menjadi mediator kepada hubungan di antara Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran zakat (PIZ→DD→PZ). Ujian dibuat dengan mengukur kesan tidak langsung di antara Peranan Institusi Zakat terhadap Dorongan Dalaman (PIZ→DD) dan Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat (DD→PZ). Jika kedua-dua hubungan tidak langsung ini adalah signifikan, maka wujud peranan mediator.[185]

b. Dorongan Dalaman menjadi mediator di antara Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat (TK→DD→PZ). Ujian yang akan dibuat adalah mengukur kesan tidak langsung di antara Tindakan Kerajaan terhadap Dorongan Dalaman (TK→DD) dan Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat (DD→PZ). Jika kedua-dua atau salah satu hubungan tidak langsung adalah tidak signifikan, maka tidak wujud peranan mediator.

Seterusnya, kajian ini memperhalusi kesan mediator dari segi jenis sama ada ia berbentuk Mediator Penuh atau Mediator Sebahagian. Mediator Penuh terjadi apabila pemboleh ubah bersandar tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah tidak bersandar. Manakala Mediator Sebahagian pula ialah apabila pemboleh ubah bersandar mempunyai hubungan yang signifikan dengan pemboleh ubah tidak bersandar.[186] Kesan atau impak mediator akan diukur menggunakan nilai *Variance Accounted For* (VAF) iaitu saiz kesan tidak langsung berbanding kesan keseluruhan.[187] Manakala Langkah 8 pula

---

[184] Lowry, Paul Benjamin dan Gaskin, James, " Partial Least Squares (PLS) Structural Equation Modeling (SEM) for Building and Testing Behavioral Causal Theory: When To Choose It and How To Use It", *IEEE Transactions On Professional Communication* 57, no. 2 (2014), 125.

[185] Preacher, Kristopher J. dan Hayes, Andrew F., "SPSS and SAS Procedures For Estimating Indirect Effects In Simple Mediation Models", *Behavior Research Methods, Instruments, & Computers* 36, no.4 (2004), 717.

[186] Xinshu Zhao, John G. Lynch Jr.dan Qimei Chen, "Reconsidering Baron and Kenny: Myths and Truths about Mediation Analysis" *Journal of Consumer Research* 37, no. 2 (2010) 204.

[187] Hair, Joseph F., 225.

University of Malaya

adalah menterjemahkan keputusan dan membuat laporan. Keputusan daripada hasil kajian ini dilapurkan secara terperinci di dalam bab Analisis dan Penemuan Kajian.

4.6 Kajian Kualitatif

Kajian kualitatif adalah kajian yang dijalankan dalam keadaan sebenar melalui pengumpulan data adalah dalam bentuk memahami keadaan tertentu menggunakan data yang bukan nombor seperti mana kajian kuantitatif. Data yang diperolehi adalah dalam bentuk perkataan yang diperolehi hasil perkongsian maklumat dengan kumpulan yang dikaji.[188] Tujuan utama kajian kualitatif ini dibuat bagi mencapai dua objektif kajian iaitu untuk mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat dan menilai faktor peranan institusi zakat, insentif kerajaan dan dorongan dalaman dalam mempengaruhi keputusan membayar zakat. Walaupun kajian kuantitatif juga dibuat untuk mencapai objektif yang sama tetapi melalui pendekatan yang berbeza, hasil daripada kajian kualitatif kelak dapat memberikan maklumat yang terperinci dan mendalam terhadap subjek kajian.

4.6.1 Kerangka Konseptual

Kajian kualitatif ini dibuat berbentuk *Phenomenology* iaitu kajian kualitatif yang cuba memahami pengalaman seseorang dalam satu-satu keadaan dari perspektif masing-masing.[189] Dua kata kunci yang diambil dari definisi ini iaitu "Pengalaman" dan "Perspektif". Apabila disesuaikan dalam konteks kajian ini, ia melibatkan proses mendapatkan perspektif atau pandangan pembuat keputusan di dalam PLC yang membayar zakat tentang pengalaman syarikat yang mereka wakili dalam membayar zakat khusus kepada faktor yang mendorong

---

[188] James H Mcmillah dan Sally Schumacher, "*Research In Education: Evidence-Based Inquiry"*, 26.
[189] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research – Qualitative, Quantitative and Mixed Method*, 48.

University of Malaya

mereka untuk mencapai keputusan membayar zakat. Walaupun setiap individu adalah unik dan mempunyai perspektif masing-masing, namun perspektif setiap seorang itu mempunyai ciri lazim yang boleh dikenal pasti.[190] Ciri lazim ini dipanggil "*essence"* atau struktur yang tidak berbeza.[191] Ini merupakan ciri penting dalam memahami sesuatu fenomena. Dengan itu kesamaan atau perbezaan yang wujud di antara responden akan dirumuskan menjadi hasil kajian.

4.6.2 Populasi Kajian dan Pensampelan

Populasi kajian ini adalah sebagaimana yang diperincikan di dalam kajian kuantitatif iaitu pembuat keputusan di dalam PLC yang membayar zakat. Jika di dalam kajian kuantitatif kajian ini mengenal pasti beberapa orang yang menjadi responden, tetapi kajian ini akan mengenal pasti seorang individu sahaja bagi mewakili syarikat. Oleh kerana bilangan syarikat yang membayar zakat adalah 17 syarikat sebagaimana yang dinyatakan di dalam Jadual 4.2, maka kajian ini mendapatkan 17 orang responden untuk ditemu bual. Responden kajian ini dipilih daripada kalangan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) atau pengurusan tertinggi syarikat dengan menyasarkan Ketua Pegawai Kewangan sebagai fokus utama.

Walaupun kajian berhasrat untuk menemu bual semua wakil syarikat tetapi ia tertakluk kepada kesediaan syarikat untuk mengambil bahagian di dalam kajian ini. Dengan mengambil kira kadar maklum balas responden adalah tidak mungkin 100% kajian ini mesasarkan sekurang-kurangnya 75% syarikat memberikan maklum balas yang positif menjadikan sekurang-kurangnya 13 syarikat berjaya di temu bual. Bagi menjawab persoalan sama ada bilangan responden ini mencukupi atau sebaliknya adalah bukan persoalan kerana

[190] Higgins. E. Tory, "Does Personality Provide Unique Explanations for Behaviour? Personality as Cross-Person Variability in General Principles", *European Journal of Personality* 14: (2000), 391.
[191] Johnson, Burke dan Christensen, Larry, *Educational Research*, 397.

University of Malaya

dalam kajian kualitatif teknik pensampelan bertujuan digunakan. Oleh itu, istilah kecukupan bilangan adalah bergantung kepada pertimbangan penyelidik dan kesesuaian kajian.[192]

4.6.3 Reka Bentuk Dan Pembangunan Soalan

Soalan untuk tujuan temu bual dibangunkan melalui kerangka konseptual kajian. Ia mengandungi enam komponen utama dan soalan terbuka yang diselaraskan (*standardized open ended interview*). Soalan terbuka yang diselaraskan adalah satu temu bual yang berstruktur dengan senarai soalan telah disediakan dan jawapan adalah terhad kepada skop soalan yang dikemukakan.[193] Soalan temu bual ini mengandungi 20 soalan dan ia disusun mengikut bahagian yang akan dianalisis sebagaimana di dalam Jadual 4.12.

Jadual 4.12 Soalan Temu Bual Bagi Kajian Kualitatif

Bahagian/ Tujuan		**Soalan**
1.	Status kewajipan : Mengetahui setakat mana pembuat keputusan jelas terhadap kewajipan membayar zakat perniagaan oleh syarikat	1. Bagaimana tuan melihat **satus kewajipan membayar zakat perniagaan** oleh syarikat ini? 2. Adakah tuan jelas tentang **pengenaan zakat perniagaan** terhadap syarikat perniagaan syarikat ini? 3. Apakah perkara yang tidak jelas terhadap kewajipan membayar zakat kepada syarikat ini?
2.	Faktor yang paling mendorong: Mengetahui faktor yang paling mendorong secara umum	4. Pada pandangan tuan apakah **faktor yang mendorong** kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini?
3.	Komponen di dalam faktor peranan institusi zakat : Mengetahui setakat mana institusi zakat memainkan peranan dalam pembayaran Zakat yang dibuat khususnya dalam konteks perkhidmatan, pemasaran,	5. Setakat mana **faktor institusi zakat** boleh mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini? 6. Apakah elemen utama dalam konteks **perkhidmatan** yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan untuk membuat keputusan membayar pembayaran zakat?

[192] James H. McMillan dan Sally Schumacher, "*Research In Education: Evidence-Based Inquiry",* 321-322.
[193] *Ibid.,* 209.

University of Malaya

Bahagian/ Tujuan		Soalan
	agihan, urus tadbir dan ketelusan.	7. Apakah elemen utama dalam konteks usaha **dakwah dan pemasaran** yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan? 8. Apakah elemen utama dalam konteks **urus tadbir** yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan untuk membuat keputusan membayar pembayaran zakat?
4.	Komponen di dalam faktor tindakan kerajaan: Mengetahui setakat mana peranan kerajaan mempengaruhi keputusan membayar zakat khususnya dalam konteks pengeluaran fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan.	9. Setakat mana **faktor tindakan kerajaan** boleh mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini? 10. Adakah pemberian **rebat** kepada syarikat membayar zakat perniagaan merupakan insentif utama? 11. Adakah pemberian **tolakan cukai** yang dibenarkan kini dapat menarik minat tuan untuk membuat keputusan untuk syarikat membayar zakat? 12. Adakah galakan yang dibuat **Suruhanjaya Sekuriti atau Bursa Malaysia** untuk membayar zakat dapat mendorong pembayaran zakat? 13. Setakat mana kesan **Fatwa** sama ada oleh fatwa kebangsaan atau faktwa negeri-negeri boleh mendorong para pembuat keputusan? 14. Jika ada **penguatkuasaan undang-undang** untuk membayar zakat sebagaimana cukai oleh kerajaan, adakah ia dapat mendorong kepada pembayaran zakat?
5.	Komponen di dalam faktor dorongan dalaman: Mengetahui setakat mana faktor dorongan dalaman di dalam sesebuah syarikat dapat mendorong keputusan untuk membayar zakat terutamanya dalam konteks pengetahuan ahli lembaga pengarah, komposisi dan pemilikan muslim di dalam PLC dan prestasi kewangan	15. Setakat mana **faktor kesedaran dalaman** boleh mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini? 16. Adakah **kefahaman mengenai zakat** oleh ahli lembaga pengarah dan pengurusan atasan boleh mempengaruhi keputusan membayar zakat? 17. Adakah **bilangan ahli lembaga pengarah muslim** boleh memberi dorongan untuk mereka membuat keputusan membayar zakat 18. Adakah syarikat ini mempunyai **polisi khas** untuk membayar zakat? Bagaimana keberkesanannya terhadap pembayaran zakat? 19. Bagaimana pula peranan **kedudukan kewangan** syarikat terhadap pembayaran zakat?

University of Malaya

Bahagian/ Tujuan		Soalan
6.	Tahap kesediaan membuat keputusan membayar zakat: Mendapatkan pandangan responden terhadap kesediaan mereka secara individu dalam membuat keputusan untuk membayar zakat	20. Bagaimana **tahap kesediaan** tuan dalam membuat keputusan supaya syarikat membayar zakat perniagaan?

Sumber: Analisis Penyelidik

Draf soalan telah dikemukakan pakar rujuk yang terdiri daripada dua orang daripada ahli akademik dan dua orang lagi pengamal di dalam bidang zakat.[194] Setelah mendapat pelbagai komen, soalan yang sebenar dihasilkan sebagai mana di dalam Jadual 4.12.

4.6.4 Kajian Rintis

Kajian rintis dibuat untuk dalam bulan Mei 2015. Ia dibuat bagi memastikan soalan yang dibuat adalah boleh disandari sebagai instrumen kajian. Ia juga dinilai dari aspek kemampuan soalan dalam mencungkil persepsi dan pengalaman responden agar mereka boleh berkongsi maklumat yang diperlukan oleh kajian ini. Kajian ini mengenalpasti dua buah PLC yang telah membayar zakat perniagaan iaitu Bank Islam Malaysia Berhad dan Progressive Impact Corporation Berhad. Bank Islam Malaysia adalah sebuah PLC yang membayar zakat sejak penubuhannya manakala Progressive Impact Corporation adalah PLC yang membayar zakat di peringkat anak syarikat dan tidak di peringkat syarikat induk.

Hasil daripada sesi temu bual yang dibuat, soalan-soalan yang dikemukakan adalah sesuai untuk mendapatkan maklumat yang diperlukan. Penyelidik mendapati sesi temu bual

[194] Pakar yang dirujuk adalah Dr. Asmak Abdul Rahman (Pensyarah Kanan, Jabatan Syariah dan Ekonomi Akademi Pengajian Islam, Univerisiti Malaya), Prof. Madya Dr. Ilhamie Abdul Ghani Azmi (Jabatan Syariah dan Pengurusan Universiti Malaya), En. Mohd. Sabirin Sarbini (Pengurus, Sektor Perniagaan, Lembaga Zakat Selangor) dan Hj. Khairulazhar Samsudin (Timbalan Pengurus Besar, Bahagian Perniagaan Pusat Pungutan Zakat Wilayah Persekutuan).

University of Malaya

yang dibuat memerlukan kemahiran komunikasi yang baik, kebolehan menyesuaikan diri dan persediaan pengetahuan mengenai topik dengan mendalam. Berdasarkan kepada dua sesi temu bual di dalam kajian rintis, penyelidik memperolehi pengalaman untuk berhadapan dalam temu bual yang sebenar terutama dalam konteks memastikan semua maklumat yang diperlukan berjaya diperolehi.

4.6.5 Proses Temu bual

Temu bual merupakan instrumen kajian kualitatif bagi tujuan pengumpulan data. Ia menggunakan teknik soalan terbuka yang selaras (*standardized open ended interview*) di mana satu set soalan telah disediakan dan digunakan bagi setiap temu bual yang dijalankan. Soalan-soalan ini dikemukakan mengikut turutan yang sama bagi supaya bentuk jawapan dapat direkodkan secara sistematik dan disususn mengikut subjek kajian. Ia dikendalikan secara interaktif iaitu penyelidik bertemu sendiri dengan responden.

Penyelidik menghantar surat permohonan kepada 17 syarikat dengan sebahagian besar fokus kepada Ketua Pegawai Kewangan. Jika Ketua Pegawai Kewangan didapati bukan beragama Islam, penyelidik akan mengenal pasti individu lain sama ada ahli lembaga pengarah atau penasihat syariah atau Ketua Pegawai Eksekutif untuk dibuat surat permohonan.

4.6.6 Analisis Data

Bagi kajian kualitatif tiada satu kaedah yang selaras dalam membuat data analisis sebagaimana kajian kuantitatif. Namun apa yang boleh diberikan adalah panduan yang dimanfaatkan oleh kajian ini. Kajian ini menggunakan teknik analisis induktif[195] bagi mengekstrak data yang diperolehi melalui temu bual. Analisis induktif ini dilakukan dengan

[195] James Mc Millan dan Sally Shumaker, *Research in Education*, 364.

University of Malaya

mengenal pasti fakta-fakta yang relevan dan dikodkan. Kod ini kemudian dikategorikan dan susun mengikut kesamaan di antara fakta dan tema-tema dibina. Bagi kajian ini kekerapan mengikut kod direkodkan dan pilihan dibuat berdasarkan kepada kod yang mempunyai kekerapan yang lebih tinggi. Kekerapan yang lebih tinggi bermakna fakta atau tema tersebut adalah lebih popular dan lebih mendominasi.

Kaedah pengekodan dikenal pasti sebelum sesi temu bual (*a priori code*) dan semasa sesi temu bual maklumat yang diperolehi direkodkan terus mengikut kod-kod ini.[196] Ia juga dianalisis dan dilaporkan mengikut perkara yang sama. Pengekodan dibuat mengikut topik dan subtopik mengikut soalan yang ditanya dan dirumuskan bagi menjawab objektif kajian. Seterusnya, oleh kerana kajian ini adalah kajian berbentuk gabungan maka, hasil dapatan kajian kualitatif ini kelak akan dibuat perbandingan dengan kajian kuantitatif untuk diharmonikan penemuan keduanya.

4.7 Rumusan

Kajian ini adalah berbentuk kajian gabungan yang merangkumkan tiga teknik penganalisisan data iaitu data sekunder bagi kajian kuantitatif fasa 1, soal selidik bagi kajian kuantitatif fasa 2 dan data temu bual bagi kajian kualitatif. Kajian ini juga berpendapat dengan menggabungkan data sekunder dan data primer (temu bual dan kaji selidik) dapat mengukuhkan dapatan kajian.[197] Ketiga-tiga kaedah ini telah ditetapkan skop setiap satu berdasarkan kepada pencapaian objektif kajian. Rumusan metodologi kajian ini diringkaskan sebagaimana di dalam Jadual 4.13.

[196] *Ibid.*, 367.
[197] *Ibid.*, 412.

University of Malaya

Jadual 4.13 Ringkasan Rumusan Metodologi Kajian

Objektif		Hasil Kajian	Metodologi	Sumber data
1.	Mengenal pasti senario pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam di Malaysia.	a. Senario pemilikan muslim dalam PLC. b. Senario pembayaran zakat oleh PLC.	Kajian Kuantitatif fasa 1	Analisis Data Sekunder
2.	Menganggar potensi dan jurang kutipan zakat daripada segmen syarikat tersenarai awam di Malaysia.	a. Anggaran potensi kutipan zakat dari segmen PLC. b. Anggaran jurang kutipan zakat dari segmen PLC.		
3.	Mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat	a. Faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat	Kajian Kuantitatif Fasa 2 dan Kajian Kualitatif	Soal Selidik dan Temu bual
4.	Menilai faktor peranan instiusi zakat, insentif kerajaan dan dorongan dalaman dalam mempengaruhi keputusan membayar zakat	a. Analisis hubungan di antara faktor dan komponen faktor b. Analisis hubungan sesama faktor	Kajian Kuantitatif Fasa 2	Soal selidik
5.	Membangunkan model pembayaran zakat perniagaan syarikat tersenarai awam.	a.Pengujian hipotesis b. Menghasilkan model faktor pembayaran zakat	Kajian Kuantitatif Fasa 2	Soal selidik

Sumber: Analisis Penyelidik

Bagi pencapaian objektif kajian 1 dan 2, kajian ini menggunakan kajian kuantitatif fasa 1 iaitu pengumpulan dan analisis data sekunder. Data sekunder diperolehi daripada laporan tahunan syarikat. Bagi pencapaian objektif kajian 3 dan 4, kajian ini menggunakan dapatan daripada kajian kualitatif dan kuantitatif fasa 2 (kaji selidik) manakala bagi objektif kajian 5 iaitu pembangunan model, kajian ini menggunakan keputusan kajian kuantitatif fasa 2 sahaja iaitu keputusan daripada ujian PLS-SEM. Bagi pengujian hipotesis, juga menggunakan teknik PLS-SEM.

University of Malaya

BAB LIMA : ANALISIS DAN PENEMUAN KAJIAN

5.1 Pendahuluan

Hasil dapatan daripada kajian ini dibincangkan mengikut aliran penganalisisan data yang dijalankan. Ia bermula dengan dapatan daripada kajian data sekunder melalui kajian kuantitatif fasa 1, diikuti oleh dapatan daripada analisis data soal selidik melalui kajian kuantitatif fasa 2, analisis kualitatif yang bersumberkan data temu bual dan perbandingan di antara kajian kuantitatif dan kualitatif sebelum rumusan.

5.2 Kajian Kuantitatif Fasa 1

Kajian kuantitatif fasa 1 ini dilaksanakan bagi mencapai objektif pertama dan kedua kajian ini iaitu memahami senario pembayaran zakat perniagaan oleh syarikat tersenarai awam di Malaysia. Selain itu, ia dibuat bagi menganggar potensi dan jurang kutipan zakat daripada segmen ini. Hasil utama yang menjadi dapatan kajian adalah kedudukan pemilikan muslim, kelayakan membayar zakat, taksiran zakat, potensi kutipan zakat, pembayaran zakat dan jurang kutipan zakat.

5.2.1 Analisis Kedudukan Pemilikan Muslim Dalam PLC

Analisis pemilikan muslim dibuat terhadap setiap syarikat dan pertusan pemilikan muslim dapat diperolehi. Didapati sebanyak 69 syarikat (9.51%) mempunyai pemilikan muslim melebihi 50% manakala 49 syarikat (6.04%) mempunyai pemilikan 30-49% muslim. Ini menjadikan syarikat yang layak membayar zakat perniagaan adalah sebanyak 118 syarikat (14.55%). Majoriti PLC iaitu 515 syarikat (21.95%) berada di dalam kategori pemilikan

University of Malaya

muslim 1-29%. Manakala baki iaitu sebanyak 178 syarikat (20.71%) tidak mempunyai sebarang pemilikan muslim. Dapatan ini diterangkan perinciannya melalui Jadual 5.1.

Jadual 5.1 Kedudukan Pemilian Muslim Dalam PLC

Sektor	**Sekuriti Patuh Syariah**	**Syarikat Yang Dikaji***	**% Pemilikan Muslim**			
			≥50%	**30-49%**	**1-29%**	**0%**
Barangan Pengguna	125	124	4	5	84	31
Barangan Industri	253	252	10	10	174	58
Perlombongan	1	1	0	0	0	1
Pembinaan	43	43	9	1	29	4
Dagangan/Perkhidmatan	178	175	28	20	96	31
Hartanah	74	73	5	3	52	13
Perladangan	39	39	4	2	21	12
Teknologi	95	95	5	6	56	28
Infrastruktur	7	7	2	2	3	0
Kewangan	2	2	2	0	0	0
Hotel	0	0	0	0	0	0
Dana Tertutup	0	0	0	0	0	0
Jumlah	**817**	**811**	**69**	**49**	**515**	**178**
Peratusan (%)			**8.51**	**6.04**	**63.50**	**21.95**

Nota: Syarikat yang dikaji adalah syarikat yang dapat diperolehi Laporan Tahunan.

Sumber: Analisis Penyelidik

Kajian ini turut membuat analisis mengikut lokasi negeri. Penentuan negeri dibuat mengikut alamat lokasi ibu pejabat. Pelaporan dibuat mengikut sama ada Kuala Lumpur, Selangor dan lain-lain negeri. Kuala Lumpur mempunyai bilangan PLC paling tinggi iaitu 60 buah syarikat yang mana 40 daripadanya di bawah kategori pemilikan muslim melebihi 50% dan 20 syarikat bagi kategori pemilikan muslim 30 – 49%. Ia diikuti dengan negeri Selangor iaitu 50 buah syarikat yang mana 24 syarikat adalah di bawah kategori pemilikan lebih 50% dan 26 syarikat di bawah kategori pemilikan muslim 30 – 49%. Jumlah PLC di kedua negeri ini adalah berjumlah 110 syarikat iaitu merangkumi 93.28% daripada jumlah

University of Malaya

keseluruhan syarikat iaitu 118 buah syarikat. Hanya 8 (6.78%) syarikat sahaja berada di negeri-negeri lain. Perinciannya dibuat melalui Jadual 5.2.

Jadual 5.2 Bilangan PLC Milik Muslim Mengikut Pemilikan dan Negeri

	Melebihi 50% (bilangan)	**30-49% (bilangan)**	**Jumlah (bilangan)**
Kuala Lumpur	40 (57.97%)	20 (40.82%)	60 (50.85%)
Selangor	24 (34.78%)	26 (53.06%)	50 (42.37%)
Lain-lain Negeri	5 (7.25%)	3 (6.12%)	8 (6.78%)
Jumlah	69 (100.00%)	49 (100.00%)	118 (100.00%)

Sumber: Analisis Kajian

5.2.2 Analisis Kelayakan Membayar Zakat

Saringan seterusnya yang dibuat adalah dengan membuat taksiran zakat ke atas syarikat yang layak. Sebanyak 91 buah syarikat (76.5%) didapati melebihi nisab[1] dan layak di zakat sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.3. Sebanyak 26 syarikat mempunyai aset semasa bersih kurang daripada nisab yang mana syarikat ini dikira tidak wajib untuk membayar zakat dan tiada syarikat yang layak membayar zakat melalui sektor Perladangan. Ini menjadikan analisis yang dibuat adalah terhadap sembilan sektor iaitu Barangan Pengguna, Barangan Industri, Pembinaan, Dagangan/Perkhidmatan, Hartanah, Perladangan, Teknologi, Infrastruktur dan Kewangan. Sebanyak 56 syarikat yang layak dikenakan zakat bagi kategori pemilikan muslim melebihi 50% dan 35 syarikat bagi pemilikan 30%-49%.

[1]Nisab yang digunakan adalah mengikut nisab negeri Selangor pada tahun 2013 iaitu RM14,065.

University of Malaya

Jadual 5.3 Jumlah Syarikat Yang Layak Membayar Zakat Mengikut Sektor

Sektor	**Pemilikan Muslim ≥50%**			**Pemilikan Muslim 30% – 49%**			**Jumlah Syarikat**		
	Jumlah	**Layak**	**Tidak**	**Jumlah**	**Layak**	**Tidak**	**Jumlah**	**Layak**	**Tidak**
Barangan Pengguna	4	4	0	5	4	1	9	8	1
Barangan Industri	10	6	4	10	5	5	20	11	9
Perlombongan	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Pembinaan	9	7	2	1	1	0	10	8	2
Dagangan/Perkhidmatan	28	22	6	20	15	5	48	37	11
Hartanah	5	5	0	3	3	0	8	8	0
Perladangan	4	3	1	2	2	0	6	5	1
Teknologi	5	5	0	6	3	3	11	8	3
Infrastruktur	2	2	0	2	2	0	4	4	0
Kewangan	2	2	0	0	0	0	2	2	0
Hotel	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Dana Tertutup	0	0	0	0	0	0	0	0	0
Jumlah	69	56	13	49	35	14	118	91	27
Peratusan (%)	**100**	**81.16**	**18.84**	**100**	**71.43**	**28.57**	**100**	**77.12**	**22.88**

Sumber: Analisis Kajian

5.2.3 Analisis Taksiran Zakat

Hasil daripada maklumat taksiran zakat yang dibuat ke atas 91 buah yarikat mendapati, jumlah zakat yang dikenakan adalah berbeza dan di dalam julat yang sangat besar. Perincian mengenai maklumat taksiran zakat ini adalah di Lampiran C. Lima syarikat yang mempunyai jumlah zakat paling tinggi iaitu LD 2 dengan jumlah RM67.77 juta, DAK 4 dengan jumlah RM5.19 juta, DAK 32 dengan jumlah 41.86 juta, IND 15 adalah RM26.22 juta, HT 7 adalah RM20.83 juta dan DAK 25 berjumlah RM16.08 juta.

Jumlah ini adalah anggaran berasaskan item di dalam laporan tahunan sahaja. Dalam keadaan sebenar, penerangan daripada pegawai kewangan syarikat dan dokumen sokongan yang lain mengikut kesesuaian digunakan bagi mendapatkan jumlah sebenar zakat yang

University of Malaya

dikenakan. Lima syarikat yang dikenakan zakat paling rendah iaitu DAK 39 sebanyak RM3,464.68, BIN 4 sebanyak RM3,264.46, BIN 7 sebanyak RM1,752.45, PEN 6 sebanyak RM1,190.83 dan DAK 31 sebanyak RM461.97.

5.2.4 Analisis Potensi Kutipan Zakat

Potensi kutipan zakat bagi segmen PLC diketahui dengan mendapatkan jumlah zakat yang dikenakan kepada 91 buah syarikat yang layak. Ia dihasilkan melalui proses analisis taksiran zakat yang mana setiap syarikat ditaksirkan zakatnya berdasarkan kepada maklumat di laporan kewangan syarikat. Analisis potensi ini dibuat mengikut sektor supaya lebih jelas pembahagiannya. Sektor Dagangan/Perkhidmatan merupakan penyumbang utama iaitu 44.65% dengan jumlah zakat sebanyak RM128.5 juta. Ia diikuti oleh sektor Perladangan (26.21%) dengan kutipan sebanyak RM75.4 juta, Sektor Barangan Industri (11.37%) dengan kutipan sebanyak RM32.7 juta dan diikuti dengan Sektor Hartanah (10.15%) iaitu dengan jumlah kutipan RM29.2 juta sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.4.

Jumlah keseluruhan zakat yang dikenakan bagi 91 buah syarikat ini adalah berjumlah RM291.49 juta. Potensi ini juga menunjukkan jumlah maksimum yang boleh dipungut dari segmen ini. Analisis ini menjadi lebih signifikan apabila analisis jurang kutipan zakat dibuat.

Jadual 5.4 Potensi Kutipan Zakat Mengikut Sektor

Sektor	**Syarikat Milik Muslim (Bil)**	**Syarikat Layak Dizakat (Bil)**	**Jumlah Zakat (RM)**	**Kadar Sumbangan Sektor (%)**
Barangan Pengguna	9	8	14,449,103.80	5.02
Barangan Industri	21	11	32,692,165.26	11.37
Pembinaan	10	8	1,084,772.73	0.38
Dagangan/Perkhidmatan	48	37	128,409,313.31	44.65
Hartanah	8	8	29,195,884.28	10.15
Perladangan	6	5	75,392,378.59	26.21

University of Malaya

Sektor	Syarikat Milik Muslim (Bil)	Syarikat Layak Dizakat (Bil)	Jumlah Zakat (RM)	Kadar Sumbangan Sektor (%)
Teknologi	10	8	2,387,103.87	0.83
Infrastruktur	4	4	3,998,136.45	1.39
Kewangan	2	2	3,884,268.56	1.35
Jumlah	**118**	**91**	**291,493,126.85**	

Sumber: Analisis Kajian

5.2.5 Analisis Pembayaran Zakat

Berdasarkan kepada maklumat laporan kewangan, hanya terdapat 15 syarikat sahaja yang melaporkan pembayaran zakat di dalam Laporan Tahunan masing-masing berbanding 118 syarikat sebagaimana di dalam Jadual 5.5. Tenaga Nasional Bhd mempunyai rekod pembayaran zakat paling tinggi iaitu sebanyak RM26.5 juta diikuti oleh Felda Global Ventures Berhad iaitu sebanyak RM15.58 juta dan diikuti oleh BIMB Holdings Berhad iaitu RM10.12 juta. Jumlah keseluruhan zakat yang dibayar adalah sebanyak RM75.85 juta. Melalui analisis ini purata bayaran zakat bagi satu syarikat adalah sebanyak RM5.12 juta.

Jadual 5.5 Senarai PLC Yang Membayar Zakat

Sektor	Bil	Nama Syarikat	Pembayaran Zakat (RM)	Jumlah Zakat (RM)
Barangan Pengguna	1	MSM M'sia Holdings Bhd.	6,398,000	6,398,000
Pembinaan	1	Merge Energy Bhd	259,390	259,390
Dagangan/ Perkhidmatan	8	Axiata Group Bhd.	8,500,000	42,115,000
		UEM Edgenta Berhad*	1,500,000	
		MMC Corporation Bhd.	1,705,000	
		KPJ Healthcare Bhd	1,320,000	
		Pharmaniaga Bhd.	350,000	
		Telekom Malaysia Bhd	2,200,000	
		Tenaga Nasional Bhd	26,500,000	
		Utusan Melayu Bhd	40,000	
Perladangan	2	Felda Global Ventures Bhd.	16,580,000	16,989,000
		TH Plantation Berhad	409,000	

University of Malaya

Sektor	Bil	Nama Syarikat	Pembayaran Zakat (RM)	Jumlah Zakat (RM)
Teknologi	1	Mesiniaga Bhd	180,000	180,000
Kewangan	2	BIMB Holdings Bhd	10,121,000	10,910,000
		Sykt. Takaful Malaysia Bhd	789,000	
Jumlah	15		76,851,390	76,851,390
Purata Bayaran Zakat				5,123,426

Nota: * Dulu dikenali dengan nama Faber Group Bhd; Tiada syarikat yang membayar zakat bagi sektor Barangan Industri, Perlombongan, Infrastruktur, Hartanah, Hotel dan Dana Tertutup.

Sumber: Analisis Penyelidik

5.2.6 Analisis Kepatuhan Zakat

Kadar kepatuhan zakat dikira dengan mendapatkan peratusan di antara syarikat yang membayar zakat dengan syarikat yang layak membayar zakat. Bilangan syarikat yang membayar zakat adalah 15 syarikat dan syarikat yang layak membayar zakat adalah 91 buah syarikat. Oleh itu, kadar kepatuhan zakat adalah 16.5%. Kadar ketidakpatuhan zakat pula adalah pada kadar 83.5%.

5.2.7 Jurang Kutipan Zakat

Jurang kutipan zakat yang dihasilkan oleh kajian ini merupakan perbezaan di antara potensi penuh kutipan zakat yang sepatutnya dibayar oleh syarikat dengan jumlah pembayaran zakat sebenar yang dibuat oleh pihak syarikat. Nilai potensi penuh kutipan zakat diperolehi dari aktiviti di dalam perkara 4.2.4 dan nilai jumlah pembayaran zakat diperolehi daripada aktiviti perkara 4.2.5. Melalui proses mendapatkan perbezaan keduanya, Jurang Kutipan Zakat dapat dihasilkan. Jurang Kutipan Zakat mengikut sektor adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.6. Sektor Dagangan/Perkhidmatan mempunyai jurang kutipan zakat paling tinggi iaitu RM117 juta diikuti sektor Perladangan iaitu RM59.4 juta. Keseluruhan jurang kutipan zakat adalah sebanyak RM214.6 juta setahun iaitu pada kadar 74%. Apabila dibuat perbandingan dengan

University of Malaya

jurang cukai yang diperoleh di Britain iaitu pada kadar 7 hingga 7.1% sahaja, maka kadar jurang kutipan zakat yang diperoleh adalah sangat besar dan luas.

Jadual 5.6 Analisis Jurang Kutipan Zakat

Sektor	Syarikat Layak Zakat	Jumlah zakat	Pembayaran Zakat	Jurang Kutipan Zakat
Barangan Pengguna	8	14,449,103.80	6,398,000.00	8,051,103.80
Barangan Industri	11	32,692,165.26	0.00	32,692,165.26
Pembinaan	8	1,084,772.73	259,390.00	825,382.73
Dagangan/Perkhidmatan	37	128,409,313.31	42,115,000.00	86,294,313.31
Hartanah	8	29,195,884.28	0.00	29,195,884.28
Perladangan	5	75,392,378.59	16,989,000.00	59,403,378.59
Teknologi	8	2,387,103.87	180,000.00	2,207,103.87
Infrastruktur	4	3,998,136.45	0.00	3,998,136.45
Kewangan	2	3,884,268.56	10,910,000.00	-7,025,731.44
Perlombongan / Hotel / Dana Tertutup	0	0.00	0.00	0.00
Jumlah	**91**	**291,493,126.85**	**76,851,390.00**	**214,641,736.85**
Kadar Jurang			**73.63%**	

Sumber: Analisis Kajian

5.2.8 Rumusan Analisis Kuantitatif Fasa 1

Segmen PLC adalah “lubuk emas” dalam konteks zakat kerana ia menyediakan pasaran yang lumayan bagi meningkatkan kutipan. Ini dibuktikan dengan jumlah potensi kutipan zakat yang diperolehi hasil kajian ini iaitu hampir RM300 juta setahun. Angka ini adalah begitu besar apabila ia dinisbahkan dengan pelbagai bantuan yang dapat dibuat bagi membantu golongan yang dhaif dan memerlukan bantuan.

Hasil kajian ini juga menunjukkan bahawa segmen PLC ini menyediakan pembayar yang sangat berkualiti dengan purata RM5 juta bagi setiap pembayar. Dalam erti kata lain, dengan pertambahan sebuah syarikat, kutipan zakat dapat ditingkatkan sebanyak RM5 juta. Oleh itu, institusi zakat perlu memberikan penekanan kepada segmen ini di samping anak-

University of Malaya

anak syarikat PLC yang amat berpotensi untuk menjadi sasaran pasaran. Ringkasan dapatan hasil kajian kuantitatif fasa 1 adalah sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.7.

Jadual 5.7 Ringkasan Dapatan Hasil Analisis Kajian Kuantitatif Fasa 1

Bil	Tindakan / Analisis	Hasil Kajian
1	Kenal pasti saham patuh syariah	817 syarikat
2	Muat turun laporan tahunan syarikat	811 laporan (99.3%)
3	Analisis Pemilikan Muslim	118 syarikat (16.7 %)
4	Analisis Lokasi (Kuala Lumpur dan Selangor)	110 syarikat (93.2%)
5	Analisis Kelayakan Membayar Zakat	91 syarikat (77.11%)
6	Analisi Pembayaran Zakat	15 syarikat (16.5%)
7	Analisi potensi kutipan zakat	RM291.5 juta
8	Analisis Kepatuhan Zakat	RM76.8 juta
9	Jurang Kutipan Zakat	RM214.6 juta
10	Kadar Jurang Kutipan Zakat	73.63%
11	Purata Bayaran Zakat	RM 5.12 juta

Sumber: Analisis Penyelidik

5.3 Analisis Kuantitatif Fasa 2

Bahagian ini akan membincangkan tentang hasil dan keputusan analisis data kajian lapangan melalui soal selidik yang telah dilengkapkan oleh responden yang terdiri daripada pembuat keputusan pembayaran zakat di dalam sesebuah PLC. Data yang diperolehi daripada borang soal selidik merupakan maklumat utama untuk dianalisis bagi mengenal pasti faktor dan indikator yang mendorong membuat keputusan membuat pembayaran zakat dan seterusnya mengesahkan cadangan model yang dibangunkan. Proses analisis data ini dibuat menggunakan kaedah PLS-SEM dan semua langkah yang dibuat adalah berdasarkan kepada panduan yang digariskan. Kaedah analisis adalah sebagaimana yang dijelaskan di dalam Bab Empat iaitu Metodologi Penyelidikan.

University of Malaya

Perbincangan mengenai hasil dapatan kajian ini terbahagi kepada tiga perkara utama iaitu analisis penerokaan faktor, Penilaian Pengukuran Model dan Penilaian Model Berstruktur.

5.3.1 Profil Responden

Analisis ini memberikan pelaporan terhadap responden soal selidik yang dijalankan. Responden yang mengambil bahagian adalah daripada 13 syarikat (76.5%) yang sedia mengambil bahagian daripada jumlah keseluruhan 17 syarikat yang membayar zakat yang dihubungi bagi kajian ini. Responden wanita adalah sebanyak 57.5% berbanding responden lelaki 42.5%. Selain itu, 94.7% responden adalah terdiri daripada bangsa Melayu dan bangsa Melayu merupakan responden majoriti berbanding bangsa lain iaitu China 1.8%; India 2.7% dan lain-lain bangsa 0.9%. Dalam konteks pengagihan umur, majoriti responden berada di dalam kategori umur 41 hingga 55 tahun (52.2%). Kategori umur 31 hingga 40 tahun merupakan kumpulan kedua teramai iaitu 32.7% manakala kelompok terendah adalah responden berumur melebihi 55 tahun iaitu 4.4%. Berkaitan taburan agama, majoriti responden mewakili 96.5% adalah beragama Islam. Namun terdapat juga responden yang bukan beragama Islam iaitu 3.5%. Daripada borang soal selidik juga 65.5% daripada responden adalah berjawatan sebagai pengurus diikuti oleh jawatan-jawatan lain 19.5%. Kajian ini turut berjaya mendapatkan responden dari golongan pengurusan tertinggi iaitu sebanyak 14.2% dan ahli lembaga pengarah 0.9%. Perincian taburan responden adalah sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.8.

University of Malaya

Jadual 5.8. Profil Responden

Profil	**Kekerapan**	**Peratusan (%)**
Jantina		
• Lelaki	48	42.5
• Perempuan	65	57.5
Umur		
• 20 hingga 30 tahun	12	10.6
• 31 hingga 40 tahun	37	32.7
• 41 hingga 55 tahun	59	52.2
• 56 tahun dan lebih	5	4.4
Bangsa		
• Melayu	107	94.7
• China	2	1.8
• India	3	2.7
• Lain-lain	1	0.9
Agama		
• Islam	109	96.5
• Bukan Islam	4	3.5
Syarikat		
• MSM Malaysia Holdings Bhd	7	6.2
• UMW Holdings Bhd	8	7.2
• Merge Energy Bhd	10	8.8
• UEM Edgenta Berhad (Faber Group Bhd)	8	7.1
• MMC Corporation Bhd	8	7.1
• Pharmaniaga Bhd	8	7.1
• Telekom Malaysia Bhd	10	8.8
• Tenaga Nasional Bhd	10	8.8
• Utusan Melayu (M) Bhd	8	7.1
• Felda Global Ventures Holdings Bhd	9	8.0
• TH Plantations Bhd	9	8.0
• BIMB Holdings Bhd	9	8.0
• Syarikat Takaful Malaysia Bhd	9	8.0
• MSM Malaysia Holdings Bhd	7	6.2
Jawatan		
• Ahli Lembaga Pengarah	1	0.9
• Pengurusan Tertinggi	16	14.2
• Pengurus	74	65.5
• Lain-lain	22	19.5

Sumber: Borang Soal Selidik

University of Malaya

5.3.2 Analisis Penerokaan Faktor (EFA)

Tujuan analisis EFA ini dibuat adalah bagi mengenal pasti item yang benar-benar mendokong sesuatu konstruk. Melalui analisis ini, ia dapat mengumpulkan item-item yang mempunyai ciri yang sama ke dalam satu kumpulan dan mengenal pasti item yang mempunyai hubungan yang lemah dengan konstruk yang dibangunkan. Ini akan menjadikan model yang dibangunkan lebih ringkas dan didokongi oleh item yang benar-benar mewakili sahaja. Bagi mencapai tujuan ini, analisis EFA yang dijalankan adalah menggunakan perisian IBM SPSS versi 21 dan ia dijalankan secara satu persatu bagi setiap konstruk (variabel) kajian ini iaitu konstruk Peranan Institusi Zakat, konstruk Tindakan Kerajaan, konstruk Dorongan Dalaman dan konstruk Pembayaran Zakat. Proses ini dijalankan menggunakan fungsi *Principal Component (PC)* dengan *Varimax Rotation Technique* yang disediakan oleh perisian statistik.

5.3.2(a) Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO) dan Ujian Bartlett

Dua ujian penting perlu dilakukan sebelum melaksnakan EFA iaitu Indeks KMO dan Ujian Bartlett. Indeks KMO diperlukan bagi mengukur tahap kecukupan sampel (*sampling adequacy)* bagi menjalankan EFA. Keputusan ujian Indeks KMO adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.9.

Jadual 5.9 Keputusan Ujian Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO)

Konstruk	**Bilangan Item**	**Nilai Indeks KMO**	**Status**	**Nilai Indeks KMO setiap item**
Peranan Institusi Zakat	22	0.879	Sangat Baik	0.800 – 0.950
Tindakan Kerajaan	11	0.777	Baik	0.692 – 0.855
Dorongan Dalaman	16	0.865	Sangat Baik	0.729 – 0.943
Pembayaran Zakat	12	0.818	Sangat Baik	0.678 – 0.918

Sumber: Analisis Data

Berdasarkan kepada Jadual 5.9, Indeks KMO yang diperolehi hasil daripada analisis yang dibuat terhadap konstruk Peranan Institusi Zakat (PIZ) menunjukkan nilai 0.879 dan

nilai setiap itemnya pula adalah lebih besar daripada 0.8 iaitu 0.800-0.950. Nilai-nilai ini melebihi nilai yang boleh diterima iaitu 0.5. Oleh itu, bagi konstruk PIZ dan item-itemnya, pensampelan yang dibuat bukan sahaja mencukupi tetapi adalah Sangat Baik. Manakala bagi konstruk Tindakan Kerajaan (TK) indeks yang diperolehi menunjukkan nilai 0.777 dan nilai setiap itemnya pula adalah lebih besar daripada 0.6 iaitu 0.692- 0.855. Nilai-nilai ini melebihi nilai yang boleh diterima iaitu 0.5. Oleh itu, bagi konstruk PIZ dan item-itemnya, pensampelan adalah bukan sahaja mencukupi tetapi adalah Baik.

Seterusnya, bagi konstruk Dorongan Dalaman (DD) dan Pembayaran Zakat (PZ). Kedua-duanya menunjukkan nilai 0.865 dan 0.818. Ini menandakan kedua konstruk juga mempunyai bilangan pensampelan yang Sangat Baik. Manakala nilai setiap item bagi DD adalah lebih besar daripada 0.7 iaitu 0.729-0.943 bagi dan bagi PZ ia melebihi 0.7 iaitu 0.729-0.943. Kesemua konstruk dan item yang dinilai melebihi nilai 0.6 dan ini bermakna data yang diperolehi mempunyai bilangan pensampelan yang memuaskan.

Penilaian kedua bagi mengadakan EFA adalah Ujian Bertlett. Ujian dilaksanakan melalui perisian SPSS bersekali dengan Indeks KMO. Semua nilai Ujian Bartlett dibuat sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.10 adalah menunjukkan nilai 0.0 dan nilai ini adalah < 0.05[2]. Ini menunjukkan bahawa terdapat hubungan di antara item-item yang digunakan dan ini menunjukkan korelasi bagi konstruk dan item adalah bukan bersifat matriks identiti. Oleh itu, data ini adalah sesuai untuk dilakukan analisis faktor.

Hasil daripada keputusan kedua-dua ujian di atas iaitu Indeks KMO dan Ujian Bartlett, data yang diperolehi adalah mencukupi untuk dianalisis dan terdapat hubungan di antara sesama item di dalam data yang diperolehi. Dengan itu, analisis faktor boleh dilakukan.

[2] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS*, 660

University of Malaya

Jadual 5.10 Keputusan Ujian Bartlett

Konstruk	Nilai khi-kuasa dua (Chi-Square)	Darjah Kebebasan (Degree of Freedom – DF)	Nilai Signifikan	Status
Peranan Institusi Zakat	1910.429	231	0.000	Signifikan
Tindakan Kerajaan	790.038	55	0.000	Signifikan
Dorongan Dalaman	1190.078	120	0.000	Signifikan
Pembayaran Zakat	1021.064	66	0.000	Signifikan

Sumber: Analisis Data

5.3.2(b) Menentukan Bilangan Indikator

Istilah yang digunakan dalam EFA adalah untuk mengenal pasti bilangan "faktor", tetapi dalam konteks kajian ini, "faktor" yang dimaksudkan adalah "indikator" yang mendokongi sesuatu konstruk. Walaupun di dalam model yang dicadangkan telah terdapat 16 indikator yang mendokongi 4 konstruk namun indikator tersebut adalah hasil rumusan daripada kajian yang lalu untuk diuji semula dan disesuaikan dengan kajian ini. Selain itu, indikator yang dikenal pasti adalah diambil daripada kajian yang mempunyai kaitan dengan skop kepatuhan membayar zakat tanpa mengira jenis zakat, kumpulan sasar dan keputusan kajian. Melalui kajian EFA yang dijalankan kajian ini akan mengenal pasti indikator yang benar-benar layak untuk mewakili konstruk yang dibangunkan.

Kajian ini mengadaptasi empat ujian bagi tujuan menentukan bilangan indikator iaitu analisis nilai *Eigen*, analisis peratusan terkumpul Varian Yang Diterangkan (*Cummulative Variance Explained*), ujian Scree dan Analisis Selari (*Parallel Analysis*). Analisis nilai *Eigen* dibuat dengan mendapatkan nilai *Eigen* bagi setiap indikator yang diekstrak melalui perisian SPSS. Nilai yang diperolehi adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.11.\

University of Malaya

Jadual 5.11 Kriteria Mengekstrak Faktor

Konstruk	Bilangan Indikator	Nilai *Eigen* (Kaiser's Criteria)	Nilai Eigen Simulasi Monte-Carlo	Varian Terkumpul (%)	Keputusan
Peranan Institusi Zakat	1	10.560	1.908	48.00	**Terima**
	2	2.246	1.619	58.21	**Terima**
	3	1.395	1.356	65.55	**Terima**
	4	0.919	1.247	-	Tolak
Tindakan Kerajaan	1	4.564	1.378	41.49	**Terima**
	2	2.121	1.232	60.78	**Terima**
	3	1.145	1.109	71.19	**Terima**
	4	0.946	1.052	-	Tolak
Dorongan Dalaman	1	7.119	1.713	44.50	**Terima**
	2	2.278	1.542	58.73	**Terima**
	3	1.585	1.428	68.64	**Terima**
	4	0.882	1.339	-	Tolak
Pembayaran Zakat	1	5.487	1.587	45.73	**Terima**
	2	2.253	1.398	66.75	**Terima**
	3	1.246	1.182	77.13	**Terima**
	4	0.616	1.099	-	Tolak

Sumber: Analisis Data

Jadual 5.11 menunjukkan bilangan indikator yang diekstrak daripada item dalam borang soal selidik. Semua konstruk dicadangkan kini mempunyai empat indikator yang boleh dipertimbangkan untuk diterima sebagai pendokong kepada sesuatu konstruk.

Langkah pertama yang dilakukan adalah melihat nilai *Eigen* bagi setiap indikator yang dicadangkan sama ada melebihi atau kurang dari 1. Berdasarkan kepada Jadual 5.11 semua indikator yang berada di tempat keempat adalah < 1. Oleh itu, hanya Indikator 1, 2 dan 3 sahaja yang diterima.

Langkah kedua adalah dengan melihat nilai *Cumulative Percantege Variance Explained*. Bagi mengesahkan Langkah 1, nilai *Cummulative Percentage Variance Explained* hendaklah ≥ 50%. Berdasarkan kepada Jadual 5.11, nilai yang diperolehi bagi tiga indikator tertinggi bagi Peranan Institusi Zakat adalah 65.5%, bagi konstruk Tindakan Kerajaan adalah 71.19%, bagi konstruk Dorongan Dalaman adalah 68.64% dan bagi konstruk Pembayaran Zakat adalah 77.13%. Semua nilai yang diperolehi adalah melebihi 60% dan ini bermakna ia telah

University of Malaya

melepasi aras minimum yang ditetapkan iaitu ≥ 50%. Melalui analisis ini indikator 1, indikator 2 dan indikator 3 bagi setiap konstruk boleh diterima.

Langkah ketiga adalah dengan membuat ujian Scree. Ujian ini dibuat dengan mengenal pasti bilangan faktor berdasarkan kepada carta Scree yang dihasilkan bagi setiap konstruk sebagaimana Rajah 5.1.

Kaedah yang dibuat adalah dengan membuat garisan lurus melalui nilai-nilai *Eigen* yang kecil. Faktor yang diambil di titik berlakunya perpisahan di antara garisan lurus yang dibuat.[3] Berdasarkan kepada carta Scree (a) iaitu Peranan Institusi Zakat, perpisahan trend terjadi pada indikator 4. Oleh itu, melalui rajah ini 4 indikator boleh dipertimbangankan. Di dalam carta Scree (b) iaitu Tindakan Kerajaan, bilangan indikator yang boleh dipertimbangkan adalah 5 indikator. Manakala bagi carta Scree (c) iaitu Dorongan Dalaman faktor yang boleh dipertimbangkan adalah 4 dan seterusnya di dalam carta Scree (d) iaitu Pembayaran Zakat bilangan indikator yang boleh dipertimbangkan adalah 4 indikator. Melalui carta Scree ini ia memberikan tambahan petanda untuk membuat keputusan bagi bilangan faktor atau indikator yang hendak diambil.

[3] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide to Novices", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no. 3 (2006), 7.

University of Malaya

Rajah 5.1 Carta Scree



Sumber: Analisis Data

Kaedah yang keempat adalah dengan menggunakan Analisis Selari menggunakan simulasi Monte Carlo iaitu dengan membuat perbandingan di antara nilai *Eigen* dengan nilai simulasi Monte Carlo. Melalui perisian Monte Carlo PCA for Parallel Analysis[4] nilai simulasi Monte Carlo dapat diperolehi dan dinyatakan di dalam Jadual 5.11. Jika nilai *Eigen* yang diperolehi adalah lebih besar daripada nilai simulasi *Eigen* Monte Carlo maka sesuatu

[4] Download.com, "Monte Carlo PCA for Parallel Analysis", laman sesawang *Download.com*, dicapai 3 Oktober 2015, http://download.cnet.com/s/monte-carlo-pca-for-parallel-analysis/

University of Malaya

indikator itu boleh diterima.[5] Berdasarkan kepada jadual, terdapat 12 indikator yang boleh diterima iaitu tiga indikator bagi setiap konstruk.

Dapatan daripada empat ujian yang dibuat, indikator yang akan diguna pakai dalam kajian ini adalah indikator 1, 2 dan 3 bagi setiap konstruk. Walaupun daripada carta Scree, ia menunjukkan bilangan indikator yang sedikit berbeza tetapi ke tiga ujian yang lain membuktikan dan mengesahkan hanya 3 item bagi setiap konstruk yang benar-benar menepati kriteria yang ditetapkan. Penyelidik berpuas hati dengan penemuan 12 indikator ini kerana ia telah dihasilkan dan disahkan oleh beberapa peringkat ujian yang diiktiraf.[6]

5.3.2(c) Analisis Muatan Faktor (*Factor Loadings*)

Tujuan analisis muatan faktor ini dibuat adalah bagi menguji tahap kebolehterimaan setiap item bagi setiap indikator. Dalam erti kata lain, ia dibuat bagi menguji tahap kebolehsandaran setiap soalan dalam borang soal selidik. Melalui analisis ini kajian dapat mengetahui kekuatan setiap perkara yang disoal dalam borang soal selidik. Item yang menepati akan diambil manakala item yang lemah dan tidak menepati kriteria akan dikeluarkan. Melalui kaedah ekstraksi *Principal Component* (PC) dan *varimax rotation* ia akan memberikan nilai muatan faktor dan nilai komunaliti. Kriteria yang ditetapkan bagi nilai muatan faktor adalah 0.5 kerana julat nilai minimum yang boleh diterima adalah di antara 0.4 hingga 0.6.[7] Bagi komunaliti pula julat nilai minimum yang boleh diterima adalah 0.4 hingga 0.6. Oleh itu, kajian ini memilih nilai 0.4 sebagai garis minimum. Ujian ini dibuat berulang kali sehingga

---

[5] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide to Novices", 8.

[6] Yong, An Gie dan Pearce, Sean, "A Beginner's Guide to Factor Analysis: Focusing on Exploratory Factor Analysis", *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology* 9, no.2 (2013), 79-94.

[7] Field, Andy, *Discovering Statistics Using SPSS*, 647.

University of Malaya

mendapati semua item yang diperolehi adalah menepati kriteria.[8] Jadual 5.12 menunjukkan proses saringan dan item yang digugurkan.

Jadual 5.12 Ringkasan Pelaksanaan Proses EFA

Konstruk	**Kekerapan Ujian**	**Bilangan Item Asal**	**Bilangan Item Keluar**	**Bilangan Item Diterima**
Peranan Institusi Zakat	6	22	5	17
Tindakan Kerajaan	2	11	1	11
Dorongan Dalaman	2	16	1	15
Pembayaran Zakat	1	12	0	12
Jumlah	11	61	7	54

Sumber: Analisis Data

Merujuk kepada Jadual 5.12, kajian ini telah melaksanakan 11 ulangan untuk mengenal pasti item yang menepati kriteria. Sebanyak 7 item dikeluarkan iaitu 5 bagi Peranan Institusi Zakat, 1 bagi Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman. Tiada item yang dikeluarkan bagi konstruk Pembayaran Zakat. Item yang dikeluarkan bagi konstuk Peranan Institusi Zakat adalah A6, A7, A12, A 15 dan A16. Item yang dikeluarkan bagi Tindakan kerajaan adalah item B6 dan bagi Dorongan Dalaman adalah item C13. Perincian mengenai item yang dikeluarkan dinyatakan di dalam Jadual 5.13.

Jadual 5.13 Item Yang Dikeluarkan Kerana Mempunyai Loading Yang Rendah

Bil	**Kod Item**	**Konstruk**	**Indikator**
1	A7	PIZ	Urus Tadbir
2	A6	PIZ	Urus Tadbir
3	A12	PIZ	Perkhidmatan
4	A15	PIZ	Urus Tadbir
5	A16	PIZ	Agihan
6	B6	PK	Galakan
7	C13	DD	Faham

Sumber: Analisis Data

[8] *Ibi5d.,*

University of Malaya

Kini kajian ini telah memperolehi keputusan yang dicari iaitu mengenal pasti semua item melepasi nilai muatan faktor 0.50 dan nilai komunaliti 0.40. Dapatan ujian EFA bagi setiap konstruk dibuat secara berasingan dan dilaporkan di dalam jadual yang berbeza. Keputusan EFA bagi konstruk Peranan Institusi Zakat (PIZ) dinyatakan di dalam Jadual 5.14.

Jadual 5.14 Ringkasan keputuan analisis EFA – Konstruk Peranan Institusi Zakat

Faktor dan item		**Muatan Faktor**	**Komunaliti**
Perkhidmatan	A10	0.839	0.797
	A9	0.829	0.697
	A11	0.717	0.709
	A5	0.651	0.481
	A8	0.636	0.573
	Nilai Eigen = 8.310, % Varians Diterangkan = 48.88%, alfa Cronbach = 0.869		
Agihan	A19	0.739	0.550
	A13	0.723	0.678
	A22	0.695	0.643
	A18	0.672	0.724
	A21	0.657	0.818
	A14	0.651	0.616
	Nilai Eigen = 2.144, % Varians Diterangkan = 12.61%, alfa Cronbach = 0.870		
Urus Tadbir	A4	0.730	0.699
	A2	0.717	0.793
	A17	0.678	0.801
	A20	0.669	0.829
	A1	0.637	0.670
	A3	0.609	0.701
	Nilai Eigen = 1.325, % Varians Diterangkan = 7.79%, alfa Cronbach = 0.886		

Sumber: Analisis Data

Berdasarkan kepada Jadual 5.14, nilai terkumpul varians bagi ketiga faktor yang mendokongi konstruk ini (jumlah Varians Diterangkan bagi faktor 1, 2 dan 3) adalah 69.28%. Jumlah ini telah melebihi kriteria minimum iaitu $\geq$ 50%.[9] Nilai faktor muatan juga didapati

[9] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, Exploratory Factor Analysis: A five step guide for Novice, Australian Journal of Paramedicine 8, no.3 (2010), 6.

University of Malaya

melebihi 0.5 begitu juga dengan nilai komunaliti adalah melebihi 0.4. Oleh itu, semuanya adalah memuaskan.

Setelah ujian selesai, konstruk PIZ didokongi oleh tiga indikator berbanding lima indikator di dalam model yang dicadangkan iaitu Perkhidmatan, Dakwah, Agihan, Urus Tadbir dan Ketelusan. Salah satu limitasi dalam mengendalikan EFA ialah nama faktor tidak benar-benar melambangkan item-item yang mendokonginya.[10] Menyedari hakikat ini maka kajian ini sebaik mungkin memastikan nama faktor yang diberikan adalah paling mewakili item yang mendokonginya. Bagi faktor 1, semua item di dalamnya adalah memberikan ciri-ciri perkhidmatan sebagaimana di dalam model cadangan. Oleh itu, bagi indikator 1, nama Perkhidmatan diberikan .

Bagi faktor 2, keputusan ujian merangkumkan item agihan dan dakwah dalam indikator ini. Kajian ini perlu memilih untuk menggunakan nama agihan atau dakwah dan kajian ini memilih nama Agihan kerana berdasarkan kepada kajian yang lalu gerak kerja pengagihan yang dibuat oleh institusi zakat adalah sangat penting dalam mendorong pembayaran zakat.[11] Bagi faktor 3, keputusan ujian telah merangkumkan item-item urus tadbir bersekali dengan ketelusan. Oleh itu, kajian ini memilih nama Urus Tadbir kerana ketelusan boleh dijadikan subset kepada Urus Tadbir. Oleh itu, bagi konstruk PIZ, kini ia didokongi oleh tiga indikator berbanding lima di dalam model cadangan. Indikator baru yang mendokongi konstruk PIZ adalah Perkhidmatan, Agihan dan Urus Tadbir. Melalui Jadual 5.14, nilai alfa Cronbach yang mengukur konsistensi dalaman bagi setiap faktor turut dikenal pasti. Nilai alfa Cronbach yang diperolehi bagi indikator Perkhidmatan adalah 0.869, Agihan adalah 0.870 dan Urus Tadbir adalah 0.886. Semua nilai alfa Cronbach adalah melebihi 0.80

[10] Yong, An Gie Yong dan Pearce, Sean, "A Beginner's Guide to Factor Analysis: Focusing on Exploratory Factor Analysis", *Tutorials in Quantitative Methods for Psychology* 9 No.2 (2013), 81. (79-94).
[11] Rujuk perbincangan di dalam Kajian Literatur tentang isu pengagihan zakat.

University of Malaya

dan nilai yang diperoleh adalah melepasi garis minimum 0.60[12] sebagaimana yang ditetapkan. Ini menunjukkan konsistensi dalaman setiap faktor adalah boleh disandari.

Seterusnya, ujian dibuat terhadap konstruk Tindakan Kerajaan. Berdasarkan kepada Jadual 5.15, nilai terkumpul bagi ketiga faktor yang mendokongi konstruk ini (jumlah % varians diterangkan bagi faktor 1, 2 dan 3) adalah 74.38%. Jumlah ini telah melebihi kriteria minimum $\geq$ 50%.[13] Nilai faktor muatan bagi semua item didapati melebihi 0.5 begitu juga dengan nilai komunaliti adalah melebihi 0.4 sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.15. Oleh itu, semuanya adalah memuaskan.

Jadual 5.15 Ringkasan Keputusan Analisis EFA – Tindakan Kerajaan

Faktor dan item		**Muatan Faktor**	**Komunaliti**
Fatwa	B8	0.925	0.913
	B7	0.909	0.909
	B9	0.903	0.912
	Nilai Eigen = 4.247, % Varians Diterangkan = 42.47%, alfa Cronbach = 0.952		
Insentif Cukai	B1	0.758	0.648
	B5	0.741	0.571
	B2	0.731	0.562
	B4	0.723	0.631
	B3	0.658	0.549
	Nilai Eigen = 2.099, % Varians Diterangkan = 20.99%, alfa Cronbach = 0.787		
Penguat-kuasaan	B10	0.882	0.873
	B11	0.875	0.870
	Nilai Eigen = 1.092, % Varians Diterangkan = 10.92%, alfa Cronbach = 0.918		

Sumber: Analisis Data

Setelah ujian selesai, konstruk TK didokongi oleh tiga indikator berbanding empat indikator di dalam model cadangan. Bagi faktor 1, semua item di dalamnya adalah memberikan ciri-ciri Fatwa sebagaimana di dalam model cadangan. Oleh itu, bagi indikator 1, nama Fatwa dikekalkan. Bagi indikator 2, keputusan ujian merangkumkan semua item insentif cukai di bawah faktor ini sebagaimana model cadangan. Oleh itu, bagi indikator 2,

[12] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Analysis*, 197.

[13] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no.3 (2010), 6.

University of Malaya

nama Insentif Cukai dikekalkan. Bagi faktor 3 juga keputusan adalah sama dengan model cadangan. Oleh itu, nama Penguatkuasaan juga dikekalkan. Indikator yang digugurkan adalah Galakan di mana item menegnainya menerima nilai muatan yang rendah dan tidak memenuhi kriteria. Oleh itu, bagi konstruk PIZ, kini ia didokongi oleh tiga indikator berbanding empat di dalam model cadangan. Indikator baru yang mendokongi konstruk TK adalah Fatwa, Insentif Cukai dan Penguatkuasaan.

Melalui Jadual 5.15, nilai alfa Cronbach yang diperolehi bagi indikator Fatwa adalah 0.952, Insentif Cukai adalah 0.787 dan Penguatkuasaan adalah 0.918. Semua nilai alfa Cronbach ini adalah melebihi 0.70 dan nilai ini adalah melepasi garis minimum 0.60[14] sebagaimana yang ditetapkan. Ini menunjukkan konsistensi dalaman setiap faktor adalah boleh disandari.

Seterusnya, ujian dibuat terhadap konstruk Dorongan Dalaman. Berdasarkan kepada Jadual 5.16, nilai varians terkumpul bagi ketiga faktor yang mendokongi konstruk ini (jumlah varians terkumpul bagi faktor 1, 2 dan 3) adalah 69.71%. Jumlah ini telah melebihi kriteria minimum $\geq$ 50%.[15] Nilai faktor muatan bagi semua item didapati melebihi 0.5 begitu juga dengan nilai komunaliti adalah melebihi 0.4 sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.16. Oleh itu, semuanya adalah memuaskan.

Jadual 5.16 Ringkasan Keputusan Analisis EFA – Dorongan Dalaman

Faktor dan item		**Muatan Faktor**	**Komunaliti**
Kefahaman Zakat	C1	0.824	0.731
	C4	0.809	0.706
	C5	0.781	0.759
	C7	0.758	0.758
	C3	0.741	0.706
	C2	0.727	0.739

[14] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Analysis*, 197.
[15] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no.3 (2010), 6.

University of Malaya

Faktor dan item		Muatan Faktor	Komunaliti
	C6	0.672	0.618
	Nilai Eigen = 6.596, Peratus Varian = 43.98%, alfa Cronbach = 0.907		
Komposisi Muslim	C12	0.780	0.675
	C9	0.761	0.655
	C8	0.748	0.679
	C11	0.740	0.595
	C10	0.553	0.533
	Nilai Eigen = 2.276, Peratus Varian = 15.17%, alfa Cronbach = 0.844		
Prestasi Kewangan	C14	0.868	0.792
	C15	0.843	0.757
	C16	0.777	0.753
	Nilai Eigen = 1.583, Peratus Varian = 10.56%, alfa Cronbach = 0.864		

Sumber: Analisis Data

Konstruk Dorongan Dalaman didokongi oleh tiga indikator sebagaimana model cadangan. Bagi faktor 1, semua item di dalamnya adalah memberikan ciri-ciri kesedaran terhadap kewajipan syarikat fahaman zakat sebagaimana model cadangan. Oleh itu, bagi indikator 1, nama Kefahaman ALP digunakan. Bagi faktor 2, keputusan ujian merangkumkan semua item komposisi muslim sebagaimana model cadangan. Maka bagi indikator 2, nama Muslim Komposisi dikekalkan. Bagi faktor 3 juga keputusan adalah sama dengan model cadangan. Oleh itu, nama Prestasi Kewangan dikekalkan. Oleh itu, bagi konstruk Dorongan Dalaman ia kekal didokongi oleh tiga indikator iaitu Kefahaman ALP, Kompisisi Muslim dan Prestasi Kewangan sebagaimana model cadangan.

Melalui Jadual 5.16, nilai alfa Cronbach yang diperolehi bagi indikator Kefahaman adalah 0.907, Komposisi Muslim adalah 0.844 dan Prestasi Kewangan adalah 0.864. Semua nilai alfa Cronbach ini adalah melebihi 0.80 dan nilai ini adalah melepasi garis minimum 0.60[16] sebagaimana yang ditetapkan. Ini menunjukkan konsistensi dalaman setiap faktor adalah boleh disandari.

[16] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Analysis*, 197.

University of Malaya

Ujian seterusnya dibuat terhadap konstruk Pembayaran Zakat. Berdasarkan kepada Jadual 5.17, nilai terkumpul varians bagi ketiga-tiga faktor yang mendokongi konstruk ini (jumlah *variance explainded* faktor 1, 2 dan 3) adalah 77.13%. Jumlah ini telah melebihi kriteria minimum ≥ 50%.[17] Nilai faktor muatan bagi semua item didapati melebihi 0.5 begitu juga dengan nilai komunaliti adalah melebihi 0.4 sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.17. Oleh itu, semuanya adalah memuaskan.

Jadual 5.17 Ringkasan Keputusan Analisis EFA –Pembayaran Zakat

Konstruk	**Faktor dan item**	**Muatan Faktor**	**Komunaliti**
Inisiatif	D3	0.903	0.857
	D1	0.885	0.854
	D2	0.885	0.851
	D4	0.861	0.835
	D5	0.675	0.644
	Nilai Eigen = 5.487, Peratus Varian = 45.73%, alfa Cronbach = 0.929		
Tanggapan	D10	0.869	0.840
	D11	0.856	0.756
	D9	0.824	0.738
	D12	0.730	0.617
	Nilai Eigen = 2.523, Peratus Varian = 21.02%, alfa Cronbach = 0.868		
Kesedaran	D7	0.873	0.856
	D8	0.772	0.820
	D6	0.568	0.587
	Nilai Eigen = 1.246, Peratus Varian = 10.38%, alfa Cronbach = 0.745		

Sumber: Analisis Data

Konstruk Pembayaran Zakat didokongi oleh tiga indikator sebagaimana model cadangan. Bagi faktor 1, semua item di dalamnya adalah memberikan ciri-ciri inisiatif yang diambil jika seseorang itu mempunyai kecenderungan untuk membuat keputusan membayar zakat sebagaimana model cadangan. Oleh itu, bagi indikator 1, nama Inisiatif digunakan. Bagi faktor 2, keputusan ujian merangkumkan semua item yang berkitan dengan tanggapan

[17] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys, "Exploratory Factor Analysis: A five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no.3 (2010),6.

University of Malaya

yang baik terhadap keperluan untuk membayar zakat sebagaimana model cadangan. Bagi indikator 2, nama Tanggapan dikekalkan. Bagi faktor 3 keputusan ujian adalah sama dengan model cadangan dan nama Kesedaran dikekalkan. Oleh itu, bagi konstruk Pembayaran Zakat ia kekal didokongi oleh tiga indikator iaitu Inisiatif, Tanggapan dan Kesedaran sebagaimana model cadangan.

Melalui Jadual 5.17, nilai alfa Cronbach yang diperolehi bagi indikator Inisiatif adalah 0.929, Tanggapan adalah 0.820 dan Kesedaran adalah 0.745. Semua nilai alfa Cronbach ini adalah melebihi 0.70 dan nilai ini adalah melepasi garis minimum 0.60[18] sebagaimana yang ditetapkan. Ini menunjukkan konsistensi dalaman setiap faktor adalah boleh disandari.

Sebagai kesimpulan, keputusan ujian EFA ini mengesahkan bahawa semua item yang digunakan dalam kajian ini adalah sah apabila diukur dari aspek faktor muatan, komunaliti dan alfa Cronbach. Indikator-indikator dan item-item yang diperolehi juga adalah selari dengan asas teori konseptual kajian. Malah teori konseptual menjadi semakin kukuh dengan adanya sokong empirikal dari kajian EFA ini.

5.3.2(d) Analisis Deskriptif Bagi Setiap Faktor

Analisis deskriptif bagi stiap item dibuat bagi menerangkan sesuatu item yang diperolehi daripada pelbagai dimensi berdasarkan kepada keputusan EFA dibuat dalam bentuk kekerapan, peratusan, median, min dan sisihan piawai (*standard deviation*). Item yang terlibat adalah item yang didapati sah hasil daripada analisis EFA.

i. Analisis Deskriptif Bagi Konstruk Peranan Institusi Zakat

[18] Zainuddin Awang, *Research Methodology and Analysis*, 197.

University of Malaya

Semua indikator bagi Peranan Institusi Zakat mempunyai skor yang hampir sama. Jadual 5.18 menunjukkan nilai purata bagi semua indikator iaitu Perkhidmatan, Agihan dan Urus tadbir mempunyai purata melebihi 3.00 bagi setiap indikator. Ini menunjukkan bahawa purata persepsi responden adalah di tahap Neutral ke tahap Setuju. Di samping itu, nilai median bagi majoriti indikator di dalam konstruk adalah 4.00. Ini menunjukkan lebih separuh daripada pandangan responden adalah bersetuju dengan instrument yang dikaitkan dengan tiga indikator bagi konstruk ini.

Jadual 5.18 Ringkasan Keputusan Analisis Deskriptif (Peranan Institusi Zakat)

Konstruk / Item	**STS**	**TS**	**N**	**S**	**SS**	**Min**	**SP**	**Median**
Perkhidmatan								
A10	-	5 (4.4)	31 (27.4)	60 (53.1)	17 (15.0)	3.79	0.749	4.00
A9	-	5 (4.4)	30 (26.5)	60 (53.1)	18 (15.9)	3.81	0.754	4.00
A11	1 (0.9)	2 (1.8)	28 (24.8)	64 (56.6)	18 (15.9)	3.85	0.735	4.00
A5	1 (0.9)	8 (7.1)	53 (46.9)	40 (35.4)	11 (9.7)	3.46	0.802	3.00
A8	1 (0.9)	5 (4.4)	20 (17.7)	63 (55.8)	24 (21.2)	3.92	0.803	4.00
Agihan								
A19	2 (1.8)	9 (8.0)	32 (28.3)	53 (46.9)	17 (15.0)	3.65	0.894	4.00
A13	-	4 (3.5)	28 (24.8)	59 (52.2)	22 (19.5)	3.88	0.757	4.00
A22	1 (0.9)	4 (3.5)	45 (39.8)	45 (39.8)	11 (9.7)	3.48	0.836	3.00
Seterusnya, kajian ini mendapatkan nilai *Variance Accounted For* (VAF) untuk kesan tidak langsung bagi setiap analisis kesan mediator. Penilaian VAF dilaksanakan bagi mengukur saiz kesan tidak langsung konstruk mediator terhadap kesan langsung konstruk eksogen (pemboleh ubah bebas) dan konstruk endogen (pemboleh ubah bersandar).[35] Hasil analisis menunjukkan 40.88% daripada Peranan Institusi Zakat memberi kesan kepada Pembayaran Zakat yang diterangkan melalui mediator Dorongan Dalaman. Manakala dalam konteks yang sama, 27.88% daripada Tindakan Kerajaan memberi kesan kepada Pembayaran Zakat yang diterangkan melalui mediator Dorongan Dalaman. Oleh itu, kajian ini membuat kesimpulan bahawa Dorongan Dalaman memberikan kesan tidak langsung yang tinggi di antara hubungan di antara Peranan Institusi Zakat terhadap Pembayaran Zakat, diikuti oleh hubungan Tindakan Kerajaan terhadap Pembayaran Zakat. Ini menunjukkan wujud kesan mediator dalam model kajian.

[35] *Ibid.*, 225.

Jadual 5.43 Keputusan Jenis Mediasi dan Kesan Tidak Langsung

Analisis Laluan				**Jenis Mediasi**	**Jumlah Kesan**	**VAF (%)**
Laluan	**Koefisien Laluan Tidak Langsung (Kesan Tidak Langsung)**	**Laluan**	**Koefisien Laluan (Kesan Langsung)**			
PIZ → DD → PZ	0.168**	PIZ → PZ	0.243 (TSg)	Mediasi Penuh	0.411	40.88
TK → DD → PZ	0.138*	TK → PZ	0.357**	Mediasi Sebahagian	0.495	27.88

Nota: *Signifikan pada p <.05 (t > 1.96); **Signifikan pada p <.01 (t > 2.58); ªStatistik t adalah statistik t untuk kesan keofisien laluan tidak langsung ; PIZ = Peranan Institusi Zakat; TK = Tindakan Kerajaan; DD = Dorongan Dalaman; PZ = Pembayaran Zakat; TSg = Tidak Signifikan; VAF = Variance Accounted For.

Sumber: Analisis Data

Selain itu, Jadual 5.43 di atas juga menunjukkan keputusan jenis mediator untuk kesan tidak langsung bagi setiap analisis kesan mediator. Kajian ini menggunakan pendapat Kristopher J. Preacher dan Ken Kelley[36] dalam menentukan jenis mediator di mana Mediator Penuh terjadi apabila hubungan langsung di antara konstruk endogen dan konstruk eksogen adalah tidak signifikan.[37] Manakala Mediator Sebahagian terjadi apabila hubungan langsung dan tidak langsung bagi kedua variabel yang dikaji adalah signifikan. Analisis yang diperolehi menunjukkan Dorongan Dalaman memainkan peranan sebagai mediator penuh di antara hubungan Peranan Institusi Zakat terhadap Pembayaran Zakat kerana hubungan langsung di antara Peranan Institusi Zakat dan Pembayaran Zakat adalah mempunyai hubungan korelasi yang tidak signifikan (Koefisien Laluan = 0.243, t = 1.824, p =.071) sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.43.

[36] Preacher, Kristopher J. dan Kelley, Ken, "Effect Size Measures for Mediation Models: Quantitative Strategies for Com.unicating Indirect Effects", *Psychological Methods* 16, no. 2 (2011), 93–115.

[37] *Ibid.*, 96.

University of Malaya

Namun keadaan terjadi sebaliknya di antara kesan hubungan tidak langsung Dorongan Dalaman terhadap Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat. Analisis juga menunjukkan bahawa Dorongan Dalaman memainkan peranan sebagai mediator tidak penuh (*partially mediated*) dalam hubungan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat kerana hubungan langsung di antara Tindakan Kerajaan dan Pembayaran Zakat mempunyai korelasi yang signifikan. (Koefisien Laluan = 0.357, t = 2.976, p <.01).

5.3.7 Model Sebenar

Model faktor pembayaran zakat oleh entiti perniagaan telah dapat dihasilkan dan disahkan hasil pengujian daripada pelbagai dimensi melalui kajian kuantitatif fasa 2. Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan diilustrasikan di dalam Rajah 5.4.

Rajah 5.4 Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan (Model Sebenar)



Sumber: Analisis Data

Model yang dihasilkan ini adalah boleh disandari dan sah untuk diguna pakai dalam menerangkan faktor yang mendorong kepada pembayaran zakat oleh entiti perniagaan kerana

University of Malaya

telah diuji dan memenuhi syarat tahap kebolehpercayaan dan kesahan yang diperlukan. Nilai R^2 yang memberikan skor terhadap tahap konstruk endogen diterangkan oleh konstruk peramal (Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman) berada di dalam kategori purata iaitu 0.342 bagi Pembayaran Zakat dan 0.351 bagi Dorongan Dalaman (Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan). Model ini juga dilengkapkan dengan nilai muatan bagi setiap indikator kepada konstruk untuk mengetahui kekuatan hubungan di antara keduanya. Semakin nilai muatan menghampiri 1, makin kuat hubungan di antara indikator dengan konstruk. Hubungan di antara konstruk diukur melalui nilai koefisien laluan. Dorongan Dalaman mempunyai kesan yang paling besar terhadap pembayaran zakat dengan nilai 0.453 diikuti oleh Tindakan kerajaan 0.357. Peranan Institusi Zakat memberi kesan yang besar terhadap pembayaran zakat tetapi melalui Dorongan Dalaman.

5.3.8 Keputusan Pengujian Hipotesis

Hipotesis kajian dibuat bagi mengesahkan dan menguji kekuatan hubungan di antara konstruk endogen dengan konstruk eksogen. Berdasarkan kepada model kajian terdapat tujuh laluan yang dijadikan hipotesis kajian ini. Pelaksanaan pengujian untuk hipotesis dibuat melalui Jadual 5.40 dan Jadual 5.42. Manakala ringkasan keputusan pengujian hipotesis adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.45. Perbincangan mengenai setiap hipotesis dibuat melalui perkara 5.3.8(a) hingga 5.3.8(g).

University of Malaya

Jadual 5.44 Keputusan Pengujian Hipotesis

Hipotesis		Keputusan Ujian
Hipotesis 1	Peranan Institusi Zakat (PIZ) memberi kesan positif terhadap Dorongan Dalaman (DD)	Terima
Hipotesis 2	Tindakan Kerajaan (TK) memberi kesan positif terhadap Dorongan Dalaman (DD)	Terima
Hipotesis 3	Dorongan Dalaman (DD) memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat (PZ)	Terima
Hipotesis 4	Peranan Institusi Zakat (PIZ) memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat (PZ)	Tolak
Hipotesis 5	Tindakan Kerajaan (TK) memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat (PZ)	Terima
Hipotesis 6	Dorongan Dalaman (DD) mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Peranan Institusi Zakat (PIZ) dengan Pembayaran Zakat (PZ)	Terima
Hipotesis 7	Dorongan Dalaman (DD) mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Tindakan Kerajaan (TK) dengan Pembayaran Zakat (PZ)	Terima

Sumber: Analisis Data

5.3.8(a) Hubungan Peranan Institusi Zakat Dengan Dorongan Dalaman

Berdasarkan kepada keputusan ujian peranan institusi zakat memberikan impak yang positif yang sangat signifikan (t = 4.007, p <.01) dalam memberikan dorongan dalaman khususnya untuk membayar zakat. Peranan institusi zakat ini diwakili oleh indikator agihan, perkhidmatan dan urus tadbir. Bagi meningkatkan dorongan dalaman untuk membayar zakat institusi zakat perlu memperkasa program agihan, memberikan perkhidmatan yang terbaik dan mempunyai sistem tadbir urus yang baik.

Berdasarkan kepada pandangan responden bagi indikator agihan, perkara utama yang perlu dikuasai oleh institusi zakat adalah wang zakat diagihkan kepada penerima yang betul dan institusi zakat menerangkan kepada masyarakat tentang mekanisma agihan. Bagi indikator perkhidmatan, perkara utama yang perlu dilakukan adalah kualiti layanan, perkhidmatan yang berkualiti dan menepati piawaian perkhidmatan dan penyediaan pelbagai

University of Malaya

kemudahan bayaran. Manakala bagi urus tadbir penekanan yang perlu diberikan adalah kepada kecekapan dan pengurusan wang yang telus.

5.3.8(b) Hubungan Tindakan Kerajaan Dengan Dorongan Dalaman

Berdasarkan kepada keputusan ujian, Tindakan Kerajaan memberikan impak yang positif yang sangat signifikan (t = 3.053, p <.01) dalam memberikan Dorongan Dalaman khususnya untuk membayar zakat. Tindakan kerajaan yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah pengeluaran fatwa tentang kewajipan zakat, insentif cukai dan penguatkuasaan undang-undang. Oleh itu, bagi mewujudkan kesan dorongan dalaman kepada syarikat untuk membayar zakat pihak kerajaan perlu memainkan peranan sebagai penguasa yang membuat peraturan, mengeluarkan fatwa, melaksanakan penguatkuasaan dan memberikan insentif cukai kepada para syarikat.

Berdasarkan kepada pandangan responden bagi indikator Fatwa, tindakan yang baik yang telah dilakukan oleh pihak kerajaan adalah mengeluarkan fatwa berkaitan kewajipan membayar zakat oleh entiti dan fatwa kewajipan membayar zakat yang bercampur pemilikan. Responden juga dapati perlu ada fatwa khas berkaitan kewajipan pemilikan kerajaan untuk membayar zakat. Bagi insentif cukai pastinya rebat 100% atau sekurang-kurangnya penolakan cukai adalah diperlukan. Responden juga berpendapat penguatkuasaan boleh lebih memberi dorongan.

5.3.8(c) Hubungan Dorongan Dalaman dengan Pembayaran Zakat

Berdasarkan kepada keputusan ujian, dorongan dalaman memberikan impak yang positif yang sangat signifikan (t = 3.253, p <.01) bagi meningkatkan kecenderungan membayar zakat. Dorongan Dalaman yang dimaksudkan di dalam kajian ini adalah kefahaman ahli lembaga pengarah, syarikat dikuasai oleh muslim dan syarikat mempunyai prestasi

kewangan yang memuaskan. Jika tiga syarat ini dipenuhi maka pembuat keputusan di dalam syarikat akan cendrung untuk membayar zakat.

Berdasarkan kepada pandangan responden aspek penting dalam kefahaman ahli lembaga pengarah adalah kefahaman terhadap status kewajipan syarikat membayar zakat, pengiraan zakat, impak positif pembayaran zakat terhadap syarikat dan zakat sebagai pembersih harta. Bagi komposisi muslim pula, apa yang penting adalah majoriti pembuat keputusan adalah muslim, majoriti pemegang saham adalah muslim, pembayaran zakat telah menjadi polisi syarikat dan majoriti ahli lembaga pengarah adalah muslim. Manakala bagi prestasi kewangan apa yang penting adalah keuntungan syarikat, kemampuan membayar dividen yang baik kepada pelabur dan syarikat mempunyai aset yang positif. Walaupun dari aspek pengiraan zakat perniagaan syarikat, status keuntungan syarikat tidak diambil kira, tetapi dalam konteks kecenderungan membayar zakat keuntungan syarikat mendorong syarikat untuk membayar zakat.

5.3.8(d) Hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat

Berdasarkan kepada keputusan ujian, Peranan Institusi Zakat tidak memberikan kesan langsung yang positif (t = 1.824, p >.01) bagi mendorong pembayaran zakat. Dalam erti kata lain, usaha yang dibuat oleh institusi zakat tidak memberi kesan dalam meningkatkan kecenderungan pembuat keputusan syarikat untuk membayar zakat. Syarikat membayar zakat adalah atas inisiatif masing-masing dan bukannya hasil tindakan langsung daripada perkhidmatan, pelaksanaan agihan dan urus tadbir institusi zakat. Namun begitu, peranan institusi zakat sebenarnya ada dan ia akan dibincangkan dalam hipotesis yang selanjutnya.

5.3.8(e) Hubungan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat

Berdasarkan kepada keputusan ujian tindakan kerajaan memberikan impak yang positif yang sangat signifikan (t = 2.976, p <.01) bagi meningkatkan kecenderungan membayar zakat.

Tindakan kerajaan dalam bentuk fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan dapat meningkatkan kecenderungan pembuat keputusan untuk membayar zakat. Dalam erti kata lain, jika pihak kerajaan bertindak dengan lebih aktif, kecenderungan membuat pembayaran zakat akan dapat ditingkatkan. Sebagaimana dinyatakan di dalam perkara 4.3.9 (b), indikator yang menerangkan tentang faktor tindakan kerajaan adalah fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan undang-undang.

5.3.8(f) Hubungan Dorongan Dalaman Sebagai Mediator Di Antara Peranan Institusi Zakat Dengan Pembayaran Zakat

Hubungan yang diukur dalam konteks mediator adalah hubungan tidak langsung. Walapun hubungan langsung di antara Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat adalah tidak signifikan, tetapi kedua konstruk ini dihubungkan oleh konstruk Dorongan Dalaman. Hasil ujian mediator menunjukkan Dorongan Dalaman bertindak sebagai mediator yang sangat signifikan (t = 2.658, p <.01) di antara Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran zakat. Ini menunjukkan gerak kerja yang dilakukan oleh institusi zakat memberik kesan kepada kecenderungan berzakat tetapi melalui Dorongan Dalaman. Nilai VAF iaitu kesan mediator juga adalah sangat tinggi (40.88%) yang menunjukkan Peranan Institusi Zakat memberi kesan kepada pembayaran zakat diterangkan sebanyak 40.88% melalui Dorongan Dalaman.

Oleh itu, jika institusi zakat memberi penekanan kepada indikator yang mendokongi Dorongan Dalaman, maka kecenderungan membayar zakat dapat ditingkatkan.

5.3.8(g) Hubungan Dorongan Dalaman Sebagai Mediator Di Antara Tindakan Kerajaan Dengan Pembayaran Zakat

Hasil ujian mediator menunjukkan Dorongan Dalaman bertindak sebagai mediator yang signifikan (t = 2.414, p <.05) di antara Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran zakat. Ini menunjukkan gerak kerja yang dilakukan oleh pihak kerajaan turut memberikan kesan

University of Malaya

kepada kecenderungan berzakat tetapi melalui Dorongan Dalaman juga. Nilai VAF iaitu kesan mediator juga adalah memuaskan (27.88%) yang menunjukkan Tindakan Kerajaan terutama fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan dapat memberi kesan kepada pembayaran zakat melalui Dorongan Dalaman. Skor VAF bagi Tindakan Kerajaan lebih rendah kerana Dorongan Dalaman menjadi mediator sebahagian dan tidak mediator penuh sebagaimana oleh hubungan Pembayaran zakat dengan Peranan Institus Zakat.

5.3.9 Rumusan Kajian Kuantitatif Fasa 2

Ujian kuantititif fasa 2 ini merupakan dapatan utama kajian ini. Perbincangan rumusan dibuat dalam empat subtopik iaitu praujian, Analisis Penerokaan Faktor, Penilaian Pengukuran Faktor dan Pengujian Model Berstruktur

5.3.9(a) Praujian

Ia dimulakan dengan analisis menguji saiz sampel. Ujian dibuat dengan mendapatkan nilai Indeks Kaiser-Meyer-Olkin (KMO). Keputusan Indeks KMO menunjukkan konstruk Peranan Institusi Zakat, Dorongan dan Dalaman dan Pembayaran Zakat mempunyai tahap kecukupan sampel yang Sangat Baik. Manakala bagi Tindakan Kerajaan adalah Baik. Dapatan ini mengesahkan bahawa bilangan sampel sebanyak 113 responden yang diperolehi adalah dalam skor julat yang Baik hingga Sangat Baik. Syarat kedua yang perlu dipenuhi adalah memastikan terdapat hubungan di antara sesama item di dalam data yang diperolehi. Maklumat ini dapat diperolehi melalui ujian Bertlett dan keputusan menunjukkan semua konstruk mempunyai nilai yang signifikan.

5.3.9(b) Analisis Penerokaan Faktor

Pengujian sebenar bermula dengan Analisis Penerokaan Faktor (EFA). Tujuan utama analisis ini adalah untuk mengenal pasti indikator yang benar-benar kukuh untuk mendokongi satu-

University of Malaya

satu konstruk dan mengenal pasti item yang benar-benar layak bagi mendokongi indikator. Melalui analisis ini 12 indikator telah dapat dikenal pasti kukuh (melepasi tahap muatan 0.7) untuk mendokongi teori kajian berbanding 16 indikator di dalam model cadangan. 3 indikator di perolehi bagi keempat-empat konstruk kajian ini. Penentuan bilangan indikator ini ditentukan melalui empat kaedah iaitu dengan melihat nilai *Eigen*, nilai varian terkumpul, ujian Scree dan Analisis Selari.

EFA juga berjaya mengenal pasti item yang kukuh (melepasi tahap muatan 0.5) untuk bagi mendokongi 12 indikator yang dinyatakan. Daripada 61 item asal, sebanyak 5 item digugurkan menjadikan bilangan item yang mendokongi model adalah sebanyak 56 item. Oleh itu, EFA telah berjaya membuat penambahbaikan kepada model yang dicadangkan dari segi bilangan item dan indikator.

5.3.9(c) Pengujian Pengukuran Model

Langkah seterusnya adalah dengan membuat ujian menggunakan Partial Least Squares Structral Equation Modeling (PLS-SEM). Ia dimulakan dengan Analisis Pengukuran Model dan ia dikendalikan dalam dua peringkat. Peringkat 1 adalah bagi mengukur model luaran iaitu hubungan di antara item dengan indikator dan Peringkat 2 adalah mengukur model dalaman iaitu hubungan indikator dengan konstruk. Analisis dibuat dengan menguji kebolehpercayaan dan kesahan model melalui empat penilaian iaitu kebolehpercayaan indikator, kebolehpercayaan konsistensi dalaman, kesahan Tumpuan dan kesahan diskriminan. Hasil ujian kebolehpercayaan di Peringkat 1, empat lagi item digugurkan kerana tidak mencapai tahap muatan yang minimum iaitu 0.7. Item yang benar-benar kukuh untuk mendokongi model ini adalah 52 item berbanding 61 item dalam cadangan model awal dan 56 item dalam model cadangan selepas EFA. Bagi ujian kesahan konsistensi dalaman pula nilai CR dan ICR setiap indikator hendaklah melebihi 0.5. Semua indikator melepasi garis

University of Malaya

minimum dengan skor julat 0.856 hingga 0.969 bagi CR dan dalam julat 0.775 hingga 0.952 bagi ICR. Bagi ujian Kesahan Tumpuan pula semua indikator melepasi syarat minimum iaitu nilai AVE > 0.5 dengan julat skor 0.600 – 0.923. Manakala bagi ujian kesahan determinan, melalui ujian muatan silang, semua nilai muatan item bagi setiap indikator adalah lebih tinggi berbanding item yang sama dipadankan dengan indikator yang lain.

Hasil ujian kebolehpercayaan di Peringkat 2, semua indikator melebihi tahap minimum muatan 0.7. Bagi ujian kesahan konsistensi dalaman nilai CR dan ICR setiap konstruk melepasi garis minimum (0.5) dengan skor julat 0.831 hingga 0.907 bagi CR dan dalam julat 0.707 hingga 0.851 bagi ICR. Bagi ujian Kesahan Tumpuan, semua indikator lepas syarat minimum iaitu nilai AVE > 0.5 dengan julat skor 0.626 – 0.881. Manakala bagi ujian kesahan diskriminan, melalui ujian muatan silang, semua nilai muatan indikator bagi setiap konstruk adalah lebih tinggi berbanding indikator yang sama dipadankan dengan konstruk yang lain. Oleh itu, Pengujian Pengukuran Model ini telah berjaya memastikan semua item, indikator dan konstruk kajian ini menepati kriteria kebolehpercayaan dan kesahan yang diperlukan sebelum dibuat pengujian model berstruktur.

5.3.9(d) Pengujian Model Berstruktur

Pengujian model bersturktur dibuat melalui enam langkah bermula dengan ujian kekolinearan. Pengukuran dibuat dengan mendapatkan nilai VIF bagi semua konstruk eksogen dengan konstruk endogen. Semua nilai VIF adalah rendah berbanding kriteria (<5) dengan julat 1.328 – 1.462 dan ini menunjukkan tiada isu kekolinearan bagi semua konstruk. Pengujian pertama adalah sangat penting iaitu dengan mendapatkan nilai R^2. Nilai R^2 mengukur kadar perubahan bagi variabel bersandar yang diterangkan oleh variabel tidak bersandar. Nilai R^2 bagi Pembayaran Zakat adalah 0.342 dan 0.351 bagi Dorongan Dalaman.

University of Malaya

Dapatan ini adalah memuaskan kerana keduanya berada di dalam kategori pertengahan iaitu purata.

Bagi nilai Q^2 iaitu kesesuaian ramalan model, tahap ramalan model kajian ini adalah memuaskan kerana skor yang diperolehi berada dalam kategori medium dengan nilai 0.213 bagi konstruk Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan terhadap Dorongan Dalaman dan 0.177 bagi konstruk Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat.

Analisis koefisien laluan memberikan petunjuk untuk menerima atau menolak lima daripada 7 hipotesis kajian. Berdasarkan kepada ujian yang dijalankan 4 hipotesis diterima dan 1 ditolak. Satu perbincangan mengenai tajuk ujian hipotesis dibuat. Ujian saiz kesan (f^2) dibuat bagi mengukur impak konstruk tidak bersandar terhadap konstruk bersandar. Skor impak PIZ kepada DD adalah Pertengahan; TK kepada DD juga Pertengahan; PIZ kepada PZ adalah Kecil; TK kepada PZ adalah Kecil dan impak DD kepada PZ adalah Pertengahan. Ini menunjukkan PIZ dan PK memberikan impak yang lebih besar kepada DD. DD juga memberikan impak yang lebih besar berbanding PIZ dan PK terhadap PZ.

Ujian yang terakhir adalah kesan mediator. Hasil ujian mendapati wujud kesan mediator oleh DD dalam hubungan di antara PIZ dengan PZ dan PK dengan PZ. Ini menjadikan hipotesis ke 6 dan ke 7 terjawab melalui analisis ini. Dalam hubungan PIZ dengan PZ, DD bertindak sebagai mediator penuh manakala bagi hubungan PK dengan PZ bertindak sebagai mediator sebahagian. Berdasarkan kepada nilai VAF kesan mediator oleh DD kepada hubungan PIZ dengan PZ adalah jauh lebih besar berbanding hubungan PK dengan PZ.

University of Malaya

5.3.9(e) Ringkasan Keseluruhan

Semua perbincangan mengenai analisis data di dalam kajian Kuantitatif fasa 2 ini diringkaskan sebagaimana di dalam Jadual 5.45 di bawah.

Jadual 5.45 Ringkasan Keseluruhan Ujian Kajian Kuantitatif Fasa 2

Bil	Tujuan	Kaedah	Skor / Dapatan
1	Saiz sampel	Indek KMO	Tahap kecukupan pensampelan di dalam kategori Baik (1 Konstruk) dan Sangat Baik. (3 konstruk). Jumlah pensampelan 113 responden adalah memuaskan.
2	Analisis korelasi	Ujian Bartlett	Skor bagi semua konstruk adalah signifikan.
3	Analisis Penerokaan Faktor	• Ujian nilai *Eigen* • Nilai Varian Terkumpul • Ujian *Scree* • Ujian Selari	12 indikator dikenal pasti berbanding 15 yang asal bagi 4 konstruk dalam model cadangan. 12 indikator ini mempunyai nilai *Eigen* melebihi 1, varian terkumpul melebihi 50% dan nilai *Eigen* melebihi nilai simulasi Monte Carlo dalam Analisis Selari.
		Muatan Faktor	54 item di dalam soal selidik melepasi kriteria untuk mendokongi indikator dan konstruk. 7 item digugurkan. Pengukuran muatan melebihi 0.6.
4	Penilaian Pengukuran Model – Peringkat 1	Kebolehpercayaan indikator	Saring item buat kali kedua. 50 item melepasi muatan faktor minimum 0.7. 4 item digugurkan.
		Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman	Semua 12 indikator disahkan mempunyai tahap konsistensi yang memuaskan melalui ujian CR dan ICR perlu melebihi 0.7.
		Kesahan Tumpuan	Semua 12 indikator melepasi syarat minimum iaitu nilai AVE > 0.5
		Kesahan Diskriminan	Semua 12 indikator melepasi ujian muatan silang. Nilai muatan semua item bagi setiap indikator adalah lebih tinggi berbanding item yang sama dengan indikator yang lain
5	Penilaian Pengukuran Model – Peringkat 2	Kebolehpercayaan indikator	Ujian berjaya sahkan semua indikator yang mendokongi konstruk melepasi muatan faktor minimum 0.7.
		Kebolehpercayaan Konsistensi Dalaman	Semua 4 konstruk disahkan mempunyai tahap konsistensi yang memuaskan melalui ujian CR dan ICR melebihi 0.7
		Kesahan Tumpuan	Semua 4 konstruk melepasi syarat minimum iaitu nilai AVE > 0.5
		Kesahan Diskriminan	Semua 4 konstruk melepasi ujian muatan silang. Nilai muatan semua infikator bagi setiap konstruk adalah lebih tinggi

University of Malaya

Bil	Tujuan	Kaedah	Skor / Dapatan
			berbanding konstruk yang sama dengan konstruk yang lain.
6	Penilaian Model Berstruktur	Kolineariti	Pengukuran dibuat dengan nilai VIF. Nilai VIF bagi semua konstruk eksogen dengan konstruk endogen melepasi kriteria. Tiada isu kolineariti.
		Penentuan Koefisien (R^2)	Nilai R^2 bagi konstruk endogen memuaskan dan berada di dalam skor kategori purata.
		Kesesuaian Ramalan (Q^2)	Tahap ramalan model memuaskan. Skor berada dalam kategori medium.
		Koefisien Laluan	Ujian dibuat untuk menerima atau menolak hipotesis. Hipotesis 1, 2, 3 dan 5 adalah signifikan. Manakala Hipotesis 4 adalah sebaliknya.
		Saiz kesan ($f^{2)}$	Impak konstruk endogen kepada eksogen dapat dikenal pasti: PIZ→DD: Pertengahan; TK→DD: Pertengahan; PIZ→PZ: Kecil; TK→PZ: Kecil; dan DD→PZ: Pertengahan
		Ujian Mediator	DD sebagai mediator PIZ→PZ adalah signifikan. Bentuk mediator adalah mediator sepenuhnya kerana hubungan langsung PIZ dan PZ tidak signifikan. Hipotesis 6 adalah signifikan. DD sebagai mediator PK→PZ adalah signifikan. Bentuk mediator adalah mediator sebahagian kerana hubungan langsung PK dengan PZ adalah signifikan. Hipotesis 7 adalah signifikan.

Sumber: Analisis Data

5.4 Analisis Kualitatif

Bahagian ini membincangkan pelaksanaan kajian dari aspek analisis kualitatif. Bagi analisis secara kualitatif kajian ini menggunakan kaedah temu bual bersama pembuat keputusan dalam PLC bagi mengenal pasti faktor yang paling mempengaruhi mereka untuk membayar zakat. Analisis kualitatif ini dibincangkan dalam konteks tujuh subtajuk yang merangkumi; i. latar belakang syarikat tersenarai awam yang terlibat; ii. tahap kejelasan syarikat terhadap kewajipan menunaikan kewajipan berzakat; iii. faktor yang paling mendorong dalam mereka

University of Malaya

membuat keputusan; iv. kedudukan faktor institusi zakat; v. faktor insentif kerajaan; vi. faktor dorongan dalaman; dan vii. tahap kesediaan mereka dalam membuat keputusan untuk meneruskan pembayaran zakat.

Analisis dibuat dengan mengenalpati menganalisis kandungan temu bual dengan melihat perbezaan atau kesamaan pandangan dan pengalaman responden dalam konteks membuat keputusan untuk membayar zakat. Kesamaan dan perbezaan ini dikategorikan dan dirumus menjadi hasil penemuan kajian.

5.4.1 Maklumat Syarikat Yang Terlibat

Semua PLC yang membayar zakat telah dihubungi bagi mendapatkan sesi temu bual iaitu sebanyak 17 buah syarikat. Permohonan dibuat secara surat rasmi berserta soalan yang akan dikemukakan. Tindakan susulan melalui telefon dan email dibuat bagi memastikan setiap syarikat dapat menyediakan responden bagi tujuan ini dan sebanyak 14 buah syarikat bersetuju untuk mengadakan sesi temu bual.

Sesi temu bual dijalankan bagi tempoh dua bulan iaitu Jun hingga Julai 2015. Sektor yang terlibat di dalam temu bual ini adalah merangkumi sektor yang terlibat dengan pembayaran zakat iaitu sektor barangan pengguna, barangan industri, pembinaan, dagangan/perkhidmatan, perladangan, teknologi dan kewangan. Jadual 5.46 menunjukkan Sektor Barangan Pengguna, Barangan Industri, Pembinaan, Perladangan dan Kewangan, sampel yang diperoleh adalah mewakili 100% daripada populasi manakala sektor dagangan/perkhidmatan adalah 77.8%. Sektor teknologi yang mempunyai sebuah syarikat yang membayar zakat tidak dapat mengambil bahagian di dalam kajian ini. Bilangan syarikat yang mengambil bahagian di dalam kajian ini adalah merangkumi 82.4% daripada populasi.

University of Malaya

Jadual 5.46 Pensampelan Kajian Kualitatif

Bil	Sektor	Syarikat Membayar Zakat	Sampel	Peratusan (%)
1	Barangan Pengguna	1	1	100
2	Barangan Industri	1	1	100
3	Pembinaan	1	1	100
4	Dagangan/Perkhidmatan	9	7	77.8
5	Perladangan	2	2	100
6	Teknologi	1	0	0
7	Kewangan	2	2	100
	Jumlah	**17**	**14**	**82.4**

Sumber: Analisis Penyelidik

Jumlah temu bual yang dijalankan bagi kajian ini adalah memuaskan kerana dalam konteks kajian kualitatif, prosedur pensampelan adalah fleksibel dan ia bergantung kepada kesesuaian konteks.[38] Maklumat yang dikumpul melalui 82.4% daripada PLC yang membayar zakat diyakini dapat memberikan dapatan kajian bagi mengenal pasti faktor yang mendorong syarikat untuk menunaikan zakat. Jumlah 14 temu bual ini berada di dalam julat yang lazim iaitu 11 hingga 20 sesi temu bual bagi satu-satu kajian.[39]

Jadual 5.47 memberikan maklumat syarikat yang telah di temu bual iaitu bagi syarikat di dalam kategori Barangan Pengguna ia diwakili oleh syarikat MSM Malaysia Holdings Berhad, sektor Barangan Industri diwakili oleh syarikat UMW Holdings Berhad, sektor Pembinaan diwakili oleh syarikat Merge Energy Bhd, sektor Dagangan/Perkhidmatan diwakili oleh syarikat MMC Corporation Berhad, NCB Holdings Berhad, Pharmaniaga Berhad, Telekom Malaysia Berhad, Tenaga Nasional Berhad dan Utusan Melayu (M) Berhad. Manakala bagi sektor Perladangan ia diwakili oleh syarikat Felda Global Ventures

[38] Coyne, Imelda T., "Sampling in Qualitative Research, Purposeful and Theoretical Sampling; Merging or Clear Boundaries?", *Journal of Advanced Nursing* 26 (1997), 623.

[39] Marshall, Bryan et al., "Does Sample Size Matter in Qualitative Research?: A Review of Qualitative Interviews in a Research", *Journal of Computer Information Systems* 54, no.1 (2013), 17-18.

University of Malaya

Holdings Berhad dan TH Plantations Berhad juga bagi sektor Kewangan ia diwakili oleh syarikat BIMB Holdings Berhad dan Syarikat Takaful Malaysia Berhad.

Sebanyak 10 syarikat (71.4%) berada di dalam kategori pemilikan muslim melebihi 50% dan bakinya adalah berada di dalam kategori 30 – 50% pemilikan muslim. Sebanyak 12 syarikat (85.7%) beribu pejabat di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur manakala 2 syarikat (14.2%) adalah di Selangor.

Jadual 5.47 Syarikat Yang Terlibat Di Dalam Kajian Kualitatif

Nama Syarikat	**Sektor**	**Kategori Pemilikan Muslim**	**Lokasi Ibu Pejabat**
MSM Malaysia Holdings Bhd	Barangan Pengguna	≥ 50%	Kuala Lumpur
UMW Holdings Bhd	Barangan Industri	30 -50%	Kuala Lumpur
Merge Energy Bhd	Permbinaan	≥ 50%	Selangor
UEM Edgenta Bhd (Faber Group Bhd)	Dagangan/ Perkhidmatan	30 -50%	Kuala Lumpur
MMC Corporation Bhd		≥ 50%	Kuala Lumpur
NCB Holdings Bhd		≥ 50%	Kuala Lumpur
Pharmaniaga Bhd		≥ 50%	Selamgor
Telekom Malaysia Bhd		30 -50%	Kuala Lumpur
Tenaga Nasional Bhd		30 -50%	Kuala Lumpur
Utusan Melayu (M) Bhd		≥ 50%	Kuala Lumpur
Felda Global Ventures Holdings Bhd	Perladangan	≥ 50%	Kuala Lumpur
TH Plantations Bhd		≥ 50%	Kuala Lumpur
BIMB Holdings Bhd	Kewangan	≥ 50%	Kuala Lumpur
Syarikat Takaful Malaysia Bhd		≥ 50%	Kuala Lumpur

Sumber: Analisis Penyelidik

Bagi tujuan analisis di dalam kajian ini, kesemua 14 syarikat yang menjadi sampel kajian akan dikenali melalui nombor rujukan dan tidak menggunakan nama sebenar syarikat. Nombor rujukan yang diberikan syarikat 1 adalah S1; syarikat 2 adalah S2; syarikat 3 adalah

University of Malaya

S3; syarikat 4 adalah S4; syarikat 5 adalah S5; syarikat 6 adalah S6; syarikat 7 adalah S7; syarikat 8 adalah S8; syarikat 9 adalah S9; syarikat 10 adalah S10; syarikat 11adalah S11; syarikat 12 adalah S12; syarikat 13 adalah S13 dan syarikat 14 adalah S14. Susunan nombor ini dibuat berdasarkan kepada pertimbangan penyelidik dan bukan menggambarkan apa-apa turutan.

Terdapat keadaan di mana Ketua Pegawai Kewangan syarikat sendiri yang mengambil bahagian dan terdapat juga mewakilkan kepada kakitangan masing-masing. Sesi temu bual ini dilaksanakan selama dua bulan iaitu Jun hingga Julai 2015. Temu bual pertama adalah pada 4 Jun 2015 dan selesai pada 9 Julai 2015. Senarai responden kajian kualitatif ini adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.48.

Jadual 5.48 Senarai Syarikat Yang Mengambil Bahagian dalam Sesi Temu Bual

Bil	**Syarikat**	**Jawatan**	**Tarikh**
1	TH Plantation Bhd	Ketua Pegawai Kewangan	4 Jun 2015
2	Felda Global Ventures Holdings Berhad	Ketua Pegawai Kewangan	9 Jun 2015
3	Pharmaniaga Berhad	Timbalan Pengurus Besar Kewangan	11 Jun 2015
4	BIMB Holdings Berhad	Ketua Zon Strategik (*Strategic Regional*) dan Pengurusan Produk	23 Jun 2015
5	MMC Corporation Berhad	Pengurus Kanan Kewangan	24 Jun 2015
6	Tenaga Nasional Berhad	Pengurus (Cukai)	24 Jun 2015
7	UMW Holdings Berhad	Pengarah Eksekutif, Perkhidmatan Kewangan Kumpulan	26 Jun 2015
8	Takaful Malaysia	Ahli Lembaga Panel Syariah	26 Jun 2015
9	MSM Holdings Berhad	Akauntan	1 Julai 2015
		Eksekutif Kanan Kewangan	
10	UEM Edgenta Berhad (Faber Group Berhad)	Ketua Pegawai Kewangan	1 Julai 2015
		Pengurus Kewangan	
11	Merge Energy Berhad	Penolong Pengurus, Sumber Manusia dan Pentadbiran	2 Julai 2015
12	Telekom Malaysia Berhad	Pengurus Kanan Kewangan	8 Julai 2015
		Pengurus Kewangan	
13		Pengurus Kanan Kewangan	8 Julai 2015

University of Malaya

Bil	Syarikat	Jawatan	Tarikh
	Utusan Melayu (Malaysia) Berhad	Pengurus Kewangan	
14	NCB Holdings Berhad	Ketua Kumpulan Modal Insan (*Head Group Human Capital*)	9 Julai 2015

Sumber: Analisis Penyelidik

Analisis kajian yang dibuat tanpa mengetahui identiti sebenar syarikat kerana dua tujuan. Pertama, ia bertujuan untuk menjamin kerahsiaan maklumat yang diperolehi sebagaimana yang telah dipersetujui bersama wakil syarikat dan penyelidik bertanggung jawab ke atas amanah yang diberikan. Jaminan kerahsiaan ini diberikan oleh penyelidik di peringkat pertama lagi iaitu semasa penghantaran surat rasmi kepada syarikat-syarikat. Tujuan kedua adalah bagi memberikan suasana keterbukaan semasa analisis ini dibuat tanpa perlu bimbang terhadap analisis, dapatan dan komen yang dibuat boleh memberikan implikasi negatif yang mungkin timbul di dalam mana-mana langkah di dalam kajian ini. Ia juga dapat memberikan keselesaan kepada penyelidik, syarikat yang terlibat dan juga pembaca.

5.4.2 Analisis Tema Penerimaan Kewajipan Syarikat Menunaikan Zakat Ke Atas Syarikat

Persoalan pertama yang dikemukakan adalah bagi mengetahui setakat mana jurucakap syarikat menerima kewajipan membayar zakat ke atas syarikat dan apakah kemusykilan yang timbul dan masih meragukan para pembayar zakat. Tiga soalan yang dikemukakan adalah "Bagaimana tuan melihat satus kewajipan membayar zakat perniagaan oleh syarikat ini?, "Adakah tuan jelas tentang pengenaan zakat perniagaan terhadap syarikat perniagaan syarikat ini?" dan "Apakah perkara yang tidak jelas terhadap kewajipan membayar zakat kepada syarikat ini?".

Hasil temu bual mendapati 13 daripada 14 syarikat iaitu 93% menerima kewajipan syarikat untuk membayar zakat sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 5.49. Namun begitu, terdapat seorang pembuat keputusan yang mempunyai pendapat yang berbeza.

Jadual 5.49 Penerimaan Kewajipan Berzakat ke atas Syarikat.

	Menerima	**Tidak Menerima**	**Jumlah**
Bilangan syarikat	13	1	14
Peratusan (%)	93%	7%	100%

Sumber: Analisis Data

Responden turut menjelaskan pelbagai sebab penerimaan kewajipan berzakat iaitu kerana wujud fatwa khas mengenai syarikat mereka wajib membayar zakat (S1), kerana diberi penerangan oleh institusi zakat (S3, S5, S9, S10, S11 dan S14) dan kerana kesedaran syarikat bahawa entiti perniagaan dikenakan zakat (S4 dan S7), kerana pembayaran zakat sejak wujud dalam dokumen penubuhan syarikat (S6) dan kerana merasakan pembayaran zakat adalah sebagai amanah yang perlu ditunaikan oleh pihak pengurusan kepada pemegang muslim / bumiputra juga amanah kepada kakitangan (S8, S12 dan S13). Manakala bagi jurucakap syarikat yang berpandangan sebaliknya mengatakan bahawa: “Zakat sepatutnya hanya dikenakan kepada individu dan tidak syarikat. Saya menerima keputusan membayar zakat ini sebagai keputusan secara kolektif oleh ahli lembaga pengarah syarikat dan pemegang saham terbesar syarikat ini”. Perincian jawapan responden adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.50.

University of Malaya

Jadual 5.50 Maklum Balas Mengenai Kewajipan Zakat Ke Atas Syarikat

Status Penerimaan	Bil	Kenyataan Responden
Menerima	13	S2: Syarikat membayar zakat kerana wujud Fatwa Kebangsaan khas terhadap kewajipan syarikat ini untuk menunaikan kewajipan zakat.
		S3: Syarikat membayar zakat selepas menerima penerangan daripada institusi zakat terhadap kewajipan membayar zakat oleh syarikat.
		S4: Syarikat membayar zakat hasil kesedaran syarikat bahawa entiti perniagaan dikenakan zakat. Syarikat membayar zakat sejak tahun pertama operasi dan syarikat berpegang kepada prinsip bahawa *syakhṣiyyah i'tibāriyyah* wajib membayar zakat.
		S5: Penjelasan mengenai kewajipan zakat ini diberikan oleh institusi zakat.
		S6: Syarikat membayar zakat zakat sejak tahun 1996 dan konsisten setiap tahun hingga kini. Tujuan pembayaran zakat juga adalah selaras dengan penubuhan syarikat iaitu untuk memberi perkhidmatan kepada orang ramai.
		S7: Syarikat tiada sebarang keraguan terhadap kewajipan ini kerana tanggungjawab berzakat bukan kepada individu yang berniaga tetapi juga oleh entiti perniagaan. Syarikat memang memberi keutamaan untuk membayar zakat setiap tahun.
		S8: Syarikat menerima kewajipan membayar zakat sebagai amanah yang perlu ditunaikan oleh syarikat. Pihak pengurusan syarikat bertanggungjawab memastikan syarikat membayar zakat.
		S9: Walaupun pembayaran zakat tidak dikuatkuasakan sebagaimana cukai, syarikat ini yang majoriti pemegang saham adalah bumiputra berasa bertanggungjawab menunaikan zakat. Penjelasan mengenai kewajipan diberikan oleh institusi zakat kepada syarikat.
		S10: Syarikat ini menunaikan zakat setelah menerima penerangan oleh institusi zakat dan wujudnya garis panduan di dalam FRS yang digariskan oleh *Malaysia Accounting Standard Board* (MASB).
		S11: Syarikat membayar zakat mengikut garis panduan yang dberikan oleh institusi zakat.
		S12: Syarikat ini adalah pemilikan bumiputra sepenuhnya. Oleh itu, syarikat berasa bertanggungjawab membayar zakat.
		S13: Syarikat berasa bertanggungjawab terhadap pemegang saham muslim dan warga kerja syarikat yang majoriti beragama Islam untuk menjadikan syarikat ini adalah patuh kepada tuntutan berzakat.

University of Malaya

Status Penerimaan	Bil	Kenyataan Responden
		S14: Sebelum syarikat membayar zakat isu pegangan muslim dan non muslim menjadi halangan utama. Dengan bantuan institusi zakat, syarikat jelas dengan kaedah pelaksanaan yang perlu dilakukan oleh syarikat bagi membayar zakat perniagaan.
Tidak Menerima	1	S1: Zakat sepatutnya hanya dikenakan kepada individu dan tidak syarikat. Saya menerima keputusan membayar zakat ini sebagai keputusan secara kolektif oleh ahli lembaga pengarah syarikat dan pemegang saham terbesar syarikat ini.

Sumber: Analisis Data

5.4.3 Faktor Utama Mendorong Pembayaran Zakat

Kajian ini seterusnya mendapatkan pandangan responden terhadap faktor utama membayar zakat melalui soalan "Pada pandangan tuan apakah faktor yang mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini?" Setiap responden mempunyai perspektif masing-masing mengenai persoalan ini. Melalui penjelasan yang diberikan, penyelidik mendapati 13 syarikat memberikan faktor dorongan utama adalah berbentuk faktor dalaman. Faktor dalaman yang dinyatakan oleh responden adalah: zakat didapati selari dengan penubuhan syarikat iaitu untuk membangunkan sosio ekonomi masyarakat dan membasmi kemiskinan (S2 dan S11), syarikat jelas terhadap tanggungjawab dan amanah yang sepatutnya ditunaikan (S3 dan S8), pembayaran zakat adalah polisi syarikat (S4 dan S7), majoriti pemegang saham dan pengurusan adalah muslim (S5), bagi memenuhi amanah kepada pemegang saham muslim dan menunaikan tanggungjawab sosial syarikat (S6), berkongsi keuntungan bersama masyarakat (S9), membersihkan harta syarikat dari perkara yang haram (S12), terdorong menjadi syarikat 100% patuh syariah (S13), menjuarai seruan yang baik untuk membayar zakat (S14) dan meningkatkan imej syarikat (S1). Perincian perkongsian responden dinyatakan di dalam Jadual 5.51.

University of Malaya

Jadual 5.51 Maklum Balas Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Dalaman)

Kenyataan Responden	
S1:	Pembayaran zakat dapat meningkatkan imej syarikat sebagai sebuah anak syarikat GLC yang berteraskan Islam. Pembayaran zakat memberikan peluang untuk syarikat menyumbang semula kepada negeri-negeri tempat syarikat beroperasi.
S2:	Pembayaran zakat selari dengan penubuhan syarikat iaitu untuk membangunkan sosio ekonomi masyarakat dan membasmi kemiskinan.
S3:	Syarikat membayar zakat selepas jelas tanggungjawab yang sepatutnya ditunaikan.
S4:	Membayar zakat telah menjadi polisi syarikat. Pembayaran zakat termasuk di dalam gerak kerja organisasi dan mempunyai prosedur pembayaran dan pengagihan zakat. Syarikat membayar zakat sejak penubuhan tanpa mengharapkan insentif cukai dan aktiviti pemasaran oleh institusi zakat. Syarikat juga berasa bertanggungjawab terhadap menyumbang kembali kepada masyarakat kerana syarikat ini ditubuhkan bukan sahaja bermotifkan keuntungan tetapi untuk membela umat Islam.
S5:	Syarikat ini adalah majoriti pemegang saham muslim dan pengurusan juga adalah majoriti muslim.
S6:	Pembayaran zakat dibuat bagi memenuhi amanah kepada pemegang saham muslim. Zakat juga merupakan cara memenuhi tanggungjawab sosial syarikat.
S7:	Syarikat membayar zakat tanpa insentif kerajaan dan tanpa institusi zakat. Pembayaran zakat menjadi asas ketika penubuhan syarikat dan syarikat akan istiqamah untuk terus membayar zakat.
S8:	Pembayaran zakat adalah satu amanah yang perlu dilunaskan. Memastikan pembayaran zakat syarikat adalah menjadi tanggungjawab pihak pengurusan. Jika tidak dilaksanakan, implikasinya bukan di dunia tetapi di akhirat.
S9:	Syarikat menyedari kewajipan membayar zakat adalah rukun Islam dan zakat merupakan elemen penting bagi menjamin keseimbangan sosio ekonomi. Ia juga merupakan kaedah syarikat berkongsi keuntungan bersama masyarakat.
S11:	Pihak pengurusan dan ahli lembaga pengarah yang majoriti muslim mendorong membayar zakat. Syarikat ini baru diambil alih oleh GLC sejak 3 tahun lalu. Bermula dari pertukaran pemilikan saham maka syarikat mengorak langkah untuk membayar zakat. Zakat dilihat seperti tanggungjawab masyarakat selaras dengan misi syarikat untuk berkhidmat kepada masyarakat.
S12:	Syarikat bertanggungjawab membersihkan pendapatan syarikat daripada sumber yang haram. Melalui pembayaran zakat syarikat secara beransur-ansur telah menghentikan aktiviti penjanaan pendapatan melalui sumber yang tidak patuh syariah.
S13:	Syarikat berasa terdorong untuk menjadikan syarikat ini adalah 100% patuh syariah. Walaupun zakat tidak dinyatakan sebagai kriteria syarikat patuh syariah, syarikat ini mempunyai dorongan ke arah itu.
S14:	Sebagai syarikat GLC, syarikat rasa bertanggungjawab menyahut seruan membayar zakat yang mana tidak banyak syarikat yang menayhut seruan ini.

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

Faktor kedua yang didapati mendorong pembayaran zakat adalah kerana tindakan yang dibuat institusi zakat. Syarikat berasa terdorong untuk membayar zakat kerana institusi zakat memberikan penerangan dan menjelaskan keraguan (S5, S11, S12 dan S14), institusi zakat membuka ruang kerja sama yang baik dengan membuat kolabrasi (S13) dan institusi zakat mengembalikan semula sebahagian zakat untuk diagihkan sendiri oleh syarikat kepada golongan yang memerlukan (S13). Kenyataan responden dinyatakan di dalam Jadual 5.52.

Jadual 5.52 Maklum **B**alas Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Institusi Zakat)

Kenyataan Responden	
S5:	Institusi zakat mendekati syarikat dengan memberi penerangan dan menjelaskan keraguan yang masih wujud.
S11:	Institusi zakat memberikan penerangan tentang kewajipan dan memberikan panduan bagi melaksanakan kewajipan zakat. Setelah pihak pengurusan jelas, barulah syarikat menunaikan zakat.
S12:	Institusi zakat memberikan penerangan dan membuat aktiviti pemasaran di syarikat.
S13:	Kolabrasi yang baik dengan institusi zakat yang memberikan keadaan menang-menang menarik minat syarikat membayar zakat. Konsep agihan semula yang diperkenalkan oleh institusi zakat amat menarik kerana melalui dana zakat yang dkembalikan semula dapat meningkatkan kebajikan kakitangan dan aktivti khidmat masyarakat oleh syarikat.
S14:	Penerangan yang jelas daripada institusi zakat membuat syarikat berasa terpanggil untuk menunaikan kewajipan.

Sumber: Analisis Data

Faktor ketiga yang didapati mendorong pembayaran zakat adalah tindakan kerajaan. Syarikat berasa terdorong untuk membayar zakat apabila wujudnya fatwa khas terhadap kewajipan membayar zakat (S1) dan tolakan cukai yang ada dapat membantu meringankan beban syarikat dan menjadi justifikasi dalam cadangan pembayaran zakat (S2, S4 dan S9). Perincian perkongsian syarikat dinyatakan di dalam Jadual 5.53.

University of Malaya

Jadual 5.53 Maklum Balas Dorongan Utama Membayar Zakat (Faktor Tindakan Kerajaan)

	Kenyataan Responden
S2:	Apabila telah ada fatwa khas membayar zakat kepada syarikat ini maka syarikat patuh kepada fatwa tersebut dan akan terus membayar. Fatwa ini jelas menerangkan tanggungjawab syarikat untuk menunaikan zakat.
S3:	Manfaat tolakan cukai yang kini diperoleh dapat membantu meringankan beban syarikat dalam membayar zakat.
S5:	Tolakan cukai yang kini diperoleh adalah antara justifikasi yang diambil dalam membuat keputusan membayar zakat.
S10:	Pembayaran zakat yang kini mendapat tolakan cukai membantu syarikat membuat keputusan membayar zakat

Sumber: Analisis Data

5.4.4 Faktor Peranan Institusi Zakat

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai kesan faktor Peranan Institusi Zakat dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu perkhidmatan, pemasaran, agihan dan urus tadbir. Soalan yang dikemukakan adalah "Setakat mana faktor institusi zakat boleh mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini?" Maklum balas responden dikasifikasikan kepada empat kategori iaitu "Mendorong", "Agak Mendorong", "Tidak begitu mendorong" dan "Tidak mendorong". Majoriti syarikat iaitu 8 syarikat (57%) menyatakan bahawa institusi zakat mendorong mereka membuat pembayaran zakat manakala 2 syarikat lagi (14%) mengatakan agak mendorong. Terdapat 4 syarikat (28%) yang mengatakan institusi zakat tidak mendorong sebagaimana yang diperincikan di dalam Jadual 5.54.

Jadual 5.54 Status Dorongan Oleh Institusi Zakat Terhadap Pembayaran Zakat Syarikat

Mendorong	Agak Mendorong	Tidak begitu Mendorong	Tidak mendorong
8 syarikat (57%)	2 syarikat (14%)	2 syarikat (14%)	2 syarikat (14%)

Sumber: Analisis Data

Kajian ini ingin melihat elemen yang menyokong persepsi di atas dengan mengemukakan dua soalan iaitu "Apakah elemen utama dalam konteks perkhidmatan yang

University of Malaya

paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan untuk membuat keputusan membayar pembayaran zakat?" dan "Apakah elemen utama dalam konteks usaha dakwah dan pemasaran yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan?" Walaupun soalan ini mengasingkan soalan di antara pemasaran dan perkhidmatan tetapi jawapan yang diberikan oleh responden keduanya saling berkait kerana terdapat aktiviti pemasaran juga adalah berbentuk perkhidmatan dan begitu juga sebaliknya. Oleh itu, kajian ini merangkumkan kedua perkara ini dalam satu topik perbincangan. 10 syarikat yang terlibat memaklumkan institusi zakat banyak membantu mereka menunaikan zakat bemula daripada memberi penerangan tentang kewajipan dan pengiraan zakat (S3, S5, S8, S10, S11, S13 dan S14), mengadakan seminar / bengkel pengiraan zakat perniagaan (S3) memberi kemahiran kepada kakitangan syarikat untuk mengira sendiri zakat syarikat (S3 dan S11), membuat pengiraan zakat dan menyemak pengiraan zakat oleh syarikat (S6, S12 dan S13) dan memberikan perkhidmatan secara personal kepada syarikat (S5 dan S11). Malah institusi zakat kerap memberikan cenderahati (S12) dan institusi zakat memberikan lain-lain khidmat rundingan (S13 dan S14).

Perkhidmatan yang sangat mendapat perhatian syarikat adalah pemulangan semula sebahagian wang zakat kepada syarikat untuk diagihkan sendiri oleh syarikat. Syarikat mempunyai tambahan dana untuk program kemasyarakatan dan membantu golongan yang memerlukan bantuan (S5, S8, S10 dan S12). Perincian perkongsian syarikat dinyatakan di dalam Jadual 5.55.

University of Malaya

Jadual 5.55 Maklum Balas Mengenai Elemen Perkhidmatan Institusi Zakat Yang Mendorong Pembayaran Zakat

	Kenyataan Responden
S3:	Institusi zakat banyak membantu memberi penerangan tentang kewajipan zakat dan kaedah pengiraan. Institusi zakat menyediakan bengkel pengiraan zakat dan ini memberikan kemahiran kepada kakitangan untuk melaksanaan pengiraan di peringkat syarikat.
S5:	Institusi zakat secara proaktif mendekati syarikat, memberi penerangan dan memberi perkhidmatan menerima pembayaran zakat oleh syarikat. Unsur perkhidmatan yang penting kepada syarikat adalah kemudahan agihan semula. Syarikat amat memanfaatkan dana ini untuk tujuan tanggungjawab sosial
S6:	Institusi zakat agak membantu dalam proses pembayaran zakat di mana pihak syarikat membuat pengiraan dan institusi zakat akan membuat pengesahan amaun. Syarikat menetapkan sendiri formula agihan zakat untuk negeri-negeri iaitu dengan melihat kepada sumbangan pendapatan jumlah penduduk miskin.
S8:	Institusi zakat telah mendekati syarikat dan memberi penerangan tentang kewajipan dan kaedah pengiraan. Perkhidmatan yang diberikan yang memberi impak adalah khidmat pengagihan semula dana zakat yang dibayar. Melalu program ini syarikat mempunyai tambahan dana untuk program kemasyarakat dan membantu golongan yang memerlukan bantuan.
S9:	Institusi zakat memberikan perkhidmatan yang baik dan memberi penerangan yang jelas tentang kepentingan memabayar zakat bagi membangun ekonomi umah.
S10:	Institusi zakat memberi beberapa siri penerangan terhadap kewajipan zakat. Pihak institusi zakat datang mendekati syarikat dan pihak pengurusan atasan saling kunjung mengunjung sebelum keputusan membayar zakat dibuat. Program agihan semula iaitu sebanyak 3/8 amat mendorong syarikat membayar zakat. Ini kerana dana tersebut dapat dimanfaatkan semula untuk diagihkan kepada golongan yang memerlukan
S11:	Institusi zakat datang ke syarikat memberikan penerangan tentang kewajipan syarikat melunaskan zakat perniagaan. Mereka memberikan garispanduan dan membimbing pengiraan zakat. Mereka memberikan perkhidmatan secara perseorangan kepada syarikat termasuk mengambil cek pembayaran dan menghantar resit.
S12:	Institusi zakat memberikan banyak penerangan dalam bentuk seminar, jemputan menghadiri program-program dan cenderahati. Institusi zakat juga membantu membuat pengiraan zakat dan menyemak pengiraan zakat yang dibuat.
S13:	Institusi zakat sangat membantu memberikan kemudahan membayar zakat. Di peringkat awal pembayaran zakat, institusi zakat membantu pengiraan zakat, memberi penerangan dengan jelas dan memberi khidmat rundingan yang memuaskan.

University of Malaya

Kenyataan Responden	
S14:	Institusi zakat membantu secara proaktif dan memberikan panduan dan sokongan ketika pihak syarikat membuat keputusan untuk membayar zakat. Institusi zakat banyak memberikan dorongan dengan memberikan penerangan dan panduan dan menjelaskan kekeliruan terhadap permasalahan zakat yang dihadapi oleh syarikat.

Sumber: Analisis Data

Terdapat juga syarikat yang mendapati institusi zakat tidak mendorong pembayaran zakat mereka. Bagi syarikat-syarikat ini (S1, S2, S4 dan S7) mereka menguruskan pembayaran zakat mereka atas inisiatif mereka sepenuhnya. Malah ada syarikat yang tidak berurusan langsung dengan institusi zakat dan mereka mengatur pembayaran zakat dengan Majlis Agama Islam negeri-negeri. (Rujuk Jadual 5.56)

Jadual 5.56 Maklum Balas Mengenai Elemen Perkhidmatan Institusi Zakat (Tiada Dorongan Dari Institusi Zakat)

Kenyataan Responden	
S1:	Syarikat membayar zakat tanpa apa-apa dorongan, dakwah dan perkhidmatan daripada institusi zakat. Syarikat membayar setiap tahun dengan menentukan jumlah yang akan diagihkan mengikut negeri-negeri syarikat beroperasi di Malaysia. Apabila pembayaran zakat telah tersedia, kami menghubungi majlis agama Islam negeri-negeri untuk menerima pembayaran zakat.
S2:	Syarikat membayar zakat tanpa apa-apa dorongan dan penerangan daripada institusi zakat. Syarikat membuat pengiraan sendiri dan menetapkan jumlah zakat yang akan diberikan kepada negeri-negeri mengikut formula yang ditetapkan oleh syarikat.
S7:	Syarikat membayar zakat hasil kesedaran dan inisiatif syarikat.
S4:	Syarikat mempunyai panel syariah dan tenaga pakar dalaman dalam menentukan kaedah yang terbaik bagi menunaikan zakat. Syarikat juga mempunyai pakar rujuk dalam bidang syarak dan perakaunan bagi membuat pengiraan zakat. Unsur perkhidmatan yang diperlukan dari institusi zakat adalah khidmat agihan semula. Syarikat aktif menjalankan aktiviti membantu umat Islam dan dana ini amat dimanfaatkan oleh syarikat untuk membantu umat Islam yang memerlukan yang memohon secara langsung kepada syarikat.

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

Perbincangan mengenai elemen agihan dan urus tadbir dibuat melalui dua soalan iaitu "Apakah elemen utama dalam konteks urus tadbir yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan untuk membuat keputusan membayar pembayaran zakat?" dan "Apakah elemen utama dalam konteks pengagihan zakat yang paling memberi kesan kepada kecenderungan tuan untuk membuat keputusan membayar pembayaran zakat?" Analisis kedua soalan ini dibuat secara bersama kerana aspek pengendalian wang agihan juga adalah termasuk di skop urus tadbir yang baik dan responden sukar memberi maklum balas yang jelas antara keduanya. 10 responden memberi kepercayaan kepada institusi zakat dan pihak berwajib dalam memastikan urus tadbir masing-masing. Mereka menyerahkan sepenuhnya aktiviti dan pelaksanaan urus tadbir kepada institusi zakat (S1), syarikat menghormati bidang kuasa negeri-negeri (S2), syarikat percaya institusi zakat ada kaedah masing-masing dalam memikul amanah (S4, S6), syarikat serah tugas kepada institusi zakat (S5, S7, S8, S10 dan S12). Manakala sebanyak 4 syarikat prihatin terhadap aktviti agihan oleh institusi zakat. Mereka juga menghargai risalah dan maklumat-maklumat mengenai agihan. Mereka juga berharap agar keberkesanan agihan perlu dipastikan (S3, S9, S11 dan S14). Kenyataan responden berkaitan isu agihan dan urus tadbir institusi zakat adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.57.

Jadual 5.57 Pandangan Responden Terhadap Faktor Ketelusan Agihan dan Urus Tadbir

Kenyataan Responden	
A. Menyerahkan urusan kepada pihak berwajib (10 Syarikat / 71%)	
S1:	Syarikat juga menyerahkan sepenuhnya aktiviti agihan dan pelaksanaan urus tadbir yang baik kepada majlis-majlis agama Islam negeri masing-masing untuk memastikan penggunaan wang zakat.
S2:	Syarikat menghormati bidang kuasa majlis agama Islam negeri-negeri dan institusi zakat. Syarikat membayar zakat kerana kewajipan mereka.
S4:	Syarikat mempercayai setiap institusi zakat mempunyai kaedah masing-masing dalam melaksanakan amanah yang diberi.

University of Malaya

S5:	Syarikat menyerahkan ursan agihan ini kepada pihak yang berwajib. Adalah bukan bidang kuasa pembayar zakat memastikan perkara ini kerana tanggungjawab ini dilakukan. Syarikat memastikan mereka telah melunaskan kewajipan mereka.
S6:	Syarikat memberi kepercayaan kepada institusi zakat bagi melaksanakan program agihan dan urus tadbir masing-masing.
S7:	Syarikat memberi kepercayaan kepada institusi zakat bagi melaksanakan program agihan dan urus tadbir masing-masing.
S8:	Syarikat menyerahkan kepada pihak yang berwajib di dalam memastikan perkara ini.
S10:	Syarikat meyerahkan kepada pihak yang sepatutnya memantau perkara ini dan bukannya para pembayar zakat.
S12:	Syairkat menyerahkan sepenuhnya kepada institusi zakat bagi melaksanakan program agihan. Syarikat juga percaya bahawa institusi zakat mempunyai kawalam dalaman yang baik dan menepati piawaian yang sepatutnya.
S13:	Syarikat memberi kepercayaan bahawa institusi zakat melaksanakan tugasan mereka dengan baik
B. Memerlukan kepada maklumat agihan dan memastikan urus tadbir (4 syarikat / 29%)	
S3:	Pelaksanaan agihan amat penting kerana jika timbul keraguan, syarikat boleh membuat keputusan tanpa melalui institusi zakat. Maklumat agihan amat perlu dihebahkan kepada pembayar dan orang ramai. Pelaksanan urus tadbir yang baik oleh institusi zakat adalah amat penting. Institusi zakat perlu telus dalam penggunaan wang zakat.
S9:	Kecekapan pengurusan zakat oleh institusi zakat adalah elemen utama. Mereka hendaklah mempunyai sistem yang berkesan bermula daripada proses penerangan kepada masyarakat, proses kutipan zakat dan pengagihan wang zakat kepada golongan asnaf.
S11:	Risalah dan bahan cetak mengenai agihan membantu meningkatkan keyakinan kepada institusi zakat. Institusi zakat juga mengadakan program usahasama bersama syarikat termasuk program membuat agihan zakat.
S14:	Syarikat mengambil berat terhadap program agihan yang dilakukan. Institusi zakat mengeluarkan majalah yang mengandungi maklumat tentang agihan zakat. Ini membantu pembayar zakat mengetahui tentang penggunaan wang zakat.

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

5.4.5 Faktor Tindakan Kerajaan

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai faktor Tindakan Kerajaan dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu rebat, insentif cukai, galakan SC / Bursa, Fatwa dan Penguatkuasaan. Soalan yang dikemukakan adalah "Setakat mana faktor tindakan kerajaan boleh mendorong kepada pembayaran zakat oleh syarikat ini?" Ulasan responden dikategorikan kepada 4 kategori iaitu "Mendorong", "Agak Mendorong", "Tidak begitu mendorong" dan "Tidak mendorong". Majoriti syarikat iaitu 10 syarikat (70%) menyatakan bahawa tindakan kerajaan amat mendorong mereka membuat pembayaran zakat manakala 1 syarikat lagi (7%) mengatakan agak mendorong. Terdapat 3 syarikat (21%) yang mengatakan tindakan kerajaan tidak begitu mendorong. (Rujuk Jadual 5.58)

Jadual 5.58 Status Dorongan Tindakan Kerajaan Terhadap Pembayaran Zakat Syarikat

Amat Mendorong	**Mendorong**	**Tidak begitu Mendorong**	**Tidak mendorong**
10 syarikat	1 Syarikat	1 syarikat	2 syarikat
70%	7%	7%	14%

Sumber: Analisis Data

Bagi soalan mengenai rebat cukai, majoriti (10 syarikat) berpandangan rebat cukai perniagaan yang diberikan ke atas pembayaran zakat amat mendorong pembayaran zakat (S2, S3, S5, S6, S9, S10, S11, S12, S13 dan S14) kerana ia merupakan satu bonus kepada syarikat yang membayar zakat yang kini terpaksa membayar dua cukai (S14). Ia juga boleh menjadi pendorong utama untuk syarikat membayar zakat (S13). Bagi tolakan cukai ia memberi manfaat dan menarik minat untuk membayar zakat (S9). Tolakan cukai juga dapat meringankan beban pembayaran cukai dan ia menjadi justifikasi di dalam kertas cadangan pembayaran zakat (S5). Ia menjadi nilai tambah (S6 dan S13) walaupun amat minima (S11). Namun begitu, terdapat banyak juga pandangan sebaliknya di mana syarikat kini tetap

University of Malaya

konsisten membayat zakat walau tiada apa-apa insentif cukai (S4 dan S7). Bagi tolakan cukai, jumlah tolakan yang sedia ada tidak memberi impak langsung kerana jumlahnya sangat kecil (S12). Bagi syarikat lain (S1, S4, S7 dan S8) mereka akan terus membayar zakat walau tiada sebarang insentif daripada kerajaan.

Peranan Fatwa terhadap mendorong pembayaran zakat adalah dipersetujui oleh 10 syarikat iaitu S2, S3, S5, S6, S8, S9, S10, S12, S13 dan S14. Malah ia merupakan faktor utama (S2, S6, S9 dan S10). Namun begitu, menurut S3 dan S11 banyak syarikat yang tidak mengetahui tentang fatwa pembayaran zakat syarikat walaupun syarikat tersebut telah membayar zakat. Bagi syarikat lain (S1, S4, S7 dan S11) mereka akan terus membayar zakat walau tiada fatwa khas mengenainya juga tanpa sebarang insentif daripada kerajaan.

Bagi faktor galakan dari Bursa dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, syarikat berbeza pandangan di mana 8 syarikat merasakan galakan ini memberikan impak kerana sebagai PLC, mereka perlu membina reputasi yang baik dengan penguasa (S5) dan galakan menjalankan aktiviti CSR adalah berjaya (S9). Menurut S8, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti sepatutnya menjuarai usaha ke arah mendapat rebat cukai atau insentif yang lebih baik kepada pembayar zakat dan bukan setakat memberi galakan.

Bagi faktor penguatkuasaan, 6 syarikat (S1, S2, S3, S4, S7 dan S11) mendapati ianya adalah tidak mendorong kerana mereka kini membayar secara sukarela. Penguatkuasaan boleh memberi kesan negatif kerana syarikat tidak menjalankan ibadah dalam suasana harmoni seperti sekarang (S1). Bagi 8 syarikat lain mereka mendapati penguatkuasaan dapat mendorong (S5, S6, S8, S9, S10, S12, S13 dan S14) malah syarikat yang tidak membayar sepatutnya dikenakan denda (S8 dan S9). Bagi S14, melalui penguatkuasaan kepatuhan syarikat dapat dipantau seupama pembayaran cukai. Komen responden mengenai penguatkuasaan ini adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.59.

University of Malaya

Jadual 5.59 Maklum Balas Responden Terhadap Penguatkuasaan Undang-undang

Kenyataan Responden	
S4:	Syarikat konsisten membayar tanpa sebarang paksaan.
S8:	Perlu penguatkuasaan dan sepatutnya syarikat yang tidak membayar dikenakan denda.
S9:	Perlu penguatkuasaan dan sepatutnya syarikat yang tidak membayar dikenakan denda.
S10:	Penguatkuasaan adalah satu mekanisma yang diperlukan.
S11:	Tidak beri kesan kerana syarikat konsisiten membayar tanpa adanya unsur paksaan.
S12:	Adanya penguatkuasaan akan mem buatkan syarikat akan akur. Tetapi permasalahan teknikal adalah rumit dan perlu diselesaikan terlebih dahulu.
S13:	Ya, Pasti mendorong pembayaran zakat.
S14:	Pasti mendorong pembayaran zakat sebagaimana syarikat patuh kepada cukai.

Sumber: Analisis Data

5.4.6 Faktor Dorongan Dalaman

Kajian seterusnya melihat secara khusus mengenai faktor dorongan dalaman dan elemen yang wujud di dalamnya iaitu kefahaman ahli lembaga pengarah, komposisi dan pemilikan muslim dan prestasi kewangan. Semua faktor lain sebelum ini wujud percanggahan pendapat tentang kesan faktor tersebut ke atas pembayaran zakat tetapi tidak bagi faktor dorongan dalaman. Semua 14 responden (100%) mendapati faktor dorongan dalaman mempengaruhi pembayaran zakat dan komponen paling utama adalah kefahaman ahli lembaga pengarah juga juga menjadi pilihan semua. 10 daripada wakil syarikat mengatakan ia merupakan satu kemestian dan faktor utama (S1, S2, S3, S4, S5, S6, S7, S8, S12 dan S13). Komen responden mengenai kefahaman ALP adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.60.

University of Malaya

Jadual 5.60 Maklum Balas Responden: Kefahaman ALP

	Kenyataan Responden
S1:	Kefahaman ALP adalah suatu kemestian.
S2:	Sangat penting kerana ALP mesti faham kedudukan fatwa yang mewajibkan syarikat untuk membayar zakat.
S3:	Sangat penting dan utama kerana keputusan adalah di tangan mereka.
S4:	Kefahaman ALP adalah penting.
S5:	Kefahaman ALP mempengaruhi dan ALP terlibat ketika penyampaian zakat ke negeri-negeri yang diagihkan zakatnya.
S6:	Penting tetapi di syarikat ini pembayaran zakat telah menjadi amalan dan ALP hanya diberi maklum tentang pembayaran zakat semasa pembentangan laporan kewangan.
S7:	Kefahaman ALP adalah sangat penting. Begitu juga dalam kalangan ahli jawatan kuasa syariah.
S8:	Sebelum sesuatu keputusan di buat kefahaman di kalangan pembuat keputusan adalah satu kemestian
S9:	Ya, kefahaman ALP dan pengurusan boleh mendorong pembayaran zakat
S10:	Ya, sangat membantu dan mendorong.
S11:	Ya, sangat mendorong pembayaran zakat.
S12:	Pasti mendorong kerana keputusan adalah di tangan mereka
S13:	Ya.
S14:	Kefahaman ALP pasti mendorong kerana mereka adalah pihak tertinggi yang akan membuat keputusan

Sumber: Analisis Data

Manakala dari segi kesan komposisi ahli lembaga pengarah muslim dalam mendorong pembayaran zakat, hasil kajian mendapati 11 syarikat menyatakan ianya adalah mendorong pembayaran zakat manakala 3 syarikat adalah sebaliknya. 4 responden menyatakan komposisi majoriti ahli lembaga pengarah muslim adalah amat penting (S4, S5, S11 dan S12). Seorang responden berpendapat faktor ini akan memudahkan keputusan untuk membuat pembayaran zakat (S10) dan satu pandangan lagi menyatakan bahawa faktor ini merupakan satu kelebihan untuk membuat keputusan menunaikan zakat (S14). Namun begitu, kefahaman zakat tetap perlu diberikan juga kepada ALP yang bukan Islam (S13). 3

University of Malaya

responden menyatakan komposisi muslim tidak menjamin kerana apa yang penting adalah kefahaman dalam kalangan ALP (S3 dan S7). Manakala bagi S6 komposisi muslim tidak diperlukan kerana pembayaran zakat telah menjadi polisi syarikat. Penjelasan responden mengenai komposisi muslim adalah sebagaimana di dalam Jadual 5.61.

Jadual 5.61 Maklum Balas Responden: Komposisi Muslim

Kenyataan Responden	
S1:	Bilangan ALP muslim juga mempengaruhi. Syarikat ini mempunyai ALP dan pengurusan 100% muslim.
S2:	Bilangan ALP muslim juga mempengaruhi.
S3:	Komposisi tidak penting kerana yang penting adalah kefahaman mereka.
S4:	Komposisi ALP muslim dan sebaliknya tidak penting kerana pembayaran telah menjadi polisi syarikat di peringkat penubuhan syarikat lagi.
S5:	Komposisi ALP muslim dan sebaliknya adalah penting.
S6:	Tidak mempengaruhi kerana telah ada polis khas.
S7:	Komposisi ALP muslim tidak penting kerana ia kembali kepada setakat mana kefahaman ALP. Jika mereka tidak faham, maka mereka tidak akan membuat keputusan untuk membayar zakat.
S8:	Bilangan ALP muslim juga mempengaruhi.
S9:	Ya, bilangan ALP dan pengurusan muslim boleh mendorong pembayaran zakat
S10:	Ya, sebagai contohnya di dalam syarikat ini hanya terdapat seorang ALP bukan Islam. Keputusan membayar zakat adalah lebih mudah dibuat.
S11:	Ya, sangat membantu.
S12:	Pasti mendorong kerana ALP lebih memahami kewajipan membayar zakat.
S13:	Ya. Walaubagaimana pun sebahagian ALP bukan Islam juga perlu memahami tentang kepentingan membayar zakat.
S14:	Syarikat yang mempunyai pengarah muslim majoriti mempunyai kesan positif dalam membayar zakat.

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

Kedudukan kewangan adalah salah satu lagi aspek yang dikaji. 10 daripada syarikat (S1, S2, S3, S5, S6, S10, S11 dan S12, S13 dan S14) mengatakan kedudukan kewangan adalah mendorong dengan 6 daripadanya mengatakan sangat penting (S1, S2, S3, S5, S10, S11 dan S12). Bagi S7 prestasi kewangan tidak mempengaruhi kerana syarikat telah ada polisi khas dan manakala bagi S4 syarikat tetap membayar walau dalam keadaan rugi. Bagi S8 dan S9 pembayaran adalah berdasarkan kepada kedudukan aset dan bukan atas prestasi keuntungan. Maklum balas responden berkaitan Prestasi Kewangan adalah sebagaimana dalam Jadual 5.62.

Jadual 5.62 Maklum Balas Responden: Prestasi Kewangan

Kenyataan Respoden	
S1:	Penting kerana pembayaran zakat dikira sebagai kos operasi syarikat. Ia perlu dipertimbangkan dengan teliti sebelum keputusan pembayaran zakat dibuat
S2:	Kedudukan kewangan penting dalam menentukan jumlah zakat yang perlu dibuat.
S3:	Sangat memainkan peranan kerana walau syarikat diwajibkan membayar, tetapi kedudukan aliran tunai semasa akan menentukan keupayaan syarikat untuk membayar zakat.
S4:	Dalam keadaan rugi sekalipun pihak ALP dan Jawatankuasa Syariah membuat keputusan untuk membayar zakat. Jumlah zakat yang di bayar ketika rugi adalah dengan mengambil jumlah pembayaran zakat tahun sebelumnya. Oleh itu, kedudukan kewangan tidak mempengaruhi keputusan untuk membayar zakat kerana pembayaran zakat adalah keutamaan syarikat.
S5:	Asas pembayaran zakat adalah kedudukan kewangan.
S6:	Kedudukan kewangan mempengaruhi di mana terdapat tahun yang syarikat tidak membayar zakat kerana kedudukan kewangan yang tidak mengizinkan.
S7:	Tidak pengaruhi kerana syarikat telah ada polisi khas.
S8:	Keuntungan tidak mempengaruhi pembayaran zakat kerana zakat adalah berdasarkan kepada kedudukan aset semasa di hujung haul.
S9:	Pembayaran zakat adalah berasaskan kepada modal kerja syarikat. Pastinya syarikat membayar zakat berdasarkan kepada keuntungan dan aliran tunai syarikat.
S10:	Pastinya kedudukan kewangan adalah asas dalam pembayaran zakat.
S11:	Pastinya kedudukan kewangan adalah asas dalam pembayaran zakat.
S12:	Kedudukan kewangan adalah asas kepada keputusan membayar zakat.

University of Malaya

Kenyataan Respoden	
S13:	Syarikat bergantung kepada keuntungan syarikat dan peratusan pegangan saham muslim untuk membayar zakat. Oleh itu, kedudukan kewangan sangat penting dalam mengukur kemampuan membayar dan jumlah zakat yang di bayar.
S14:	Kedudukan kewangan adalah faktor utama pembayaaran zakat. Jika kewangan syarikat tidak stabil, syarikat tidak mampu untuk membayar zakat.

Sumber: Analisis Data

Kajian ini turut menyelidik kewujudan polisi membayar zakat oleh syarikat. Terdapat 3 kategori polisi iaitu polisi bertulis, amalan dan kelulusan dari semasa ke semasa. 6 syarikat mempunyai polisi bertulis (S2, S4, S6, S7, S8 dan S14). Polisi yang dibuat adalah dalam bentuk pelbagai iaitu fatwa (S2) dan dalam dokumen penubuhan (S4). Apabila telah ada polisi khas kelulusan pembayaran zakat adalah di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif (S7 dan S8) atau Ketua Pegawai Kewangan (S6). Bagi 3 syarikat lagi, tiada polisi bertulis tetapi dalam bentuk amalan lazim (S1, S10 dan S11). Bagi 5 syarikat lagi pembayaran zakat memerlukan kelulusan ALP dari semasa ke semasa. Ketiadaan polisi menjadikan kelulusan membayar zakat dibuat dari semasa ke semasa (S3, S5, S9, S12 dan S13) dan ini mengundang risiko yang boleh menjejaskan kutipan zakat. Mewujudkan polisi membayar zakat dapat membantu mendorong pembayaran zakat yang konsisten setiap tahun. Perincian responden berkaian isu polisi dinyatakan di dalam Jadual 5.63.

Jadual 5.63 Maklum Balas Responden: Kewujudan Polisi Membayar Zakat

Kenyataan Responden	
S1:	Tiada polisi bertulis tetapi pembayaran zakat ini menjadi amalan lazim syarikat.
S2:	Polisi khas yang dimaksudkan adalah fatwa khas pembayaran zakat syarikat ini. Syarikat juga membangunkan prosedur pengurusan zakat bagi melicinkan pengendalian urusan zakat.
S3:	Syarikat tidak mempunyai polisi khas dan kelulusan pembayaran zakat adalah tertakluk kepada kelulusan dari semasa ke semasa.
S4:	Syarikat telah membuat polisi untuk membayar zakat bermula dari tarikh operasi iaitu tahun 1983.

University of Malaya

Kenyataan Responden	
S5:	Syarikat tidak mempunyai polisi khas di mana pembayaran zakat perlu di bawa untuk kelulusan ALP kerana jumlah zakat adalah melebihi RM1 juta.
S6:	Syarikat ini telah mempunyai polisi khas dan pembayaran zakat adalah di peringkat Ketua Pegawai Kewangan sahaja.
S7:	Syarikat ini ada polisi khas dan pembayaran zakat adalah berdasarkan kepada polisi ini. Kelulusan adalah di peringkat Ketua Pegawai Eksekutif dan diberi pemakluman kepada ALP.
S8:	Pembayaran zakat kini telah menjadi polisi syarikat. Pelaksanaan adalah dalam bidang kuasa pihak pengurusan.
S9:	Syarikat ini tidak mempunyai polisi khas dan ia juga tidak menjadi mandatori untuk membayar zakat.
S10:	Syarikat ini ada polisi tidak bertulis untuk syarikat membayar zakat. Ia boleh menjamin konsistensi pembayaran zakat oleh syarikat.
S11:	Syarikat ini ada polisi tidak bertulis untuk syarikat membayar zakat. Pembayaran zakat telah menjadi amalan dan kelulusan adalah di peringkat Ketua Pegawai Eksekutf syarikat.
S12:	Tiada polisi khas dan pihak pengurusan perlu membuat kertas cadangan setiap tahun kepada ALP.
S13:	Syarikat tidak mempunyai polisi khas untuk pembayaran zakat kerana pembayaran zakat adalah atas kesedaran pihak pengurusan untuk menunaikan zakat.
S14:	Syarikat ini mempunyai polisi khas iaitu pengiraan zakat adalah berdasarkan kepada formula yang ditentukan oleh Jawatankuasa Syariah syarikat. Polisi ini mempengaruhi pembayaran zakat.

Sumber: Analisis Data

5.4.7 Kesediaan Membuat Keputusan Membayar Zakat

Kajian ini turut menyelidiki tahap kesediaan pembuat untuk membuat keputusan membayar zakat melalui soalan “Bagaimana tahap kesediaan tuan dalam membuat keputusan supaya syarikat membayar zakat perniagaan?” Pembuat keputusan menunjukkan komitmen yang tinggi untuk memastikan syarikat yang mereka wakili terus membayar kerana sebahagian besar daripada mereka meletakkan zakat adalah keutamaan dalam operasi syarikat terutama bagi syarikat yang memang patuh membayar zakat tanpa ada rasa ragu.

University of Malaya

Mereka yang berada di tahap yang sangat sedia membayar zakat adalah S2, S3, S4, S5, S6, S7, S8, S9, S10, S11, S12 dan S13. Bagi syarikat S14 penyelidik mengkategorikan sebagai "Bersedia" manakala bagi S1 beliau mempunyai pandangan yang berbeza. Kajian ini menghargai perbezaan ini kerana beliau mewakili kelompok yang berpandangan sebaliknya. Ini juga memberikan maklumat tambahan kepada kajian ini bahawa pembayaran zakat adalah keputusan banyak pihak dan memang wujud pelbagai pandangan di dalam pelaksanaannya. Perbezaan pendapat adalah sesuatu yang lazim dalam pelaksanaan satu-satu ketetapan hukum.[40] Kenyataan kesediaan membayar zakat oleh responden sebagaimana di dalam Jadual 5.64.

Jadual 5.64 Kesediaan Membuat Keputusan Membayar Zakat

Kenyataan Responden	**Tahap Kesediaan**
S2: Saya sentiasa memberikan keutamaan kepada pembayaran zakat atas syarikat. Zakat adalah kewajipan dan tiada sebarang persoalan lagi.	Sangat sedia
S3: Saya sangat menyokong syarikat ini membuat pembayaran zakat.	Sangat sedia
S4: Zakat adalah pekara asas (*fundamental*) kepada syarikat ini. Tiada istilah saya perlu memastikan syarikat ini membayar zakat.	Sangat sedia
S5: Saya lebih daripada bersedia dalam menyokong usaha syarikat ini untuk terus membayar zakat.	Sangat sedia
S6: Saya sentiasa membuat persediaan awal untuk syarikat membayar zakat. Saya bangga syarikat ini membayar zakat dan berasa gembira apabila para pembayar mendoakan kemajuan syarikat ini dalam sesi pembayaran zakat yang saya hadiri.	Sangat sedia
S7: Saya sentiasa akan memastikan (atas kapasiti jawatan saya) syarikat ini akan meneruskan pembayaran zakat.	Sangat sedia
S8: Saya berasa lebih dari bersedia untuk menguruskan pembayaran zakat syarikat ini atas rasa tanggungjawab.	Sangat sedia

[40] Khalida Majid, "Ikhtilaf and Unity in Muslim Ummah: A Comparative Analysis", *International Journal of Humanities and Social Science Invention* 4, no. 3 (2015), 10-16.

University of Malaya

Kenyataan Responden	Tahap Kesediaan
S9: Lembaga Pengarah syarikat di dalam mesyuarat telah meluluskan pembayaran zakat oleh syarikat. Lembaga Pengarah turut meluluskan pembayaran zakat pada masa hadapan dan telah memberi kuasa kepada pihak pengurusan syarikat untuk menguruskan pembayaran zakat syarikat pada masa hadapan.	Sangat Sedia
S10: Saya sangat bersedia dalam menguruskan pembayaran zakat syarikat ini.	Sangat sedia
S11: Saya sentiasa sedia untuk menguruskan pembayaran zakat oleh syarikat.	Sangat sedia
S12: Saya sentiasa bersedia menguruskan pembayaran zakat dan sedar amanah yang saya pikul.	Sangat sedia
S13: Selaku orang yang diberi tanggungjawab saya besedia setiap masa untuk syarikat menunaikan kewajipan berzakat bagi memenuhi amanah pemegang saham dan harapan kakitangan yang bekerja di sini untuk melihat syarikat ini membayar zakat.	Sangat sedia
S14: Syarikat hanya bersedia membayar zakat apabila mencapai tahap yang ditetapkan iaitu keuntungan sebelum cukai dan kedudukan kewangan.	Sedia

Sumber: Analisis Data

5.4.8 Rumusan Kajian Kualitatif

Objektif kajian kualitatif ini adalah bagi mendapatkan jawapan bagi objektif 3 kajian ini iaitu mengenal pasti faktor-faktor yang mempengaruhi keputusan membayar zakat oleh syarikat. Melalui analisis data yang dinyatakan di atas, rumusan dibuat berdasarkan pencapaian objektif yang ingin dicapai.

5.4.8(a) Mengenal Pasti Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Membayar Zakat Oleh Syarikat

Hasil daripada sesi 14 temu bual yang dibuat bersama 14 syarikat, responden telah menyatakan perspektif dan berkongsi pengalaman masing-masing yang diolah menjadi

University of Malaya

dapatan kajian ini. Rumusan faktor yang mendorong pembayaran zakat diperoleh melalui perbincangan di dalam perkara 4.4.3 analisis faktor utama yang mendorong pembayaran zakat dan. Melalui jawapan responden kajian ini dapat merumuskan tiga kategori faktor yang mendorong pembayaran iaitu faktor institusi zakat, tindakan kerajaan dan dorongan dalaman. Penentuan sama ada sesuatu faktor itu adalah dominan atau sebaliknya diukur melalui kekerapan ia dinyatakan oleh syarikat. Ini bermaksud, jika banyak syarikat menyatakan pandangan yang sama, ini bermakna sesuatu faktor atau elemen itu adalah lebih dominan. Berdasarkan kepada Jadual 5.65, 5 syarikat (35.7%) menyatakan Peranan Institusi Zakat, 4 syarikat (28.6%) menyatakan Tindakan Kerajaan dan 14 syarikat (100%) mengatakan adalah dorongan dalaman.

Jadual 5.65 Faktor Utama Pembayaran Zakat (Ujian 1) – Kajian Kualitatif

	Faktor	**Bilangan syarikat**	**Perincian**	**Elemen**
1	Peranan institusi zakat	5 (35.7%)	a. Institusi zakat memberi penerangan dan menjelaskan keraguan (S5, S11, S12 dan S14) b. Institusi zakat membuka ruang kerja sama yang baik dengan membuat kolabrasi (S13) c. institusi zakat mengembalikan semula sebahagian zakat untuk diagihkan sendiri oleh syarikat kepada golongan yang memerlukan (S13)	Perkhidmatan Kerjasama Agihan
2	Tindakan Kerajaan	4 (28.6%)	a. Wujudnya fatwa khas terhadap kewajipan membayar zakat (S2) b. Tolakan cukai yang ada dapat membantu meringankan beban syarikat dan menjadi justifikasi dalam cadangan pembayaran zakat (S3, S4 dan S9)	Fatwa Tolakan cukai
3	Dorongan Dalaman	14 (100%)	a. selari dengan penubuhan syarikat iaitu untuk membangunkan sosio ekonomi masyarakat dan membasmi kemiskinan (S2 dan S11), b. jelas terhadap tanggungjawab dan amanah yang sepatutnya ditunaikan (S3 dan S8),	Kefahaman

University of Malaya

	Faktor	Bilangan syarikat	Perincian	Elemen
			c. Memenuhi amanah kepada pemegang saham muslim dan memenuhi tanggungjawab sosial syarikat (S6), d. Berkongsi keuntungan bersama masyarakat (S9), e. Membersihkan harta syarikat dari perkara yang haram (S12), f. Terdorong menjadi syarikat 100% patuh syariah (S13), g. Menjuarai seruan yang baik untuk membayar zakat (S14) h. Meningkatkan imej syarikat (S1) i. Menjadi polisi syarikat (S4 dan S7), j. Majoriti pemegang saham dan pengurusan adalah muslim (S5 dan S10).	Komposisi Muslim

Sumber: Analisis Data

Ujian kedua yang dibuat bagi tujuan yang sama adalah soalan khusus mengenai peranan peranan institusi zakat, tindakan kerajaan dan dorongan dalaman dalam mendorong pembayaran zakat. Responden memberi ulasan dan penyelidik merumuskan status faktor yang berkenaan adalah seperti mana di dalam Jadual 5.66. Terdapat responden yang memberikan jawapan lebih dari satu sudut yang mendorong mereka. Jadual 5.66 menunjukkan jawapan responden apabila diaju soalan khusus mengenai setiap satu faktor pembayaran zakat. 10 syarikat mengatakan institusi zakat adalah mendorong, 11 syarikat mengatakan tindakan kerajaan adalah mendorong dan 14 syarikat mengatakan dorongan dalaman.

University of Malaya

Jadual 5.66 Faktor Utama Pembayaran Zakat (Ujian 2) – Kajian Kualitatif

Faktor	**Mendorong**	**Agak Mendorong**	**Tidak begitu Mendorong**	**Tidak mendorong**
Institusi Zakat	8 syarikat (57%)	2 syarikat (14%)	2 syarikat (14%)	2 syarikat (14%)
Tindakan Kerajaan	11 syarikat (79%)	0 (0%)	1 syarikat 7%	2 syarikat 14%
Dorongan Dalaman	14 syarikat (100%)	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)

Sumber: Analisis Data

Jadual 5.65 dan Jadual 5.66 di atas memberikan jawapan kepada persoalan faktor yang mendorong pembayaran zakat oleh entiti perniagaan. Daripada kedua jadual menunjukkan, dorongan atau kecenderungan membuat pembayaran zakat adalah dipengaruhi oleh tiga faktor utama iaitu tindakan yang dibuat oleh institusi zakat, tindakan kerajaan dan yang paling penting adalah kesediaan pembuat keputusan di dalam syarikat untk membayar zakat. Dapatan daripada Jadual 5.65 dan 5.66 diringkaskan melalui Jadual 5.67. Jadual 5.67 menunjukkan melalui kedua-dua ujian yang dibuat tiga faktor ini adalah sangat dominan apabila membicarakan tentang faktor pembayaran zakat dan melalui kajian kualitatif faktor yang mendorong pembayaran zakat syarikat dapat diperolehi.

Jadual 5.67 Ringkasan Keputusan Ujian 1 dan Ujian 2 Faktor pembayaran zakat.

Komponen	Ujian 1 (Soalan Umum)	Ujian 2 (Soalan Khusus)	Keputusan
Peranan Institusi Zakat	5	10	Ya
Tindakan Kerajaan	4	11	Ya
Dorongan Dalaman	14	14	Ya

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

5.4.8(b) Menilai Faktor Peranan Instiusi Zakat, Insentif Kerajaan Dan Dorongan Dalaman Dalam Mempengaruhi Keputusan Membayar Zakat

Bagi menjawab persoalan ini analisis dibuat melalui perbincangan di dalam perkara 4.4.4, 5.4.5 dan 5.4.6. Hasil perbincangan dirumuskan di dalam Jadual 5.68 iaitu kesan komponen setiap faktor. Melalui Jadual 5.68 komponen bagi faktor peranan institusi zakat, komponen yang mendorong hanya 1 iaitu perkhidmatan. Manakala bagi elemen agihan dan urus tadbir syarikat lebih memberi kepercayaan kepada institusi zakat dan pihak yang berwajib untuk memastikannya. Mereka juga meletakkan tanggungjawab memastikan agihan dan urus tadbir di bawah pihak yang sepatutnya. Bagi faktor Tindakan Kerajaan, semua elemen yang diuji mendapat jawapan positif iaitu cukai, fatwa, galakan dari SC dan Bursa dan penguatkuasaan. Bagi faktor dalaman pula mereka mengatakan ia adalah kemestian terutama dari aspek kefahaman ALP. Manakala elemen lain iaitu komposisi ALP, prestasi kewangan dan kewujudan polisi semuanya memberikan dorongan kepaa pembayaran zakat.

Jadual 5.68 Penilaian Kesan Komponen Setiap Faktor Bagi Mendorong Pembayaran Zakat

Faktor	Komponen	Kekerapan	Keputusan
Peranan Institusi Zakat	Perkhidmatan	10	Ya
	Agihan	4	Kurang
	Urus Tadbir	4	Kurang
Tindakan Kerajaan	Cukai	10	Ya
	Fatwa	10	Ya
	Galakan SC dan Bursa	8	Ya
	Penguatkuasaan	8	Ya
Dorongan Dalaman	Kefahaman	14	Ya
	Komposisi ALP	11	Ya
	Prestasi Kewangan	10	Ya
	Kewujudan Polisi	9	Ya

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

5.5 Perbandingan Hasil Kajian Kuantitatif Dan Kualitatif

Seterusnya, kajian ini membuat perbandingan di antara hasil kajian kuantitatif dan kualitatif. Perbandingan dibuat dalam dua peringkat iaitu perbandingan di peringkat faktor dan komponen. Perbandingan hasil kajian di antara kuantitatif dan kualitatif dibuat dalam bentuk tiga perkara iaitu i. Kaedah Pencapaian objektif; ii. Menentukan faktor pembayaran; dan iii. Menentukan elemen yang menyokong faktor pembayaran zakat.

5.5.1 Perbandingan Kaedah Pencapaian Objektif

Kajian kuantitatif fasa 2 dijalankan bagi mencapai tiga objektif kajian ini iaitu objektif 3, objektif 4 dan objektif 5 manakala kajian kualitatif dibuat bagi mencapai objektif 3 sahaja. Oleh itu, perbandingan di antara kuantitatif dan kualitatif dibuat dalam pencapaian objektif ketiga sahaja. Manakala bagi ojektif lima kajian ini menggunakan sepenuhnya dapatan daripada kajian kuantitatif fasa 2.

5.5.2 Perbandingan Penemuan Faktor

Kedua-dua kajian kualitatif dan kuantitatif telah berjaya menghasilkan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat. Kajian kuantitatif yang bersumberkan borang soal selidik dengan dianalisis menggunakan teknik PLS-SEM, telah berjaya menemui faktor yang mendorong pembayaran zakat. Faktor yang dikenali istilah konstruk ini telah diuji dari pelbagai dimensi seperti kesahan, kebolehpercayaan, konsistensi dalaman, koefisien muatan dan sebagainya. Manakala kajian kualitatif melalui sumber temu bual telah berjaya menghasilkan faktor yang didapati dominan dalam mendorong pembayaran zakat.

Walaupun kedua kajian ini menggunakan sumber data yang berbeza dan dianalisis melalui kaedah yang juga berbeza, tetapi keduanya telah menghasilkan keputusan yag sama sebagaimana dinyatakan melalui Jadual 5.69. Kedua kajian ini menunjukkan faktor yang

University of Malaya

mempengaruhi pembayaran zakat adalah tiga iaitu Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman.

Jadual 5.69 Perbandingan Hasil Kajian Kualitatif dan Kuantitatif Mengenai Faktor Pembayaran Zakat

Faktor	**Keputusan Kuantitatif**	**Keputusan Kualitatif**
Peranan Institusi Zakat	Ya	Ya
Tindakan Kerajaan	Ya	Ya
Dorongan Dalaman	Ya	Ya

Sumber: Analisis Data

5.5.3 Perbandingan Penemuan Komponen Faktor

Terdapat banyak persamaan dan wujud perbezaan dalam perbandingan penemuan komponen faktor di antara kajian kuantitatif dan kualitatif dan hasil perbandingan dinyatakan di dalam Jadual 5.70.

Jadual 5.70 Perbandingan Hasil Kajian Kuantitatif dan Kualitatif Mengenai Komponen Faktor Pembayaran Zakat

Faktor	Komponen	Kuantitatif	Kualitatif
Peranan Institusi Zakat	Perkhidmatan	Ya	Ya
	Agihan	Ya	Tidak
	Urus Tadbir	Ya	Tidak
Tindakan Kerajaan	Cukai	Ya	Ya
	Fatwa	Ya	Ya
	Galakan SC dan Bursa	Tidak	Ya
	Penguatkuasaan	Ya	Ya
Dorongan Dalaman	Kefahaman ALP	Ya	Ya
	Komposisi muslim	Ya	Ya
	Kewangan	Ya	Ya
	Polisi	Tidak	Ya

Sumber: Analisis Data

University of Malaya

Kedua-dua kajian kuantitatif dan kualitatif berjaya menemui 9 komponen faktor yang mendorong pembayaran zakat bagi setiap ujian dan terdapat komponen yang disepakati dan sebaliknya sebagaimana diperincikan di dalam Jadual 5.70. Terdapat 7 komponen yang disepakati adalah perkhidmatan, cukai, fatwa, penguatkuasaan, kefahaman ALP dan komposisi muslim di kalangan ALP dan kedudukan kewangan. Manakala komponen yang tidak disepakati adalah agihan, urus tadbir, galakan SC dan Bursa dan Polisi pembayaran zakat. Ini adalah penemuan kajian ini. Setiap komponen mempunyai perincian tersendiri mengikut kaedah di mana bagi kajian kuantitatif ia diperincikan melalui item yang wujud di dalam borang soal selidik dan bagi kajian kualitatif perinciannya adalah kenyataan responden bagi setiap komponen sebagaimana dinyatakan di dalam perkara 5.4.3 hingga 5.4.6.

5.6 Rumusan

Sebagai kesimpulan, bab ini telah berjaya memberikan dapatan kajian ini merangkumi memberi gambaran fenomena terhadap segmen PLC di Malaysia dari aspek pemilikan muslim di dalam PLC, kelayakan membayar zakat, kepatuhan pembayaran, jumlah potensi kutipan yang boleh dipungut dari segmen PLC dan jurang kutipan zakat. Melalui analisis data, faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat oleh entiti perniagaan dapat dikenal pasti secara empirikal. Kajian ini juga berjaya mengenal pasti komponen yang mendokongi setiap faktor dan menjalankan ujian kepada 7 hipotesis kajian ini. Seterusnya, melalui teknik analisis data PLS-SEM kajian ini berjaya membangunkan model faktor pembayaran zakat oleh entiti perniagaan.

University of Malaya

BAB ENAM : RUMUSAN DAN PENUTUP

6.1 Pendahuluan

Kajian ini merupakan kajian empirikal bagi mengetahui senario pembayaran zakat oleh PLC dan mengetahui gelagat PLC dalam membuat keputusan membayat zakat. Melalui perincian di dalam bab lima, kajian ini telah berjaya mendapatkan pelbagai dapatan dan penemuan bagi mencapai objektif kajian yang telah digariskan. Rumusan mengenai hasil kajian dibuat mengikut pencapaian objektif. Bab ini turut membincangkan implikasi kajian dalam konteks memberi sumbangan kepada perkembangan teori, metodologi dan yang paling penting adalah sumbangan dalam bentuk aplikasi. Cadangan kajian di masa hadapan dari aspek subjek kajian dan kesinambungan kajian merupakan penutup bagi penulisan tesis ini.

6.2 Rumusan Pencapaian Objektif

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui faktor yang mempengaruhi kecenderungan pembuat keputusan dalam kalangan entiti perniagaan membayar zakat dan kajian ini mengambil satu segmen di dalam entiti perniagaan iaitu syarikat tersenarai awam (PLC) dengan menjadikan PLC yang membayar zakat sebagai sasaran kajian. Analisis awal dibuat dengan memahami senario PLC di Malaysia dari aspek potensi pembayaran zakat dari segmen ini, khususnya dari segi bilangan syarikat yang layak membayar zakat dan jumlah zakat yang sepatutnya dipungut, dan membandingkannya dengan prestasi semasa. Analisis awal ini menjawab objektif pertama dan objektif kedua kajian ini.

University of Malaya

Melalui kajian literatur, kajian ini membangunkan kerangka kajian dengan mengenal pasti tiga faktor utama dalam mempengaruhi kecenderungan membayar iaitu gerak kerja yang dijalankan oleh institusi zakat, peranan yang dimainkan oleh pihak kerajaan dan yang paling penting dorongan dari dalaman syarikat untuk membayar zakat. Hubungan tiga faktor dari aspek memberi kesan terhadap kecenderungan membayar zakat diuji menggunakan teknik soal selidik dan temu bual dan kajian ini berjaya menghasilkan penemuan yang dicari iaitu pencapaian objektif ketiga, keempat dan kelima kajian ini.

Variabel kajian ini adalah Peranan Institusi Zakat (PIZ), Tindakan Kerajaan (TK), Dorongan Dalaman (DD) dan Pembayaran Zakat (PZ) dihubungkan dalam bentuk laluan (*path*) membina satu model yang dinamakan Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan. Bersumberkan data dari borang soal selidik dan analisis PLS-SEM dengan menggunakan perisian SmartPLS, kajian ini telah berjaya membuat pengujian ke atas hipotesis kajian dan menghasilkan model yang dicari iaitu objektif kajian yang kelima. Rumusan dibuat bagi dengan mengikut objektif yang telah digariskan.

6.2.1 Mengenal Pasti Senario Pembayaran Zakat Perniagaan Oleh Syarikat Tersenarai Awam di Malaysia.

Hasil penemuan mendapati daripada 817 PLC, pemilikan muslim adalah sebanyak 118 syarikat (15.55%) berbanding dengan non-Muslim. Sebanyak 69 syarikat (9.51%) mempunyai pemilikan muslim melebihi 50% manakala 49 syarikat (6.04%) mempunyai pemilikan 30-49% muslim. Senario ini menunjukkan bahawa pemilikan majoriti di dalam PLC adalah oleh non muslim.

Hasil kajian juga menunjukkan Kuala Lumpur mempunyai bilangan PLC paling tinggi iaitu 60 buah syarikat diikuti dengan negeri Selangor iaitu 50 buah syarikat dan hanya 8 (6.78%) syarikat sahaja berada di negeri-negeri lain. Penemuan ini menunjukkan bahawa lebih 93% syarikat iaitu 110 syarikat adalah berpusat di kedua negeri ini. Kedudukan yang

University of Malaya

sangat berpusat ini mempunyai kelebihan dari satu segi dan kelemahan dari aspek yang lain. Kedudukan ini memberikan kelebihan kepada dua institusi zakat iaitu Wilayah Persekutuan dan Selangor kerana keadaan ini memberikan peluang kepada kedua negeri ini meraih kutipan zakat yang lebih tinggi kerana entiti perniagaan milik muslim adalah berpusat di kedua negeri ini. Ini dibuktikan dengan kedua negeri ini memungut RM860 juta (45%) daripada RM1.9 bilion kutipan zakat negera.[1] Kelemahan yang wujud adalah wujudnya ketidakseimbangan kutipan zakat di antara kedua negeri ini dengan negeri-negeri lain sedangkan kadar kemiskinan di negeri-negeri lain adalah masih tinggi seperti Sabah (3.9%), Sarawak (0.9%) dan Kelantan (0.9%)[2]. Oleh itu, institusi zakat perlu mewujdukan satu mekanisma pengagihan antara negeri supaya negeri yang mempunyai kutipan yang kurang tetapi golongan miskin tinggi dapat diseimbangi.

6.2.2 Menganggar Potensi Dan Jurang Kutipan Zakat Daripada Segmen PLC di Malaysia.

Kajian menunjukkan, daripada 118 buah PLC yang dibuat taksran zakat, 91 buah syarikat (77.11%) adalah layak membayar zakat dan melalui proses ini jumlah potensi kutipan zakat berjaya diperolehi. Jumlah potensi kutipan yang boleh dipungut daripada syarikat ini adalah RM291 juta setahun berbanding kutipan sebenar adalah RM 76.8 juta dengan jurang kutipan sebanyak RM214.6 juta setahun. Dapatan ini menunjukkan kutipan zakat adalah tidak optimum dan ini adalah selaras dengan dapatan Abdul Hakim Amir Osman[3] yang mengatakan potensi kutipan zakat masih luas. Dapatan ini juga menyokong kajian yang

---

[1] Rujuk Statistik Kutipan Zakat Malaysia 2003-2012 di Lampiran F.

[2] Unit Perancang Ekonomi, "Insiden Kemiskinan Mengikut Kumpulan Etnik, Strata dan Negeri, Malaysia, 1970-2014" laman sesawang *Unit Perancang Ekonomi*, dicapai pada 27 Disember 2015, http://www.epu.gov.my/documents/10124/644c2b23-f34b-4813-bf71-dcda76acd351.

[3] Abdul Hakim Amir Osman, "Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia" (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2007, Kuala Lumpur: 22-24 Mei 2007).

University of Malaya

dibuat oleh Abdul Rahim Abdul Rahman[4] yang mengatakan bahawa kutipan masih rendah walau terdapat peningkatan saban tahun. Daripada 91 syarikat yang layak membayar zakat, didapati 15 syarikat (16.5%) sahaja yang membayar zakat. Ini menunjukkan sebanyak 76 syarikat (83.51%) tidak membayar zakat. Dapatan ini menyokong kenyataan "Hampir 80% syarikat tidak membayar zakat" adalah benar.[5]

6.2.3 Mengenal Pasti Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Keputusan Membayar Zakat Oleh Syarikat

Usaha awal mengenal pasti faktor pembayaran zakat dibuat melalui kajian literatur dengan meneliti hasil kajian lalu. Walaupun hampir semua kajian lalu (25 kajian) membicarakan tentang faktor pembayaran zakat dalam konteks individu, namun kajian ini mengambil semua input berkenaan untuk membangunkan kerangka konseptual kajian ini. Hasil daripada kerangka konseptual tiga faktor pembayaran zakat ditemui dengan didokongi oleh 12 komponen. Faktor yang diperoleh adalah peranan institusi zakat, tindakan kerajaan dan dorongan dalaman. Komponen bagi variabel Peranan Institusi Zakat adalah perkhidmatan, pemasaran, agihan, urus tadbir dan ketelusan. Bagi Tindakan Kerajaan komponen yang diperolehi adalah fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan undang-undang. Manakala bagi Dorongan Dalaman komponen yang mewakilinya adalah kefahaman ALP, komposisi muslim dan prestasi kewangan. Melalui kerangka konseptual juga faktor dorongan dalaman dilihat berbeza kerana pembuat keputusan adalah berada di dalam dorongan dalaman. Oleh itu, peranan faktor Dorongan Dalaman diberi dua posisi untuk diuji iaitu sebagai variabel tidak bersandar kepada pembayaran zakat dan juga sebagai mediator di antara kedua faktor

---

[4] Abdul Rahim Abdul Rahman, "Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis." *IKIM Journal* 12, no. 1 (2004), 103-115.

[5] Mohd. Helmi Foad, "Hampir 80% Syarikat Islam Tidak Bayar Zakat", Utusan Malaysia 4 Mei 2002, laman sesawang *Utusan Online*, dicapai 31 November 2013. http://www.utusan.com.my/utusan /info.asp?y=2002&dt=0504&pub=Utusan_Malaysia&sec=Dalam_Negeri&pg=dn_05.htm.

University of Malaya

lagi iaitu Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat. Penemuan konseptual ini berjaya memberi petunjuk permulaan bagi memahami faktor yang mendorong gelagat entiti perniagaan dalam membuat keputusan untuk membayar zakat. Namun begitu, dapatan ini perlu diuji secara empirikal bagi mendapatkan pengesahan sebenar kerana gelagat yang dicari dalam kajian ini adalah gelagat entiti perniagaan dan bukannya gelagat individu.

Melalui kajian kuantitatif fasa 2, kajian ini menjalankan Analisis Penerokaan Faktor (EFA) bagi mengenal pasti komponen bagi setiap variabel. Melalui EFA item yang tidak menepati spesifikasi dikeluarkan dan item yang sama dikelompokkan. Keputusan daripada ujian EFA berjaya menghasilkan sembilan komponen bagi variabel tidak bersandar iaitu Perkhidmatan, Agihan dan Urus tadbir bagi Peranan Institusi Zakat; Fatwa, Insentif Cukai dan Penguatkuasaan bagi Tindakan Kerajaan; dan Kefahaman ALP, Komposisi Muslim dan Prestasi kewangan bagi Dorongan Dalaman. dan tiga komponen bagi variabel bersandar Pembayaran Zakat iaitu Inisiatif, Tanggapan dan Kesedaran.

Kajian kualitatif juga digunakan bagi tujuan mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat. Tujuan kajian kualitatif dibuat adalah bagi memahami faktor pembayar zakat dari dimensi yang berbeza dan lebih mendalam. Melalui kajian kualitatif faktor utama pembayaran zakat adalah sama dengan kuantitatif iaitu faktor Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman. Manakala dari aspek komponen juga hampir sama di mana terdapat tambahan komponen iaitu komponen galakan dari SC dan Bursa juga polisi syarikat. Namun begitu, kedua komponen ini telah diambil kira semasa pembangunan kerangka konseptual. Penemuan faktor dan komponen pembayaran zakat diringkaskan sepertimana di Jadual 6.1.

University of Malaya

Jadual 6.1 Faktor Pembayaran: Penghasilan Konseptual, Kuantitatif dan Kualitatif

Faktor	Konsep	Kuant	Kual	Komponen	Konsep	Kuant	Kual
Peranan Institusi Zakat	✓	✓	✓	Perkhidmatan	✓	✓	✓
				Pemasaran	✓		
				Agihan	✓	✓	×
				Ketelusan	✓	✓	×
				Urus Tadbir	✓		
Tindakan Kerajaan	✓	✓	✓	Cukai	✓	✓	✓
				Fatwa	✓	✓	✓
				Galakan SC dan Bursa	✓	×	✓
				Penguatkuasaan	✓	✓	✓
Dorongan Dalaman	✓	✓	✓	Kefahaman ALP	✓	✓	✓
				Komposisi muslim	✓	✓	✓
				Kewangan	✓	✓	✓
				Polisi	×	×	✓

Nota: Konsep: Konseptual ; Kuant: Kuantitatif ; Kual: Kualitatif.

Sumber: Analisis Data

Hasil dapatan daripada kajian ini menunjukkan bahawa bagi memahami gelagat sesebuah entiti perniagaan, pertimbangan yang diambil oleh para pembuat keputusan syarikat adalah mempunyai kesamaan dengan individu kerana kajian gelagat organisasi tidak dapat dipisahkan daripada mengkaji gelagat individu.[6]

6.2.4 Menilai Faktor Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan Dan Dorongan Dalaman Terhadap Keputusan Membayar Zakat

Bagi menilai kesan faktor Peranan Institusi Zakat, Insentif Kerajaan dan Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat, kajian ini menggunakan kajian kuantitatif fasa 2 iaitu melalui PLS-SEM. Penilaian kesan faktor dibuat dalam bentuk dua pendekatan iaitu kesan langsung

[6] Robbins, Stephen P. dan Judge, Timothy A., *Essentials of Organizational Behavior* (New Jersey: Pearson, 20130), 10.

University of Malaya

(*direct effect*) dan kesan tidak langsung (*indirect effect*). Kesan langsung merupakan kesan terus di antara dua variabel tanpa wujud mediator. Manakala kesan tidak langsung adalah kesan yang wujud di antara dua variabel dengan wujudnya penengah (mediator) di antara variabel. Jumlah kedua kesan ini menghasilkan Jumlah Kesan.[7] Berasaskan kepada kekuatan PLS-SEM dan perisian SmartPLS 3.0 maka kajian ini memanfaatkan kelebihan teknik dan perisian ini.

6.2.4(a) Hubungan Peranan Institusi Zakat Terhadap Pembayaran Zakat

Hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat dihubungkan dalam dua bentuk hubungan iaitu hubungan langsung melalui hipotesis 4 dan hubungan tidak langsung melalui hipotesis 6 sebagaimana berikut:-

Hipotesis 4 (Kesan Langsung)	:	Peranan Institusi Zakat memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat.
Hipotesis 6 (Kesan tidak langsung)	:	Dorongan Dalaman mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat.

Bagi pengujian hipotesis 4 iaitu hubungan langsung di antara Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat, pengujian dibuat melalui Koefisien Laluan. Peranan Institusi Zakat didapati tidak memberikan kesan langsung (*direct effect*) yang positif (koefisien laluan = 0.243, t = 1.824, p >.01) bagi mendorong pembayaran zakat. Dalam erti kata lain, usaha yang dibuat oleh institusi zakat tidak memberi kesan yang signifikan dalam kecenderungan pembuat keputusan syarikat untuk membayar zakat. Namun begitu, Peranan Institusi Zakat adalah signifikan dalam konteks kesan tidak langsung terhadap Pembayaran Zakat. Melalui ujian mediator kesan hubungan tidak langsung Peranan Institusi Zakat terhadap Pembayaran

[7] Bollen, Kenneth A., "Total, Direct, and Indirect Effects in Structural Equation Models" *Sociological Methodology* 17 (1987), 37–69.40

University of Malaya

Zakat melalui Dorongan Dalaman sebagai mediator adalah signifikan (Koefisien Laluan Tidak Langsung 0.168, t = 2.685, p <.01).

Malah nilai VAF iaitu nilai yang menunjukkan kesan tidak langsung adalah di antara PIZ terhadap PZ adalah tinggi iaitu pada kadar 40.88%. Oleh kerana hubungan langsung di antara Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat adalah tidak signifikan, maka Dorongan Dalaman berperanan sebagai mediator sepenuhnya. Dalam erti kata lain, setiap usaha yang dibuat oleh institusi dapat meningkatkan Dorongan Dalaman untuk membayar zakat dengan kesan tidak langsung sebanyak 40.88%. Dapatan ini menunjukkan institusi zakat memainkan peranan penting dalam meningkatkan kutipan zakat walaupun melalui kesan tidak langsung. Manakala Jumlah kesan (*Total effect*) bagi Peranan Institusi Zakat melalui Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat adalah 0.411. Ini bermaksud keseluruhan kesan Peranan Institusi Zakat terhadap Pembayaran Zakat adalah 41.1%. Ini menguatkan lagi dapatan kajian lalu sebagaimana kajian yang dibuat oleh Sanep Ahmad et al.[8] yang mendapati peranan institusi zakat memberi kesan terhadap pembayaran zakat secara formal dalam konteks individu mengikut kajian lalu dan entiti perniagaan melalui kajian ini. Hasil kajian ini menggariskan tiga pekara utama yang perlu diambil kira oleh institusi zakat iaitu perkhidmatan (nilai muatan 0.767) yang seleras dengan dapatan kajian oleh Kamil Md Idris,[9] dan Muhammad Muda et al.[10]; gerak kerja agihan zakat (nilai muatan 0.923) selaras

[8] Sanep Ahmad, Hairunnizam Wahid dan Adnan Mohamad, "Penswastaan Institusi Zakat dan Kesannya Terhadap Pembayaran Secara Formal di Malaysia", *International Journal of Management Studies* 13, no.2 (2006), 175-196.

[9] Kamil Md. Idris, "Faktor Penentu Zakat Ke Atas Pendapatan Penggajian di Negeri Kedah" (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002).

[10] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR*) 2, no. 1 (2005), 77-92.

University of Malaya

dengan kajian oleh Hairunnizam Wahid et al.[11] dan urus tadbir yang baik (nilai muatan 0.927) sebagaimana dapatan oleh Mohd. Rahim Kamis et al.[12]

6.2.4(b) Hubungan Tindakan Kerajaan Dengan Pembayaran Zakat

Hubungan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat dihubungkan dalam dua bentuk hubungan iaitu hubungan langsung melalui hipotesis 5 dan hubungan tidak langsung melalui hipotesis 7 sebagaimana berikut:-

Hipotesis 5 (Kesan Langsung)	:	Tindakan Kerajaan memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat.
Hipotesis 7 (Kesan tidak langsung)	:	Dorongan Dalaman mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat.

Berdasarkan kepada keputusan ujian Koefisien Laluan, Tindakan Kerajaan memberikan kesan langsung (*direct effect*) yang positif (koefisien laluan = 0.357, t = 2.976, p <.01) bagi mendorong pembayaran zakat. Dalam erti kata lain, tindakan yang dibuat oleh kerajaan memberi kesan yang signifikan dalam kecenderungan pembuat keputusan syarikat untuk membayar zakat. Syarikat berasa terdorong untuk membayar zakat dengan adanya insentif cukai, fatwa dan penguatkuasaan.

Manakala hubungan tidak langsung di antara Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat melalui Dorongan Dalaman adalah signifikan (Koefisien Laluan Tidak Langsung 0.138, t = 2.414, p <.05). Ini menunjukkan Tindakan Kerajaan mempunyai hubungan langsung dan tidak langsung terhadap Pembayaran Zakat. Manakala Jumlah kesan (*Total*

---

[11] Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad dan Radiah Abdul Kader, "Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Di Malaysia, Mengapa Masyarakat Tidak Puas Hati?", *Journal Syariah* 17, no. 1 (2009), 89-111.

[12] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behaviour of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha, Qatar).

University of Malaya

effect) bagi Tindakan Kerajaan terhadap Pembayaran Zakat adalah 0.495. Ini bermaksud keseluruhan kesan Tindakan Kerajaan terhadap Pembayaran Zakat adalah 49.5%. Dapatan ini menunjukkan setiap perubahan di dalam Tindakan kerajaan sama ada insentif cukai (nilai muatan 0.778), fatwa (nilai muatan 0.893) dan penguatkuasaan (nilai muatan 0.777) memberi dua kesan kepada Pembayaran Zakat iaitu kesan langsung dan kesan tidak langsung. Nilai VAF iaitu nilai yang menunjukkan kesan tidak langsung di antara Tindakan Kerajaan terhadap Pembayaran Zakat adalah agak besar iaitu 27.88%.

Dalam erti kata lain, setiap tindakan yang dibuat oleh kerajaan dapat meningkatkan kecenderungan membayar zakat dan meningkatkan Dorongan Dalaman untuk membayar zakat. Dapatan daripada kajian ini juga menunjukkan dalam konteks entiti perniagaan para pembuat keputusan turut terkesan dengan usaha yang dibuat oleh peringkat kerajaan terutamanya fatwa sebagaimana kajian oleh Kamil Md Idris,[13] insentif cukai sebagai mana kajian oleh Zaharah Salwati Baba et al.[14] dan penguatkuasaan sebagaimana kajian Ram Al-Jafri et al.[15] Dalam erti kata lain, jika pihak kerajaan bertindak dengan lebih aktif, kecenderungan membuat pembayaran zakat akan dapat ditingkatkan sama ada secara langsung dan tidak langsung. Dapatan ini juga membuktikan bahawa faktor yang mendorong pembayaran zakat di antara entiti perniagaan dan gelagat individu adalah sama.

---

[13] Kamil Md. Idris, "Faktor Penentu Zakat Ke Atas Pendapatan Penggajian di Negeri Kedah" (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia, 2002), iv.

[14] Zaharah Salwati Baba et al., "Tanggapan Usahawan Terhadap Zakat Perniagaan Berbanding Cukai Pendap atan Perniagaan di Terengganu", Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari 11, no. 3 (2010), 97-113.

[15] Ram Al-Jafri, Kamil Idris dan Zainal Bidin, "Peraturan Pembayaran Zakat Kepada Institusi Zakat: Sikap Peniaga Dan Kesannya Terhadap Gelagat Pembayaran Zakat Perniagaan", *Jurnal Syariah* 17, no. 3 (2009), 607-630.

University of Malaya

6.2.4(c) Hubungan Dorongan Dalaman Dengan Pembayaran Zakat

Variabel Dorongan Dalaman terlibat dalam lima pengujian hipotesis melalui tiga peranan iaitu sebagai variabel tidak bersandar dalam hubungan Dorongan Dalaman dengan Pembayaran Zakat, variabel bersandar dalam hubungan dengan Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan dan Mediator dalam konteks hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat dan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat. Lima hubungan ini dinyatakan melalu lima hipotesis iaitu:

Hipotesis 1 (kesan langsung)	:	Peranan Institusi Zakat memberi kesan positif terhadap Dorongan Dalaman
Hipotesis 2 (kesan langsung)	:	Tindakan Kerajaan memberi kesan positif terhadap Dorongan Dalaman
Hipotesis 3 (kesan langsung)	:	Dorongan Dalaman memberi kesan positif terhadap Pembayaran Zakat
Hipotesis 6 (kesan mediator)	:	Dorongan Dalaman mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat
Hipotesis 7 (kesan mediator)	:	Dorongan Dalaman mempunyai kesan mediator terhadap hubungan Tindakan Kerajaan) dengan Pembayaran Zakat

Bagi Pengujian hipotesis 3, hasil kajian menunjukkan variabel Dorongan Dalaman mempunyai korelasi positif yang signifikan terhadap Pembayaran Zakat (koefisien laluan = 0.435, t = 3.253, p <.01). Ini bermakna setiap perubahan di dalam komponen Dorongan Dalaman boleh memberi impak langsung kepada kecenderungan membayar zakat. Hasil dapatan ini adalah selaras dengan kajian oleh Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin[16] yang mendapati faktor dalaman mempunyai impak yang tinggi dalam mendorong pembayaran zakat. Variabel Dorongan Dalaman ini didokongi oleh Kefahaman ALP (nilai faktor muatan 0.860), Komposisi ALP muslim (nilai faktor muatan 0.871) dan

[16] Muhammad Muda, Ainulashikin Marzuki dan Amir Shaharuddin, "Internal and External Factors Influencing Individual's Participation in Zakat: Preliminary Results", *Journal of Muamalat and Islamic Finance Research (JMIFR*) 2, no. 1 (2005), 77-92.

University of Malaya

prestasi kewangan (nilai faktor muatan 0.717). Banyak kajian lalu yang mengaitkan peranan kefahaman terhadap kewajipan pembayaran zakat dengan pembayaran zakat iaitu Zulkifli dan Sanep Ahmad,[17] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu[18] dan Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi.[19] Bagi komposisi muslim, dapatan kajian ini menyokong dapatan kajian yang dibuat oleh Halizah Md Arif et al.[20] yang mendapati faktor ini adalah signifikan. Bagi prestasi kewangan dapatan kajian ini selari dengan dapatan oleh Ram Al Jaffri[21] yang mendapati aliran tunai (salah satu elemen di dalam prestasi kewangan) adalah signifikan dalam hubungan pembayaran zakat.

Bagi pengujian hipotesis 1, hasil kajian mendapati Peranan Institusi Zakat mempunyai korelasi positif yang signifikan terhadap Dorongan Dalaman (koefisien laluan = 0.386, t = 4.007, p <.01) begitu juga dengan keputusan pengujian hipotesis 2 iaitu kesan Tindakan Kerajaan ke atas Dorongan Dalaman. Hasil kajian pengujian adalah signifikan (koefisien laluan = 0.316, t = 3.053, p <.01). Ini menunjukkan bahawa setiap perubahan di dalam gerak kerja institusi zakat dan tindakan yang diambil oleh kerajaan adalah memberikan kesan perubahan kepada Dorongan Dalaman. Dapatan ini selaras dengan teori gelagat terancang (TPB) yang mendapati bahawa gelagat seseorang adalah bergantung pada latar belakangnya termasuk informasi iaitu pengalaman, ilmu pengetahuan dan pendedahan media.[22] Apabila

---

[17] Zulkifli dan Sanep Ahmad, "Model Gelagat Pematuhan Dan Pengelakan Zakat: Satu Tinjauan Teori" (makalah, Seminar Seventh International Conference – The Tawhidi Epitemology: Zakat and Waqf Economy, Bangi 2010).

[18] Hasan Baharom dan Shahnaz Saidu, "*Kajian Terhadap Faktor yang Mempengaruhi Pembayaran Zakat Perniagaan dalam kalangan Usahawan: Kes Kajian Terengganu"* (makalah, Seminar Ekonomi dan Kewangan Islam, Bangi: 29-30 Ogos 2005).

[19] Mohd. Rahim Kamis, Ariffin Md Salleh dan Abd Samad Nawi, "Compliance Behaviour of Business Zakat Payment in Malaysia: A Theoretical Economic Exposition" (makalah, 8th International Conference on Islamic Economics and Finance, 19-21 Disember 2011, Doha, Qatar).

[20] Halizah Md Arif, Kasumalinda Alwi dan Agoos Munalis Tahir, "Factors Influence Company Towards Zakat Payment: An Explanatory Studies".

[21] Ram Al Jaffri Saad, Ram Al-Jaffri Saad, "*Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Di Negeri Kedah Darulaman*,iii.

[22] Ajzen, Icek, *Attitudes, Personality and Behavior*, 135.

University of Malaya

disesuaikan dengan konteks membuat keputusan di peringkat entiti perniagaan, pembuat keputusan mengambil kira gerak kerja institusi zakat dan tindakan yang diambil oleh kerajaan dalam konteks pengeluaran fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan sebagai pertimbangan dalam membuat keputusan. Dapatan ini menepati konsep rasional proses kognitif membuat keputusan oleh organisasi yang dipelopori oleh Herbert A. Simon.[23]

Manakala dalam konteks hipotesis 6 dan hipotesis 7 iaitu peranan Dorongan Dalaman sebagai mediator, perbincangan telah dibuat di atas melalui perkara 5.1.4 (a) dan 5.1.4 (b) bagi kesan tidak langsung dan jumlah kesan.

6.2.5 Membangunkan Model Pembayaran Zakat Perniagaan Entiti Perniagaan

Semua hubungan yang dinyatakan di atas diilustrasikan di dalam satu model teori hubungan yang diberi nama Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan. Model yang dibangunkan adalah sebagaimana di dalam Rajah 5.4. Pembangunan model ini dilakukan secara konseptual dan kemudiannya diuji secara empirikal menggunakan kaedah analisis faktor (*factor analysis*).[24] Melalui PLS-SEM, penerokaan faktor dijalankan bagi mengenal pasti item dan komponen model. Melalui proses pengujian model, ujian kebolehpercayaan dibuat dengan menilai kesahan dan kebolehsandaran komponen dan konstruk (variabel kajian) dari aspek kebolehsandaran indikator, konsistensi dalaman, kesahan Tumpuan dan kesahan Diskriminan. Hasil kajian menunjukkan model yang dibangunkan mempunyai tahap kesahan dan kebolehterimaan yang memuaskan. Setelah prasyarat ini dipenuhi, maka ujian model berstrukur dijalankan.

Ujian yang dijalankan adalah ujian kolineariti, Ujian Penentu Koefisien (R^2), Ujian Kesesuaian Ramalan (Q^2), Ujian Koefisien Laluan, Ujian Saiz Kesan (f^2) dan Ujian Mediator.

---

[23] Cyert, Richard M. dan March, James G., *A Behavioral Theory of the Firm* . 83-84.
[24] Williams, Brett, Brown, Ted dan Onsman, Andrys "Exploratory Factor Analysis: A Five Step Guide for Novice", *Australian Journal of Paramedicine* 8, no. 3 (2010), 1.

University of Malaya

Ujian paling penting adalah ujian Penentu Koefisien yang dizahirkan di dalam bentuk nilai R^2. Nilai ini memberikan skor terhadap variabel Pembayaran Zakat diterangkan oleh variabel peramal (Peranan Institusi Zakat, Tindakan Kerajaan dan Dorongan Dalaman). Nilai R^2 yang diperolehi bagi Pembayaran Zakat adalah 0.342 yang berada di dalam kategori Purata. Dapatan ini menunjukkan model yang dibangunkan menepati syarat yang ditetapkan sebagaimana yang dinyatakan oleh Henseler, J. R. et al.[25] dan Chin, Whyne W. [26] iaitu nilai R^2 yang melebihi 0.67 adalah dikira Besar, melebihi 0.33 dikira Purata dan 0.19 dan kebawah dikira Lemah. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor Peranan Institusi Zakat, Dorongan Dalaman dan Tindakan kerajaan secara bersama menyumbang sebanyak 34.2% ke arah perubahan kecenderungan untuk membuat keputusan membayar zakat. Bagi kajian psikologi nilai R^2 biasanya berada di dalam 20% kerana gelagat manusia adalah sesuatu yang sukar untuk diramal berbanding proses fizikal.[27]

Kekuatan model juga bergantung pada nilai koefesien laluan. Nilai 0.2 dan ke atas boleh dikira sebagai Banyak (*substantial*) dan nilai 0.3 dan ke atas adalah dikategori Ideal[28] bagi model psikologi sebagaimana model ini. Merujuk kepada Rajah 5.4, nilai koefisien bagi ketiga-tiga laluan di antara variabel tidak bersandar dengan Pembayaran zakat semuanya menunjukkan nilai yang kukuh iaitu 0.435 bagi Dorongan Dalaman, 0.357 bagi Tindakan Kerajaan dan 0.243 bagi Peranan Institusi Zakat. Koefisien laluan paling tinggi yang

---

[25] Henseler, Jo¨rg, Ringle, Christian M. dan Sinkovics, Rudolf R., "The Use of Partial Least Squares Path Modeling in International Marketing", *New Challenges to International Marketing Advances* 20 (2009), 303.

[26] Chin, Whyne W., "The Partial Least Squares Approach to Structural Equation Modeling", dalam *Modern Methods for Business Research*, ed. G. A. Marcoulides (Mahwah, NJ: Lawrence Erlbaum Associates, 1998), 323.

[27] Onditi, Arvinlucy A., "Relationship Between Customer Personality, Service Features and Customer Loyalty in the Banking Sector: A Survey of Banks in Homabay County, Kenya", *International Journal of Business and Social Science* 4, no. 15 (2013), 146.

[28] Lowry, Paul Benjamin dan Gaskin, James, "Partial Least Squares (PLS) Structural Equation Modelling (SEM) For Building and Testing Behavioral Causal Theory: When to Choose It and How to Use It", *IEEE Transactions on Professional Communication* 57, no. 2 (2014), 140.

University of Malaya

mendorong pembayaran zakat adalah Dorongan Dalaman dengan nilai 0.435 berbanding variabel Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan. Dapatan ini menunjukkan bahawa faktor dalaman di dalam sesebuah entiti perniagaan merupakan faktor utama yang mendorong pembayaran zakat berbanding faktor luaran iaitu faktor Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan. Oleh itu, strategi pemasaran yang dibuat oleh institusi zakat amat perlu memberikan tumpuan kepada bagi faktor ini.

Dorongan Dalaman pada yang sama merupakan variabel bersandar kedua dalam model ini. Nilai R^2 bagi Dorongan Dalaman yang diterangkan oleh variabel peramal (tidak bersandar) iaitu Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan adalah 0.351. Skor ini juga berada di dalam kategori "purata" dan ini memberikan petanda bahawa Peranan Institusi Zakat dan Tindakan Kerajaan merupakan peramal yang baik terhadap Dorongan Dalaman dengan kedua variabel tidak bersandar ini secara bersama menerangkan terhadap perubahan Dorongan Dalaman pada kadar 35.1%. Nilai koefisien laluan bagi kedua variabel tidak bersandar ini menunjukkan nilai yang kukuh dan berada di dalam kategori yang ideal bagi sesuatu model iaitu melebihi 0.3. Peranan Institusi Zakat mempunyai nilai koefisien lalun yang lebih tinggi (0.386) berbanding Tindakan Kerajaan (0.316). Ini menunjukkan bahawa Peranan Institusi Zakat mempunyai kesan yang lebih tinggi terhadap perubahan di dalam Dorongan Dalaman.

Model ini turut diukur dari aspek kesesuaian ramalan (*predective relevance*) dengan mengambil nilai Q^2. Ia juga dikenali dengan nama Q Stone-Geisser bersempena nama perintis teknik ini.[29] Melalui kaedah PLS-SEM, nilai Q^2 diperolehi melalui kaedah *blindfolding*[30] dan jika nilai Q^2 lebih besar dari kosong ia menunjukkan variabel tidak

---

[29] Stone, M., "Cross-Validatory Choice and Assessment of Statistical Predictions", *Journal of the Royal Statistical Society - Series B (Methodological)* 36, no. 2 (1974), 111-147.

[30] Hair, Joe F. et al., *The Essentials of Business Research Methods* ed.ke-3 (New York: Routledge, 2015), 450.

University of Malaya

bersandar adalah sesuai untuk membuat ramalan terhadap variabel bersandar. Nilai minimum yang diperlukan oleh Q^2 adalah >1.[31] Q^2 yang mempunyai nilai 0.02, 0.15, dan 0.35 menunjukkan bahawa variabel tidak bersandar mempunyai kesesuaian ramalan yang Kecil, Medium dan Besar terhadap variabel bersandar.[32] Hasil ujian ini mendapati tahap ramalan model ini adalah baik kerana nilai Q^2 bagi Pembayaran Zakat adalah 0.177 dan 0.213 bagi Dorongan Dalaman dan ia melebihi nilai Medium. Dapatan ini menyokong dapatan nilai R^2 terhadap kebolehterimaan model ini.

Ujian Saiz Kesan (f^2) berbeza dengan ujian signifikan kerana ujian Saiz Kesan bertujuan untuk melihat interpretasi keputusan sesuatu kajian dan membuat perbandingan keputusan tersebut dengan kajian yang lain. Nilai ini menunjukkan tahap signifikan yang praktikal (*practical significance*) dalam sesuatu keputusan ujian kuantitatif.[33] Selain itu, ia juga dapat menunjukkan setakat mana variabel peramal menyumbang kepada R^2. Ia dibuat dengan mengukur kesan variabel peramal.[34] Nilai f^2 0.02 dikira Kecil, 0.15 dikira Medium dan nilai 0.35 adalah Besar. Kesan peramalan oleh Peranan Institusi Zakat terhadap Dorongan Dalaman (0.186), Tindakan Kerajaan terhadap Dorongan Dalaman (0.126) dan Dorongan Dalaman terhadap Pembayaran Zakat (0.164) adalah berada di dalam kategori Moderat. Manakala bagi hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat (0.032) dan Tindakan Kerajaan terhadap Pembayaran Zakat (0.08) adalah Kecil. Penemuan ini mengukuhkan lagi dapatan kajian ini terhadap kekuatan pengaruh Dorongan Dalaman dalam model yang dibangunkan. Kekuatan faktor Dorongan Dalaman ini dalam mempengaruhi kecenderungan membayar zakat adalah sesuatu pasti kerana berdasarkan

---

[31] Chin, Whyne W., "The Partial Least Squares Approach to Structural Equation Modeling", 318.

[32] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*), 184.

[33] Kotrlik, Joe W., Williams, A. dan Jabor, M. Khata "Reporting and Interpreting Effect Size in Quantitative Agricultural Education Research", *Journal of Agricultural Education* 52, no. 1 (2011), 132-142.

[34] Hair, Joseph F et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM)*), 198

University of Malaya

kepada banyak kajian yang lalu faktor dalaman adalah juga dapatan utama. Penemuan yang lain adalah gerak kerja Institusi Zakat dan tindakan Kerajaan memberi kesan yang lebih besar terhadap Dorongan Dalaman berbanding kesan terhadap Pembayaran Zakat.

Variabel Dorongan Dalaman juga merupakan variabel mediator dalam Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan. Kelebihan variabel Dorongan Dalaman telah dibuktikan dari pelbagai sudut dalam pengujian sebelum ini. Dapatan kajian ini membuktikan hubungan Peranan Institusi Zakat dengan Pembayaran Zakat dihubungkan oleh variabel Dorongan Dalaman secara signifikan melalui ujian hubungan tidak langsung dan peranan mediator yang dimainkan oleh Dorongan Dalaman adalah mediasi penuh. Oleh itu, setiap usaha dan gerak kerja yang dijalankan oleh institusi zakat perlu melalui Dorongan Dalaman.

Bagi hubungan Tindakan Kerajaan dengan Pembayaran Zakat, peranan Dorongan Dalaman adalah sebagai mediator sebahagian. Ini bermakna tindakan kerajaan terutama fatwa, insentif cukai dan penguatkuasaan memberi kesan langsung dan kesan tidak langsung melalui Dorongan Dalaman terhadap pembayaran zakat. Justifikasi kepada hasil dapatan kajian ini adalah kecenderungan membayar zakat boleh terjadi tanpa perlu adanya kefahaman terhadap kewajipan berzakat. Dalam konteks kesan fatwa, menerusi kajian kualitatif syarikat menerima keputusan fatwa sebagai satu ketetapan yang perlu dipatuhi tanpa banyak pertikaian begitu juga dengan jika ada undang-undang menguatkuasakan pembayaran zakat. Manakala bagi insentif cukai sama ada dalam bentuk tolakan atau rebat, insentif ini telah cukup kuat untuk mendorong keputusan membayar zakat. Rasional ini juga menzahirkan perbezaan peranan di antara institusi zakat dan tindakan kerajaan.

University of Malaya

6.3 Implikasi Kajian

Perbincangan mengenai implikasi kajian ini dibuat dalam tiga subtajuk iaitu sumbangan kepada teori, sumbangan kepada metodologi dan sumbangan kepada aplikasi.

6.3.1 Sumbangan Kepada Teori

Bagi membangunkan kerangka konseptual, kajian ini memberikan tumpuan kepada lima dimensi iaitu pembayaran zakat sebagai satu ibadah, teori gelagat individu, teori gelagat organisasi, teori gelagat kepatuhan membayar zakat dan maklumat lain yang berkaitan dengan zakat dan zakat perniagaan. Selepas membuat penganalisisan terhadap teori-teori yang ada sebagaimana dinyatakan di dalam Jadual 1.4, penyelidik mendapati kajian mengenai gelagat kepatuhan zakat oleh individu banyak dibicarakan tetapi gelagat kepatuhan zakat oleh entiti perniagaan sangat kurang dibincangkan. Bagi merungkai persoalan ini, gelagat entiti perniagaan melalui segmen PLC dipilih sebagai subjek kajian. Hasil kajian literatur menunjukkan bahawa gelagat organisasi ditentukan oleh pihak pengurusan[35] dan kajian ini mengambil pembuat keputusan di entiti pernigaaan sebagai objek kajian dan unit untuk dianalisis. Menyedari kekeliruan yang mungkin timbul sama ada kajian ini memilih entiti perniagaan atau individu yang membuat keputusan, untuk penegasan ianya rangkuman kedua-duanya. Kecenderungan individu yang membuat keputusan adalah juga kecenderungan organisasi[36] entiti perniagaan. Lantaran itu kajian amat berhati-hati dalam membangunkan seluruh aspek kajian terutama dalam pembangunan instrumen kajian bagi memastikan elemen kedua-duanya diambil kira dalam setiap sesi. Di dalam setiap koresponden kepada syarikat sama ada surat, emel dan temu bual keadaan ini dijelaskan seperti frasa ini “We are pleased to inform you that you and your organisation has been

[35] Robbins, Stephen P. dan Judge, Timothy A., *Organizational Behavior*, ed.ke-15 (New Jersey: Pearson, 2013), 6.
[36] *Ibid.*

University of Malaya

selected as respondent for the above mentioned interview done by a PhD student from University of Malaya". Oleh itu, walaupun seseorang individu yang memberikan maklum balas tetapi sentiasa di dalam konteks mereka sebagai pembuat keputusan di dalam syarikat. Borang soal selidik kajian adalah sebagaimana di Lampiran E. Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada teori faktor pembayaran zakat oleh entiti perniagaan.

Sumbangan kedua kajian ini dalam konteks teori faktor pembayaran zakat ialah teori ini dibuat secara menyeluruh dan komprehensif dengan mengambil kira semua faktor, komponen, item atau elemen yang mungkin boleh mempengaruhi atau menentukan kecenderungan membayar zakat dan merumuskan kesemuanya di dalam satu model. Ia bermula daripada pembangunan teori konseptual, soal selidik dan temu bual. Berbanding kajian lalu yang memilih kaedah pengkhususuan atau pemboleh ubah terpilih dalam menentukan faktor yang mempengaruhi pembayaran zakat. Ini dibuktikan dengan model ini mempunyai empat variabel utama dan disokong oleh 16 komponen.

Sumbangan ketiga kajian ini adalah, kajian ini memanfaatkan PLS-SEM bagi mengenal pasti faktor yang mendorong pembayaran zakat melalui model berhierarki (*hierarchical model*) yang mempunyai dua peringkat dan analisis mediator yang dirangkumkan menjadi Model Faktor Pembayaran Zakat Entiti Perniagaan. Model ini telah diuji dari pelbagai dimensi termasuk kesan langsung, kesan tidak langsung dan jumlah kesan dalam mengukur kesan faktor yang dikenal pasti terhadap pembayaran zakat. Kajian ini telah berjaya memberi sumbangan dalam memperkayakan lagi khazanah ilmu dalam pembangunan teori mengenai faktor yang mendorong kepada pembayaran zakat.

6.3.2 Sumbangan kepada Metodologi Kajian

Analisis mediator kajian ini dibuat tanpa menggunakan teori asal konsep mediator yang digunakan oleh pelopor konsep ini iaitu Reuben M. Baron dan David A. Kenny yang lebih

University of Malaya

dikenali dengan nama Baron dan Kenny.[37] Menurut mereka kriteria asas untuk mewujudkan konsep mediator adalah hubungan di antara kedua variabel bersandar dan tidak bersandar hendaklah signifikan. Apabila hubungan variabel bersandar dan tidak bersandar tidak signifikan maka tiada kesan mediator[38] dan pandangan atau prinsip ini diguna pakai dan diamalkan secara meluas.[39] Namun begitu, pandangan terbaru oleh Preacher dan Hayes[40] mengenai konsep mediator, hubungan antara variabel bersandar dan tidak bersandar tidak semestinya signifikan dalam mewujudkan kesan tidak langsung (mediator). Keperluan yang diperlukan adalah hubungan di antara variabel tidak bersandar dengan mediator dan hubungan mediator dan variabel bersandar hendaklah signifikan. Pandangan Preacher dan Hayes ini makin banyak digunakan seperti oleh Xinshu Zhao et al.[41] dan Derek D. Rucker et al..[42] Walaupun Joseph F. Hair masih menggunakan pendekatan Baron and Kenny[43] tetapi beliau mencadangkan untuk merujuk kepada Preacher dan Hayes dalam menguji kesan mediator.[44]

Sumbangan kajian ini adalah mengukuhkan penemuan baru dalam metodologi penentuan kesan tidak langsung dalam konteks mediator dengan membuktikan bahawa bagi menjalankan ujian mediator, hubungan kedua variabel tidak semestinya signifikan. Kajian

---

[37] Baron, Reuben M. dan Kenny, David A., "The Moderator-Mediator Variable Distinction in Social Psychological Research: Conceptual, Strategic and Statistical Considerations", *Journal of Personality and Social Psycology* 51, no. 6 (1986), 1173-1183.

[38] *Ibid.*, 1176.

[39] Rucker, Derek D et al., "Mediation Analysis in Social Psycology: Current Practices and New Recommendations, Social an Psycology Compass" 5, no. 6 (2011), 359.

[40] Preacher, Kristopher J. dan Hayes, Andrew F., " SPSS and SAS Procedures For Estimating Indirect Effects In Simple Mediation Models", *Behavior Research Methods, Instruments, & Computers* 36, no. 4 (2004), 717-731.

[41] Zhao, Xinshu, Lynch, John G. Jr.dan Chen, Qimei, "Reconsidering Baron and Kenny: Myths and Truths about Mediation Analysis" *Journal of Consumer Research* 37, no. 2 (2010), 204.

[42] Rucker, Derek D et al., "Mediation Analysis in Social Psycology: Current Practices and New Recommendations, Social an Psycology Compass, 359 -371.

[43] Hair, Joseph H. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structutal Equation Modeling (PLS-SEM)*, 224.

[44] *Ibid.*, 223.

University of Malaya

ini membuktikan bahawa kesan mediator variabel Dorongan Dalaman adalah wujud dan signifikan dalam hubungan di antara Peranan Institusi Zakat (variabel tidak bersandar) dengan Pembayaran Zakat (Variabel bersandar).

Kajian ini juga memperkenalkan model pembayaran zakat dalam bentuk model berhierarki iaitu model hubungan yang mempunyai dua peringkat di mana peringkat pertama adalah hubungan di antara item di dalam soal selidik dengan komponen. Manakala peringkat kedua adalah di antara komponen dengan variabel. Berdasarkan kepada 25 kajian yang menjadi rujukan kajian ini, terdapat satu kajian oleh Ram Al Jaffri Saad[45] yang menggunakan model dua peringkat seumpama kajian ini tetapi kajian ini menggunakan kovarians SEM / Covarience Based SEM (CB-SEM)[46] berbanding kajian ini menggunakan PLS-SEM. Oleh itu, kajian ini memberi sumbangan dalam konteks memperluaskan kepelbagaian metod dalam menentukan faktor pembayaran zakat.

Kajian ini memperkenalkan kaedah tersendiri dalam menentukan potensi kutipan zakat melalui kaedah semakan langsung ke atas setiap unit di dalam skop kajian. Melalui kajian kuantitatif fasa 1 iaitu pengumpulan data sekunder, kajian ini telah membuat capaian terhadap semua laporan tahunan PLC (tertakluk kepada kebolehcapaian maklumat) sebanyak 811 daripada 817 laporan tahunan syarikat. Analisis potensi kutipan zakat ini dibuat dengan membuat anggaran kutipan bagi setiap unit satu persatu berbanding pendekatan mendapatkan jumlah potensi dari aspek makro seperti mana kajian yang dibuat oleh Monzer Kahf,[47] Nasim

---

[45] Ram Al Jaffri Saad, Ram Al-Jaffri Saad, "*Gelagat Kepatuhan Zakat Perniagaan Di Negeri Kedah Darulaman* (tesis kedoktoran, Universiti Utara Malaysia 2010), vi.

[46] Hair, Joseph F. et al., *A Primer on Partial Least Squares Structural Equation Modelling (PLS-SEM),* 14.

[47] Monzer Kahf, "The Performance of Zakah Institution in Theory and Practice" (makalah, International Conference On Islamic Economics Towards the 21st Century, Kuala Lumpur: 9 – 12 Ogos 1999).

University of Malaya

Shah Sirazi dan Md Fouad,[48] M. Firdaus et al.,[49] Mohd. Rais Alias[50] dan Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab.[51] Oleh itu, kajian ini menyumbang kepada satu lagi kaedah membuat anggaran potensi kutipan zakat melalui pendekatan secara mikro iaitu dengan melihat setiap unit di dalam populasi.

Lanjutan daripada perbincangan mengenai potensi kutipan, kajian ini turut memperkenalkan istilah baru iaitu Jurang Kutipan Zakat dengan mengadaptasi konsep jurang cukai yang diperolehi melalui perbezaan di antara potensi penuh hasil cukai yang sepatutnya dibayar kepada negara dan jumlah kutipan cukai sebenar yang dipungut.[52] Jika tujuan jurang cukai dibuat adalah bagi mengukur prestasi pencapaian kutipan cukai, maka tujuan kajian ini mendapatkan Jurang Kutipan Kutipan Zakat adalah juga bagi mengukur prestasi pencapaian kutipan dalam skop yang dikaji. Institusi zakat di Malaysia kini membuat analisis pencapaian dalam bentuk pembentangan statistik kutipan dan bilangan pembayar zakat dengan menunjukkan trend peningkatan setiap tahun. Amalan sedia ada adalah satu pendekatan yang baik tetapi tidak dapat memberi gambaran sebenar terhadap pencapaian berbanding potensi yang sepatutnya diperolehi. Metod Jurang Kutipan Zakat boleh dipertimbangkan sebagai satu lagi kaedah mengukur prestasi kutipan zakat sedia ada.

University of Malaya

---

[48] Nasim Shah Sirazi dan Md Fouad, "Prospects Elimination Through Potential Zakat Collection in OIC-member Countries: Reappraised", *Journal of Islamic Economics, Banking and Finance* 6 no. 3 (2010), 55.

[49] Muhammad Firdaus, Irfan Syauqi Beik, Tonny Irawan dan Bambang Juanda "Economic Estimation and Determinations of Zakat Potential in Indonesia" (IRTI Working Paper Series, Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah, 2012), 65.

[50] Mohd. Rais Haji Alias, "Business zakat: Compliance and Practices in Federal Territory" (Makalah National Business Zakat Symposium 2013, 17 September 2013, Kuala Lumpur), 15.

[51] Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab, "Pengurusan Zakat di Negeri Selangor: Isu dan Cabaran", Prosiding Konvensyen Kebangsaan Perancangan & Pengurusan Harta dalam Islam, UKM, Julai 2010.

[52] P. Shome, "The Control of Tax Evasion and the Role of Tax Administration", dalam *Tax Systems and Tax Reforms in South and East Asia*, ed. L Bernardi *et al*. (New York: Routledge, 2006), 40.

6.3.3 Sumbangan kepada aplikasi

Gagasan utama kajian ini dengan mengambil "faktor yang mempengaruhi", "zakat perniagaan" dan "syarikat tersenarai awam" sebagai fokus kajian adalah untuk menyumbang kepada usaha melestarikan ummah melalui pemerkasaan pengurusan institusi zakat di Malaysia. Oleh itu, impak sebenar kajian ini adalah dalam bentuk sumbangan yang boleh diaplikasikan sebagaimana perbincangan selanjutnya.

6.3.3(a) Pemilikan Muslim

Menerusi analisis pemilikan muslim yang dibuat terhadap setiap syarikat patuh syariah yang merangkumi Pasaran Utama dan Pasaran ACE, sebanyak 69 syarikat (9.51%) mempunyai pemilikan muslim melebihi 50% manakala 49 syarikat (6.04%) mempunyai pemilikan 30-49% muslim. Ini menjadikan syarikat yang layak membayar zakat perniagaan adalah sebanyak 118 syarikat (14.55%). Majoriti PLC iaitu 515 syarikat (21.95%) berada di dalam kategori pemilikan muslim 1-29%. Manakala baki iaitu sebanyak 178 syarikat (20.71%) tidak mempunyai sebarang pemilikan muslim. Dapatan ini menunjukkan sebenarnya majoriti PLC iaitu 793 syarikat (83.54%) berada di dalam kategori pemilikan bukan muslim.

Hasil dapatan ini menunjukkan bahawa golongan bumiputera yang majoriti adalah beragama Islam masih ketinggalan dalam bidang ekonomi walaupun Malaysia telah melancarkan program Dasar Ekonomi Baru (DEB) sejak tahun 1971 sebagai langkah meningkatkan pemerkasaan bumiputera. Dasar ini berterusan hingga kini dengan inisiatif terbaru adalah melalui Agenda Pemerkasaan Ekonomi Bumiputera yang baru dilancarkan pada 14 September 2013.[53] Dapatan kajian ini juga menunjukkan bahawa usaha memperkasa ekonomi bumiputera tidak boleh dihentikan dan perlu dipergiatkan kerana golongan

[53] *Kad Laporan Pemerkasaan Ekonomi Bumiputra 2014,* Jabatan Perdana Menteri: Unit Peneraju Agenda Bumiputra (Teraju), 2.

University of Malaya

bumiputera yang merangkumi 67.9%[54] masih ketinggalan berbanding bangsa lain. Walaupun pelaporan rasmi yang dibuat oleh pihak berwajib menunujukkan peningkatan dari pelbagai aspek,[55] tetapi prestasi pencapaian yang dilaporkan tidak membuat perbandingan prestasi bangsa lain. Oleh itu, pihak berwajib perlu merangka strategi lebih serius untuk memperkasakan ekonomi bumiputera dan umat Islam di Malaysia.

Oleh kerana kajian ini dibuat secara keratan rentas, maka trend pemilikan ini berkurangan atau sebaliknya tidak dapat dipastikan. Namun realitinya, jika trend ini dibiarkan dan tiada intervensi ampuh dilaksanakan di peringkat makro negara, dikhuatiri jika kajian yang sama dijalankan di masa akan datang peratusan ini akan berkurangan dan terus berkurangan. Ini juga bermakna umat Islam di Malaysia adalah ketinggalan dan terus ketinggalan dalam bidang ekonomi.

6.3.3(b) Potensi Kutipan Zakat

Kajian ini turut berjaya menganggar jumlah kutipan zakat yang maksimum melalui segmen PLC dengan jumlah keseluruhan adalah RM291.5 juta yang diperolehi daripada 91 buah syarikat dengan purata potensi kutipan adalah sebanyak RM3.2 juta bagi satu syarikat. Ini memberikan satu petunjuk bahawa PLC adalah “lubuk emas” kepada kutipan zakat kerana kapasiti pembayaran zakat oleh korporat adalah melebihi RM3 juta bagi setiap syarikat. Oleh kerana kajian ini dibuat dalam bentuk keratan rentas, hasil kajian ini menunjukkan dapatan pada satu-satu masa iaitu semasa kajian dijalankan. Jika angka ini dikira sebagai jumlah tahunan maka, ini bermakna potensi RM291.5 juta ini adalah potensi tahunan dan jika ia dijumlahkan bagi tempoh 10 tahun maka potensi kutipan zakat di Malaysia melalui segmen PLC adalah berjumlah RM 2.9 bilion!

---

[54] *Ibid.*, 1.
[55] *Ibid.*, 3.

University of Malaya

Petunjuk kedua adalah peluang potensi kutipan zakat di anak-anak syarikat PLC. Sebahagian PLC biasanya adalah syarikat induk atau syarikat yang memegang saham (*holding company*) yang mempunyai banyak anak syarikat yang menjalankan pelbagai operasi perniagaan. Maklumat anak-anak syarikat ini dapat dilihat di dalam struktur korporat syarikat di dalam Laporan Tahunan. Jika jumlah potensi kutipan zakat di PLC sahaja telah berjumlah RM291.5 juta, bagaimana pula bagi anak-anak syarikat PLC yang juga sebenarnya tertakluk kepada pembayaran zakat? Oleh itu, penggembelingan usaha yang padu sama ada oleh institusi zakat, Suruhanjaya Sekuriti Malaysia, Bursa Malaysia, Bank Negara, Kementerian Kewangan dan lain-lain pihak diperlukan bagi menggarap potensi ini.

6.3.3(c) Jurang Kutipan Zakat

Analisis Jurang Kutipan Zakat yang dihasilkan adalah lanjutan daripada analisis potensi kutipan dan analisis pembayaran zakat. Daripada 91 buah syarikat yang layak membayar zakat, hanya 15 buah syarikat sahaja yang membayar pada satu-satu tahun dengan jumlah sebanyak RM 76.8 juta. Perbezaan di antara jumlah pembayaran zakat dengan potensi kutipan ini menghasilkan jumlah Jurang Kutipan Zakat yang berjumlah RM214.6 juta setahun (74%). Daripada 91 syarikat yang layak membayar zakat, hanya 15 syarikat (16.5%) adalah patuh. Apabila dibuat perbandingan dengan jurang cukai yang diperoleh di Britain iaitu kadar jurang adalah pada 7.0 hingga 7.1%. Semestinya kadar jurang kutipan zakat ini tidak boleh dibandingkan dengan kadar jurang cukai kerana kekuatan kutipan cukai adalah pada penguatkuasaan. Namun apa yang boleh diambil melalui analisis ini adalah satu petunjuk yang menunjukkan ruang untuk meningkatkan kutipan zakat masih sangat luas yang boleh diusahakan.

6.3.3(d) Gerak Kerja Institusi Zakat

Berikut adalah cadangan kajian ini bagi membantu gerak kerja institusi zakat:-

University of Malaya

i. Pelan Tindakan Pemasaran Zakat Untuk PLC

Institusi zakat perlu merangka satu gerak kerja khusus bagi segmen PLC. Gerak kerja ini merangkumi satu pelan (*blue print*) dalam bentuk strategi yang mengariskan langkah demi langkah supaya satu demi satu PLC akhirnya dapat dijinakkan dan seterusnya membayar zakat. Institusi zakat boleh memberi penumpuan kepada syarikat yang mempunyai pemilikan muslim yang lebih tinggi iaitu melebihi 50%. Terdapat 69 syarikat berada di dalam kategori ini dan kumpulan sasar ini yang perlu didahulukan.

ii. Strategi Memenangi ALP

Institusi zakat dicadangkan untuk menjadikan para pembuat keputusan terutama ALP PLC sebagai kumpulan sasar yang perlu didekati secara khusus dengan memberikan pelbagai maklumat mengenai kewajipan membayar zakat, pelaksanaan urus tadbir yang diimplimentasikan oleh institusi zakat dan program agihan yang dilaksanakan supaya mereka yakin kepada institusi zakat. Merujuk kepada Teori Gelagat Terancang, gelagat seseorang itu adalah dipengaruhi oleh tiga elemen iaitu gelagat kepercayaan, norma kepercayaan dan kawalan kepercayaan. Faktor yang menentukan kepercayaan ini adalah pelbagai faktor latar belakang termasuk ilmu, pengalaman dan pendedahan media. Jika institusi zakat berjaya memastikan mesej zakat sampai kepada elemen ini, kepercayaan seseorang itu boleh berubah dan kecenderungan membayar zakat dapat direalisasikan.

iii. Gerakan Mengangkat Suara Institusi Zakat

Usaha mengangkat suara institusi zakat juga bermakna usaha mengangkat martabat institusi zakat. Institusi Zakat perlu bijak mengatur strategi memposisikan peranan institusi zakat supaya pihak kerajaan khususnya dapat melihat institusi zakat adalah bersatu, melaksanakan tugasan dengan cemerlang dan mempunyai satu gerak kerja yang menyeluruh (*Grand Design*) dalam usaha meningkatkan tahap kualiti hidup rakyat. Suara besar ini amat

University of Malaya

diperlukan supaya pihak kerajaan akan berpihak kepada institusi zakat dalam membangunkan apa-apa dasar dan polisi negara sama ada dari aspek dasar fiskal (*fiscal policy*), dasar kewangan (*monetary policy*) atau lain-lain dasar.

iv. Persediaan Beroperasi Dalam Skala Kutipan Zakat Yang Lebih Besar

Memandangkan potensi kutipan yang masih besar (berdasarkan kepada potensi dari segmen PLC), institusi zakat perlu menyiapkan diri untuk beroperasi pada skala yang lebih besar supaya tahap kecekapan yang optimum akan dapat direalisasikan. Aspek utama yang perlu diperkasakan adalah dari aspek penggunaan teknologi maklumat, pengurusan kewangan, pengurusan sumber manusia dan urus tadbir yang baik.

v. Program Pendidikan Awal

Bagi strategi jangka panjang, institusi zakat perlu melaksanakan program pendidikan awal terhadap kesedaran membayar zakat dan zakat perniagaan iaitu bermula dari bangku sekolah dan pusat pengajian tinggi. Pendidikan awal ini tidak terhad kepada mata pelajaran agama tetapi boleh diperluaskan kepada mata pelajaran lain seperti perakaunan, kewangan dan pengajian perniagaan di mana subjek pengiraan zakat boleh dijadikan salah satu subtopik bagi subjek-sibjek yang bersesuaian.

vi. Gerak Kerja Sesama Institusi Zakat

Walaupun dalam kajian ini menunjukkan ibu pejabat PLC adalah berpusat di Selangor dan Wilayah Persekutuan (93.2%) tetapi realitinya mereka beroperasi di seluruh negara. Gerak kerja bersama sesama institusi zakat akan dapat banyak membantu meningkatkan penyaluran maklumat kepada syarikat dan mereka mendapat maklumat mengenai pembayaran zakat dari pelbagai negeri. Ini secara langsung dapat menggiatkan lagi dakwah zakat sampai kepada syarikat-syarikat.

University of Malaya

vii. Memanfaatkan Media Utama dan Media Sosial

Institusi zakat perlu memanfaatkan media utama dan media sosial dalam usaha menyampaikan mesej zakat dan meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap institusi zakat. Media memainkan peranan yang besar dalam mempengaruhi minda orang ramai dan ia merupakan ejen yang baik untuk mengubah persepsi seseorang. Melalui gerak kerja yang terancang, persepsi masyarakat terhadap pembayaran zakat dan zakat perniagaan boleh diubah dan kutipan zakat akan dapat ditingkatkan.

6.3.3(e) Penyediaan Perkhidmatan

Elemen perkhidmatan merupakan salah satu indikator dalam membina konstruk Peranan Institusi Zakat. Sesuatu yang menarik melalui kajian kualitatif adalah penemuan perkhidmatan agihan semula yang ditawarkan kepada syarikat menjadi salah satu pendorong utama. Melalui kaedah ini, syarikat yang membayar zakat boleh memohon untuk mengagihkan sebanyak 3/8 maksimum daripada jumlah zakat yang dibayar. Ini merupakan satu peluang yang boleh direbut bagi mewujudkan suasana menang-menang terutama kerana pembayaran zakat kini tidak mendapat rebat sebagaimana individu dan tolakan cukai yang ada kini masih minima. Selain itu, institusi zakat perlu memastikan pengagihan semula kepada syarikat dapat dibuat dengan cekap dan pemantauan terhadap syarikat perlu dilakukan bagi memastian syarikat benar-benar mengagihkannya kepada golongan asnaf yang layak

6.3.3(f) Fatwa

Kewujudan fatwa adalah sesuatu yang memberi impak kepada kecenderungan membayar zakat. Ia dibuktikan melalui kajian konseptual, kuantitatif dan kualitatif. Oleh itu, usaha memantapkan lagi fatwa mengenai zakat perniagaan perlu dibuat. Perincian kepada fatwa boleh dilakukan dengan mencari ruang-ruang yang masih belum diperincikan. Oleh sebab sebahagian besar syarikat berada di dalam negeri Selangor dan Kuala Lumpur, institusi fatwa

University of Malaya

yang diuruskan oleh Pejabat Mufti masing-masing boleh berperanan lebih aktif dalam konteks ini. Selain itu, berdasarkan temu bual, terdapat responden yang tidak mengetahui kewujudan fatwa yang sedia ada. Ini juga memberikan petunjuk bahawa maklumat mengenai fatwa perlu lebih ditekankan untuk disampai kepada para pembuat makluman terhadap fatwa yang sedia ada juga jika ada keputusan fatwa yang baru.

6.4 Cadangan Kajian Masa Hadapan

Lanjutan daripada hasil penemuan kajian ini, terdapat beberapa ruang penyelidikan yang boleh dikaji berkaitan subjek kajian dan kesinambungan kajian.

6.4.1 Subjek Kajian

Menyedari potensi kutipan zakat terhadap PLC ini adalah begitu besar, kajian khusus boleh dibuat terhadap syarikat yang belum membayar zakat pula. Ini adalah kerana skop kajian ini fokus kepada PLC yang membayar zakat sedangkan syarikat yang membayar zakat hanya 24% daripada populasi sebenar. Kajian yang akan datang boleh memanfaatkan senarai PLC milik muslim yang diperolehi hasil kajian ini. Hasil kajian kelak dapat mencungkil faktor yang tidak mendorong mereka membayar zakat.

Kajian terhadap mengkaji gelagat entiti perniagaan amat perlu diperluaskan kerana kajian yang mengkaji gelagat entiti adalah masih kurang sedangkan potensi kutipan yang boleh diraih adalah begitu besar. Jika lebih banyak kajian yang dijalankan mengenai entiti perniagaan, secara langsung ia boleh menjadi penggerak kepada usaha memaksimumkan potensi kutipan dalam segmen yang lumayan iaitu entiti perniagaan.

6.4.2 Kesinambungan Kajian

Bagi kajian kuantitatif fasa 1 iaitu kajian menggunakan data sekunder, ia dibuat secara keratan rentas dan semua dapatan yang diperolehi adalah menggambarkan ketika kajian

University of Malaya

dibuat. Oleh itu, analisis trend tidak dapat dilakukan sama ada menaik atau sebaliknya. Kajian ini mencadangkan supaya kajian yang sama dibuat bagi satu jangka masa yang akan datang supaya analisis perbandingan prestasi PLC dalam konteks kepatuhan membayar zakat dapat dibuat. Melalui perbandingan ini juga pencapaian PLC terutama dalam konteks pemilikan muslim, kepatuhan zakat, potensi kutipan dan jurang kutipan dapat diketahui.

Walaupun, model kajian ini dibangunkan melalui satu proses ujian yang rapi (*rigorous*) sebagaimana yang dibincangkan di bab 3 dan bab 4, tetapi ia adalah berdasarkan kepada data set yang diperolehi melalui kaji selidik kajian ini. Persoalannya adalah jika kajian yang sama dibuat ke atas kelompok populasi yang berbeza, adakah dapatan kajian adalah sama ada dan konsisten dengan kajian atau sebaliknya. Hasil kajian ini kelak dapat memperbaiki model ini agar lebih sesuai untuk digunakan kepada pelbagai kelompok populasi.

6.5 Rumusan

Pada keseluruhannya kajian yang dijalankan ini telah berjaya memberikan sumbangan ilmu dan maklumat dalam konteks senario pembayaran zakat oleh PLC. Kajian ini berjaya mengenal pasti ruang dan peluang yang perlu digarap bagi memperkasa kutipan zakat perniagaan melalui entiti perniagaan.

Kajian ini juga berjaya mengenal pasti faktor-faktor yang boleh mendorong pembuat keputusan di dalam entiti perniagaan untuk menunaikan zakat. Penemuan ini semuanya berasaskan kepada data empirikal yang didapatkan khusus bagi menjalankan kajian ini. Melalui teknik penganalisaan data yang rapi, data empirikal yang diperolehi dari tiga dimensi iaitu data sekunder, data soal selidik dan data temu bual diproses dan diuji bagi menghasilkan pelbagai penemuan penting yang telah digariskan secara terperinci di dalam kajian ini.

University of Malaya

Adalah menjadi harapan supaya kajian ini bukan sahaja dapat menyumbang kepada penerokaan dan pengkayaan ilmu, tetapi apa yang lebih diharapkan dapatan kajian ini boleh dikongsikan dan diterjemahkan dalam bentuk aplikasi gerak kerja oleh mana-mana pihak. Kejayaan sebenar kajian ini adalah ia dapat diaplikasikan supaya natijah memperkasa ummah dapat direalisasikan.

University of Malaya

RUJUKAN

BUKU, JURNAL DAN MAKALAH

Abdullah Ibrahim, Abdul Aziz Abdullah, Mohd. Rizuan Abdul Kadir dan Syed Mohd. Ghazali Wafa Syed Adwam Wafa. "Assessing Financial Reporting on Adopting Business Zakat Guidelines on Malaysian Government Linked Companies" *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 24 (2012), 220-230.

Abdullah Ibrahim, Mohd. Rizuan Abdul Kadir dan Abdul Aziz Abdullah. "Perception of Accounting Practitioners on MASB Tri", *International Journal of Humanities and Social Science* 3, no. 2 (2013), 247-253.

Abdul Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi. "Peluasan Kewajipan Berzakat, Jaminan Sosial dan Desentralisasi Fiskal", dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Penerbitan UKM, 2006), 93-100.

Abdul Ghafar Ismail dan Nur Azura Sanusi. "Metodologi Pengiraan Zakat dan Nilai Syarikat", dalam *Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan"*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Penerbitan UKM, 2006), 257-270.

Abd. Halim Mohd. Noor, Mohamed Saladin Abdul Rasool, Rashidah Abdul Rahman, Rozman Md. Yusof dan Siti Mariam Ali. "Assessing Performance of Nonprofit Organization: A Framework for Zakat Institutions", *British Journal of Economics, Finance and Management Sciences* 5, no. 1 (2012), 12-22.

Abdul Halim Mohamad Nor, Musa Ahmad, Mujaini Tarimin, Hasan Baharom dan Shawal Kaslam. "Prestasi Pengagihan Dana Zakat di Malaysia" di dalam *Isu Kontemporari Zakat di Malaysia* Jilid 1 (Melaka: Institusi Kajian Zakat Malaysia, 2005), 237-259.

Abdul Hamid Abdul Rahim, Norzaini Azman dan Rohaty @ Norhatiah Mohd. Majzub. "Pelajar Generasi Pertama Sebagai Sumber Manusia: Motivasi Dan Aspirasi Melanjutkan Pelajaran Ke Institusi Pengajian Tinggi (IPT)", *Malaysian Journal of Learning and Instruction* 10 (2013), 203-232.

Abdul Rahim Abdul Rahman. "Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat di Malaysia: Satu Analisis." *IKIM Journal* 12, no. 1 (2004), 103-115.

_____. "Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat", dalam *Isu-isu Kontemporari Zakat di Malaysia*, ed. Abdul Halim Mohd. Nor et al. (Melaka: Institut Kajian Zakat Malaysia, 2005), 122.

_____. "Menangani Cabaran Semasa Institusi Zakat di Malaysia", dalam *Isu Kontemporari Zakat di Malaysia*, ed. Abdul Halim Mohd. Noor, Hasan Bahrom, Syahbudin Senin, Abd. Ghafar Baba dan Siti Azirah Abdul Wahab (Shah Alam: Institut Kajian Zakat Malaysia Universiti Institut Teknologi MARA, 2005), 120-136.

University of Malaya

Abdul Rahim Zakaria. “Pengurusan Zakat Kontemporari”, *Jurnal Pengurusan JWZH* 1, no.1 (2007), 13-22.

Abdul Hakim Amir Osman. “Potensi Pembayar dan Kutipan Zakat di Malaysia” (makalah, Persidangan Zakat dan Cukai Kebangsaan 2007, Kuala Lumpur: 22-24 Mei 2007).

Abdul Hamid dan Adnan Trakic. “Critical Appraisal of the Companies’ Obligations to Pay Zakat in the Malaysian Context”, *International Company and Commercial Law Review* 10 (2013), 375-381.

Abu Da’ud Sulayman ibn al-Ash`ath al-Sijistan dan Abd al-Hamid Muhammad Muhyi al-Din. *Sunan Abu Daud* (Beirut: Darul Fikr,tt).

Adel Sarea. “Zakat as Benchmark to Evaluate Economic Growth: An Alternative Approach”, *International Journal of Business and Social Science* 3, no. 18 (2012), 242-245.

Adibah Abdul Wahab. “Kajian Mengenai Zakat” (makalah, Bengkel IkaZ Bersama Industri Siri 6/2010, pada 5 Mac 2010 anjuran Institut Kajian Zakat Malaysia bertempat di Kuala Lumpur.

Ahmad Hidayat Buang. “Dilema Perundangan Zakat di Malaysia: Antara Penguatkuasaan dan Strategi Pujukan/Galakan/Insnetif Membayar Zakat”, dalam *Zakat: Pensyariatan, Perekonomian dan Perundangan*, ed. Abdul Ghafar Ismail dan Hailani Muji Tahir (Bangi: Penerbitan UKM, 2006) 325-336.

Ahmad Mustafa. Al-Marāghy, *Tafsīr Al-Marāghi*, terj Muhammad Thalib, (Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, 2001).

Ahmad Othman dan Sanep Ahmad. “Penilaian Semula Taksiran Zakat Perniagaan Korporat Bagi Menghasilkan Satu Nilai Taksiran Yang Seragam Di Malaysia”, *Journal Syariah* 18, no. 3 (2010), 565-584.

Ahmad Shahir Makhtar dan Adibah Abdul Wahab. “Pengurusan Zakat di Selangor: Isu dan Cabaran” (makalah, Konvensyen Kebangsaan Perancangan dan Pengurusan Harta Dalam Islam anjuran Jabatan Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi, 14 Julai 2010).

Ahmad Shahir Makhtar dan Shofian Ahmad, “Transformasi Pengurusan Zakat di Malaysia” (makalah, International Islamic Development Management Conference (IDMAC) anjuran Universiti Sains Malaysia, 21-22 Disember 2010).

